Diterbitkan oleh :
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus
Terengganu, Malaysia
www.umt.edu.my

Reka bentuk / reka letak dan urus cetak oleh:
Penerbit UMT

Laporan Tahunan Universiti Malaysia Terengganu 2018

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT

Laporan Tahunan
Universiti Malaysia Terengganu
2018

Konsep Reka Bentuk

Lautan menyimpan seribu rahsia yang masih belum terungkai selain menjadi habitat pelbagai spesies hidupan dan tumbuhan marin.

Dari sekecil-kecil plankton hinggalah sebesar-besar ikan paus, makhluk penghuni laut ini memiliki peranan dan fungsi tersendiri dalam mendokong kestabilan ekosistem lautan.

UMT diibaratkan sebagai sebuah ekosistem dengan episod-episod kegemilangan dicorak dan ditempa menerusi usaha gigih setiap warganya.

Khazanah lautan ini turut menjadi subjek penyelidikan UMT dalam meneraju penerokaan ilmu kelautan dan sumber akuatik.

FAKTA DAN ANGKA

Bilangan Staf Mengikut Taraf Jawatan



Staf Pengurusan dan Profesional (Akademik)



Staf Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)



Staf Pengurusan dan Profesional (Akademik Antarabangsa) Mengikut Negara



Staf Pelaksana



Bilangan Program



Bilangan Pelajar Prasiswazah dan Pascasiswazah



JAWATANKUASA LAPORAN TAHUNAN 2018

PENASIHAT



PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR
Naib Canselor

PENGERUSI



PROFESOR TS. DR. NORA'AINI BINTI ALI
Pendaftar

KETUA EDITOR



DATO' PROFESOR DR. NORAIEN BINTI MANSOR
Pengarah, Penerbit UMT

SETIAUSAHA



ENCIK SHAHRUL JAMA BIN OTHMAN
Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Pendaftar

EDITOR



PROFESOR MADYA DR. YUSLIZA BINTI MOHD YUSOFF
Pusat Pengajian Pemuagan dan Pengurusan Maritim

AHLI JAWATANKUASA



PROFESOR IR. DR. NOOR AZUAN BIN ABU OSMAN
Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)



PROFESOR DR. MAZLAN BIN ABD. GHAFFAR
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)



PROFESOR TS. DR. CHE MOHD RUZADDI BIN GHAZALI
Timbalan Naib Canselor (HEPA)



PROFESOR DR. FAUZIAH BINTI HAJI ABU HASAN
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat Dan Jaringan Industri)



PUAN ZAHARA BINTI KEDRI
Bendahari



DR. MOHD NAZLI BIN MOHD NOR
Pengarah, Pusat Transformasi Perancangan Strategik dan Risiko



WAN AB HAFIZ BIN WAN IBRAHIM
Pegawai Khas, Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)



SAYED MOHD TAMIMUDDIN BIN SAYED IBRAHIM
Pegawai Khas, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



PUAN NORHAFIZAH BINTI MOHD SUIB
Ketua Penolong Pendaftar, Pusat Pembangunan Teknikal dan Inovasi



ENCIK MOHD RIDZUAN BIN MAMAT
Penolong Bendahari Kanan, Pejabat Bendahari



PUAN AINI ZAHIDA BINTI DIN
Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Komunikasi Korporat



PUAN SULWANI BINTI ABD. RAHMAN
Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko



ENCIK FAZRUL BIN EN. HASSAN
Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar dan Alumni



ENCIK MUHD NURAZUAR BIN MOHAMMAD RAZMI
Pegawai Penyelidik Sosial, Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri



CIK NUR AAMINAH BINTI AZHAR
Penolong Pendaftar, Pusat Komunikasi Korporat



ENCIK MOHD AFFULLAH BIN AHMAD
Pegawai Penerbitan, Penerbit UMT



ENCIK MOHD FADLI BIN ABDULLAH
Pereka, Penerbit UMT



ENCIK MOHD HASRUL BIN AWANG MUNI
Pereka, Pusat Komunikasi Korporat

Sekalung Budi:
Media Kreatif Pusat Komunikasi Korporat
Penerbit UMT

URUSETIA



SARIYANTI BINTI SALLEH
Pembantu Tadbir P/O, Pejabat Pendaftar



Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Pusat Pengajian Sains Asas

Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

8 PUSAT PENGAJIAN 1 PUSAT PENDIDIKAN

4 INSTITUT PENYELIDIKAN



Institut Oseanografi dan Sekitaran

Institut Akuakultur Tropika

Institut Bioteknologi Marin

Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari

Terokaan Seluas Lautan Demi Kelestarian Sejagat


UMT
WOW
FACTOR
TAF Teaching Accountancy Firm
TAF - Teaching Accounting Firm
Bidang Tujahan Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik
Simulator Pengendalian Kapal
Lokasi di Pesisir Laut China Selatan
INOS-HICoE dalam Oseanografi dan Sains Marin
BAHARU
MaLTraC
MaLTraC - Maritime Logistics and Transport Centre
Stesen-stesen penyelidikan - Pulau Bidong, Chagar Hutang (Pulau Redang), Setiu Wetland dan Tasik Kenyir
RV Discovery- Satu-satunya universiti yang memiliki kapal untuk penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran
ICoE
ICoE - industry Centre of Excellence (ICoE) Kluster Maritim
Discovery Kenyir
SEATRU - Sea Turtle Research Unit di Pulau Redang - Diiktiraf olehUNESCO
Survival Laut dan Penghayatan Warisan - Program unik untuk pelajar baharu
STEM
Satu-satunya Hatcheri Krustasia di Malaysia
BAHARU
STEM - Pusat Asasi STEM UMT
Santuari kuda laut pertama - diiktiraf oleh The Malaysia Book of Records

SOROTAN KEJAYAAN 2018





Majlis Amanat Naib Canselor 2018
Bertemakan "Keutuhan Penerokaan Ilmu Melalui Pemerkasaan Bakat: Menuju Pendidikan Tinggi 4.0" pada 14 Februari 2018



3 Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UMT Raih Penarafan Emas di APIC 2018
Kumpulan KIK UMT iaitu 14LEARN (PPPKA), VELOCITY (PPH) dan BLAZE (PSR) berjaya menempatkan diri ke pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan dan seterusnya meraih Penarafan Emas dan Penarafan Bintang di Annual Productivity & Innovation Conference & Exposition (APIC 2018) yang berlangsung pada 13-15 November 2018 di Sunway Pyramid Convention Centre.



Penganugerahan Felo ASM
Akademi Sains Malaysia (ASM) mengiktiraf kepakaran Profesor Dr. Mazlan Abd Ghaffar dengan penganugerahan Felo ASM yang disampaikan bersempena Majlis Anugerah Felo dan Anugerah Saintis Terbaik 2018 yang diadakan di Sunway Putra Hotel Kuala Lumpur pada 1 November 2018.





Johan Anugerah Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif Tahun 2018 (AKRI 2018)
Prof. Madya Dr. Faridah Binti Mohamad dinobatkan Johan bagi Anugerah Pengajaran Transformatif: Tanpa Syarahan dan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM10,000.00.



TAF-UMT-SALIHIN
UMT merupakan peneraju *Work-Based Learning* bagi graduan perakaunan. Seramai 310 pelajar telah mengikuti TAF.



Pencapaian Cemerlang UMT Menerusi UMTMOOC

UMTMOOC menempa kejayaan cemerlang pada tahun 2018 dengan meraih pelbagai anugerah melalui 3 platform pertandingan iaitu Persidangan Antarabangsa Literasi Media (MEDLIT Conference 2018), International University Carnival on e-Learning 2018 (IUCEL 2018) dan National e-Content Development Competition 2018 (e-Condev 2018).



Pendaftaran Pertama Program Asasi STEM

Seramai 60 pelajar pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 telah mendaftarkan diri sebagai perintis Program Asasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) pada Jun 2018.



Diiktiraf Pensijilan MS ISO 9001:2015

UMT buat pertama kalinya melakar sejarah tersendiri setelah mendapat penganugerahan pensijilan MS ISO 9001:2015 daripada Sirim QAS International Sdn. Bhd. Pensijilan ini sah bagi tempoh bermula 17 Ogos 2018 hingga 16 Ogos 2021.



ENACTUS UMT membanggakan UMT dan Malaysia

Buat julung-julung kalinya UMT muncul juara dalam pertandingan peringkat kebangsaan iaitu Enactus Malaysia National Competition (EMNC) 2018 dan seterusnya mewakili Malaysia ke Enactus World Cup 2018 di San Jose, California (Tempat ketiga dalam Opening League). Sebelum itu, ENACTUS UMT juga turut menjuarai Pertandingan HITCH anjuran Syarikat Hartalega dengan membawa pulang hadiah kemenangan **berjumlah RM20,000.**



UMT – FIO Jalankan Penyelidikan Bersama Dalam Bidang Oseanografi

UMT dan First Institute Oceanography (FIO) memeterai Momarandum Perjanjian (MoA) pada 29-31 Januari 2018 di FIO, Qingdao, China. Berjaya memperolehi tambahan geran dari MOSTI dan FIO sebanyak RM1.6juta bagi tahun 2019-2020.



Kerjasama Universiti-Industri Menerusi IMB
UMT menerusi Institut Bioteknologi Marin (IMB) telah berjaya menerima dana berjumlah RM3,588,500.00 hasil daripada pemeteraian jalinan rakan strategik dan kerjasama dengan 10 agensi dari dalam dan luar negara untuk bekerjasama dari segi penyelidikan dan inovasi.



Ekspedisi Saintifik Monsoon & Setiu Wetlands
Ekspedisi yang diadakan pada 1-5 November 2018 yang bertempat di Taman Negeri Setiu Wetlands, Setiu, Terengganu bertujuan untuk mengumpul, mendokumentasikan dan menjalankan kajian saintifik ke atas kepelbagaian biologi untuk rujukan Jabatan Taman Negeri Terengganu.



Penubuhan MaLTraC
UMT merupakan satu-satu universiti awam negara dipilih oleh *The Chartered Institute of Logistics and Transport* (CILT) menubuhkan Pusat Pengangkutan dan Logistik Maritim (MaLTraC) yang pertama seumpamanya di Malaysia.



MoA UMT-Shantou University China
MoA yang dimeterai pada 9 Julai 2018 di Shantou University, China bersetuju untuk menjalankan kerjasama penyelidikan dalam bidang akuakultur dan sains marin berkaitan shellfish melalui perancangan penubuhan *Joint Shellfish Research Laboratory.*



Kerjasama National Marine Data & Information Service (NMDIS)
Perbincangan kerjasama yang diadakan pada 5-6 Julai 2018 di Tianjin, China untuk memberi sokongan penglibatan dalam *China-ASEAN Marine Big Environmental Data Platform.*





UI Greenmetric World University Ranking on Sustainability
UMT menduduki tangga ke-370 peringkat dunia dan di tangga ke-13 dalam Malaysia bagi penyertaan kali ke-2.





Anugerah Buku Negara 2018
Tiga buah buku terbitan UMT telah diiktiraf dalam Anugerah Buku Negara 2018 yang diadakan pada 30 April 2018 yang bertempat di Seri Pacific Kuala Lumpur. Buku "Transformasi Inovasi Sosial Komuniti Nelayan" (Buku Umum Terbaik Kategori Sains Sosial), buku "Repositori Kelulut Indo-Malaya Sekayu" (Buku Umum Terbaik Kategori Penyelidikan dan Pembangunan) dan buku "Beautiful Terengganu" (Buku Umum Terbaik Kategori Pelancongan).







Dive Heart OKU-Dare to Dive @ Bidong
UMT dengan kerjasama Dive Heart Organization Malaysia telah berjaya membawa enam orang golongan kurang upaya (OKU) menyelam di dasar laut Pulau Bidong menerusi Program Dive Heart 2018 yang diadakan pada 18 & 19 Oktober 2018. Seramai 30 orang penyelam skuba dari UMT dan sukarelawan terlibat dan memberi bimbingan khusus kepada OKU berkenaan yang mengikuti kursus mendapatkan lesen skuba peringkat *Open Water* di Stesen Penyelidikan Alami Marin, Pulau Bidong.









Anugerah Kutipan Tertinggi Program Derma Darah Kategori IPTA/ IPTS 2018
Meraih Anugerah Kutipan Tertinggi Program Derma Darah kategori IPTA/ IPTS sempena Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat Kebangsaan 2018

KANDUNGAN



4 Sorotan Kejayaan 2018
10 Maklumat Korporat Universiti
31 Laporan Naib Canselor
41 Kejayaan dan Pencapaian
51 Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
87 Penyelidikan dan Inovasi
113 Pembangunan Pelajar dan Alumni
143 Jaringan Industri dan Masyarakat
167 Kecemerlangan Bakat
191 Perkhidmatan dan Fasiliti
221 Pemantapan Citra
251 Laporan Kewangan

SEJARAH PENUBUHAN

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



FOKUS STRATEGIK

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

BIDANG TUJAHAN

Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik



VISI

Universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global

MISI

Menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam

SLOGAN

Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat

FALSAFAH

Ilmu dan amal yang berpadu berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti dalam menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kesejahteraan sejagat

NILAI-NILAI TERAS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



PELAN STRATEGIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



CARTA ORGANISASI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU




CANSELOR
LPU
NAIB CANSELOR
SENAT
MPU
- Jawatankuasa Governan dan Pemilih
- Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko
- Jawatankuasa Tetap Kewangan
- Jawatankuasa Pelaburan dan Endowmen
- Jawatankuasa Pemilih Utama
- Jawatankuasa Tatatertib (Staf) - 5 Kategori
- Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (Staf)
- Jawatankuasa Rayuan Tatatertib (Pelajar)
- Jawatankuasa Kebajikan Pelajar
- Jawatankuasa Aduan Pelajar
- Jawatankuasa Pembangunan Program Pengajian Universiti
- Jawatankuasa Anugerah dan Hadiah Universiti
- Jawatankuasa Tetap Ijazah Kehormat Profesor Emeritus
- Jawatankuasa Rayuan Gagal dan Diberhentikan
- Jawatankuasa Salah Laku Akademik
Jawatankuasa Induk Majlis Konvokesyen
- Jawatankuasa Penyelidikan Universiti
- Jawatankuasa Penerbitan Universiti
PNC (HAL EHWAL KORPORAT DAN JARINGAN INDUSTRI
KETUA PUSTAKAWAN
PENGARAH PEMBANGUNAN DAN HARTA
PENDAFTAR
BENDAHARI
Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko
Pusat Komunikasi Korporat
Pusat Komunikasi Strategik Putrajaya
Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri
Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
Bahagian Pembangunan Sumber Ilmu (BPSI)
Bahagian Pengurusan Repositori Data
Bahagian Pengurusan Teknologi Perpustakaan
Bahagian Pengurusan dan Komunikasi Strategik
Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat (BPPM)
Pusat Pembangunan dan Harta
Bahagian Pengurusan Pembangunan
Bahagian Pengurusan Penyelangaraan
Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Kenderaan
Pejabat Pendaftar
Bahagian Governan dan Pentadbiran
Jabatan Sumber Manusia
Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi
Jabatan Pengurusan Akademik
Bahagian Data dan Rekod
Pejabat Bendahari
Bahagian Penjanaan Pendapatan dan Endwomen
Bahagian Pengurusan Data
Bahagian Perakaunan dan Aset
Bahagian Perkhidmatan Kewangan
PETUNJUK
Kaitan antara PTj dari segi fungsi
Aliran maklumat ke Bahagian Data dan Rekod
Aliran maklumat Data Strategik ke e-Data (TSR)
Aliran maklumat kepada Pengarah Pusat Penjanaan Pendapatan Universiti



CANSELOR
Universiti Malaysia Terengganu

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH NUR ZAHIRAH

D.K., D.M.N., S.S.M.Z., S.S.M.T., D.K. (Kedah),
Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand)

Sultanah Terengganu



PRO-CANSELOR

Universiti Malaysia Terengganu

TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

P.M.N., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S., S.J.M.K., S.I.M.P., S.P.M.P., S.P.D.K., D.P.M.S., D.H.M.S., P.G.D.K., D.P.M.J., J.S.M., P.M.P., D.G.S.M., A.M.N., S.M.W., S.U.M.W.

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

TAN SRI (DR.) HALIM BIN MOHAMMAD
P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.T., S.S.M.Z., F.C.I.T.(U.K.)

PROFESOR Ts. DATO' DR. AZIZ BIN DERAMAN
D.P.M.T., S.M.T.
BSc (Hons.) (UKM), MSc (Glasgow), Ph.D (UMIST)

DATO' ASMAWI BIN NORDIN
D.I.M.P., P.M.C.
BSc (UPM), MBA (UKM)



PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR
D.P.M.T., J.S.M.
BSc (New York), MSc (Wales), Ph.D (UTM)

DATUK NIK ALI BIN MAT YUNUS
D.P.S.K., P.M.W., K.M.N., P.S.K.
DPA (INTAN), B.A. (Hons.) (UM), MBA (Hull)

PUAN SAFIDA ZALMA BINTI MOHD PIAH
DPA (INTAN), BSc (Hons) Zoologi (UM), MSc (HRD) (UPM)

Mantan Ahli Lembaga Pengarah
(Sehingga September 2018)

DATUK AHMAD NIZAM BIN SALLEH
P.M.W. B.A.(Ohio),
Advanced Management Program (AMP)
(University of Pennsylvania)

ENCIK AZIZUL NIZAM BIN BIDIN
MBA (University of Ballarat, Australia)

PROFESOR Ts. DR. NORA'AINI BINTI ALI
Ph.D (UKM), Msc (UMIST), BEng (UTM),



DATO' MUHAMMAD RAZIF BIN ABDUL RAHMAN
D.I.M.P
Bachelor of Engineering - Hons.
(Electrical Engineering),
University of Liverpool

DATO' DR. KAMARUZAMAN BIN WAN SU
P.J.K, B.S.K, K.M.N, D.S.A.P
MBBS (University of Malaya),
MPH (University Phillippines)



DATO' MOHAMMED AZLAN BIN HASHIM
D.S.P.N.
B.Econs. (Monash)

DATO' SR. ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD
M.I.S.M., D.I.M.P., P.K.C.
BSc (H) (Quantity Surveying), UK

DR. MOHD ROZAILAN BIN MAMAT @ IBRAHIM
B.Eng (Hons) (Electrical) (UM),
MSc (Electronics), (Newcastle),
Ph.D (Power Electronics) (Wales)

DR. MOHAMED ALI BIN ABDUL RAHMAN
BSc Ed (USM), M.Ed. (Joetsu),
Ph.D (Reading)

SENARAI JAWATANKUASA LEMBAGA

1. JAWATANKUASA GOVERNAN DAN PEMILIH
2. JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO
3. JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN
4. JAWATANKUASA PELABURAN DAN ENDOWMEN
5. JAWATANKUASA PEMILIH UTAMA
6. JAWATANKUASA TATATERTIB (STAF)
7. JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB (STAF)
8. JAWATANKUASA RAYUAN TATATERTIB PELAJAR
9. JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR
10. JAWATANKUASA ADUAN PELAJAR

SENARAI PROGRAM MELIBATKAN LEMBAGA

1. **MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2018 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**
   - 11 Januari 2018

2. **MAJLIS PELANCARAN PROJEK "SEA WATER DESALINATION SYSTEM"**
   - 3 Februari 2018

3. **PERANCANGAN AKTIVITI PUSAT ALUMNI**
   - 7 Februari 2018

4. **HIGHER EDUCATION FORUM (HEF) 2018 ISLAMIC ECONOMIES @ 4IR: WAQF REVIVAL**
   - 22 - 23 Februari 2018

5. **MAKAN MALAM SANTAI UMT – INDUSTRI MARITIM**
   - 23 Mac 2018

6. **MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI NEGARA TAHUN 2018 (PERINGKAT NEGERI TERENGGANU)**
   - 24 Mac 2018

7. **PROGRAM RAMAH MESRA YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA TEACHING ACCOUNTING FIRM (TAF), UMT**
   - 24 Mac 2018

8. **PERASMIAN PEJABAT MALAYSIAN MARITIME LOGISTICS AND TRANSPORT CENTRE (MALTRAC) @ UMT**
   - 24 Mac 2018

9. **MAJLIS PERASMIAN MURAL DAN LEARNING SPACE I.R 4.0 PSNZ**
   - 24 Mac 2018

10. **PROGRAM 'CAREER, ENTREPRENEURSHIP AND SKILLS FESTIVAL' 2018 (CESF'18)**
    - 14 - 15 April 2018

11. **WORLD OCEANS WEEK (WOW2018)**
    - 11-13 Mei 2018

12. **MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN TABUNG LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**
    - 13 Mei 2018

13. **PERBINCANGAN PENILAIAN RISIKO PROJEK PENYERAHAN PELANTAR MINYAK PETROLIAM NASIONAL BERHAD KEPADA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**
    - 6 Jun 2018

14. **MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI UMT 2018**
    - 28 Jun 2018

15. **LAWATAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI KE GALERI INSTITUT OSEANOGRAFI**
    - 29 Julai 2018

16. **MAJLIS ANUGERAH TAHUNAN (MAT) UMT TAHUN 2018**
    - 29 Julai 2018

17. **GOLF SUKUM KE-43**
    - 15 Ogos 2018

18. **MAJLIS PERKONGSIAN PINTAR SISTEM NILAI AUDIT PENAMPILAN EZSNAP**
    - 27 September 2018

19. **MAJLIS MOA ANTARA UMT DAN RAKAN INDUSTRI**
    - 9 Oktober 2018

20. **SESI RAMAH MESRA BERSAMA PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UMT**
    - 21 Oktober 2018

21. **POSTGRADUATE HI-TEA 2018**
    - 10 November 2018

22. **MAJLIS KONVOKESYEN UMT KALI KE-16**
    -11-13 November 2018

23. **MAJLIS SANTAPAN MALAM SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN UMT KALI KE-16**
    - 10 November 2018

24. **SEMINAR PENGURUSAN ALUMNI UMT**
    - 8 Disember 2018

25. **"UMT ALUMNI THE GREAT GET TOGETHER : 25TH SILVER JUBILEE ANNIVERSARY 2018"**
    - 9 Disember 2018

26. **PERSIDANGAN KEPIMPINAN DAN GOVERNAN UNIVERSITI KALI KE-4 " HUMANISING HIGHER EDUCATION"**
    - 18-19 Disember 2018

Senat

PENGERUSI

Profesor Dato' Dr. Nor Aieni Binti Hj Mokhtar,
D.P.M.T.,J.S.M
B.Sc. (New York), M.Sc. (Wales), Ph.D. (UTM)
Naib Canselor UMT

AHLI

Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Bin Abu Osman
B.Eng. (Bradford), M.Sc., Ph.D. (Strathclyde), MIEM, PEng, CEng (UK), FIMechE (UK),
FIEAust (Aust.), CPEng (Aust.) FASc.
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Profesor Dr. Mazlan Bin Abd Ghaffar, FASc
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Newcastle), Ph.D. (Wales)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Profesor Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi Bin Ghazali
B. Tech. Polimer, M.Sc. (USM), Ph.D. (Materials Engineering) (UniMAP)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Profesor Dr. Fauziah Binti Abu Hasan
B.Sc. Econ. & Stats., M.Sc. (West Michigan), Ph.D. (Florida State)
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)

Profesor Ts. Dato' Dr. Aziz Bin Deraman, D.P.M.T.
B.Sc. (Hons.) (UKM), M.App.Sci (Glasgow), Ph.D. (UMIST)
Dekan, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

Profesor Dr. Hamdan Bin Suhaimi, P.M.P
B.A (California), M.Sc., Ph.D. (Missouri)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Asas
Sehingga 31 Januari 2018

Profesor Dr. Aziz Bin Ahmad
B.Sc. (Hons.), Ph.D. (UPM)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Asas
Mulai 1 Februari 2018

Profesor Dr. Najiah Binti Musa
D.V.M, Ph.D. (UPM)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Profesor Madya Dr. Mohamad Bin Awang
B.Eng (UPM), M.Sc. (Colorado), Ph.D. (UMT), P.Eng (M.I.E.M)
Memangku Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
Sehingga 31 Januari 2018

Prof. Madya Ir. Dr. Mohammad Fadli Bin Ahmad
Dip. (UiTM), M.Sc. (UK), Ph.D. (UK)
Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
Mulai 1 Februari 2018

Profesor Dr. Mohd Shaladdin Bin Muda
DPA (UiTM), B.Sc. (Indiana State), MBA (Southern New Hampshire), Ph.D. (Lancaster)
Dekan, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim

Prof. Madya Dr. Amiza Binti Mat Amin
B. Tech. (USM), Ph.D. (Leeds)
Dekan, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan

Prof. Madya Dr. Marinah Binti Mohd Ariffin
B.Sc. (USM), M.Sc. (USM), Ph.D. (Glasgow)
Dekan, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Prof. Madya Dr. Suriyani Binti Muhamad
B.Ec. (Hons.) (UM), M.Sc. (London), Ph.D. (Manchester)
Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
Sehingga 30 Jun 2018

Prof. Madya Dr. Ruhani Binti Mat Min
B.Ed. (UPM), M.Sc. (UPM), Ph.D. (Leeds)
Memangku Dekan, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
Mulai 1 Julai 2018

Profesor Dr. Asyraf Bin Hj Abd Rahman
B.A. (Hons.) (IIUM), M.A. (Leeds), Ph.D. (Edinburgh)
Dekan, Pusat Pendidikan Asas dan Liberal

Prof. Madya Dr. Aidy @ Mohamed Shawal Bin M Muslim
B.Sc. (Minnesota), Ph.D. (Southampton)
Pengarah, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Profesor Dr. Abol Munafi Bin Ambok Bolong
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Kochi), Ph.D. (Ehime)
Pengarah, Institut Akuakultur Tropika

Profesor Madya Dr. Yeong Yik Sung
B.Sc. (UPM), M.Sc. (KUSTEM), Ph.D. (Ghent)
Pengarah, Institut Bioteknologi Marin

Profesor Dato' Dr. Mohd Tajuddin Bin Abdullah, D.I.M.P.
Dip. (UiTM), B.Sc., M.Sc. (West Virginia), Ph.D. (Queensland)
Pengarah, Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari

PROFESOR YANG DILANTIK

Profesor Dr. Hamdan Bin Suhaimi, P.M.P
B.A (California), M.Sc., Ph.D. (Missouri)
Dekan, Pusat Pengurusan Siswazah
Mulai 1 Februari 2018

Profesor Dr. Tengku Sifzizul Bin Tengku Muhammad
B.Sc., Ph.D. (Wales)
Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Profesor Emeritus Dr. Noor Azhar Bin Mohamed Shazili, J.M.N.
B.Sc., Ph.D. (Wales)
Profesor, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Profesor Ir. Dr. Ahmad Bin Jusoh
B.Eng. (UPM), M.Sc. (Colorado), Ph.D. (UMT), P.Eng. (M.I.E.M)
Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Profesor Dr. Othman Bin Haji Ross
B.Sc. (Hons.) (UM), M.Sc. (Strathclyde), Ph.D. (Queensland)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran

Profesor Dr. Wan Mohd Norsani Bin Wan Nik
B.Sc. (George Washington), M.Sc. (Bath), Ph.D. (UTM)
Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan

Profesor Dr. Wan Izatul Asma Binti Wan Talaat
LL.B (Hons.) (IIUM), M.Sc. (Law), Ph.D. (Law) (UPM), IUCN WCEL
Profesor, Institut Oseanografi dan Sekitaran

Profesor Dr. Muhammad Ikhwanuddin Bin Abdullah
Dip., B.Sc. (UPM), M.Sc., Ph.D. (UNIMAS)
Profesor, Institut Akuakultur Tropika

Profesor Dr. Mohd Effendy Bin Abd Wahid
D.V.M., Ph.D. (UPM)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Profesor Dato' Dr. Anuar Bin Hassan
B.Sc. (Hons.) (UM), M.Sc., Ph.D. (Nagasaki)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur

Profesor Dr. Fadzilah @ Adibah Binti Abd Majid
Dip. (ITM), B.Sc. (Hons.) (Leeds), M.Sc., Ph.D. (Birmingham)
Profesor, Institut Bioteknologi Marin

Profesor Dr. Aziz Bin Ahmad
B.Sc. (Hons.), Ph.D. (UPM)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Asas
Sehingga 31 Januari 2018 (Dilantik sebagai Dekan Pusat Pengajian Sains Asas mulai 1 Februari 2018)

Profesor Dr. Nakisah Binti Mat Amin
B.Sc. (Hons.) (UKM), M.Sc. (Mich. State), Ph.D. (Glasgow)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Asas
Sehingga 14 Februari 2018

Profesor Dr. Ghazali Bin Sulong
B.Sc. (UKM), M.Sc. (Computing), Ph.D. (Wales)
Profesor, Pusat Pengajian Informatik dan Metamatik Gunaan
Sehingga 20 Mei 2018

Profesor Emeritus Dr. Faizah Binti Mohd Sharoum
B.Sc. (Hons.) (Queensland), Ph.D. (Stirling)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur
Sehingga 12 Jun 2018

Profesor Dr. Rosnan Bin Yaacob
Dip. (UPM), B.Sc. (Florida Tech), M.Sc. (UPM), Ph.D. (Malaya)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
Sehingga 30 Jun 2018

Profesor Dr. Norhayati Binti Mohd Tahir
B.Sc., Ph.D. (University of Bristol)
Profesor, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
Sehingga 29 September 2018

Profesor Dato' Dr. Saharuddin Bin Abdul Hamid,
D.I.M.P., PAP, FIMarEST, MILT, M.I.K
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Tokyo), Ph.D. (Wales)
Profesor, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
Mulai 1 Februari 2018

Profesor Ts. Dr. Mohd Zamri Bin Ibrahim
B.Eng. Mech. (UK), M.Sc. Adv. Mech. (UK), Ph.D. (UKM)
Profesor, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
Mulai 1 Ogos 2018

Profesor Dr. Mohd Lazim Bin Abdullah
B.Sc. (Malaya), M.Ed. (USM), Ph.D. (UMT)
Profesor, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
Mulai 20 September 2018

Profesor Ts. Dr. Muhammad Suzuri Bin Hitam
B.Tech. (Hons.) (USM), Ph.D. (Leeds)
Profesor, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
Mulai 1 Oktober 2018

Profesor Ts. Dr. Noor Maizura Binti Mohamad Noor
B.Sc., M.Sc. (UPM), Ph.D. (Manchester)
Profesor, Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
Mulai 1 Oktober 2018

AHLI YANG DIKO-OPT

Profesor Dato' Dr. Saharuddin Bin Abdul Hamid,
D.I.M.P., PAP, FIMarEST, MILT, M.I.K
B.Sc. (UPM), M.Sc. (Tokyo), Ph.D. (Wales)
Pengarah, Pusat Pengurusan Siswazah
Sehingga 31 Januari 2018

Profesor Dr. Mohd Lazim Bin Abdullah
B.Sc. (Malaya), M.Ed. (USM), Ph.D. (UMT)
Pengarah, Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik
Sehingga 31 Julai 2018

Prof. Madya Dr. Mariam Binti Taib
B.Sc., M.Sc. (UPM), Ph.D. (Leeds)
Pengarah, Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik
Mulai 1 Ogos 2018

AHLI EX-OFFICIO

Puan Zahara Binti Kedri, C.A.(M)
ADiA (UiTM), DiA (UiTM)
Bendahari

Tuan Hj. Abu Hassan Bin Ghazali
Post. Grad. Dip. In Lib. Science (UiTM)
Ketua Pustakawan

Cik Roslina Binti Ghazali
LLB. (Hons.) (UKM)
Penasihat Undang-Undang
Sehingga 31 Januari 2018

Dr. Fahirah Syaliza Binti Mokhtar
LLB. (Hons.), LL.M, Ph.D. (UKM)
Penasihat Undang-Undang
Mulai 1 Februari 2018

SETIAUSAHA

Profesor Ts. Dr. Nora'aini Binti Haji Ali
B.Eng. (UTM), M.Sc. (UMIST), Ph.D. (UKM)

PENGURUSAN TERTINGGI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR
Naib Canselor



PROFESOR IR. DR. NOOR AZUAN BIN ABU OSMAN
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)



PROFESOR DR. MAZLAN BIN ABD. GHAFFAR
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)



PROFESOR Ts. DR. CHE MOHD RUZAIDI BIN GHAZALI
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



PROFESOR DR. FAUZIAH BINTI ABU HASAN
Penolong Naib Canselor
(Hal Ehwal Korporat
dan Jaringan Industri) dan
menjalankan fungsi TNC (A&A)



PROFESOR Ts. DR. NORA'AINI BINTI ALI
Pendaftar



ZAHARA BINTI KEDRI
Bendahari



ROSLINA BINTI GHAZALI
Penasihat Undang-Undang
Sehingga 31 Januari 2018



DR. FAHIRAH SYALIZA BINTI MOKHTAR
Penasihat Undang-Undang
Mulai 1 Februari 2018



ABU HASSAN BIN GHAZALI
Ketua Pustakawan



IR. HAJI MOHD ZAIDEEN BIN YUSOFF
Pengarah Pembangunan
dan Harta



ABDULLAH SYUKRI BIN M. SALEH
Ketua Pentadbiran Canselori
Sehingga 31 Ogos 2018



WAN ABDUL MANAN BIN WAN ABDULLAH
Ketua Pentadbiran Canselori
Mulai 1 September 2018

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UMT
SESI 2018/2019



1 **MUHAMMAD HASYIMI HASYIM BIN MOHD SUDDIN**
YANG DIPERTUA
SM SAINS (KIMIA ANALISIS DAN PERSEKITARAN)

2 **NUR AINAA' BT MEOR AHMAD NAZIZAN**
NAIB YANG DIPERTUA 1
SM SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN)

3 **MOHAMED DANIEL BIN YUSOF**
NAIB YANG DIPERTUA 2
SM SAINS (MATEMATIK KEWANGAN)

4 **SITI NUR ATHIRAH BINTI AZAMIN**
SETIAUSAHA AGUNG
SM SAINS AGROTEKNOLOGI (TEKNOLOGI LEPAS TUAI)

5 **AZILLA BINTI MOHAMMAD**
SETIAUSAHA KEHORMAT
SM PENGURUSAN (PEMASARAN)

6 **NUR SHAHFIQA HIDAYAH BINTI ZULKEPLI**
BENDAHARI
SM SAINS KOMPUTER DENGAN INFORMATIK MARITIM

7 **MUHAMMAD NUR IMRAN BIN JOHARI**
EXCO MULTIMEDIA DAN TEKNOLOGI
SM SAINS (SAINS SAMUDERA)

8 **NISA SYAFIQAH BINTI RAMLI**
EXCO MULTIMEDIA DAN TEKNOLOGI
SM SAINS MAKANAN (TEKNOLOGI MAKANAN)

9 **SITI NURKHAIRUNNISA BINTI MOHAMAD SHARIFF**
EXCO PUBLISITI DAN PENERBITAN
SM SAINS (SAINS BIOLOGI)

10 **MUHAMMAD ASHRAF BIN MOHAMAD**
EXCO KEBUDAYAAN
SM SAINS (MATEMATIK KEWANGAN)

11 **MUHAMMAD ANIQ IMRAN BIN ROSLI**
EXCO KESELAMATAN DAN KESIHATAN
SM SAINS (SAINS KIMIA)

12 **KASMAWATI BINTI SAMAILA**
EXCO KESELAMATAN DAN KESIHATAN
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)

13 **MOHAMAD IKWAN FAHMI BIN ZAKARIA**
EXCO KEBAJIKAN DAN PENEMPATAN
SM PENGURUSAN (MARITIM)

14 **SHARIPAH SHAHIRA BINTI SHAFIE**
EXCO KEBAJIKAN DAN PENEMPATAN
SM SAINS (MATEMATIK KEWANGAN)

15 **LUQMAN AL HAKIM BIN JASLIN**
EXCO KEUSAHAWANAN DAN KERJAYA
SM SAINS (SAINS NAUTIKA DAN PENGANGKUTAN MARITIM)

16 **ANIS SUFINA BINTI SUHAIRI**
EXCO KELAB DAN PERSATUAN
SM SAINS (SAINS BIOLOGI)

17 **SITI MUNIRAH BINTI AWANG**
EXCO SUKARELAWAN DAN KOMUNITI
SM PENGURUSAN (MARITIM)

18 **MOHAMAD SYAKIR ZUFAIRY BIN MOHAMAD**
EXCO SUKARELAWAN DAN KOMUNITI
SM KAUNSELING

19 **MUHAMMAD AMIRUL BAKTHIAR BIN ADNAN**
EXCO SEKRETARIAT DAN PEMBANGUNAN INSAN
SM AGROTEKNOLOGI AKUAKULTUR

20 **NUR AAIN BINTI RUSLI**
EXCO KELESTARIAN KAMPUS
SM TEKNOLOGI (ALAM SEKITAR)

21 **SITI NUR 'ARIEFAH BT ABD RAHIM**
EXCO SUKAN DAN REKREASI
SM SAINS GUNAAN (PERIKANAN)

22 **MOHAMAD ZULKARNAIN BIN MOHD DALI**
EXCO AKADEMIK
SM SAINS (SAINS SAMUDERA)

23 **MOHAMMAD ZULHAFIZUDDIN BIN ZULKIFLI**
EXCO PENERANGAN DAN DAN PERHUBUNGAN AWAM
SM SAINS (KIMIA ANALISIS DAN PERSEKITARAN)

24 **ANGIE ADELENE FRANCIS**
EXCO ETIKA, PERPADUAN DAN INTEGRITI
SM SAINS (SAINS NAUTIKA DAN PENGANGKUTAN MARITIM)





LAPORAN NAIB CANSELOR



PROFESOR DATO' DR.
NOR AIENI HJ. MOKHTAR

KEUTUHAN PENEROKAAN ILMU MELALUI PEMERKASAAN BAKAT

"KEUTUHAN PENEROKAAN ILMU MELALUI PEMERKASAAN BAKAT" merupakan aspirasi dan iltizam UMT untuk memperkasa bidang ilmu pengetahuan, industri dan kemanusiaan yang mana ia seiring dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tahun 2018. Sepanjang perjalanan UMT pada tahun 2018 telah dilakari pelbagai kejayaan, pencapaian dan perubahan yang memerlukan UMT bersedia untuk memasuki era Revolusi Industri 4.0 seterusnya menonjolkan kewibawaan UMT sebagai universiti tersohor dalam bidang tujahannya sama ada di persada negara mahupun antarabangsa.

Sesungguhnya kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai pada tahun 2018 adalah berkat kesungguhan dan kerjasama di segenap lapisan warga UMT yang sentiasa berusaha memperkasa budaya kerja dan kreativiti dalam memastikan setiap misi dan visi UMT tercapai. Ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Universiti, ahli Pengurusan Universiti dan warga UMT termasuk pelajar dan alumni UMT di atas sokongan dan sumbangan yang diberikan selama ini dengan kecaknaan, kesungguhan dan kecintaan kita kepada Universiti ini. Keterlibatan semua pihak dalam meneroka peluang sehingga ke lautan biru demi kelestarian komuniti dan meningkatkan pencapaian adalah pemangkin kepada kejayaan UMT untuk tahun-tahun berikutnya.

Era IR 4.0 menuntut semua warga UMT untuk bersedia melakukan perubahan minda dan budaya kerja agar selaras dengan perkembangan teknologi yang bergerak dengan pantas. Sikap yang positif dan kebersamaan yang ditonjolkan oleh seluruh warga UMT dengan sikap penerimaan dan saling hormat-menghormati, UMT mampu meningkatkan prestasi dan kecemerlangan Universiti. Pencapaian dan kejayaan yang dikecapi pada tahun 2018 adalah insiatif UMT memacu lapan teras utama Pelan Strategik UMT iaitu Pemerkasaan Bakat, Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran, Pembangunan Pelajar, Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi, Memacu Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri, Keterlihatan Global, Kelestarian Kewangan dan Pemantapan Citra.

Pada tahun 2018 ini juga UMT memperkasakan kolaborasi bersama pemain industri baik dari segi akademik, pentadbiran, pengurusan, penerbitan, penyelidikan, inovasi serta jaringan antarabangsa. Dedikasi, kerajinan, pengorbanan dan ketabahan yang ditunjukkan oleh seluruh warga UMT secara langsung dapat meningkatkan prestasi Universiti khususnya dalam memastikan UMT terus relevan dengan keperluan industri dalam menerajui Pendidikan Tinggi 4.0. Hal ini juga dapat meningkatkan imej Universiti dan disegani di peringkat global. Oleh yang demikian, besarlah harapan saya agar Laporan Tahunan 2018 ini akan membantu UMT mensasarkan kedudukan antara 10 universiti terbaik di Malaysia pada tahun 2019.

PEMERKASAAN BAKAT

Tahun 2018, memperlihatkan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kecemerlangan bakat akademik dan bukan akademik di UMT. Dalam memastikan setiap warga UMT memiliki kompetensi yang diperlukan dalam menggerakkan Pendidikan Tinggi 4.0, UMT telah berjaya melaksanakan Program iLEAD@ UMT merupakan inisiatif di bawah program *Strategic Leadership Coaching* Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan UMT.

UMT turut melaksanakan program Neuro-linguistic Programme (NLP) melibatkan 135 orang staf. Program NLP ini bukan hanya medium peningkatan kecemerlangan akademik dan kerjaya sahaja, malah ia turut menjadi medium bagi staf memperoleh kecemerlangan dan keseimbangan emosi, rohani dan jasmani.



UMT juga cemerlang dalam memupuk daya kreatif dan inovatif dalam kalangan staf UMT menerusi program Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK). Tahun 2018 merupakan tahun keempat pelaksanaannya dengan beberapa catatan kejayaan berjaya direkodkan.

Tahun 2018 ini juga suatu sejarah telah tercipta apabila UMT berjaya memperkenalkan skim lantikan akademik baharu iaitu Skim Ilmuan Budi. Skim ini terbuka kepada ahli akademik yang telah bersara daripada UMT atau pernah berkhidmat secara kontrak sepenuh masa di UMT. Lantikan Ilmuan Budi adalah sebagai pengiktirafan UMT terhadap sumbangan kecemerlangan calon sama ada dalam bidang akademik, penyelidikan, tadbir urus dan pembangunan universiti.

KECEMERLANGAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Dengan tema Akademik 4.0 iaitu program pemantapan akademik yang diperkenalkan oleh UMT pada awal tahun 2018 untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta kecemerlangan pencapaian akademik pelajar. Pelaksanaan beberapa inisiatif yang ditetapkan akhirnya dapat menempatkan UMT sebagai sebuah Universiti tersohor dalam budang tujahan Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik seterusnya mengukuhkan reputasi akademik UMT untuk menjadi sebuah Universiti yang berada pada kelompok 200 Universiti terkemuka dunia dalam *QS Worlds University Rankings* pada tahun 2023.

Antara inisiatif yang diperkenalkan dan dilaksanakan pada tahun 2018 adalah *Industry in the Classroom, Professional Affiliations, Examiners Alleviation, Excellent Graduate Augmentation, Conducive e-Learning Space, Class Streamlining, Empowering Undergraduate Research* dan *World Class Programmes.*



PEMBANGUNAN PELAJAR

UMT telah memperkenalkan kerangka Pembangunan Holistik Pelajar yang memberikan penekanan kepada keseimbangan keperluan pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan kepimpinan pelajar, dan membina alumni unggul. Perkara ini selaras dengan Pelan Strategik UMT untuk meningkatkan kadar keboleh pasaran graduan lepasan Universiti ini. Pada tahun 2018, UMT telah melaksanakan pendekatan holistik dan bersepadu dengan menggabungkan elemen keusahawanan, inovasi, kesukarelawanan dan minda global bagi mencapai matlamat yang ditetapkan di bawah Pelan Strategik UMT.

Kejayaan pelajar-pelajar ENACTUS UMT dalam pertandingan di peringkat Kebangsaan dan menempatkan diri dalam pertandingan di peringkat Piala Dunia ENACTUS memperlihatkan kejayaan Universiti ini melahirkan pelajar yang cemerlang.



KEUNGGULAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

UMT telah mempergiatkan pelbagai inisiatif untuk memperkasakan aktiviti penyelidikan, inovasi, penerbitan dan perundingan yang menjadi tunjang perkembangan ilmu di Universiti ini. Inisiatif-inisiatif ini adalah tidak lain adalah untuk memacu aktiviti penyelidikan UMT agar keterlihatan di peringkat global, pemantapan bidang tujahan, inovasi sosial, penerbitan berimpak tinggi dan sumbangan kepada komuniti.

Tahun 2018 merupakan tahun transformasi penyelidikan dan inovasi UMT yang mana kluster penyelidikan diperkemaskan bagi memantapkan strategi pengurusan penyelidikan bersepadu yang membolehkan ekosistem penyelidikan multi-disiplin diperluaskan. Terdapat lima kluster penyelidikan dibentuk iaitu Sains Kelautan dan Persekitaran Lestari, Jaminan Makanan, Data dan Sains Digital, Sains, Kejuruteraan Marin dan Teknologi, Maritim dan Sains Komuniti.

Selain itu, UMT berjaya memperoleh geran penyelidikan antarabangsa berjumlah RM1.7 juta berbanding pada tahun sebelumnya yang hanya berjumlah RM70,000.00 sahaja. Sumbangan terbesar adalah daripada Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) dengan kejayaan memperoleh geran First Institute of Oceanography (FIO) yang berjumlah RM1.17 juta.

MEMACU PEMINDAHAN ILMU DAN JARINGAN INDUSTRI

Selaras dengan matlamat pada tahun 2018 iaitu memperkasa kerjasama bersama industri, sudah tentu elemen pemindahan ilmu dan jaringan industri mempunyai tugas yang begitu besar untuk direalisasikan. Kejayaan UMT merangka dan melaksanakan aktiviti-aktiviti keterlibatan industri dan komuniti telah memperlihatkan perubahan yang signifikan terhadap pendekatan pengajaran-pembelajaran dan penyelidikan di Universiti. Program-program yang dirangka dan dilaksanakan berkonsepkan perkongsian ilmu, teknologi dan sumber bersama industri dan komuniti memberi manfaat kepada ketiga-tiga pihak baik Universiti, industri mahupun komuniti. Program yang dilaksanakan tidak terhenti, malah pengukuran impak dan pemantauan berterusan tetap dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan dan keberhasilan setiap program yang dibuat berterusan.

UMT dengan jayanya telah menjalankan program-program berimpak di bawah bumbung University Community Transformation Centre (UCTC), Inovasi Sosial@UMT, Knowledge Transfer Program (KTP), Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE), Pendanaan dalam Knowledge & Technology Assimilation Grants Scheme (KTAGS) dan dana-dana lain dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Di samping itu, UMT juga bergiat aktif dalam program tanggungjawab sosial menerusi program kesukarelawanan pelajar dan staf.

KETERLIHATAN GLOBAL

Tahun 2018 menyaksikan inisiatif untuk menempatkan UMT di persada antarabangsa menerusi pelbagai program seperti mobiliti antarabangsa, penawaran program luar pesisir (offshore program) dan kerjasama strategik bersama rakan-rakan antarabangsa. Hal ini dirangka dan dilaksanakan bagi melonjakkan UMT dengan matlamat untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa serta membina satu budaya kerja dan motivasi antarabangsa dalam kalangan warga UMT.

UMT telah menerima 152 orang pelajar antarabangsa menerusi program mobiliti antarabangsa pelajar dari pelbagai negara menerusi program *Internship, Summer School* dan Pertukaran Pelajar. UMT juga telah berjaya buat pertama kali menawarkan program akademik luar pesisir (offshore) secara kerjasama dengan Atlantis Business School di Mauritius untuk meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa UMT.

Bagi kerjasama penyelidikan pula, UMT telah berjaya menjalinkan kerjasama rasmi bersama Shantou University of China, National Marine Data and Information Services (NMDIS), Tianjin China dan National Taiwan Ocean University (NTOU).



KELESTARIAN KEWANGAN

Strategi pengurusan kewangan secara lestari memperlihatkan sokongan yang menggalakkan dalam kalangan warga, yang mana setiap warga UMT mempunyai kesedaran terhadap kepentingan pengurusan kewangan yang cekap, berintegriti, berhemah dan lestari. Pada tahun 2018, beberapa insiatif telah digariskan antaranya memperkasakan struktur governan pengurusan penjanaan pendapatan universiti dengan memperkenalkan konsep 'New Money' untuk kelestarian kewangan UMT.

UMT juga melaksanakan strategi berimbang antara penjimatan berhemah dan penjanaan baharu iaitu dengan mengurangkan ketirisan dan perbelanjaan kepada aktiviti yang tidak menyumbang kepada impak yang besar dan peningkatan kualiti serta dalam masa yang sama meneroka ruang-ruang penjanaan dan pelaburan yang baharu. Antaranya adalah memperkenalkan pendekatan baharu penjimatan utiliti dengan memanfaatkan kepakaran dalam penggunaan tenaga keterbaharuan dan teknologi hijau.

Selain itu, anak syarikat Universiti iaitu UMT Jaya Holdings diperkukuhkan menerusi penerokaan peluang perniagaan yang lebih luas dan orgranisasi syarikat diperkemaskan. Hal ini juga berkaitan dengan inisiatif mempelbagaikan portfolio pelaburan secara berterusan di dalam instrumen-instrumen yang dapat memberikan hasil optimum yang dapat meningkatkan jumlah Dana Endowmen UMT.

KESIMPULAN

UMT telah menunjukkan peningkatan sejak penubuhannya pada tahun 2001. Reputasi sebagai institusi pengajian tinggi yang berfokus marin telah diketahui dan dikenali dalam dan luar negara. Komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh setiap lapisan warga UMT sangat penting dalam memastikan setiap perancangan program dan inisiatif pada tahun 2018 berjaya dilaksanakan malah mencapai standard yang setanding dengan universiti terkemuka di dunia. Buku Laporan Tahunan 2018 ini adalah manifestasi pencapaian UMT bahawa setiap warga kampus sentiasa bersedia untuk menggembeleng usaha dan tenaga bagi mencapai matlamat universiti. Oleh itu, setiap amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada seluruh warga UMT dapat dilaksanakan sebaik mungkin malah sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa.

Sebelum mengakhiri nukilan ini, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga kampus UMT yang secara ikhlas dan jujur bersama-sama berusaha, berganding tenaga, bersepakat dan memberikan komitmen demi kecemerlangan universiti. Semoga usaha kita mendapat keberkatan dan kerahmatan daripadaNya jua untuk kita meneruskan perjuangan untuk melakukan perubahan demi kegemilangan pendidikan tinggi di negara ini.





KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN



False Percula Clownfish (Amphiprion ocellaris)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan lapan KPI utama mengandungi 12 indikator yang perlu dicapai oleh setiap Universiti Awam. Secara keseluruhan, UMT telah mencatatkan pencapaian membanggakan **apabila enam indikator mencapai lebih 100% sasaran** manakala baki enam lagi indikator mencapai lebih 50% daripada sasaran yang ditetapkan. **Berbanding tahun 2017 pula, 75% atau 9 daripada 12 indikator merekodkan peningkatan** dari segi pencapaian manakala tiga indikator lagi menyusut.

KPI 1:

KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN

Pada tahun 2018, kadar kebolehpasaran graduan ialah **67.5% menurun sebanyak 7.8% berbanding pencapaian 2017 iaitu 73.2%.** Penurunan ini juga menyebabkan sasaran 73% kadar kebolehpasaran graduan tidak berjaya dicapai. Salah satu daripada punca penurunan ini adalah disebabkan oleh faktor luaran seperti keadaan ekonomi global yang tidak menentu yang memberi kesan kepada pasaran pekerjaan.



KPI 2:

BILANGAN ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA

Jumlah enrolmen keseluruhan pelajar antarabangsa di UMT adalah **seramai 233 orang, meningkat sebanyak 13%** berbanding 207 orang pada tahun 2017. Pencapaian ini juga **melebihi sasaran 200 pelajar antarabangsa** yang telah disasarkan pada tahun 2018.



KPI 3:

BILANGAN ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA (PASCASISWAZAH)

Bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah antarabangsa turut **meningkat kepada 208 orang** pada tahun 2018 berbanding 167 orang pada tahun 2017. Peningkatan sebanyak **24.6%** sekaligus melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 200 pelajar.



KPI 4:

KADAR KECICIRAN PELAJAR

Pada tahun 2018, kadar keciciran pelajar bagi **program sarjana muda berjaya dikurangkan kepada 6.1%** berbanding 7.5% pada tahun 2017. Pengurangan ini juga telah mencapai sasaran iaitu kurang daripada 7% kadar keciciran yang telah ditetapkan oleh KPM.

Bagi program sarjana, berlaku peningkatan pada kadar keciciran **daripada 11.7% pada tahun 2017 kepada 15.3%** pada tahun 2018 dan menyebabkan KPI ini tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh KPM iaitu kurang daripada 17%.

Pengurangan kadar keciciran sebanyak 22.6% bagi program pengajian PhD pada tahun 2018 jika dibandingkan dengan tahun 2017 adalah merupakan antara pencapaian yang paling membanggakan. Pada tahun 2018, **kadar keciciran pelajar PhD berjaya dikurangkan kepada 21.2%** berbanding 27.4% pada tahun 2017 dan menghampiri sasaran 19% yang ditetapkan oleh KPM.

Di antara faktor yang mempengaruhi keciciran pelajar Sarjana dan PhD yang dikenalpasti adalah masalah kekangan kewangan kerana tidak mendapat penajaan, masalah kesihatan dan mereka berhenti setelah mendapat pekerjaan. Faktor keciciran merupakan perkara luar kawal dan UMT telah mengambil inisiatif dalam menangani isu ini.



KPI 5:
KADAR IGOT

Tahun 2018 merekodkan peningkatan kadar iGOT pelajar program Sarjana Muda kepada 90.5% berbanding 88% pada tahun sebelumnya, sekaligus **melebihi sasaran 85%** yang telah ditetapkan.

Kadar iGOT bagi pelajar program Sarjana juga turut meningkat kepada 33.7% berbanding 27% pada tahun 2017 sekaligus angka ini menghampiri sasaran 40% kadar iGOT yang telah ditetapkan.

Kadar iGOT bagi pelajar program PhD pada tahun 2018 telah berjaya meningkat kepada 23.2% berbanding 18% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun kadar peningkatan ini masih belum memenuhi sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 30%.

Faktor yang mempengaruhi kadar iGOT bagi pelajar program sarjana dan PhD adalah lebih bersifat peribadi seperti masalah kekangan kewangan kerana tidak mendapat penajaan dan masalah kesihatan.



KPI 6:

PENERBITAN ARTIKEL DALAM JURNAL DAN PROSIDING TERINDEKS PER PENSYARAH

Bagi memperkasakan penyelidikan, UMT telah mensasarkan setiap pensyarah menerbitkan sekurang-kurangnya satu artikel dalam jurnal atau prosiding terindeks bagi tahun 2018. UMT telah merekodkan sejumlah **720 artikel** yang telah diterbitkan menjadikan nisbah 1.3 bagi setiap pensyarah dan telah mencapai sasaran yang ditetapkan malahan pencapaian ini lebih baik daripada pencapaian 1.1 pada tahun 2017.



KPI 7:

JUMLAH SITASI (KUMULATIF) PER PENSYARAH

Jumlah sitasi menjadi pengukur kepada kualiti dan impak sesebuah artikel yang diterbitkan dan menjadi rujukan kepada penyelidik lain. **Pada tahun 2018, jumlah sitasi yang direkodkan adalah 11.8,** terdapat peningkatan yang ketara berbanding 8.8 pada tahun sebelumnya serta hampir mencapai **sasaran 13 nilai sitasi** yang ditetapkan bagi tahun 2018.



KPI 8:

PERATUS PENJANAAN PENDAPATAN BERBANDING PERBELANJAAN MENGURUS

Aktiviti penjanaan pendapatan menjadi agenda penting Universiti Awam bagi menampung keperluan perbelanjaan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan. Pada tahun 2018, KPM menetapkan sasaran untuk UMT menjana sebanyak 15% dan UMT telah mencapai sasaran tersebut. Namun peratus penjanaan pendapatan berbanding perbelanjaan mengurus pada 2018 telah menurun kepada 18% berbanding 19.5% pada 2017. UMT akan terus mempertingkatkan lagi usaha untuk meneroka peluang penjanaan khususnya melalui endowmen dan waqaf serta pelaburan.





Synchiropus splendidus
Mandarin fish

Foto: Syed Ahmad Rizal Tuan Nek



Chrysaora pacifica
Japanese sea nettle

Foto: Zulfigar Yasin



HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Akademik 4.0 merupakan program pemantapan akademik yang telah diperkenalkan oleh UMT pada awal tahun 2018 untuk melonjakkan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta kecemerlangan pencapaian akademik pelajar.

Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran

Akademik 4.0

Akademik 4.0 merupakan program pemantapan akademik yang telah diperkenalkan oleh UMT pada awal tahun 2018 untuk melonjakkan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta kecemerlangan pencapaian akademik pelajar. Pelaksanaan beberapa inisiatif yang ditetapkan dalam program ini akan meletakkan UMT sebagai sebuah universiti tersohor dalam bidang tujahan, Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik. Selain itu, ia akan mengukuhkan reputasi akademik UMT untuk menjadi sebuah universiti yang berada pada kelompok 200 universiti terkemuka dunia dalam *QS World University Rankings* pada tahun 2023.

Inisiatif Akademik 4.0 yang telah diperkenal dan dilaksanakan pada tahun 2018 ialah:

i. Industry in the Classrooms
ii. Professional Affiliations
iii. Examiners Alleviation
iv. Excellent Graduate Augmentation
v. Conducive e-Learning Space
vi. Class Streamlining
vii. Empowering Undergraduate Research
viii. World Class Programmes

Industry in the Classrooms

Pelaksanaan *Industry in the Classrooms* bertujuan untuk meningkatkan elemen dan penglibatan industri yang berkaitan dengan sesuatu kursus dalam pembelajaran dan pengajaran kursus tersebut. Dalam inisiatif ini sejumlah jam pembelajaran dan pengajaran dalam semua kursus yang ditawarkan untuk semua program akademik dikhaskan kepada pengamal industri sebagai pensyarah jemputan. Mereka dijemput untuk berkongsi pengalaman dan menyampaikan kuliah berkaitan topik dalam kandungan kursus yang ditetapkan mengikut skema kursus.

Untuk menjayakan inisiatif ini, pihak universiti telah menetapkan sasaran pencapaian sekurang-kurangnya satu kuliah industri bagi setiap kursus dalam KPI pembelajaran dan pengajaran bagi setiap pensyarah dengan pelaksanaan sepenuhnya untuk semua kursus yang ditawarkan pada tahun 2019.

Sebagai permulaan, pelaksanaan awal inisiatif ini telah dibuat pada Februari hingga Disember 2018. Hampir 70% daripada semua kursus yang ditawarkan pada Semester II Sesi 2017/2018 dan Semester I Sesi 2018/2019 telah melaksanakan inisiatif ini.

Professional Affiliations

Keahlian dalam badan professional adalah penting untuk meningkatkan tahap kompetensi dan kredibiliti ahli akademik serta keyakinan awam terhadap kualiti pembelajaran dan pengajaran di UMT. Oleh itu, UMT telah mengambil inisiatif untuk menetapkan setiap ahli akademik menjadi ahli sekurang-kurangnya dalam satu badan profesional di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang diiktiraf mengikut bidang kepakaran mereka.

Sehingga 31 Disember 2018, seramai 347 orang ahli akademik mempunyai keahlian badan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Examiners Alleviation

Mulai tahun 2018, UMT telah melaksanakan peraturan pemeriksaan tesis Ijazah Doktor Falsafah (PhD) hendaklah terdiri daripada dua orang profesor dari universiti luar negara bersama seorang pemeriksa dalaman dari UMT. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti graduan dan mengangkat penyelidikan yang dihasilkan oleh graduan UMT ke peringkat antarabangsa dan secara tidak langsung meningkatkan imej dan keterlihatan UMT di peringkat global.

Bagi melaksanakan inisiatif ini, Senat UMT telah meluluskan peraturan dua pemeriksa luar negara untuk tesis PhD berkuatkuasa mulai Sesi Februari 2017/2018. Sehingga 31 Disember 2018 seramai 48 orang Profesor dari universiti luar negara telah dilantik sebagai pemeriksa 24 tesis PhD.

Excellent Graduate Augmentation

Sebagai iltizam untuk melahirkan graduan yang cemerlang dalam akademik, UMT telah menetapkan sasaran pencapaian markah purata 70% bagi semua kursus yang ditawarkan. Inisiatif ini dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran dan melaksanakan pemantauan yang berterusan ke atas pencapaian akademik pelajar.

Keputusan peperiksaan akhir Semester II 2017/2018 menunjukkan 57% daripada 454 kursus yang ditawarkan mempunyai markah purata pelajar melebihi 70%.





Conducive e-Learning Space

Kepesatan penggunaan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran menuntut UMT menyediakan kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang menepati citarasa generasi pelajar masa kini. Kerja-kerja menaik taraf bilik kuliah akan dilakukan secara berperingkat kepada *Conducive e-Learning Space* adalah amat penting sebagai salah satu usaha transformasi pembelajaran dan pengajaran era digital mengikut keperluan semasa.

Pada tahun 2018, empat buah bilik kuliah telah diubahsuai kepada bilik kuliah interaktif dan mula diguna pakai bagi tujuan pembelajaran.

Class Streamlining

Penyediaan jadual waktu kuliah untuk semua program akademik bagi setiap sesi kemasukan akan disediakan untuk keseluruhan tempoh pengajian program tersebut. Ini bertujuan untuk memberi peluang dan fleksibiliti kepada pelajar dan pensyarah merancang penggunaan masa secara optimum. Penjadualan kuliah akan dirancang dengan mengambilkira waktu pembelajaran dan pengajaran yang efektif dan penggunaan kemudahan secara efisien serta produktif.

Penjadualan kuliah untuk Semester I 2017/2018 telah dirancang supaya tiada kuliah dijalankan pada waktu malam. Manakala, hari Rabu petang diperuntukkan untuk aktiviti kokurikulum pelajar dan tiada kuliah dijadualkan pada hari Khamis petang.

Empowering Undergraduate Research

Pada tahun 2018, UMT telah mengadakan *Undergraduate Research Day* untuk memberi pendedahan dan penerapan budaya penyelidikan dalam kalangan pelajar prasiswazah. Melalui inisiatif ini semua pelajar yang mengambil kursus dan menjalankan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) dikehendaki membentangkan hasil kajian masing-masing di peringkat universiti dalam bentuk pembentangan lisan dan poster untuk penilaian dan pemarkahan. Pelaksanaan program ini juga dijayakan dengan kerjasama dan penglibatan sekretariat pelajar sebagai medan latihan untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran insaniah. Program *Undergraduate Research Day* telah diadakan pada 15 dan 16 Mei 2018 dengan penyertaan 2,000 orang pelajar.





World Class Programmes

Penawaran program akademik berkualiti yang setanding dengan program di universiti terkemuka dunia telah ditetapkan sebagai halatuju pembangunan program akademik UMT. Dalam inisiatif ini, UMT telah menetapkan standard program akademik baharu yang akan dibangunkan atau semakan kurikulum program sedia ada dibuat dengan merujuk kepada program yang sama ditawarkan oleh 20 universiti terkemuka dunia.

Pengukuhan Jaringan Antarabangsa dan Keterlihatan Global

Di samping pelaksanaan inisiatif Akademik 4.0, UMT juga telah melaksanakan strategi melantik profesor pelawat dari luar negara dan penerbitan e-buletin untuk pengukuhan jaringan antarabangsa dan meningkatkan keterlihatan global.

Pelantikan Profesor Pelawat

UMT telah menjemput 56 orang ahli akademik tersohor dari serata dunia dalam pelbagai bidang kepakaran untuk dilantik sebagai Profesor Pelawat di pusat-pusat pengajian. Mereka dipilih berdasarkan kepakaran dan kesarjanaan dalam bidang akademik yang dicadangkan oleh setiap pusat pengajian yang mempunyai bilangan penerbitan artikel dan sitasi dalam pangkalan data *Web of Science.*

Strategi pelantikan ini bertujuan membantu universiti dalam memperkasakan bakat akademik, melonjakkan kecemerlangan pembelajaran dan pengajaran, meningkatkan keunggulan penyelidikan dan inovasi serta memperkukuhkan jaringan antarabangsa.

Mereka yang dilantik akan diberi peranan sebagai penasihat program pengajian, mentor dalam penyelidikan bidang kepakaran, mendapatkan dana antarabangsa, penerbitan artikel jurnal, penyeliaan pelajar pascasiswazah, hubungan antarabangsa atau tugasan penasihatan lain mengikut keperluan pusat pengajian.

e-Newsletter: Academic Affairs Quick Update

Dalam usaha melonjakkan keterlihatan universiti pada peringkat global, UMT telah menerbit e-newsletter, *Academic Affairs Quick Update* yang diterbitkan secara dwi bulanan dan diedarkan melalui platform e-mel perkhidmatan pemasaran serta tularan melalui media sosial.

Academic Affairs Quick Update edisi pertama telah mula diterbitkan pada 1 April 2018 untuk edaran kepada lebih 1,500 kenalan, penyelidik, rakan kerjasama UMT di serata dunia dan juga pelajar serta alumni UMT.

Artikel-artikel yang diterbitkan dalam buletin ini tertumpu kepada perkongsian aktiviti berkaitan pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan oleh UMT. Sehingga Disember 2018, lapan belas keluaran dwi bulanan dan 3 keluaran khas telah diterbitkan.

Program Pengajian Prasiswazah

UMT telah menawarkan sebanyak dua puluh tujuh (27) program prasiswazah, satu (1) program diploma dan satu (1) program asasi melalui lapan pusat pengajian. Senarai program yang ditawarkan mengikut pusat pengajian adalah seperti berikut:

Pusat Pengajian	Program Akademik
Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA)	i. Asasi STEM ii. Sarjana Muda Sains (Sains Kimia) iii. Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan (PPIMG)	i. Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) ii. Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim iii. Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi) iv. Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)
Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran (PPSMS)	i. Sarjana Muda Sains (Biologi Marin) ii. Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Samudera) iii. Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran) iv. Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur (PPSPA)	i. Diploma Perikanan ii. Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) iii. Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)
Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM)	i. Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan) ii. Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) iii. Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai) iv. Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman)
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim (PPPPM)	i. Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) ii. Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) iii. Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan iv. Sarjana Muda Perakaunan
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK)	i. Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim) ii. Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Intrumentasi) iii. Sarjana Muda Sains (Teknologi Alam Sekitar) iv. Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi (PPPSE)	i. Sarjana Muda Kaunseling ii. Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) iii. Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)

Program Pengajian Pascasiswazah

Mod Penyelidikan

Mulai Sesi September 2018/19, 76 program akademik pascasiswazah sedia ada, 38 Ijazah Kedoktoran dan 38 Ijazah Sarjana mod penyelidikan telah dikonsolidasi mengikut *National Education Code* (NEC) kepada 34 program sahaja iaitu 17 Ijazah Kedoktoran dan 17 Ijazah Sarjana. Konsolidasi ini adalah selaras dengan arahan Jabatan Pengajian Tinggi yang meminta semua universiti awam menilai semula penawaran program akademik institusi masing-masing.

Senarai program akademik pascasiswazah mod penyelidikan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

Program Akademik Pascasiswazah (Doktor Falsafah / Sarjana Sains)	
• Biologi dan Biokimia	• Teknologi Perlindungan Alam Sekitar
• Perniagaan dan Pentadbiran	• Perikanan
• Sains Komputer	• Pemprosesan Makanan
• Pengeluaran Tanaman dan Ternakan	• Kemanusiaan
• Sains Bumi	• Matematik
• Ekonomi	• Sains Fizikal
• Perdagangan Kejuruteraan dan Kejuruteraan	• Sains Sosial dan Tingkah Laku
• Sains Alam Sekitar	• Khidmat Sosial dan Kaunseling
	• Perkhidmatan Pengangkutan

Mod Kerja Kursus

UMT juga menawarkan tujuh program akademik di peringkat Sarjana secara mod kerja kursus seperti dalam Jadual di bawah.

Program Akademik	
Pusat Pengajian	**Program Akademik**
Sains Perikanan dan Akuakultur	Sarjana Sains (Akuakultur)
	Sarjana Sains Perikanan Tropika
Perniagaan dan Pengurusan Maritim	Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu)
	Sarjana Pentadbiran Perniagaan
Pembangunan Sosial dan Ekonomi	Sarjana Kaunseling
Informatik dan Matematik Gunaan	Sarjana Sains Komputer
	Sarjana Teknologi Maklumat

Program Akademik Baharu

Pada tahun 2018, UMT telah menerima kelulusan untuk penawaran dua program prasiswazah dan tiga pascasiswazah mod kerja kursus baharu yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) seperti jadual di bawah.

Program	Mod	Pusat Pengajian	Tarikh Kelulusan JKPT
Sarjana Matematik	Kerja Kursus	PPIMG	3 Julai 2018
Sarjana Statistik Sains Marin	Kerja Kursus	PPIMG	3 Julai 2018
Sarjana Sains (Forensik Alam Sekitar)	Kerja Kursus	PPSMS	3 Julai 2018
Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih)	Mod Industri (2u2i)	PPIMG	12 Disember 2018
Sarjana Muda Sains (Geosains Marin)	Kerja Kursus	PPSMS	12 Disember 2018



Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Jumlah pengambilan pelajar baharu prasiswazah dalam pelbagai bidang bagi tahun 2018 adalah seramai 2,463 orang dan menjadikan enrolmen pelajar prasiswazah sehingga 31 Disember 2018 adalah seramai 8,919 orang. Jumlah enrolmen pelajar prasiswazah menunjukkan penurunan sebanyak 3.69% berbanding 9,261 orang pada tahun 2017.

Pengambilan pelajar baharu pascasiswazah pula telah meningkat sebanyak 12.53% pada tahun 2018 iaitu seramai 396 orang pelajar berbanding 316 orang pelajar pada tahun 2017. Bilangan enrolmen pelajar pascasiswazah juga turut meningkat sebanyak 38.65% iaitu 1,478 pelajar pada tahun 2018 berbanding 1,066 orang pelajar pada tahun 2017.

Jumlah keseluruhan enrolmen pelajar bagi tahun 2018 adalah seramai 10,397 berbanding 10,327 pada tahun 2017. Maklumat terperinci pengambilan dan enrolmen pelajar ditunjukkan sepertimana jadual di sebelah.



Perbandingan jumlah pengambilan dan enrolmen pelajar mengikut peringkat pengajian bagi tahun 2017 dan 2018

Bil	Program	Pengambilan		Enrolmen	
		2018	2017	2018	2017
	Prasiswazah				
1.	Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)	100	106	296	286
2.	Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)	103	104	301	301
3.	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)	98	111	408	427
4.	Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim	39	63	224	229
5.	Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)	92	122	322	361
6.	Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)	37	82	201	273
7.	Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)	39	93	214	255
8.	Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)	74	88	240	236
9.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)	103	113	318	238
10.	Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)	74	111	281	305
11.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)	68	93	260	299
12.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)	60	114	299	350
13.	Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)	91	100	372	364
14.	Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan)	100	99	395	403
15.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai)	0	33	104	185
16.	Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman)	41	60	196	193
17.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim)	60	69	271	270
18.	Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi)	22	64	174	243
19.	Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)	34	37	147	142
20.	Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)	36	96	324	399
21.	Sarjana Muda Kaunseling	119	119	453	454
22.	Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)	151	148	445	469
23.	Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)	147	146	432	427
24.	Sarjana Muda Perakaunan	179	167	622	574
25.	Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)	156	164	479	475
26.	Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)	133	121	503	505
27.	Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan	124	123	365	370
28.	Diploma Perikanan	120	98	212	228
29.	Asasi STEM	63	0	61	0
	Jumlah	**2463**	**2844**	**8919**	**9261**
Pascasiswazah					
Doktor Falsafah		122	99	556	424
Sarjana (Mod Penyelidikan)		195	158	723	521
Sarjana (Mod Kerja Kursus)		79	59	199	121
	Jumlah	**396**	**316**	**1478**	**1066**
	JUMLAH KESELURUHAN PENGAMBILAN & ENROLMEN 2018	**2859**	**3160**	**10397**	**10327**

Enrolmen Pelajar Antarabangsa

Pada tahun 2018, UMT telah merekodkan bilangan keseluruhan enrolmen pelajar antarabangsa seramai 233 orang. Daripada jumlah ini, enrolmen pelajar prasiswazah adalah seramai 25 orang manakala pelajar pascsiswazah pula adalah seramai 208 orang.

Peningkatan pengambilan pelajar antarabangsa adalah hasil daripada *Rapid Recruitment Initiative* (RRI) dan pelantikan agen pengambilan pelajar yang giat diusahakan sepanjang tahun 2018.

Enrolmen pelajar antarabangsa mengikut negara asal bagi tahun 2018 ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Enrolmen	Peringkat Pengajian				
Warganegara	Sarjana Muda	Doktor Falsafah	Sarjana (Mod Kerja Kursus)	Sarjana (Mod Penyelidikan)	Jumlah
ALGERIA		1			1
BANGLADESH	8	7		3	18
BRAZIL				1	1
KANADA	1	1			2
CHINA		1		4	5
EGYPT		4			4
PERANCIS		1			1
GHANA		2			2
INDIA		3			3
INDONESIA	8	6	3	9	26
IRAQ		3			3
JEPUN		1			1
JORDAN		87	2	12	101
LEBANON	1				1
LIBYA		5			5
MAURITIUS		1			1
MALDIVES	2				2
NIGERIA		8		1	9
OMAN				1	1
PAKISTAN		17		1	18
SOMALIA		1			1

Enrolmen	Peringkat Pengajian				
Warganegara	Sarjana Muda	Doktor Falsafah	Sarjana (Mod Kerja Kursus)	Sarjana (Mod Penyelidikan)	Jumlah
SRI LANKA		1			1
SUDAN		3			3
SYRIA		1			1
THAILAND	1	3			4
TUNISIA				1	1
AMERIKA SYARIKAT		2			2
VIETNAM				1	1
YAMAN	4	10			14
JUMLAH	**25**	**169**	**5**	**34**	**233**



Pencapaian Akademik Graduan

Majlis Konvokesyen Ke-16 UMT telah diadakan pada 11 hingga 13 November 2018. Jumlah graduan pada tahun 2018 adalah seramai 2,970 orang.

Bilangan graduan Ijazah Sarjana Muda yang cemerlang (ijazah kelas pertama) adalah seramai 213 orang atau 8% daripada 2,647 orang graduan. Bilangan graduan mengikut peringkat pengajian adalah seperti Jadual di bawah.

Bilangan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	2018	2017
Doktor Falsafah	39	41
Sarjana (Mod Penyelidikan)	98	112
Sarjana (Mod Kerja Kursus)	58	51
Sarjana Muda	2,647 (Cemerlang: 213; Kepujian: 2,434)	2,385 (Cemerlang: 167; Kepujian: 2,218)
Diploma	128 (Cemerlang: 13; Kepujian: 115)	129
Jumlah	**2,970**	**2,718**

Penerima Anugerah

Senarai penerima anugerah sempena Majlis Konvokesyen ke-16 UMT adalah seperti Jadual di bawah.

Senarai Penerima Ijazah Kehormat & Profesor Emeritus

Anugerah	Penerima	Jawatan
Profesor Emeritus	Dr. Mohd Lokman Bin Husain	Mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMT (2015-2017) Pensyarah UPM/UPMT/KUT/KUSTEM/UMT (1982-2017)
Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan	Encik Salihin Abang	Presiden Malaysian Institute of Accountants (MIA), Managing Partner Salihin & Co
Ijazah Kehormat Doktor Sains	Tan Sri Datuk Dr. Ahmad Zaharudin Bin Idrus	Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMT (2007-2015) Chairman Viva Rail Lines (VIRAL) Bhd.


MEDIA KREATIF






Telah Berkenan Menyempurnakan
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTANAH NUR ZAHIRAH
SULTANAH TERENGGANU
Pelancaran Buku
Beautiful
GGANU
ENGGANU
RENGGAN
MEDIA KREATIF




OfficialUMT
MEDIA KREATIF

Penerima Anugerah Peringkat Universiti

Nama Anugerah	Penerima
Anugerah Pelajaran Diraja	Mohammad Asyraf Adhwa Bin Masimen Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)
Anugerah Pelajaran Diraja	Foo Tzen Yoong Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
Anugerah Pingat Emas Canselor	Mohd Tirmizi Bin Mohd Lutfi Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)
Anugerah Pro-Canselor (Bidang Sains)	Mohd Azlan Bin Musa Doktor Falsafah Teknologi Maritim
Anugerah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (Bidang Sains)	Mohamad Badrul Bin Mohd Khairul Sahimi Sarjana Sains Akuakultur
Anugerah Naib Canselor- PPIMG	Chow Yee Voon Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)
Anugerah Naib Canselor- PPSA	Ambrose A/L Louise Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)
Anugerah Naib Canselor- PPSPA	Wan Nurizzati Binti W Idris Sarjana Mud Sains Agroteknologi (Akuakultur)
Anugerah Naib Canselor- PPKK	Muhamad Syafiq Bin Mohd Rizani Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)
Anugerah Naib Canselor- PPPPM	Nurul Ilyani Binti Uberaina Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)
Anugerah Naib Canselor- PPSTM	Muhammad Faris Bin Md Yusoff Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman)
Anugerah Naib Canselor- PPSMS	Cheong Jia Lei Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)
Anugerah Naib Canselor- PPPSE	Nur Farahanim Binti Abdullah Program: Sarjana Muda Kaunseling



Perubahan Struktur Kursus Teras Universiti

Bermula Semester 1 Sesi Akademik 2018/2019, UMT telah melaksanakan struktur baharu kursus Teras Universiti (TU) untuk semua program Sarjana Muda dengan perubahan kepada jam kredit dan kod kursus bagi komponen Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). Perubahan ini adalah sejajar dengan panduan agihan jam kredit bagi komponen TU di antara 18 hingga 24 jam kredit seperti yang ditetapkan oleh Mesyuarat Pendidikan Tinggi Negara (MPTN), standard program yang dikeluarkan oleh MQA dan keperluan badan profesional.

Perubahan struktur TU juga dibuat bagi mematuhi garis panduan MPU Edisi Kedua, KPT yang menetapkan jumlah kredit di antara 10 hingga 14 jam, merangkumi empat komponen iaitu U1, U2, U3 dan U4.

Dalam pelaksanaan struktur baharu kursus TU ini, UMT telah memperkenalkan Kursus Citra UMT iaitu MPU3312 - Apresiasi Alam dan Warisan Laut sebagai kursus MPU komponen U3, yang tidak diisi oleh mana-mana kursus sebelum ini, bagi semua 26 program akademik sedia ada.

Kursus Citra UMT - Apresiasi Alam dan Warisan Laut

Semua pelajar prasiswazah UMT diwajibkan untuk mengambil kursus MPU3312 - Apresiasi Alam dan Warisan Laut. Kursus ini menekankan kepada kepentingan untuk menghargai alam dan warisan. Satu aktiviti berteraskan air (survival laut) yang dikendalikan dalam Bahasa Inggeris adalah sebahagian daripada kandungan kursus yang bertujuan untuk memberi pengalaman secara langsung kepada pelajar. Pelajar juga diwajibkan untuk mengikuti aktiviti yang dapat membangunkan kemahiran insaniah secara holistik. Penglibatan dalam aktiviti-aktiviti tersebut merupakan pendedahan awal bagi merangsang pembelajaran kendiri dan meningkatkan sikap dan nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

Pelaksanaan kursus ini melangkaui dua semester pembelajaran dengan penilaian berdasarkan laporan, pembentangan dan pemerhatian berterusan oleh mentor yang dilantik dalam kalangan pensyarah.

Kelestarian Program Akademik

Prestasi program-program akademik yang ditawarkan oleh UMT telah dinilai setiap tahun melalui Analisis Kelestarian Program Akademik dengan mengambil kira pencapaian program berdasarkan sembilan (9) parameter sebagaimana kriteria yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) iaitu:

i. Program akademik yang mempunyai bidang pengkhususan;
ii. Populariti Program Akademik;

iii. Nisbah Penawaran Berbanding Permohonan (NPP);
iv. Peratus Pengambilan Pelajar Berbanding Penawaran;
v. Peratus Pengambilan Pelajar Berbandingan Unjuran;
vi. Peratusan Prajaya;
vii. Gaji Permulaan Pertama (GPP);
viii. Kadar Kebolehpasaran Graduan;
ix. Purata CGPA Kelayakan Masuk Pelajar.

Objektif Analisis Kelestarian Program Akademik ialah untuk mewujudkan sistem indeks kelestarian program akademik UMT sebagai petunjuk untuk; menilai dan menentukan tindakan penjumudan atau penjenamaan semula program akademik; menyusun unjuran pengambilan pelajar secara strategik dan melaksanakan moratorium program akademik berprestasi rendah. Ini bagi memastikan hanya program akademik yang terkini, relevan dan berkualiti sahaja ditawarkan supaya dapat menghasilkan graduan yang menepati keperluan industri dan guna tenaga negara masa hadapan sejajar dengan Industri 4.0.



Penawaran Program IDP

Hasil Analisis Kelestarian Program Akademik dijadikan asas kepada rasionalisasi dan penambahbaikan yang perlu dibuat untuk meningkatkan kualiti semua program akademik yang ditawarkan. Analisis ini juga telah mengenalpasti peluang untuk menawarkan program-program akademik yang mempunyai permintaan tinggi untuk penawaran melalui saluran *International Degree Program* (IDP). Pengambilan pelajar akan dibuat tanpa melalui saluran UPU dengan kadar yuran yang berbeza daripada pelajar yang masuk melalui saluran biasa. Ia merupakan nilai tambah terhadap program akademik di UMT dan juga sebagai salah satu usaha untuk penjanaan pendapatan kepada universiti.

Lapan (8) program akademik telah dipilih dan diluluskan untuk penawaran sebagai Program IDP yang akan dilaksanakan mulai Sesi 2019/2020 iaitu:

i. Sarjana Muda Perakauanan
ii. Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)
iii. Sarjana Muda Kaunseling
iv. Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)
v. Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan
vi. Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)
vii. Sarjan Muda Pengurusan (Pemasaran)
viii. Sarjana Muda Sains (Teknologi Maritim)

Pendidikan Fleksibel

Kejayaan program perintis kerjasama universiti-industri antara UMT dan firma perakaunan SALIHIN (UMT-SALIHIN *Teaching Accounting Firm)* untuk program Sarjana Muda Perakaunan menyokong pendidikan secara fleksibel. Ia telah membuka lebih banyak peluang kolaborasi universiti-industri dalam penawaran mod pengajian berasaskan *Work-Based Learning* (WBL). Ia juga bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar melalui pembelajaran berasaskan pengalaman dan perkhidmatan yang dapat diterokai di luar kampus atau di industri yang mana pengalaman sebenar dapat disediakan oleh industri yang berkenaan.

Program 3u1i “InTernary” UMT- ACCA

Program kerjasama strategik yang dinamakan “InTernary”, pelajar program Sarjana Muda Perakaunan UMT mempunyai satu lagi pilihan untuk mengikuti pengajian secara mod 3u1i iaitu tiga tahun di UMT dan satu tahun penempatan di industri bagi mempercepatkan pengiktirafan kelayakan profesional perakaunan daripada ACCA. Program Sarjana Muda Perakaunan UMT sekali lagi mendapat kepercayaan dan pengiktirafan antarabangsa melalui kerjasama strategik dengan badan profesional perakaunan antarabangsa, *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA).

Melalui perjanjian kerjasama yang dimeterai pada 10 Oktober 2018, para pelajar Sarjana Muda Perakaunan UMT yang terpilih berpeluang untuk mencapai tiga matlamat sekaligus iaitu Sarjana Muda Perakaunan daripada UMT, lulus peperiksaan ACCA, serta memenuhi satu pertiga syarat pengalaman kerja bagi kelayakan profesional ACCA.

Penerapan 3u1i UMT - Kuantan Port Consortium & PTP

UMT juga telah memeterai perjanjian kerjasama strategik dengan Kuantan Port Consortium (KPC) dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) untuk pelaksanaan pembelajaran berasaskan WBL bagi program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim).

Kerjasama ini akan memberi pilihan kepada pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang cemerlang untuk mengikuti pengajian secara WBL selama satu tahun di KPC atau PTP pada dua semester terakhir sebelum bergraduat. Program kerjasama ini akan mula dilaksanakan pada Sesi Akademik 2019/2020 dengan unjuran 8 orang pelajar yang akan mengikuti pengajian secara WBL di KPC dan 12 orang di PTP pada satu-satu masa.

Kejayaan kerjasama ini akan membantu meningkatkan kualiti kurikulum program akademik Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) dan merapatkan jurang antara universiti-industri dalam menghasilkan modal insan yang memenuhi keperluan industri.

Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih)

Program Sarjana Muda Sains Komputer (Komputeran Mudah Alih) merupakan program akademik kedua UMT yang akan ditawarkan secara Mod Industri (2u2i). Program ini menggabungkan komponen universiti dan komponen industri yang mana pelajar dikehendaki mengikuti modul WBL di industri terpilih untuk tempoh setahun di tahun akhir pengajian.

Program ini telah diluluskan oleh JKPT pada 12 Disember 2018 dan akan mula ditawarkan pada sesi kemasukan September 2019/2020.

Program ini bermatlamat untuk menyediakan graduan yang mempunyai pendidikan akademik dan kemahiran yang berorientasikan kerjaya bagi memenuhi kehendak industri, penyelidikan dan pendidikan dalam bidang Sains Komputer dan Komputeran Mudah Alih, khususnya. Ia juga bertujuan untuk menyediakan graduan yang berupaya mengaplikasikan kepakaran ICT/komputer dalam semua bidang, khususnya dalam bidang komputeran mudah alih. Bidang ini akan memberikan perkhidmatan, perundingan dan latihan dalam semua bidang yang memerlukan aplikasi sains komputer, khususnya dalam sektor informasi teknologi komunikasi.

Asasi STEM

Mulai Jun 2018 UMT telah menawarkan program Asasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) atau ringkasnya Asasi STEM dengan kumpulan perintis seramai 63 orang pelajar telah mendaftar untuk mengikuti pengajian selama tiga semester dalam tempoh satu tahun.

Program Asasi STEM UMT adalah unik dan pertama seumpamanya di Malaysia. Program ini menggabungkan empat bidang; asas bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik dalam satu program. Pelajar yang mengikuti Asasi STEM berpeluang untuk memilih bidang yang diminati sama ada sains, matematik, kejuruteraan atau teknologi setelah tamat mengikuti Asasi STEM. Ini berbeza dengan program asasi yang biasanya ditawarkan yang mana pelajar hanya berpeluang menyambung pengajian dalam bidang tertentu sahaja di peringkat ijazah dasar.

Dalam pengambilan pertama ini, UMT turut membuka peluang kepada tujuh orang pelajar lepasan SPM daripada aliran sastera untuk beralih kepada bidang sains di peringkat pendidikan tinggi selaras dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menggalakkan universiti membuka peluang dan laluan kepada lebih ramai pelajar sastera melanjutkan pelajaran dalam bidang sains yang sesuai. Kejayaan kumpulan perintis ini akan membuka peluang kepada lebih ramai pelajar aliran sastera untuk mengikuti program Asasi STEM UMT. Pembelajaran program asasi UMT juga dilengkapi dengan modul hafazan Al-Quran bagi melahirkan pelajar yang seimbang dan cemerlang dalam semua aspek termasuk ilmu agama.

UMT melalui Pusat Asasi STEM juga secara berterusan melaksanakan program penggalakan pembelajaran STEM khususnya kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah untuk memberi pendedahan dan menanam minat kepada pelajar tentang bidang STEM seterusnya menarik minat para pelajar untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang STEM di menara gading.





English Vaganza

UMT telah menyahut seruan kementerian untuk meningkatkan ekosistem pembelajaran dan penilaian Bahasa Inggeris di peringkat pendidikan tinggi melalui pengintegrasian penilaian pembelajaran formal (MEA 1) dan pembelajaran tidak formal (MEA 2). Pusat Pembelajaran Bahasa Inggeris (ELC) UMT telah membangunkan Modul Pembelajaran Bahasa Inggeris - English Vaganza yang mengandungi tiga komponen pembelajaran yang dipadankan dengan tiga Kursus Teras: OPOWER (BBB3101 Academic Writing); THE STAGE (BBB3102 Public Speaking); dan JOB WANTED (BBB 3103). Pembelajaran modul tersebut dilaksanakan secara informal bagi memenuhi penilaian MEA 2.

Objektif pembelajaran adalah untuk membantu pelajar meningkatkan keupayaan berkomunikasi daripada tahap *basic proficiency* ke tahap *independent user* berdasarkan panduan penilaian CEFR. Program ini telah dijalankan dengan penglibatan hampir 7,000 orang pelajar yang mengambil 3 Kursus Teras Bahasa Inggeris sepanjang tahun 2018.



UMT Undergraduate Research Day 2018

UMT Undergraduate Research Day 2018 telah diadakan pada 15 dan 16 Mei 2018 sebagai program khusus untuk inisiatif Akademik 4.0 - *Empowering Undergraduate Research* dan bertujuan untuk mengetengahkan penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar prasiswazah UMT. Penyertaan pelajar dalam program ini juga dirancang untuk mengasah bakat dan mengembangkan minat mereka dalam penyelidikan serta medan latihan meningkatkan kemahiran insaniah.

Seramai 2,000 orang pelajar tahun akhir yang mengambil kursus dan menjalankan Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) telah membentangkan hasil kajian masing-masing di peringkat universiti secara berpusat dalam bentuk pembentangan poster. Pemarkahan oleh juri dalam kalangan pensyarah dan wakil industri semasa program ini adalah sebahagian daripada penilaian kursus tersebut.

Semua abstrak yang dihasilkan oleh pelajar untuk program ini telah diterbitkan dalam buku abstrak yang diterbitkan dalam e-book.



Penawaran Program Secara Francais dan Luar Pesisir

Penawaran Program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) Secara Francais oleh RETI

UMT dan Ranaco Education and Training Institute (RETI), sebuah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bertaraf 6 Bintang (MyQuest) telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) untuk menawarkan Program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim) UMT secara francais di Kampus RETI, Teluk Kalung Kemaman mulai April 2019.

Kerjasama di antara UMT dengan RETI ini merupakan inisiatif KPM di bawah Program Pemerkasaan IPTS Bumiputra. Melalui perjanjian ini RETI akan menawarkan program tersebut dan UMT bertanggungjawab mengawal selia pelaksanaan pembelajaran dan pengajaran yang dilaksanakan oleh RETI untuk memastikan kualiti program kerjasama yang ditawarkan menepati piawaian dan keperluan yang ditetapkan oleh KPT, MQA dan Senat UMT.

Penawaran Program Secara Luar Pesisir bersama ATLANTIS BUSINESS SCHOOL

UMT telah memilih untuk bekerjasama dengan Atlantis Business School (ABS) yang beroperasi di Mauritius bagi memenuhi lonjakan Keunggulan Global yang memfokuskan kepada usaha Malaysia untuk terus meningkatkan daya saing di peringkat global melalui penawaran pendidikan yang lebih berkualiti serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Model penawaran Program Kerjasama Luar Pesisir UMT-ABS ialah penawaran program akademik dan kurikulum UMT oleh ABS dengan kemudahan dan sokongan pembelajaran disediakan oleh ABS dengan kawal selia UMT. Untuk peringkat permulaan ABS dibenarkan untuk menawarkan dua program prasiswazah dan dua program pascasiswazah secara sepenuh masa di ABS, Mauritius mengikut semester pengajian yang telah ditetapkan oleh UMT seperti berikut:

i. Sarjana Muda Pengurusan (Maritim);
ii. Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran);
iii. Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA); dan
iv. Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM).

Dengan adanya program kerjasama di luar pesisir antara UMT-ABS ini, ia bukan sahaja dapat membantu meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa UMT dan memperkukuhkan promosi dan pemasaran sistem pendidikan tinggi Malaysia malah turut menyumbang kepada peningkatan sumber pendapatan universiti dan negara amnya.

Program Mobiliti Pelajar

Mobiliti *Inbound*

Pada tahun 2018, UMT telah menerima 232 pelajar antarabangsa yang mengikuti program mobiliti *inbound* yang mana 185 pelajar adalah dari peringkat prasiswazah dan 47 pelajar pascasiswazah. Jumlah tersebut adalah peningkatan hampir 33% daripada 175 orang pada tahun 2017 hasil daripada usaha secara agresif oleh semua pusat pengajian menganjurkan *Summer School* di pusat pengajian masing-masing.



Bilangan Pelajar Mobiliti *Inbound* Mengikut Negara Asal

PRASISWAZAH	185
PASCASISWAZAH	47

Jumlah Keseluruhan **232**

Mobiliti *Outbound*

Bilangan pelajar UMT yang mengikuti mobiliti *outbound* ke institusi-institusi pendidikan tinggi di luar negara juga telah meningkat sebanyak 38% daripada 122 orang pada tahun 2017 kepada 168 orang pada tahun 2018. Seramai 128 orang daripada bilangan tersebut adalah di peringkat prasiswazah dan 40 pelajar pascasiswazah.



Bilangan Pelajar Mobiliti *Outbound* Mengikut Negara Asal

PRASISWAZAH	128
PASCASISWAZAH	40

Jumlah Keseluruhan **168**

Summer School: "Digitalized Heritage and Culture"

Perbezaan kebudayaan dan kepelbagaian warisan kreatif masyarakat Terengganu telah berjaya menarik minat mahasiswa dari Indonesia untuk menyertai *Summer School: "Digitalized Heritage and Culture"* anjuran Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan (PPIMG). Subjek ini dibuka pada cuti semester berkonsepkan kursus musim panas, yang pertama oleh UMT menawarkan 2 kredit kepada pelajar tempatan dan antarabangsa.

Kumpulan pertama seramai 16 orang peserta telah menyertai kursus ini terdiri daripada mahasiswa Bogor Agricultural University (IPB), Universitas Indonesia (UI), SMAIT Abu Bakar Yogyakarta dan pelajar UMT. Ia berlangsung pada 4 hingga 16 Ogos 2018 di kampus UMT dan sekitar Bandar Kuala Terengganu. Kursus ini memperkenalkan penggunaan teknologi maklumat dengan penggunaan konsep matematik sebagai pendekatan bagi memahami warisan dan budaya setempat, serta kehidupan dan alam semulajadi dengan lebih baik. Ia menggabungkan konsep matematik dan teknologi maklumat yang dipelajari dalam bilik kuliah dengan fokus kepada budaya dan warisan di Malaysia, khususnya di Terengganu.

Kursus ini juga dijalankan dengan kerjasama pengusaha produk tradisional yang mempunyai ciri-ciri warisan dan budaya negeri Terengganu seperti Majlis Kebudayaan Daerah Besut, Noor Arfa Batek, pembuatan gasing pangkah di Kampung Bukit Wan, perusahaan pembuatan bot di Pulau Duyong, pembuatan barangan tembaga di Wanisma Craft and Trading dan pusat perniagaan produk tempatan di Pasar Payang, Kuala Terengganu

TRIPOMUNDO

UMT adalah satu-satunya universiti di Asia yang telah dipilih oleh European Commission (EU) sebagai rakan kerjasama penawaran program TROPIMUNDO - program pengajian Master Erasmus Mundus dalam bidang biodiversiti dan ekosistem tropika. Melalui kerjasama ini, pelajar program TROPIMUNDO boleh bertukar dan belajar di universiti rakan konsortium berbeza yang telah ditetapkan sama ada di Eropah seperti Belgium, Perancis dan Itali atau kawasan tropika di luar Eropah seperti Australia, Cameroon, Guiana Perancis, Guadeloupe dan Malaysia.

Program mobiliti pascasiswazah tajaan EU ini telah memasuki kohot ke-empat pelaksanaan dan seramai 17 orang pelajar antarabangsa daripada 12 negara telah mengikuti pengajian selama lima bulan dari Februari hingga Jun di Institut Osenografi dan Sekitran (INOS), UMT pada tahun 2018.

Secara keseluruhan, seramai 68 orang pelajar antarabangsa dari 29 negara seluruh dunia telah mengikuti program ini dan menjadi Alumni UMT sejak program ini dimulakan pada tahun 2015.


STEPHEN
KING

Program Mobiliti UMT bersama Heriot Watt University, UK

Usaha pengantarabangsaan UMT telah dipertingkatkan pada tahun 2018 dengan pengenalan beberapa program *Summer School* yang dilaksankan atau dipadankan melalui perjanjian kerjasama dengan beberapa universiti terkemuka dunia.

Hasil inisiatif tersebut, UMT dan Heriot Watt University, United Kingdom (HWU) yang telah memeterai perjanjian kerjasama sejak tahun 2015 berjaya melaksanakan program mobiliti jangka pendek *non-graduating student* yang pertama pada tahun 2018. Program perintis ini telah disertai oleh 26 orang pelajar dan kakitangan akademik HWU bersama 30 orang kakitangan akademik dan sokongan Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran (PPSMS). Program selama dua minggu ini telah diadakan di beberapa lokasi penyelidikan UMT; Stesen Penyelidikan Alami, Pulau Bidong, Tanah Bencah Setiu Wetland dan sekitar Tasik Kenyir.

Program mobiliti jangka pendek ini telah berjaya mengetengahkan kepakaran penyelidikan UMT dalam kajian dan pemantauan ekosistem terumbu karang. Para peserta program juga telah bertukar-tukar pandangan dan kepakaran dalam memahami isu pengurusan persekitaran yang berkaitan aktiviti pelancongan dan pembangunan mampan.

MS ISO 9001:2015 dan MS ISO/IEC 27001:2013

Selaras dengan usaha pemantapan akademik melalui pelaksanaan inisiatif Akademik 4.0, UMT juga telah memperkemaskan sistem penyampaian perkhidmatan pembelajaran dan pengajaran melalui Pensijilan MS ISO 9001:2015 dan MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS).

UMT telah dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi skop perkhidmatan pendidikan peringkat diploma dan ijazah pada 17 Ogos 2018. Di samping itu, pensijilan ISO/IEC 27001:2013 ISMS bagi skop Pengurusan Akademik Prasiswazah yang merangkumi Pengurusan Pendaftaran Pelajar, Pengurusan dan Penyelenggaraan Maklumat Pendaftaran di Pusat Data pada 15 November 2018.

Kedua-dua pensijilan tersebut merupakan sebahagian daripada tuntutan transformasi perkhidmatan untuk mewujudkan sistem penyampaian cemerlang, cekap dan berkesan serta mencapai tahap keselamatan maklumat. Ia juga membuktikan amalan integriti dalam organisasi yang selari dengan visi universiti untuk menjadi universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani di peringkat global.

Pengiktirafan ini juga telah membuktikan kebolehan dan keupayaan UMT dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan terunggul yang dapat memenuhi keperluan pemegang taruh mengikut piawaian antarabangsa.

Pencapaian Pensijilan ISO ini adalah hasil semangat kerja berpasukan daripada semua pihak. Pihak Pengurusan UMT yakin pelaksanaan kedua-dua pensijilan ini sangat penting selari dengan Pelan Strategik UMT 2018-2022 dan Pelan Strategik ICT UMT 2019-2023. Skop pensijilan MS ISO 9001:2015 akan diperluaskan kepada Perkhidmatan Pendidikan di Peringkat Diploma dan Ijazah, Pengurusan Penyelidikan dan Proses Sokongan. Manakala pensijilan MS ISO/IEC 27001:2013 akan diperluas kepada empat lagi proses kritikal yang merangkumi Pengurusan Keselamatan Maklumat Pelajar; Staf; Kewangan dan Perakaunan; serta Penyelidikan melalui Fasa 2 yang akan dilaksanakan pada tahun 2019.

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISMS) 2018 dan Peluasan Skop Fasa 2 2019

PENSIJILAN	FASA 1	TARIKH PENSIJILAN	FASA 2	SASARAN
ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)	Perkhidmatan Pendidikan di Peringkat Diploma dan Ijazah	17 Ogos 2018	1. Perkhidmatan Pendidikan di Peringkat Diploma dan Ijazah 2. Pengurusan Penyelidikan dan Proses Sokongan	Ogos 2019
ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)	Pengurusan Akademik Pra-siswazah yang merangkumi: 1. Pengurusan Pendaftaran Pelajar 2. Pengurusan dan Penyelenggaraan Maklumat Pendaftaran di Pusat Data	31 Oktober 2018	Pengurusan Keselamatan Maklumat: 1. Pelajar 2. Staf 3. Kewangan dan Perakaunan 4. Penyelidikan	Ogos 2019

UMT Massive Open Online Course (UMTMOOC)

Pada tahun 2018, UMT telah menghasilkan lima kursus MOOC iaitu *Open Water Scuba Diver, Seed Production and Tehniques, Estaurine and Mangrove Ecology, Chemical Safety and Management dan Pastry and Bakery*. Kejayaan menghasilkan 5 kursus ini telah meningkatkan jumlah koleksi kursus UMTMOOC kepada tujuh belas (17) kursus secara keseluruhan. Kursus-kursus UMTMOOC yang telah ditawarkan adalah seperti berikut:















Kursus-kursus UMTMOOC juga telah mendapat pelbagai anugerah dan pengiktirafan yang menjadi kebanggaan UMT dalam pertandingan inovasi pembelajaran dan pengajaran yang disertai sepanjang tahun 2018.

Anugerah

- ***The Best Innovation*** *in Management of MOOC (MEDLIT, 2018)*
- ***The Best Innovation*** *e-Content in MOOC (MEDLIT, 2018)*
- ***e-Learning Award: Best Massive Open Online Course*** *(UMTMOOC: Sea Turtle Biology and Conservation) (IUCEL, 2018)*

Pengiktirafan

- ***Gold Medal*** *- Poster for UMTMOOC: Innovative Course Design for Innovative Learning (MEDLIT, 2018)*
- ***The Best Innovation*** *in Management of MOOC (MEDLIT, 2018)*
- ***Gold Medal*** *- Poster for UMTMOOC: An Innovative Based Content for the 21st Century Education (MEDLIT, 2018)*
- ***The Best Innovation*** *e-Content in MOOC (MEDLIT, 2018)*
- ***Gold Medal*** *- Poster for UMTMOOC: Sustainable Development (e-Condev 2018, UiTM)*
- ***Gold Medal*** *- Poster for UMTMOOC: Ornamental Fish Culture (e-Condev 2018, UiTM)*
- ***Gold Medal*** *- Poster for UMTMOOC: Agropreneurial Accounting (e-Condev 2018, UiTM)*
- ***Bronze Medal*** *– Poster for UMTMOOC: A Video-Based Real Learning for Online Education (IUCEL 2018, IIUM)*



Penutup

Reka bentuk pendidikan tinggi mengikut acuan Industri 4.0 yang diperkenalkan oleh UMT melalui penerapan lapan (8) inisiatif pemantapan akademik ini sedikit sebanyak telah mula menangani cabaran dan keperluan kritikal Industri 4.0. Fokus utama pelaksanaan adalah penambahbaikan kepada proses penyampaian pembelajaran dan pengajaran yang bermatlamatkan kepada melahirkan graduan holistik bagi memenuhi keperluan guna tenaga industri dan aspirasi pembangunan negara.

Pelaksanaan inisiatif ini dapat membantu melonjakkan pencapaian akademik UMT sebagai sebuah universiti tersohor dalam bidang tujahan universiti iaitu Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik. UMT juga telah meletakkan matlamat menjadi sebuah universiti yang berada pada kelompok 200 universiti terkemuka dunia dalam *QS World University Rankings* pada tahun 2023.

FAKTA & ANGKA

2,000
pelajar membentang projek ilmiah tahun akhir semasa Undergraduate Research Day

10,397
enrolmen pelajar

232
pelajar antarabangsa mengikuti mobiliti inbound

5
program akademik baharu akan ditawarkan

297
enrolmen pelajar antarabangsa

168
pelajar UMT mengikuti mobiliti outbound

2,859
pengambilan pelajar baharu

2,970
Graduan 2018

17
kursus UMTMOOC

63
pelajar sulung Program Asasi STEM

8
program akademik ditawarkan melalui IDP



Orange Sun Coral
(Tubastrea aurea)



Terumbu karang menjadi habitat bagi ikan-ikan dan hidupan marin seperti anemone, span laut, alga dan landak laut.

Foto: Baharin Mustapa



PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pemerkasaan aktiviti penyelidikan sepanjang 2018:

- **Keterlihatan pakar penyelidik UMT di peringkat global**
- **Penstrukturan semula kluster**
- **Penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi**
- **Sumbangan kepada komuniti**

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mempergiatkan pelbagai usaha dalam memperkasakan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan perundingan serta memantapkan inovasi yang menjadi tunjang utama aktiviti universiti selain pembelajaran dan pengajaran. Antara usaha pemerkasaan aktiviti penyelidikan sepanjang 2018 adalah membantu keterlihatan pakar penyelidik UMT di peringkat global, penstrukturan semula kluster penyelidikan, penerbitan berimpak tinggi dan juga sumbangan kepada komuniti.

Untuk memastikan pemerkasaan UMT dari aspek penyelidikan dan inovasi sentiasa dipupuk dan dipantau, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi berperanan sebagai pusat tanggungjawab dalam mengurus semua aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi di UMT.

UMT telah berjaya memperoleh geran kerajaan berjumlah RM5.4 juta pada tahun 2018 berbanding RM4.6 juta pada tahun 2017. Satu kejayaan buat UMT berbanding tahun sebelum dengan peningkatan jumlah geran yang diperolehi sebanyak 14.8%. Sumbangan terbesar adalah dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kejayaan memperoleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang berjumlah RM4.9 juta.

Tahun 2018 turut menyaksikan UMT juga berjaya memperoleh geran antarabangsa berjumlah RM1.7 juta. Sumbangan terbesar adalah dari Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) dengan kejayaan memperoleh geran First Institute of Oceanography (FIO) berjumlah 1.5 juta.

Selain itu, kejayaan UMT dalam mendapatkan pelbagai geran swasta dan kerajaan merupakan penanda aras bahawa kualiti dan mutu penyelidikan UMT semakin diterima di peringkat pembuat dasar serta pemain industri.



GERAN PENYELIDIKAN

Geran Agensi Luar

Pada 2018, geran penyelidikan yang diterima oleh UMT dari sumber luaran iaitu sumber kerajaan, swasta dan antarabangsa yang baharu adalah seperti jadual di bawah:

Projek Penyelidikan Baharu Bagi Tahun 2018

NAMA GERAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	JENIS SUMBER PEROLEHAN GERAN	% PERUNTUKAN MENGIKUT JENIS GERAN	JUMLAH PERUNTUKAN MENGIKUT JENIS GERAN	% PERUNTUKAN MENGIKUT JENIS SUMBER
First Institute of Oceanography, China (FIO)	1	1,517,341.29	A	**12.49%**	1,785,043.92	**14.70%**
North China Sea Marine Forecasting Center, China	1	150,000.00		**1.23%**		
Virbac Vietnam	1	79,127.74		**0.65%**		
Ministry of Education, Taiwan	1	20,830.00		**0.17%**		
Eurastrip Horizon 2020, Ghent University	1	17,744.44		**0.15%**		
Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)	54	4,901,155.00	K	**40.35%**	5,468,029.00	**45.02%**
Public Private Research Network (PPRN)	1	37,374.00		**0.31%**		
FRGS-APRS	2	35,000.00		**0.29%**		
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	1	40,000.00		**0.33%**		
Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM)	4	228,000.00		**1.88%**		
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	1	80,000.00		**0.66%**		
Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu	1	50,000.00		**0.41%**		
Universiti Putra Malaysia (UPM)	1	30,000.00		**0.25%**		
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1	25,000.00		**0.21%**		
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	1	41,500.00		**0.34%**		

NAMA GERAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	JENIS SUMBER PEROLEHAN GERAN	% PERUNTUKAN MENGIKUT JENIS GERAN	JUMLAH PERUNTUKAN MENGIKUT JENIS GERAN	% PERUNTUKAN MENGIKUT JENIS SUMBER
Aquaria KLCC	1	21,600.00	S	**0.18%**	966,125.80	**7.95%**
TDM Plantation Sdn. Bhd.	1	487,175.80		**4.01%**		
RHB Islamic Bank	1	150,000.00		**1.23%**		
Yayasan Bank Rakyat	3	252,400.00		**2.08%**		
Offshore Services Sdn. Bhd.	1	49,950.00		**0.41%**		
Ilham Centre	1	5,000.00		**0.04%**		
Geran Penyelidikan Tranlasional	6	2,443,000.00	D	**20.11%**	3,927,548.00	**32.33%**
Geran Penyelidikan Strategik	3	237,188.00		**1.95%**		
Geran Penyelidikan Sultan Mizan	1	90,000.00		**0.74%**		
Geran Pembiayaan Sepadan *(Matching Grant)*	2	40,000.00		**0.33%**		
TAPE RG UMT	82	989,200.00		**8.14%**		
Geran Pengkomersialan	1	13,160.00		**0.11%**		
Geran Khas UMT	2	50,000.00		**0.41%**		
Geran CIF *(Commercialization Initiative Fund)*	3	65,000.00		**0.54%**		
JUMLAH	**180**	**12,146,746.72**		**100.00%**	**12,146,746.72**	**100.00%**

Jenis Sumber Perolehan Geran

A – Antarabangsa

K – Kerajaan

S – Swasta

D – Dalaman

Manakala terdapat 307 projek penyelidikan yang aktif dalam tempoh Januari hingga Disember 2018. Jadual di bawah menunjukkan projek penyelidikan aktif untuk tahun 2018.

Projek Penyelidikan Aktif Pada Tahun 2018

NAMA GERAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	JENIS SUMBER PEROLEHAN GERAN
University Libre Brussels	1	97,443.33	A
Humane Society International, Amerika Syarikat	1	186,265.61	
Pangolin Investment Management Pte Ltd, Singapura	1	50,000.00	
Panthera Leaders In Wild Cat Conservation and Woodland Park Zoo	1	351,000.00	
Nagao Natural Environment Foundation	1	18,214.50	
Nikkyo Technos Co., Ltd., Tokyo, Japan	1	20,000.00	
First Institute of Oceanography State Oceanic Administration	1	9,520,850.00	
The World Academy of Sciences (TWAS), Italy	1	32,948.00	
WorldFish under Enhanced Coastal Fisheries (ECOFISH-Bangladesh) Project	1	161,100.00	
Ghent University	1	191,845.49	
Ministry of Education, Taiwan	1	20,830.45	
Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)	106	9,294,909.00	K
Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)	3	316,000.00	
Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS)	2	1,700,400.00	
Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS)	5	160,450.00	
Skim Geran Penyelidikan Research Acculturation Collaborative Effort (RACE)	2	98,000.00	
SATREPS COSMOS	3	420,400.00	
Dana Projek Komuniti, NBOS 4	1	200,000.00	
Yayasan Terengganu	1	75,792.45	
Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM)	6	348,000.00	
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	1	1,000,000.00	
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	4	85,000.00	
Universiti Malaya (UM)	2	68,468.00	
Universiti Putra Malaysia (UPM)	1	30,000.00	
MARDI	2	103,000.00	
Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu	1	50,000.00	
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1	25,000.00	
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)	1	250,000.00	
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	1	170,850.00	

NAMA GERAN	BIL PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	JENIS SUMBER PEROLEHAN GERAN
Aerospace Malaysia Innovation Centre, Universiti Malaya	1	446,400.00	K
National Institutes of Biotechnology Malaysia	1	400,000.00	
National Antartic Research Centre, Universiti Malaya	1	259,859.00	
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	1	41,500.00	
ECERDC	1	2,601,000.00	
Public Private Research Network (PPRN)	1	37,374.00	
Tabung Penyelidik Muda (TPM)	25	500,000.00	D
Talent and Publication Enhancement-Research Grant (TAPE-RG)	82	989,200.00	
Skim Penyelidikan Translational	11	6,812,180.00	
Action Research Grant	4	110,000.00	
Sultan Mizan Profesorial Chair	1	50,000.00	
Matching Grant	2	40,000.00	
Commercialization Initiative Fund (CIF)	3	65,000.00	
Geran Penyelidikan Strategik	3	237,188.00	
Lain-lain Geran Dalaman	4	99,160.00	
Greeny Aquaculture Sdn. Bhd.	1	35,000.00	S
WWF - Malaysia	2	39,330.00	
TDM Plantation Sdn. Bhd.	1	487,175.80	
Venator Corp.	1	68,100.00	
Sime Darby Sdn. Bhd.	1	115,940.00	
Jian Sheng Aquaculture Sdn. Bhd.	1	25,000.00	
RHB Islamic Bank	1	150,000.00	
AQUARIA KLCC	1	21,600.00	
Yayasan Bank Rakyat	1	94,000.00	
Tanjung Offshore Service Sdn. Bhd.	1	49,950.00	
Ilham Centre	1	5,000.00	
JUMLAH	**307**	**38,826,723.63**	**-**

Jenis Sumber Perolehan Geran

A – Antarabangsa

K – Kerajaan

S – Swasta

D – Dalaman

Geran Penyelidikan Translasional

Pada tahun 2018 UMT telah meneruskan penyaluran geran penyelidikan translasional kepada penyelidikan yang mempunyai impak secara langsung kepada komuniti setempat. UMT telah meluluskan geran yang berjumlah RM2,443,000.00 bagi pelaksanaan 6 projek translasional pada tahun ini. Penyelidikan yang dijalankan ini adalah seiring dengan bidang tujahan UMT dalam mencapai hasrat menyampaikan maklumat dalam membangunkan komuniti yang juga selari dengan agenda pembangunan negara.

Projek Translasional UMT 2018



Pertandingan Pameran Penyelidikan Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Penyertaan Pameran Penyelidikan

UMT turut menyertai dua pameran penyelidikan berbentuk pertandingan pada peringkat antarabangsa yang mempertandingkan produk-produk penyelidikan hasil daripada penyelidikan para saintis UMT. Penyelidik UMT berjaya meraih 17 pingat dan 1 anugerah khas melalui penyertaan dalam pertandingan penyelidikan dalam *Seoul International Invention Fair* (SIIF) dan ITEX 2018. Secara keseluruhannya, penyertaan dan pencapaian UMT dalam pertandingan pameran penyelidikan sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut:

Penyertaan dan Pencapaian UMT di Pertandingan Pameran Penyelidikan 2018

PAMERAN	PENCAPAIAN				JUMLAH PINGAT DAN HADIAH	JUMLAH PENYERTAAN
	EMAS	PERAK	GANGSA	ANUGERAH KHAS		
PERINGKAT ANTARABANGSA						
***International Invention, Innovation & Technology Exhibition* (ITEX 2018)** 10-12 Mei 2018 di KLCC, Kuala Lumpur	8	6	-	-	14	14
***Seoul International Invention Fair* (SIIF) 2018, Seoul, Korea** 6-9 Disember 2018	2	1	-	1	4	3
JUMLAH KESELURUHAN	**10**	**7**	**-**	**1**	**18**	**17**



Senarai Pencapaian Pingat dan Anugerah

Bil	Nama Produk	Nama Penyelidik	Pencapaian
	***29th International Invention, Innovation & Technology Exhibition* (ITEX 2018) 10-12 Mei 2018 di KLCC, Kuala Lumpur**		
1	*MICROWAVE PYROLYSIS - An Innovative Approach to Produce Bio-Carbon-Fiber (BCF) From Biomass Waste for Use in Energy Storage Application*	Prof. Madya Ts. Dr. Lam Su Shiung	Emas
2	*MVS - An Integrated Microwave Vacuum System for Use in Drying, Desalination, and Waste-Towealth Applications*	Prof. Madya Ts. Dr. Lam Su Shiung	Emas
3	*HEXAN-II CELL: An Ingenious Solution for Future Green Battery Technology*	Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Ikmar Nizam Bin Hj. Mohamad	Emas
4	*IC-SODIS - Intensified Catalytic Solar Disinfection Process for Low Cost Water Purification*	Dr. Wan Rafizah Binti Wan Abdullah @ Wan Abd Rahman	Emas
5	*BC-Culant: A Novel Eco-Friendly Bioflocculant for Industrial Wastewater Treatment*	Dr. Nor Azman Bin Kasan	Emas
6	*Sycop1.0: Synthetic Conductive Polymer1.0*	Dr. Md. Uwaisulqarni Bin Osman	Emas
7	*Green Aerogels: Efficient Oil Sorbents to Expedite Recovery of Oil Spills*	Dr. Lee Oon Jew	Emas
8	*Ontological-Based Supporting Tool for Screening Student with Specific Learning Disabilities (ESLD)*	Ts. Dr. Rosmayati Binti Mohemad	Emas
9	*PYROCHAR: A Desirable Biochar from Microwave Vacuum Pyrolysis of Agriculture Waste for Use in Cultivation of Mushroom and Orchid Plus Removal of Herbicide*	Prof. Madya Ts. Dr. Lam Su Shiung	Perak
10	*TRI-MAT: Smart Nano Metallic*	Dr. Syara Binti Kassim	Perak
11	*Less is Better – Noseed Solution for Seedless Fruit Production*	Dr. Wan Zaliha Binti Wan Sembok	Perak
12	*Nanolayers-Liked Shape Mgfe2o4: Green Synthesis and Its Catalytic Role on the Hydrogen Storage Performance of Mgh2*	Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail	Perak
13	*Empowering Rural Women Entrepreneur through Social Innovation Model*	Ts. Dr. Noraida Binti Hj. Ali	Perak
14	*STEM Plus Module*	Prof. Madya Dr. Laili Che Rose	Perak
	***Seoul International Invention Fair* (SIIF) 2018, Seoul, Korea 6-9 Disember 2018**		
1	*Sycop1.0: Synthetic Conductive Polymer1.0*	Dr. Md. Uwaisulqarni Bin Osman	Anugerah Khas/Emas
2	*Green Aerogels: Efficient Oil Sorbents to Expedite Oil Spills Recovery*	Dr. Lee Oon Jew	Emas
3	*IC-SODIS - Intensified Catalytic Solar Disinfection System for Sustainable Water Sanitation*	Dr Wan Rafizah Binti Wan Abdullah @ Wan Abd Rahman	Perak

Penyertaan Pameran Pelajar

Pada tahun 2018, UMT telah menghantar 3 pasukan yang terdiri daripada 9 orang pelajar sarjana muda untuk menyertai *International Engineering Invention and Innovation Exhibition* (I-ENVEX 2018) yang telah berlangsung pada 13-15 April 2018 bertempat di Kampus Utama, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dan 8 pasukan yang terdiri daripada 36 orang pelajar sarjana muda untuk menyertai *Innovation Research, Invention and Application Exhibition* (IRIA 2018) pada 7-8 Mei 2018 bertempat di Dewan Muadzam Shah, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pelajar yang mewakili UMT telah berjaya mendapat penarafan antarabangsa dengan membawa pulang dua pingat emas, satu perak serta satu Anugerah Khas "*Special Award*" dari *Korea University Invention Association* (KUIA) di I-ENVEX 2018. Pelajar UMT telah memenangi Anugerah Khas "*Special Award*" melalui penyelidikan bertajuk *Carbonisation Kekabu Aerogels: Efficient Oil Sorbents to Mitigate and Expedite Oil Spills Recovery*.

Manakala di IRIA 2018 pula, pelajar UMT telah berjaya merangkul lima pingat emas, satu perak dan dua gangsa.

Pencapaian Pelajar UMT dalam Penyertaan I-ENVEX dan IRIA 2018

BIL	ANUGERAH / PINGAT	JUMLAH
International Engineering Invention & Innovation Exhibition (I-ENVEX 2018)		
1	Anugerah Khas	1
2	Emas	2
3	Perak	1
Innovation Research, Invention & Application Exhibition (IRIA 2018)		
1	Emas	5
2	Perak	1
3	Gangsa	2
JUMLAH KESELURUHAN		**12**





Senarai Pencapaian Pingat dan Anugerah

Bil	Tajuk Penyelidikan	Nama Pelajar	Pencapaian
	International Engineering Invention & Innovation Exhibition (I-ENVEX 2018)		
1	*Carbonisation Kekabu Aerogels:Efficient Oil Sorbents to Mitigate and Expedite Oil Spills Recovery*	Normaisarah Binti Yunos Penyelia Utama: Dr. Lee Oon Jew	Anugerah Khas "*Special Award*" dari Korea University Invention Association (KUIA)
2	*Carbonisation Kekabu Aerogels: Efficient Oil Sorbents to Mitigate and Expedite Oil Spills Recovery.*	Normaisarah Binti Yunos Penyelia Utama: Dr. Lee Oon Jew	Emas
3	*Commercial vs Organic Modified Pellets: Prospect for Commercial Production of oreochromis sp.*	Nur Syuhada Binti Rosli, Wan Nursyahida Binti Wan Abd Ariff, Nur Atiqah Binti Kamal, Elvie John Baptist Penyelia Utama: Dr. Nor Omaima Binti Harun	Emas
4	*Extracellular Polymeric Substance (EPS): A Production by Polychaetes Gut Bacteria*	Saudara Shahrul Zamir Bin Mohmad, Izwan Bin Nazri Sundram, Siti Hazwani Binti Rosdi Penyelia Utama: Dr. Azila Binti Adnan	Perak
	Innovation Research, Invention & Application Exhibition (IRIA 2018)		
1	*Eco-CBrane; Low Cost Natural Ceramic Membrane for Aquaculture Wastewater Treatment*	Lim Shey Thing, Ainaa Binti Amir, Nur Adilla bt. Che Samsuddin Penyelia Utama: Dr. Asmadi Bin Ali @ Mahmud	Emas
2	*CADSORBENT - Elephant Grass (Pennisetum purpureum) as a Low Cost Biodegradable Adsorbent for Cadmium Ions Removal*	Ling Shing Yun Penyelia Utama: Dr. Asmadi Bin Ali @ Mahmud	Emas
3	*Design of Anti-Capsize Boat*	Siti Nurhayati Binti Zamri, Wan Izzati Arfah Binti Wan Irfan, Kong Wai Sheng, Tan Sheng An, Muhammad Aidinur Arif Bin Mohd Jalaluddin Penyelia Utama: Prof. Madya. Ir. Dr. Ahmad Fitriadhy	Emas
4	*Carbonisation of Ceiba Pentandra L. Gaertn for Oil Absorbent*	Normaisarah Binti Yunos Penyelia Utama: Dr. Lee Oon Jew	Emas
5	*Commmercial vs Organic Modified Pellets: Prospect for Commercial Production of Oreochromis sp.*	Nur Syuhada Binti Rosli, Wan Nursyahida Binti Wan Abd Ariff, Nur Atiqah Binti Kamal, Elvie John Baptist Penyelia Utama: Dr. Nor Omaima Binti Harun	Emas
6	*An Innovative Hydrobike as Water Transportation in Remote Areas*	Wan Amirul Hakim Bin Wan Azami, Mohd Imran Bin Ramli, Chan Fan Eng, Nurul Najihah Binti Tajudin, Nurarjuna Athirah Binti Ramli Penyelia Utama: Prof. Madya. Ir. Dr. Ahmad Fitriadhy	Perak
7	*PhytoPOMED : Organic Foliar Fertilizer from abundant waste*	Roslaili Binti Malik, Syafikah Binti Saipul Bahari Penyelia Utama: Dr. Shahrul Bin Ismail	Gangsa
8	*UMT SummonApps: Application for Checking Valid and Invalid Motorist in UMT Car Park Area Via Car Plate and Color Recognition*	Muhamad Amirul Syafi Masuri Penyelia Utama: Ts. Dr. Wan Nural Jawahir Binti Hj Wan Yussof	Gangsa

Inovasi dan Pengkomersialan

Harta Intelek

Senarai berikut merupakan harta intelek yang dihasilkan oleh UMT sepanjang tahun 2018 termasuk paten, hak milik dan cap dagangan yang didaftarkan.

Senarai Harta Intelek sepanjang tahun 2018

Bil	Nama Produk	Jenis Harta Intelek (Status)	No Pendaftaran	Pereka Cipta	Pusat Tanggungjawab
1	*Gynogenesis for the Application of All Female Marine Shrimp*	Paten (Daftar)	PI 2018703167	Prof. Dr. Mhd Ikhwanuddin Bin Abdullah	AKUATROP
2	*Transformable Sheet Device to Hydrogel for Wound Dressing Application*	Paten (Daftar)	PI 2018703126	Prof. Madya Dr. Khairul Anuar Bin Mat Amin	PPSA
3	*A Method of Producing a Microbead*	Paten (Daftar)	PI 2018702999	Prof. Madya Dr. Kesaven A/L Bhubalan	PPKK
4	*BC-culant: A Novel Eco-Friendly Bioflocculant for Industrial Wastewater Treatment*	Paten (Daftar)	PI 2018704010	Dr. Nor Azman Bin Kasan	AKUATROP
5	*Different Formulations of Microalgal Crude Extracts and Perak Nanoparticles Having Cytotoxic Effects on Breast Cancer Cells*	Paten (Daftar)	PI 2018703319	Prof. Madya Dr. Mohd Azmuddin Bin Abdullah	IMB
6	*A Polymer Electrolyte Film Composition and Method of Producing Thereof*	Paten (Daftar)	PI 2018704124	Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Ikmar Nizam Bin Hj. Mohamad Isa	PPSA
7	PKC NUTRI+	Cap Dagangan (Daftar)	2018059889	Prof. Madya Dr. Yeong Yik Sung	IMB
8	PELLET P3	Cap Dagangan (Daftar)	2018059888	Prof. Madya Dr. Yeong Yik Sung	IMB
9	HONEY LIME	Cap Dagangan (Daftar)	2018059885 (Class 30) 2018059886 (Class 35) 2018059887 (Class 43)	Ts. Dr. Norizah Binti Mhd. Sarbon	PPSTM
10	MicPyro	Cap Dagangan (Daftar)	2018068828 (Class 9) 2018068831 (Class 11)	Prof. Madya Ts. Dr. Lam Su Shiung	PPKK

Bil	Nama Produk	Jenis Harta Intelek (Status)	No Pendaftaran	Pereka Cipta	Pusat Tanggungjawab
11	*An Application Tools for Multiple Sources of Data Integration (Msodim)*	Hak Milik (Daftar)	LY2018003860	Prof. Madya Dr. Mustafa Bin Man	PPIMG
12	*UMTMOOC Course 2015*	Hak Milik (Daftar)	LY2018003858	Prof.Madya Ts. Dr. Noraida Binti Hj.Ali	PPIMG
13	*UMTMOOC Course 2016*	Hak Milik (Daftar)	LY2018003930	Prof.Madya Ts. Dr. Noraida Binti Hj.Ali	PPIMG
14	*Social Innovation Model*	Hak Milik (Daftar)	LY2018003861	Prof.Madya Dr. Suriyani Binti Muhamad	PPSE
15	*The Shiptrade Game*	Hak Milik (Daftar)	LY2018003862	Prof. Madya Dr. Mohamad Rosni Bin Othman	PPPPM
16	*Green Aerogels: Efficient Oil Sorbents to Expidite Oil Spills Recoverry*	Hak Milik (Daftar)	LY2018001897	Dr. Lee Oon Jew	PPSA
17	*In-Vitro Fertilization Technique for Mud Crab, Genus Scylla*	Hak Milik (Daftar)	LY2018006240	Prof. Dr. Mhd Ikhwanuddin Bin Abdullah	AKUATROP

Perlesenan Produk

Produk hasil kajian penyelidikan juga kini mendapat kepercayaan industri untuk diketengahkan hingga ke pasaran. Sepanjang tahun 2018, satu produk penyelidikan telah berjaya dilesenkan ke industri.

Senarai Produk dilesenkan Sepanjang Tahun 2018

Bil	Nama Produk	Nama Syarikat	Pereka Cipta	Pusat Tanggungjawab
1	*A Pyrolysis Process for Production of Activated Carbon and Biofuel Products*	NV WESTERN PLT	Prof. Madya Ts. Dr. Lam Su Shiung	PPKK

Memperkasakan Penyelidikan

Penyelidikan yang dijalankan oleh UMT adalah berpandukan kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang antara lain bertujuan memperkasakan penyelidikan. Beberapa aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 2018 dalam konteks memperkasakan penyelidikan seperti di bawah:

Majlis Pelancaran Loji Nyah Garam Air Laut di Kampung Pantai Senok, Bachok, Kelantan

UMT melalui Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan (PPKK) telah mengadakan kerjasama dengan pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam membina Loji Nyah Garam Air Laut di Kampung Pantai Senok, Bachok, Kelantan. Majlis Pelancaran Loji Nyah Garam Air Laut ini telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi pada 2 Februari 2018 dengan kehadiran komuniti setempat seramai 3,000 orang.

Projek ini telah diusahakan oleh 16 orang penyelidik tempatan daripada UMT dan UTM. Penyelidik UMT diketuai oleh YBhg. Prof. Ir. Dr. Ahmad Bin Jusoh. Kampung Pantai Senok dipilih kerana penduduk di sini dilaporkan berdepan masalah mendapat bekalan air bersih dalam tempoh yang lama. Pembangunan dan pemasangan sistem loji nyahgaram telah mengambil masa selama 5 bulan. Sistem ini berkemampuan menampung keperluan lebih kurang 3,300 pengguna sehari dengan keupayaan penghasilan air bersih terawat berkapasiti 500,000 liter sehari (500m^3/hari). Sistem ini juga berupaya menapis dan merawat sumber air mentah dari laut di sekitar pesisir pantai.

UMT-TDM Plantation Sdn. Bhd. Menandatangani Perjanjian untuk Memperkukuhkan Kerjasama Penyelidikan Universiti-Industri

UMT telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan TDM Plantation Sdn. Bhd., sebuah syarikat persendirian kelapa sawit di Malaysia yang kini sedang menguruskan kira-kira 45,197 hektar tanah ladang kelapa sawit dan ladang di Terengganu, Malaysia dan Kalimantan Barat, Indonesia. Dalam perjanjian tersebut, TDM Plantation Sdn. Bhd. menyediakan suntikan geran berjumlah RM 487,175.80 kepada UMT untuk memulakan penyelidikan saintifik bagi projek cadangan yang bertajuk; (i) *Beehive fence using Asian Honeybee (Apis cerana) as natural deterrent of Asian Elephant (Elephas maximus)* di ladang sawit TDM; dan (ii) *Pollination ecology of oil palm (Elaeis guineensis)* di ladang TDM.

Di bawah perjanjian tersebut, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk meneroka dan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berdaya maju dan memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak. MoA tersebut memberi fokus kerjasama industri bukan akademik seperti: kerjasama dalam penyelidikan saintifik, latihan pelajar; projek-projek pembangunan dan inovasi, perkongsian ilmu dan kepakaran serta pemindahan teknologi. MoA tersebut turut berfungsi sebagai satu rangka kerja untuk inisiatif usaha sama yang khusus untuk dibangunkan secara bersama oleh TDM Plantation dan Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran (PPSMS), UMT untuk memulakan aktiviti-aktiviti yang dirancang.



UMT RAIH 30 PINGAT EMAS SEMPENA MPI 2018

UMT berjaya membawa pulang 30 pingat emas dan satu Anugerah Khas sempena Minggu Penyelidikan dan Inovasi (MPI) 2018 yang berlangsung pada 7-9 April 2018 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri, Kuala Nerus, Terengganu. MPI 2018 telah mempertandingkan dan mempamer kira-kira 312 produk penyelidikan dari UMT, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), TATI University College (TATIUC), Institusi Pengajian Tinggi serta sekolah menengah dan rendah sekitar Negeri Terengganu.

Bertemakan "Memacu Revolusi Industri 4.0 Menerusi Penyelidikan dan Inovasi", penganjuran MPI 2018 merupakan kolaborasi kali kedua antara UMT, UniSZA dan TATIUC. Sementara itu, inovasi ciptaan kumpulan penyelidik yang diketuai oleh Ts. Dr. Wan Nural Jawahir Binti Hj. Wan Yussof, *"AutoCountME: Auto-Counting Mosquito Eggs"* telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Khas bagi MPI 2018. Berikut adalah pencapaian UMT di dalam MPI 2018:

Pencapaian UMT dalam MPI 2018

Bil	Anugerah / Pingat	Jumlah
1	Anugerah Khas MPI 2018	1
2	Emas	30
3	Perak	32
4	Gangsa	44
	JUMLAH KESELURUHAN	**107**

UMT Hargai Sumbangan Industri Bagi Memperkasa Program Penyelidikan

UMT melalui Institut Bioteknologi Marin (IBM) telah menerima dana berjumlah RM3,072,500 hasil pemeteraian jalinan rakan strategik dan kerjasama dengan 10 agensi dalam dan luar negara bagi menggiatkan usaha meningkatkan kualiti akademik serta kecemerlangan institusi tersebut. Sebanyak 10 agensi dalam dan luar negeri telah diraikan. Agensi-agensi tersebut adalah:

i. Virbac Vietnam Co. LTD,
ii. Nature Medics Laboratories Sdn. Bhd.,
iii. Arbatech PLT,
iv. Human Life Advancement Foundation (HLAF),
v. Bio Angle Vacs Sdn. Bhd.,
vi. Advanced Technology Private Limited (ATECS PLT),
vii. Myhalmart Sdn. Bhd.,
viii. Jian Sheng Aquaculture Sdn. Bhd.,
ix. Japan International Cooperation Agency (JICA) dan
x. Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd.

Majlis Penghargaan dan Kerjasama Bersama Industri yang telah berlangsung pada 6 Mei 2018 di Dewan Senat UMT merupakan acara yang julung-julung kali diadakan oleh IBM bagi menzahirkan penghargaan di atas segala komitmen oleh pihak industri kepada IBM dan UMT. Di dalam majlis berkenaan juga, turut diadakan majlis menandatangani MoA (*Memorandum of Agreement*) di antara UMT dan Virbac Vietnam Co. LTD, dan 3 majlis menandatangani LoI (*Letter of Intent*) di antara IBM dengan HLAF, IBM dengan Nature Medics Laboratories Sdn. Bhd. dan IBM dengan Arbatech PLT.

Kempen Konservasi Terumbu Karang *'Save Our Corals'*

UMT dan Aquaria KLCC secara rasminya bersetuju berganding bahu menjalankan inisiatif projek penyelidikan berkaitan terumbu karang bagi tujuan pemuliharaan dan konservasi warisan bawah air asli Malaysia untuk masa hadapan. Melalui kerjasama UMT dan Aquaria KLCC, penyediakan tapak semainan (nursery) akan diperluaskan lagi di hatcheri UMT yang akan menempatkan lebih dari 100 benih batu karang bagi program restorasi. Tapak semaian terumbu karang (coral nursery) ini akan berperanan sebagai tapak pembiakan dan semaian batu karang yang mana benih batu karang yang dijaga dalam keadaan baik akan diletakkan kembali ke lautan sekaligus membantu usaha pemuliharaan kawasan terumbu karang.

Melalui kerjasama ini juga, peruntukan kewangan sebanyak RM65,000.00 telah disalurkan bagi membiayai projek penyelidikan oleh penyelidik dari UMT dan seterusnya bagi projek pemuliharaan akan dibantu oleh Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM). Bagi merealisasikan program kerjasama ini, majlis perasmian Kempen Konservasi Terumbu Karang *'Save Our Corals'* telah diadakan pada 4 Jun 2018 di Aquaria KLCC.





Pelayaran Saintifik INOS bersama *First Institute of Oceanography (FIO)* dan *National China Sea Marine Forecasting Center* (NMFC)

UMT buat julung kalinya telah berkolaborasi menerusi pelayaran saintifik bersama dua agensi di bawah *State Oceanic Administration (SOA),* China; *First Institute of Oceanography* (FIO) dan *National China Sea Marine Forecasting Center* (NMFC). Kerjasama strategik tersebut menyaksikan Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), melaksanakan misi pelayaran berkaitan dinamik kelautan yang dipengaruhi kepelbagaian musim di sekitar perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka yang bermula 16 sehingga 30 Julai 2018 dengan menaiki kapal RV Discovery milik UMT. Pelayaran ini menggabungkan usaha para saintis serta kepakaran teknologi dari kedua-dua negara. Pelayaran kali ini melibatkan 22 orang saintis iaitu 11 orang dari Malaysia dan 11 orang dari China.

Selain itu, pelayaran saintifik ini dapat mengangkat kemampuan teknikal Kapal RV Discovery UMT serta kepakaran penyelidik dan pegawai sains UMT dalam bidang sains marin dan oseanografi ke peringkat antarabangsa selari dengan status sebagai HICOE selaku peneraju dalam penyelidikan berpotensi tinggi di dalam bidang oseanografi dan sains marin.



International Aqua-Science Program for National Taiwan Ocean University (NTOU)

UMT melalui Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) telah menerima rombongan seramai 19 pelajar dari National Taiwan Ocean University (NTOU) mulai 5 hingga 18 Ogos 2018. Rombongan pelajar luar negara ini telah didedahkan dengan enam program pengajian akuakultur yang ada di UMT. Sesi pertukaran ilmu dan maklumat antara pihak UMT dan NTOU turut diselitkan. Para pelajar Taiwan ini juga dibawa melawat ke pusat pembiakan ikan air tawar dan air masin di dalam kampus UMT.

Impak penganjuran program ini ialah dapat meningkatkan KPI Universiti melalui kemasukan pelajar antarabangsa (*Inbound*) ke UMT serta memperkenalkan bidang tujahan UMT kepada peserta luar negara, memperkenalkan budaya setempat kepada pelajar antarabangsa dan seterusnya memperkenalkan negeri Terengganu khususnya dan Malaysia amnya kepada peserta luar negara sebagai salah satu daripada tempat pelancongan yang menarik untuk dikunjungi.

Majlis Menandatangani Moa antara UMT & Era Flow (M) Sdn. Bhd. & Rentas Saga Sdn. Bhd. serta Penyerahan Dana Penyelidikan Swasta oleh BETSOL Sdn. Bhd.

Majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) di antara Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP), dengan 2 buah syarikat berkaitan akuakultur dan penyerahan dana penyelidikan swasta ini telah diadakan pada 9 Oktober 2018 bertempat di Hotel Majestik, Kuala Lumpur. Melalui kerjasama ini pihak industri akan memanfaatkan sumber kepakaran daripada universiti untuk meningkatkan keupayaan perniagaan dan kegiatan ekonomi mereka sementara para penyelidik akan dapat menggabungkan pengetahuan yang relevan dan terkini dari industri.

Menerusi perjanjian tersebut, Era Flow, Rentas Saga dan BETSOL Sdn. Bhd menyerahkan dana penyelidikan masing-masing berjumlah RM682,745.00, RM211,000.00 dan RM120,000.00 bertujuan untuk membiayai projek penyelidikan yang akan dilaksanakan oleh penyelidik UMT.

Di antara penyelidikan yang akan dijalankan bertajuk `Pemilihan Baka Penternakan Penanda Molekul untuk Penghasilan Induk Tumbesaran Pantas' dan `Induk Udang Harimau Bebas Patogen' bersama Era Flow Sdn. Bhd.,`Implementasi Teknologi Biogumpal untuk Meningkatkan Penghasilan Udang Marin' bersama Rentas Saga Sdn. Bhd dan `Pembangunan Formulasi Makanan Ternakan Akuakultur Menggunakan Protein daripada Larva Lalat Black Soldier' bersama BETSOL Sdn. Bhd.

Program *Ocean Teacher Global Academy* (OTGA) di bawah Tajaan UNESCO

Setelah empat tahun memegang status sebagai *Regional Training Centre* (RTC) program *Ocean Teacher Global Academy* (OTGA) UNESCO sejak 2015, INOS telah diberikan pengiktirafan dan penilaian sebagai antara RTC yang terbaik berjaya menawarkan kursus OTGA setiap tahun. INOS merupakan antara 8 buah institusi di seluruh dunia yang telah dilantik oleh UNESCO sebagai RTC OTGA. INOS merupakan satu-satunya RTC yang dilantik bagi benua Asia Pasifik pada Ogos 2014 oleh UNESCO untuk melaksanakan program OTGA.

Selaku RTC, program OTGA, INOS terus diberi kepercayaan dan mandat oleh UNESCO untuk menganjurkan dua kursus antarabangsa berkaitan bidang Oseanografi sepanjang tahun 2018 melibatkan peserta antarabangsa dari pelbagai negara. Bagi tahun 2018, pihak UNESCO menyalurkan peruntukan dana sebanyak RM900,000 untuk penganjuran latihan sehingga tahun 2019.

Dua kursus OTGA yang telah dianjurkan oleh INOS ialah:

1) *OTGA Training Course: Digital Repositories: The Pathway from Open Access to Digital Asset Management* (23-27 September 2018), dan
2) *OTGA Training Course: Foundations of Coastal and Marine Spatial Planning* (18-22 Nov 2018)

Bilangan peserta yang terlibat

Keterangan / Kategori	23-27 Sept 2018	18-22 Nov 2018
Peserta Luar Negara	13	12
Peserta Dalam Negara	4	4
JUMLAH PESERTA	**17**	**16**
Tenaga Pengajar (Luar Negara & Dalam Negara)	3	3



Ekspedisi Saintifik Monsoon @ Setiu Wetlands

UMT melalui Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari (BIO-D TROPIKA) telah bekerjasama dengan Jabatan Taman Negeri Terengganu menganjurkan Ekspedisi Saintifik Monsoon @ Setiu Wetlands. Ekspedisi ini telah diadakan selama 5 hari bermula 2 hingga 6 November 2018 bertempat di Taman Negeri Setiu Wetlands, Setiu, Terengganu.

Seramai 88 orang penyelidik telah menyertai ekspedisi ini. Ia telah mendapat penyertaan daripada institut dan pusat pengajian dalam UMT serta beberapa agensi yang berkaitan seperti Pejabat Tanah dan Galian Terengganu, *World Wildlife Fund* (WWF), Pejabat Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Pejabat Perhutanan Terengganu, PETRONAS, Jabatan Taman Negeri, Jabatan Perikanan, Pejabat Daerah Setiu (PDS) dan Sekolah Kebangsaan Menerong, Ajil.

Di antara output yang terhasil daripada ekspedisi ini ialah laporan kajian dari ekspedisi termasuk inventori spesis dan status persekitaran Setiu Wetlands bersama Jabatan Taman Negeri, Seminar Penyelidikan Setiu Wetlands meningkatkan profil Taman Negeri Setiu Wetlands sebagai tapak pemuliharaan khazanah alam dan kelangsungan hidup yang utama di Malaysia.

Penyertaan UMT dalam *8TH International Fisheries Symposium 2018*

International Fisheries Symposium (IFS) adalah simposium tahunan yang diadakan pada 18 - 21 November 2018 berkaitan perikanan dan akuakutlur. Bertemakan "*sustainable fisheries and aquaculture for the benefits of mankind*", IFS 2018 yang diadakan di Hotel Hansa JB, Hatyai, Thailand ini dianjurkan bersama dengan lima universiti terkemuka di Thailand iaitu Prince of Songkla University, Kasetsart University, Rajamangala University of Technology Srivijaya, Burapha University dan Thaksin University bersama-sama ahli-ahli ASEAN-FEN yang lain.

Seramai lebih daripada 500 orang peserta telah menyertai simposium ini dan mereka datang daripada lebih 70 institusi dari serata dunia. UMT telah menghantar seramai 20 orang staf dan 50 orang pelajar siswazah dalam usaha mendorong penyelidik dan pelajar UMT ke persada antarabangsa dan meningkatkan keterlihatan UMT di persada dunia. Penyertaaan dalam IFS ini juga membuka peluang kepada para peserta untuk menjalinkan kerjasama dalam penyelidikan mahupun aktiviti mobiliti pelajar pada masa akan datang.

ASEAN-FEN DAN IFS

UMT memainkan peranan penting dalam ASEAN-FEN yang mana beberapa orang staf UMT terlibat secara langsung dalam penubuhan dan pelaksanaan aktiviti ASEAN-FEN dan IFS. ASEAN-FEN telah ditubuhkan pada tahun 2015. Mesyuarat tahunan ASEAN-FEN kebiasaanya akan diadakan dua kali setahun, iaitu pada sekitar Mac/April dan semasa IFS dijalankan. Pelbagai isu dibincangkan semasa mesyuarat ASEAN-FEN seperti perkongsian informasi tentang kerjasama penyelidikan dan peluang mobiliti pelajar dan staf bersama institusi di negara Eropah dan China yang mana mereka menawarkan biasiswa kepada ahli-ahli ASEAN-FEN.

Anugerah Buku Negara 2018

Tahun 2018 menyaksikan tiga naskah penerbitan UMT telah memenangi tiga kategori dalam Anugerah Buku Negara 2018 bersempena penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2018. Anugerah-anugerah berkenaan adalah:







Kategori Buku Sains Sosial Terbaik

Pengarang:
YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Binti Hj. Mohktar, Dr. Noorhaslinda Binti Kulub Abdul Rashid, dan Dr. Zaleha Mohamad
Tajuk: "Transformasi Inovasi Sosial Komuniti Nelayan"



Kategori Buku R & D Terbaik

Pengarang: Prof. Madya Dr. Shamsul Bahri Bin Abd Razak
Tajuk: "Repositori Kelulut"





Kategori Buku Pelancongan

Pengarang:
YBhg. Prof. Dato' Dr. Noraien Binti Mansor
Tajuk: "Beautiful Terengganu"

Penerbitan

Berikut adalah penerbitan yang telah diterbitkan oleh ahli akademik sepanjang tahun 2018.

Bilangan Penerbitan, Kolaborasi Penyelidikan dan Jumlah Sitasi yang Dicapai oleh UMT Sepanjang Tahun 2018

Bil	Jenis Pernerbitan	Bilangan
1	Jumlah Penerbitan yang diterbitkan dalam SCOPUS/ERA	
	i) Terindeks Scopus/WOS/ERA	519
	ii) Konferens Prosiding	144
2	Peringkat Kolaborasi Penerbitan	
	i) Kolaborasi Industri	3
	ii) Kolaborasi Antarabangsa	205
	iii) Kolaborasi Kebangsaan	179
3	Jumlah Sitasi (SCOPUS) bagi tempoh 5 tahun kebelakang	6450
4	Penerbitan artikel dan prosiding selain di No.1	Artikel : 223 Prosiding : 48
5	Buku Penyelidikan	31
6	Bab Dalam Buku Penyelidikan	41
7	Kertas Polisi	0
8	Lain-lain penerbitan *(case studies, technical reports, articles in magazines, newsletters, original writings and publications from conferences, digital or print media)*	22

Rumusan

Pencapaian UMT dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi berimpak tinggi terus meningkat apabila meraih pelbagai pengiktirafan di dalam negara serta peringkat antarabangsa. Pencapaian dan kejayaan yang dikecapi sepanjang tahun 2018 merupakan asas yang kukuh untuk UMT terus bergerak ke hadapan dengan lebih cepat ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah universiti yang lebih berfokus dan berkualiti dalam menghasilkan karya penyelidikan.

Pencapaian dalam penyelidikan dan inovasi masih boleh dibanggakan, walaupun terdapat kekangan kewangan kerana pengurangan peruntukan yang diterima daripada peruntukan geran kerajaan. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah diambil antaranya menggalakkan para penyelidik mencari dan mendapatkan geran-geran dan tajaan dari institusi dari dalam dan luar negara, memberikan latihan dan panduan untuk mereka menghasilkan kertas cadangan sehingga mencapai tahap yang dikehendaki di samping meningkatkan jaringan penyelidikan.

FAKTA & ANGKA

307
projek penyelidikan baharu dan aktif

RM12,146,746.72
jumlah geran

934
Penerbitan artikel dan prosiding

1 PRODUK
telah dilesenkan kepada syarikat

17 HARTA INTELEK
telah didaftarkan



Common Ghost Goby
(Pleurosicya mossambica)

Foto: Baharin Mustapa



PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI

UMT telah memperkenalkan kerangka Pembangunan Holistik Pelajar yang memberikan penekanan kepada keseimbangan keperluan pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan kepimpinan pelajar dan membina alumni unggul

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) telah memperkenalkan kerangka Pembangunan Holistik Pelajar yang memberikan penekanan kepada keseimbangan keperluan pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan kepimpinan pelajar dan membina alumni unggul. Hal ini penting untuk melahirkan graduan yang berkualiti, berdaya saing serta mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Pada tahun 2018, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah melaksanakan pendekatan menyeluruh dan bersepadu yang menggabungkan elemen keusahawanan, inovasi, kesukarelawanan dan minda global bagi mencapai objektif program pembangunan holistik pelajar.

PERSATUAN DAN BADAN PELAJAR

Program dan aktiviti untuk pembangunan holisitik pelajar dimantapkan lagi dengan kewujudan 119 persatuan dan badan pelajar yang berdaftar di UMT. Rajah di bawah menunjukkan pecahan persatuan dan badan pelajar mengikut kluster.



Kluster bagi Persatuan dan Badan Pelajar yang Berdaftar.

PROGRAM KESUKARELAWANAN MAHASISWA UMT

Sepanjang 2018, sebanyak 36 program kesukarelawan telah diadakan yang terdiri daripada tiga program di peringkat antarabangsa dan 33 program di peringkat kebangsaan dan negeri. Penganjuran program seumpama ini bertujuan mendidik dan membentuk kemahiran kepimpinan, melatih mahasiswa untuk berfikir secara kritis serta mampu menjana idea yang kreatif dan inovatif. Selain itu, program ini juga dilaksanakan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai suasana di luar kampus, budaya pendidikan serta kerja-kerja amal dalam masyarakat.

Peringkat Antarabangsa

Rajah di bawah menunjukkan program pengantarabangsaan yang telah dilaksanakan dan disertai oleh mahasiswa UMT. Para mahasiswa telah didedahkan dengan pengalaman sebenar berdepan dengan kesukaran dan kedaifan penduduk di setiap negara yang dikunjungi. Penganjuran misi kemanusiaan ini bertujuan untuk membantu meringankan beban masyarakat dengan memberi sumbangan kepakaran dan pemberian keperluan asas kepada masyarakat yang memerlukan.

Misi Kemanusiaan Kemboja -Vietnam (Misi K 2)
Penganjur: Kelab Pengurusan Acara (EMAC)

Misi Sukarelawan Siswa YSS-ASEAN 2018
Penganjur: YSS (Yayasan Sukarelawan Siswa)

Program Ekspedisi Berjalan Kaki & Berkenderaan Awam Jelajah Mahsuri 4.0
Penganjur: Persatuan Pengakap Laut Kelana Siswa UMT



Peringkat Kebangsaan dan Negeri

Pelbagai program kesukarelawanan di peringkat kebangsaan dan juga bersama komuniti setempat telah berjaya dianjurkan dan disertai oleh pelajar UMT sepanjang tahun 2018. Sejumlah 33 program kesukarelawan dan beberapa program berimpak tinggi telah berjaya dilaksanakan.

Program Siragugal 2.0 2018
Penganjur: Kelab Kebudayaan Bharatam

Kem Kepimpinan SJK(C) Chung Hwa Wei Sin
Penganjur: Persatuan Pelajar Cina

Program Kembara Bakti Penyayang 3.0
Penganjur: Kelab Penyayang

A Voyage to the Marine World 2.0: Discovery Our Opportunity
Penganjur: Maritime Technology Club



NEGERI

The Roth Charity 2.0
Penganjur: Kelab Kebudayaan Sabah

Program Mutiara Hati
Penganjur: Kelab Penyayang

Program Motivasi Kecemerlangan UPSR 2018
Penganjur: Sekretariat Permuafakatan Siswa/i Felda

Samudera Ukhuwah 3.1
Penganjur: Kelab Mahasiswa Fizik

Konvoi Kembara Komuniti
Penganjur: Kelab Kembara UMT

LACC Let'S Serve 3.0
Penganjur: UMT Language and Community Club

Program Lawatan ke Taman Sinar Harapan Kuala Terengganu Persatuan Pelajar Cina 2018/19
Penganjur: Persatuan Pelajar Cina

Sehari Bersama Bonda dan Ayahanda
Penganjur: Kelab Warisan UMT

Jalinan Kasih 3.0
Penganjur: Kelab Teknologi Alam Sekitar

School Bonding 2.0
Penganjur: Sekretariat Rakan Muda UMT

Go Green Go Health
Penganjur: Harvest Evolutionary Technology Club

Santuni Mereka
Penganjur: Kelab Warisan UMT

Beach Clean Up Entech 2018
Penganjur: Kelab Teknologi Alam Sekitar

Biologist Penyayang
Penganjur: Gabungan Mahasiswa Biologi

Sea Scout: Marine Awareness Program (Seamap) Peringkat Kebangsaan
Penganjur: Persatuan Pengakap Laut Kelana Siswa UMT

Jejak Bakti Pulau Redang
Penganjur: Kelab Himpunan Mahasiswa Matematik

Program Amal Setapak Kasih Sekalung Bakti
Penganjur: Kelab Intelligent Graduate Students of Aquaculture

Program Adopt a Grandfriend
Penganjur: Kelab Penyayang

Street Light Solar Lamp Peringkat Kebangsaan
Penganjur: Persatuan Pengakap Laut Kelana Siswa UMT

Program Komuniti OKU 1.0
Penganjur: Maritime Technology Club

Khidmat Bakti Sinar Harapan 2.0
Penganjur: Sekretariat Rakan Muda UMT

Hari Jalinan Mesra Sinar Harapan
Penganjur: Sekretariat Rakan Muda UMT

The Roth Charity
Penganjur: Kelab Kebudayaan Sabah

Samudera Ukhuwah 2.1
Penganjur: Kelab Mahasiswa Fizik

Samudera Ukhuwah 2.1
Penganjur: Kelab Mahasiswa Fizik

Kem Kesedaran SJK(C) Chong Hwa Wakaf Tapai
Penganjur: Persatuan Pelajar Cina

Program Jalinan Mesra Exco Khidmat Masyarakat
Penganjur: Persatuan Pelajar Cina

Iftar Ramadhan Bersama Anak Yatim
Penganjur: Food Science Club

Program World Sparkle with Entech 2.0
Penganjur: Kelab Teknologi Alam Sekitar

Bakti Siswazah Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Terengganu (Perkaya) Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) Sesi 2017/2018
Penganjur: Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMT

BADAN BERUNIFORM

Pada tahun 2018, Pasukan Badan Beruniform UMT yang terdiri daripada Pasukan PALAPES Laut, Kor SUKSIS, Kor SISPA dan WATANIAH telah memenuhi 55 aktiviti samada untuk Pembelajaran dan Pengajaran (PnP) di samping modul pentauliahan mereka masing-masing. Pada tarikh 20-22 Disember, 2018 telah diadakan Perkhemahan Perdana Badan Beruniform UMT (2P2B 2018) di eYRA By Suria Merang, Terengganu. Perkhemahan 2P2B ini adalah kali kedua dianjurkan setelah dilaksanakan pertama kali pada tahun 2011. Aktiviti dan program yang telah dilaksanakan ini telah berjaya memupuk semangat jati diri, patriotisme dan profesionalisme dalam kalangan anggota.

Hasrat KPT adalah untuk membentuk karekter pelajar dengan memberi penekanan terhadap kemahiran insaniah yang diterjemahkan dalam aktiviti dan program yang dijalankan. Banyak pengalaman dan kejayaan yang diraih samada di peringkat negeri, universiti, mahupun kebangsaan. Ia mampu menjamin kualiti graduan pasukan Badan Beruniform apabila mereka memasuki alam pekerjaan.



Jumlah Aktiviti Badan Beruniform UMT 2018



Beberapa pencapaian yang cemerlang dan membanggakan telah berjaya dicapai oleh kesemua Pasukan Beruniform UMT. Berikut merupakan pencapaian yang diraih oleh pelajar sepanjang tahun 2018:

	Kor SUKSIS	
1	Sukan antara Pusat Pengajian (SUAPP), UMT	Pingpong (Johan)
2	Sukan Futsal Golden Shoes, UMT	Johan
3	Sukan Informatik Maritim (SUKIM) – PPIMG, UMT	Futsal (Johan)
4	Sukan antara Badan Beruniform (EU), UMT	Renang (Naib Johan)
5	Pertandingan Pidato Kepimpinan 2018, UMT	Naib Johan
7	Latihan Menembak Tahunan, Lapang Sasar Lembah Bidong, Setiu, Terengganu	Johan (L)
8	Pertandingan Bola Jaring & Bola Baling, UMT & UMK	Bola Baling (Naib Johan) Bola Jaring (Johan)
9	Pertandingan Kawad Kaki Badan Beruniform UMT Ekspresi Unggul, UMT	Johan
10	Let's Fit Integra 7, UMT	Bola Jaring (Naib Johan)
12	*Micrograph Competition*, UPM	Pingat Emas
13	Majlis Tamat Latihan dan Penyampaian Sijil Pelantikan Pegawai Kor SUKSIS kali Ke-14 Tahun 2018, UPSI	• Pelatih Terbaik Keseluruhan • Pelatih Terbaik Latihan Luar • Pelatih Terbaik Latihan Akademik
14	Karnival *Monsoon Beach Challenge* UMT 2018	Naib Johan
15	Pertandingan Kawad Kaki dan *War Dance* Badan Beruniform Sempena Karnival Ekspresi Unggul 2018, UMT	Tempat Pertama
16	Pertandingan Sportfest (Bola Jaring), UMT	Naib Johan
17	Sukan Sportfest Kelab Kebudayaan Baratham, UMT	Johan
18	Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), UMK	Bola Jaring (Naib Johan)
20	Majlis Konvokesyen YADIM Kebangsaan, UMT	Tempat ke-2

	WATANIAH	
21	Kursus Asas Perajurit Muda (Sukarela) Siri 2/2018 Negeri Terengganu	• Penuntut Keseluruhan Terbaik • Penuntut Kawad Wanita Terbaik • Penuntut Akademik Terbaik Kursus • Penuntut Menembak Lelaki Terbaik • Penuntut Menembak Wanita Terbaik
22	Kursus Asas Displin Anggota Rendah Bakal Pttr (Sukarela) Siri 1/2018	• Penuntut Keseluruhan Terbaik • Penuntut Akademik Terbaik • Penuntut Kawad Lelaki Terbaik • Penuntut Kawad Wanita Terbaik
23	Latihan Khemah Tahunan Rejimen 512 Askar Wataniah Negeri Terengganu	• Johan Pertandingan Kawad Kaki • Naib Johan Pertandingan Menembak antara Batalion • Naib Johan Pertandingan Hakka Badan Beruniform UMT • Tempat ke-3 Pertandingan Kawad Kaki Badan Beruniform UMT
24	Karnival Sukan Ekspresi Unggul Pusat Kokurikulum	• Johan Beregu Wanita Badminton • Naib Johan Campuran Boling Padang • Tempat ke-3 Campuran Bola Tampar
	Kor SISPA	
25	Majlis Pentauliahan Kor SISPA IPT Kebangsaan Kali Ke-9 Tahun 2018 bertempat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).	Pegawai Kadet SISPA Terbaik





SUKAN DAN REKREASI

Pembangunan sukan pelajar sentiasa diberi perhatian oleh pihak UMT bagi memastikan ia seiring dengan pembangunan sahsiah pelajar. Sepanjang tahun 2018, UMT telah berjaya mencipta kejayaan yang cemerlang dalam beberapa pertandingan sukan yang diadakan sama ada di dalam dan di luar Terengganu. Kejayaan tersebut telah menjadi pemangkin dan pendorong kepada pelajar untuk mencapai kejayaan yang lebih besar seterusnya menjulang nama UMT ke persada sukan antarabangsa.

Kejayaan-kejayaan sepanjang 2018 adalah seperti di dalam Jadual di bawah:

KEBANGSAAN

Kejohanan Ekuin Piala YAB Menteri Besar Terengganu, Lembah Bidong, 9 Mac 2018

NAIB JOHAN

Kejohanan Olahraga dan Renang MASUM 2018, Universiti Utara Malaysia, 6 - 7 April 2018

RENANG (2 GANGSA)

Kejohanan Ragbi Combat Ten UTHM 2018, UTHM, 14 - 15 April 2018

JOHAN KATEGORI SHIELD

Kejohanan Renang MOWS Challenge Kelab Tasik Putrajaya 2018, Putrajaya, 13 Mei 2018

2 EMAS, 1 PERAK DAN 1 GANGSA

Sukan MASUM Fasa 1, UMK, 15-21 Julai 2018

SILAT (1 EMAS & 1 GANGSA)
TAEKWONDO (2 GANGSA)

Sukan MASUM Fasa 2, UPNM, 29 Julai - 4 Ogos 2018

KARATE (2 GANGSA)
BOLING PADANG (1 GANGSA)

Kejohanan Piala Yang Di Pertuan Muda Terengganu 2018, Terengganu International Endurance Park, Lembah Bidong, 8 September 2018

JOHAN

Kejohanan Sofbol Terbuka Kebangsaan Kali Ke-44, Politeknik Sultan Abdul Halim Muazam Shah (PLOMAS), Jitra Kedah, 4 - 7 Oktober 2018

JOHAN

2nd IPTA Sailing Challenge 2018, Duyong Marina, 22 - 25 November 2018

MEN MARATHON LASER STANDARD (1 EMAS, 1 PERAK, 1 GANGSA)
MEN FLEET SILVER LASER STANDARD IPT OPEN (1 EMAS, 1 PERAK, 1 GANGSA)
WOMEN NOVICE LASER 4.7 IPT OPEN (1 EMAS, 1 PERAK, 1 GANGSA)

Oceanman Langkawi International Swimthon 2018, Tanjung Rhu, Langkawi Kedah, 1 Disember 2018

2 GANGSA

NEGERI

Kejohanan Regatta Kayak Kuala Ibai 2018, Kuala Ibai, 22 - 24 Mac 2018

NAIB JOHAN KESELURUHAN

Kejohanan Bola Tampar Pantai Festival Belia Negeriku 2018, Kuala Terengganu, 13 - 14 April 2018

JOHAN DAN GANGSA

Kejohanan Lawn Bowls Terengganu Open Fours 2018, Kompleks Sukan Negeri Terengganu, 22 - 28 Okt 2018 Loserpools

(JOHAN)

Karnival Liga Ragbi 16 Sepasukan Terengganu 2018, Padang Ragbi Kompleks Sukan Negeri Terengganu Gong Badak, 29 November - 1 Disember 2018

JOHAN KATEGORI PLATE





KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

Pusat Kebudayaan dan Kesenian, HEPA sentiasa berusaha untuk mengangkat martabat seni dan budaya dalam kalangan pelajar UMT. Berikut merupakan pencapaian dan anugerah tertinggi yang berjaya dicapai sepanjang tahun 2018:

Pencapaian Aktiviti Kebudayaan dan Kesenian

AKTIVITI DAN TEMPAT	PENCAPAIAN
Festival Colours of the World	Anugerah Khas Juri
Bintang Antarabangsa Nyanyian Lagu Bahasa Melayu MAKUM 2018 Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan	Tempat Ke-3
Pertandingan Bintang P. Ramlee IPT MAKUM 2018	Anugerah Busana Terbaik
Pertandingan Puisi Tari Zon Timur	Tempat Ke-3
Festival Tari Drama Filem Terbuka Kebangsaan	Naib Johan
Festival Zapin MAKUM	Anugerah Utama
Festival Colours of the World	Anugerah Khas Juri





KEBAJIKAN PELAJAR

a) Dana Siswa

Bagi memastikan pelajar mendapat perkhidmatan terbaik, pengurusan kesejahteraan kewangan pelajar telah melakukan agihan melalui dua saluran iaitu melalui sistem permohonan atas talian **My-Ihsan** dan bayaran terus melalui panjar wang khas untuk bantuan segera. Bantuan kebajikan pelajar berjumlah **RM 74,360.00** telah berjaya disalurkan kepada **274** orang pelajar yang menghadapi masalah kewangan. Jumlah agihan ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jumlah agihan dana siswa

TABUNG ZAKAT PELAJAR			
BIL	**JENIS BANTUAN**	**JUMLAH PENERIMA**	**JUMLAH AGIHAN (RM)**
1	DANA SISWA	178	57,250.00
2	PANJAR KHAS	96	17,110.00
JUMLAH KESELURUHAN		**274**	**74,360.00**

b) Dana Asnaf Zakat

UMT telah menerima sumbangan zakat berjumlah **RM 277,151.92** daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Maybank Islamic Berhad, Lembaga Zakat Selangor dan Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 2018. Jadual di bawah menunjukkan terimaaan pada tahun 2017 dan 2018.

Jumlah zakat yang diterima

DANA ZAKAT DITERIMA		
AGENSI	**2017 (RM)**	**2018 (RM)**
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	45,000	154,546.92
ETIQA Takaful Malaysia Berhad	28,800	-
Bank Islam Malaysia Berhad	20,000	20,000
Maybank	60,000	42,105
Lembaga Zakat Selangor	-	10,500
JUMLAH KESELURUHAN	153,800	277,151.92

Sebanyak **RM 298,696.00** telah diagihkan kepada para pelajar UMT melalui skim Dermasiswa Al-Amin, Dermasiswa Al-Falah, Dermasiswa Al-Ikhlas, Dermasiswa Muallaf dan Dermasiswa Al-Falah Kinrara Berhad. Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM) melakukan penambahbaikan dengan menganjurkan satu program pembangunan asnaf hasil kerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor yang dijalankan pada Disember 2018. Agihan zakat dan program adalah seperti di bawah.

Agihan tabung zakat kepada pelajar bagi tahun 2018

TABUNG ZAKAT PELAJAR			
BIL	**JENIS BANTUAN**	**JUMLAH PENERIMA**	**JUMLAH AGIHAN (RM)**
1	DERMASISWA AL-AMIN	122	61,000.00
2	DERMASISWA AL-FALAH	84	25,000.00
3	DERMASISWA AL-AMIN (DIPLOMA)	29	9,000.00
4	DERMASISWA AL-IKHLAS (BENDAHARI)	300	109,546.00
5	DERMASISWA AL-AMIN (IJAZAH)	165	66,000.00
6	DERMASISWA MUALLAF	2	1,400.00
7	DERMASISWA AL-FALAH KINRARA BERHAD	37	16,250.00
8	PROGRAM PEMBANGUNAN ASNAF UNIVERSITI ANGKAT ZAKAT SELANGOR	40	10,500.00
JUMLAH KESELURUHAN		**779**	**298,696.00**

c) Dana Wakaf

UMT melalui PISM telah menubuhkan dana Wakaf Ilmu UMT bagi meningkatkan lagi fungsi keilmuan dan kebajikan warga. Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah dimeterai antara MAIDAM – UMT pada 28 Mac 2018 dapat menyuburkan lagi usaha murni ini. Majlis menandatangani MOA UMT – MAIDAM telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Binti Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT dan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap pesuruhjaya MAIDAM, YBhg. Tuan Haji Wan Ismail Sahaimi Bin Haji Wan Omar di Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu.

Jumlah terimaan wakaf pada tahun 2018 adalah berjumlah **RM 54,885.63** daripada potongan gaji pegawai UMT dan serahan umum. Jumlah terkumpul setakat Disember 2018 adalah **RM 1,110,605.50.** Jadual di bawah menunjukkan jumlah keseluruhan terimaan sepanjang tahun 2018.

Terimaan wakaf sepanjang 2018

Januari 1,963.00	Februari 1,541.00	Mac 7,392.00	
April 24,612.23	Mei 1,866.00	Jun 1,824.00	
Julai 1,711.40	Ogos 1,791.00	September 1,728.00	
Oktober 1,641.00	November 1,541.00	Disember 7,275.00	JUMLAH KUTIPAN 54,885.63

PISM bersama Pejabat Bendahari UMT dan Pusat Penjanaan Pendapatan UMT telah mengadakan kunjungan hormat ke agensi Korporat Lembah Klang pada 10 – 12 Oktober 2018. Misi ini digerakkan bagi mengumpulkan dana untuk membantu pelajar B40 selain bertujuan untuk berkongsi pandangan dan idea dalam memperkasakan agenda pembangunan asnaf pelajar. Agensi yang terlibat ialah Perumahan Kinrara Berhad, Celcom Axiata, Maybank Islamic, Yayasan Bank Rakyat, Telekom Malaysia dan Masjid As-Syakirin, KLCC. Kempen kesedaran berinfaq dan berwakaf telah diadakan dengan menjemput Datuk Dr. Zahazan Bin Mohamad, Pendakwah Selebriti Malaysia untuk menyampaikan tazkirah Jumaat bertajuk "Ajaibnya Sedekah".

PROGRAM KEROHANIAN

Objektif PISM dalam melaksanakan program pembangunan kerohanian pelajar adalah seperti berikut:

- Memberi pengetahuan dan kefahaman Islam yang sebenar kepada pelajar melalui aktiviti pengimarahan masjid.
- Meningkatkan kesedaran pelajar terhadap program-program penghayatan syiar terutama hari-hari kebesaran Islam.
- Meningkatkan pengetahuan pelajar melalui latihan dan pendidikan yang berterusan.
- Meningkatkan kecaknaan pelajar terhadap isu-isu semasa, integrasi ilmu dan kepentingan dakwah.
- Meningkatkan kemahiran insaniah pelajar melalui program-program kesukarelawanan, kepimpinan dan komunikasi.
- Menjalankan program pemindahan ilmu untuk meningkatkan kualiti komuniti sekitar dan pelajar.

Program-program yang telah dilaksanakan oleh PISM berdasarkan lima teras seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

Teras program kerohanian PISM

Teras Program	Tahun		
	2016	2017	2018
Pengimarahan Masjid	64	160	183
Penghayatan Syiar	3	5	6
Pendidikan dan Latihan	20	25	90
Integrasi Ilmu	3	5	8
Kemahiran Insaniah	5	3	7
Khidmat Sosial	-	-	10
Jumlah	**95**	**198**	**304**

Di samping program-program tetap dan berkala seperti kuliah maghrib dan sebagainya, PISM juga berjaya menjalankan beberapa program berimpak bagi mengimarahkan lagi masjid sambil menyediakan santapan rohani untuk para mahasiswa dan komuniti setempat. Senarai program kerohanian berimpak adalah seperti jadual berikut:

Program kerohanian berimpak PISM

BIL	Nama Program	Kumpulan Sasaran	Kekerapan	Tarikh
1	Di Bawah Naungan Allah	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	8 Januari 2018
2	*Journey to Jannah*	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	15 Januari 2018
3	Dean List Vs. Deen List	Mahasiswa	*One off*	17 Januari 2018
4	LGBT 2.0	Mahasiswa dan Komuniti	*One off*	18 Januari 2018
5	Keajaiban Bangun Malam	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	28 Februari 2018
6	Kuliah Magrib Kitab Tauhid Asw	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	11 Mac 2018
7	Program Iqra' Al Quran	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	18 Mac 2018
8	*Mosque Open Day*	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	20 April 2018
9	Ibrah Wahyu	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	25 April 2018
10	Fitnah Syiah dan Kesannya	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	9 Mei 2018
11	Kelebihan Berselawat	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	5 Oktober 2018
12	Membendung Diri dari Fikrah Tercela	Mahasiswa	*One off*	7 Oktober 2018
13	*Hidden Secret Agenda*	Mahasiswa	*One off*	12 Oktober 2018
14	*The Power of Qiyam* (Keajaiban Qiyamullail)	Mahasiswa	*2 Kali*	12 Oktober 2018
15	Kerana Dirimu Begitu Berharga	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	28 Oktober 2018
16	Bacaan Yasin dan Solat Hajat Perdana	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	9 November 2018
17	Solat Hajat dan Kuliah Magrib Perdana	Mahasiswa dan komuniti	*One off*	27 Disember 2018

KEUSAHAWANAN DAN KERJAYA

Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC), HEPA, UMT telah menyediakan ekosistem keusahawanan dan pembangunan kerjaya yang mampu melahirkan graduan berminda keusahawanan dan berkebolehpasaran tinggi. Ia selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2016-2020. Justeru itu, UMT telah menghantar penyertaan pelajar UMT dalam pertandingan peringkat kebangsaan dan telah mencapai kejayaan yang sangat membanggakan seperti jadual di bawah:

BIL	PERTANDINGAN	TARIKH	BILANGAN PELAJAR	TAJUK PROJEK	PENCAPAIAN
1	**MyAgrosis Cup 2018**	14 – 15 Mac 2018	5 orang	Pollen	Naib Johan (wang tunai RM3,000.00)
2	**Career Idol 2018 sempena Career, Entrepreneurship & Skills Festival (CESF'18)**	14 – 15 Mac 2018	3 orang	Resume, Get That Job, Win Your Interview	Johan (wang tunai RM150.00) Naib Johan (wang tunai RM120.00) Tempat ke-3 (wang tunai RM90.00)
3	**Video Resume sempena Career, Entrepreneurship & Skills Festival (CESF'18)**	14 – 15 Mac 2018	1 orang	Video Resume	Johan (wang tunai RM100.00)
4	**International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i-ENVEX 2018)**	13 – 15 April 2018	9 orang	Carbonisation Kekabu Aerogels: Efficient oil sorbents to mitigate and expedite oil spills recovery.	1 Anugerah Khas dari Korea University Invention Association (KUIA) & 1 Pingat Emas
				Commercial vs Organic Modified Pellets: Prospect for commercial production of oreochromis sp.	1 Pingat Emas
				Extracellular Polymeric Substance (EPS): A production by polychaetes gut bacteria.	1 Pingat Perak
5	**Apprentice Innovation Research Exhibition (AIREX 2018)**	17 – 18 April 2018	24 orang		2 Pingat Emas, 2 Pingat Perak, 1 Pingat Gangsa
6	**Enactus Malaysia National Competition (EMNC 2018)**	21 Julai 2018	20 orang	Pollen, Feresys, EastVege	Juara (mewakili Malaysia ke Enactus World Cup di San Jose, California USA)
7	**Enactus World Cup (EWC)**	9 – 12 Oktober 2018	10 orang	Pollen, Feresys, EastVege	Ke-3 Kumpulan
8	**Hartalega Ideas for Tomorrow Challenge (HITCH)**	25 Oktober 2018	5 orang	Pollen	Juara (wang tunai RM20,000.00 dan RM50,000.00 geran projek)


@ UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
12 - 15 APRIL 2018
DEWAN SULTAN MIZAN
TAPAK KONVO
RM 3,000.00


enactus


INNOVATIVENESS
EXCELLENCE IN QUALITY
LEARNING
DEDICATION
Our Core
Innovativeness
Excellence in Quality
Learning
Dedication
Synergy
Honesty
SHIELD
Core Values
Hartalega
HARTALEGA IDEAS FOR TOMORROW CHALLENGE
RM20,000

KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2018

Kebolehpasaran Graduan (GE) merupakan petunjuk penting kejayaan program-program yang dilaksanakan sepanjang tempoh pengajian pelajar di UMT. Data GE pada tahun 2018 diperolehi daripada Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG1) yang dibuka bermula 6 November sehingga 31 Disember 2018, sempena tarikh konvokesyen iaitu bermula 11 - 13 November 2018. Berikut adalah ringkasan penemuan Kajian Pengesanan Graduan (SKPG-1):

Kadar Respons Graduan UMT 2018



Bilangan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian



Bilangan Graduan Mengikut Status Pekerjaan



BEKERJA
1,456

MELANJUTKAN PENGAJIAN
253

MENINGKATKAN KEMAHIRAN
24

MENUNGGU PENEMPATAN PEKERJAAN
227



Bilangan Graduan Mengikut Status Bekerja

1,960





GE merupakan antara KPI utama yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kepada semua Universiti Awam (UA) dan sasaran di peringkat kebangsaan adalah 80%. Walau bagaimanapun, sasaran GE yang ditetapkan oleh KPT kepada UMT pada tahun 2018 ialah 70%. Pencapaian GE UMT pada tahun 2018 adalah 67.5% yang dicatatkan semasa Majlis Konvokesyen 2018. Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian GE adalah seperti berikut:

Bil.	Program
1.	MyCareer@MOHE & Career, Entrepreneurship and Skills Festival 2018
2.	Global Online Workforce sempena Shaping Digital Online Workforce (SHADOW) 2018
3.	Program "Win Your Interview and Get That Job"
4.	My Resume
5.	Taklimat Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)
6.	Resume Coaching



ALUMNI UMT

Seramai 22,970 Alumni telah berjaya menamatkan pengajian mereka pada tahun 2018. Pelbagai program telah dijalankan dengan kerjasama pusat-pusat pengajian bagi memupuk budaya 'Kami Cakna Kami Sayang UMT'. Beberapa program telah dianjurkan oleh Seksyen Perhubungan Alumni dalam melebarkan jaringan antara alumni dan komuniti sekitar kampus. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah:



1. Seminar Pengurusan Alumni
2. UMT Alumni the Great Get Together: 25th Silver Jubilee Anniversary 2018
3. Bengkel Pengenalan dan Aplikasi Bagi 'Augmented Reality' (AR) dan 'Virtual Reality' (VR) dalam Modul Pendidikan
4. Pameran dan Jualan Produk Alumni Partners di Booth Pusat Alumni dan Anjung Alumni
5. Program ERAT 2018
6. Perbincangan Jalinan Kerjasama dengan Syarikat E-Magineers (M) Sdn. Bhd bagi Cadangan Acara Terengganu Islands Festival
7. Taklimat Pusat Alumni Sempena Minggu Jalinan Mesra (MJM)
8. "Forum Alumni: *Future of Biodians*" sempena Program Bersama Alumni Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti, PPSMS
9. Lawatan Penanda Aras Pusat Alumni UPSI ke Pusat Alumni UMT
10. Pameran Sistem e-Alumni Sempena Malaysia World Maritime Week 2018
11. Jemputan Alumni UMT untuk memberikan syarahan dalam bidang kepakaran Sempena Seminar Bioses 2018 anjuran Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA), UMT
12. Pemberian Kit Kurma Alumni Kepada Alumni Staf dan Alumni Partners Sempena Bulan Ramadhan
13. Forum Kerjaya Sempena CESF18
14. Kunjungan Hormat Ke Royal Thai Consulate General Kota Bharu
15. Wacana Kerjaya Bersama Alumni PPSMS 2018
16. Alumni Talk
17. Program Mentor Alumni UMT bersama Cakna Anak Yatim Kemaman 'Bukan Untuk Kita Tapi Untuk Mereka'

KOLEJ SISWA SEBAGAI PUSAT PEMBELAJARAN KEDUA

Kolej Siswa merupakan sebuah pusat tanggungjawab di bawah Timbalan Naib Canselor HEPA yang berfungsi bukan sahaja sebagai penempatan pelajar dalam dan luar kampus tetapi turut berperanan sebagai pusat pembelajaran kedua kepada para pelajar. Pada tahun 2018 statistik menunjukkan seramai 3,898 orang pelajar (45%) berada di dalam kampus dengan 1,117 orang di Kolej Sheikh Abdul Malek (KKSAM), 2,781 orang di Sheikh Abdul Rahman Limbong (KSARL) dan 8,846 (65%) orang pelajar luar kampus.

Kolej Siswa juga turut menempatkan pelajar antarabangsa yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar pascasiswazah iaitu seramai 31 orang.

Secara keseluruhannya, pelbagai program telah dilaksanakan untuk memberi manfaat kepada pelajar yang menghuninya melalui tiga aspek utama iaitu penguasaan Bahasa Inggeris, kerohanian dan sosial dan masyarakat. Kolej Siswa turut menjalankan beberapa aktiviti melibatkan pelajar melalui Felo Kolej Siswa (FKS), Majlis Kolej Siswa (MKS) dan Majlis Pelajar Luar Kampus (MPLK).

Antara program utama yang dianjurkan adalah seperti berikut:

BIL	Kategori Program	NAMA PROGRAM
1.	Sosial dan Masyarakat	• Program Sayangi Malaysiaku - Gerbang Merdeka • Bengkel Graffiti dan Mural 2018 • Riang Ria Raya Aidilfitri • Colour Run 4.0 • Malam Jasa Bakti (Masakti) 2018 • Hulurkan Tangan Ringankan Beban (HTRB) 2018 • Majlis Sepetang Kolej Siswa bersama Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) Semua Pusat Pengajian, UMT • Majlis Pelancaran Coffee Table Book KS 'Momentum'
2.	Kerohanian	• Spiritual Building (Jualan Amal Taman Sinar Harapan-Rumah OKU) • Spiritual Building (Iftar Ramadhan) • Spiritual Building (Moreh) • Spiritual Building (Agihan bubur lambuk siri 1 & 2)
3.	Bahasa	**Lexicon Fiesta**: Sesi 1 - Demonstration Speech Competition Sesi 2 - Serenade With a Poem Sesi 3 - Demonstration Speech Competition Sesi 4 - Serenade With a Poem Sesi 5 - To Laugh Is To Love Sesi 6 - Dikir Barat Goes Western Sesi 7 - Explorace Extreme Sesi 8 - A Night Stratford Upon Avon Sesi 9 - Let's Inspire the World Sesi 10 - Battle of the Buskers Sesi 11 - The Next William Shakespeare Sesi 12 - RC Video Competition Sesi 13 – Residential Debate **Battle of the Grammarians:** • Scrabble • Butterfly Up! • Thesaurus Trivia • Grammar Fitness • Movie Watching • Rising Stars Challenge • The Greatest Showman **Extempora**: Sesi 1 : DEBATE UMT-UNISZA Sesi 2: DEBATE UMT – UMP TED TALK (Kebangsaan)

KEJAYAAN PELAJAR 2018

Kejayaan Enactus World Cup (EWC)

Pada 9 hingga 11 Oktober 2018, pasukan Enactus UMT telah menghantar 10 orang pelajar sebagai wakil Malaysia ke pertandingan Enactus World Cup yang bertempat di Sillicon Valey, California, Amerika Syarikat. Enactus World Cup ialah sebuah pertandingan berprestij yang menghimpunkan pasukan-pasukan Enactus yang terdiri daripada pelajar-pelajar universiti dan kolej seluruh dunia yang menjadi juara di dalam pertandingan peringkat kebangsaan. Seramai 72,000 orang pelajar, 1,730 pemimpin akademik dan 550 organisasi korporat dan ahli perniagaan turut sama berkumpul untuk menyaksikan bagaimana "*entrepreneurial actions*" yang diambil oleh pelajar-pelajar ini memberi impak kepada lebih 1.3 juta penduduk di seluruh dunia. Pelajar-pelajar ini meluangkan 7.3 juta jam melaksanakan aktiviti-aktiviti kesukarelawanan dalam usaha mencapai 17 Sustainable Development Goals yang diperkenalkan oleh United Nations (UN) dan membina masa hadapan yang lebih cerah untuk komuniti.

Pasukan Enactus UMT yang merupakan wakil untuk pasukan Enactus Malaysia telah membawa 3 projek iaitu Pollen, East Vege dan Feresys yang mana projek Pollen sebagai projek utama untuk dibentangkan di dalam perbentangan selama 17 minit di pentas Enactus World Cup. Pollen adalah sebuah projek Enactus UMT dengan kerjasama pensyarah UMT, Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Binti Azmi yang bertujuan untuk mengembangkan lagi perniagaan berasaskan agrikultur dan meningkatkan produktiviti tanaman petani. Projek ini dilaksanakan kepada sebuah komuniti petani di Peradong, Manir, Terengganu dengan memperkenalkan penambahbaikan kaedah pendebungaan iaitu dengan menggunakan lebah kelulut spesis Heterotrigona utama sebagai agen pendebungaan untuk tanaman Melon Manis Terengganu (MMT). Hasil daripada pengaplikasian projek Pollen ke atas tanaman di ladang komuniti terdapat peningkatan yang signifikan pada berat, diameter, kemanisan dan ketahanan buah melon. Setelah setahun lebih projek dijalankan, komuniti petani telah berjaya menuai sebanyak 119,040 biji buah MMT yang berkualiti tinggi dan untung bersih komuniti petani telah meningkat sehingga RM1.33 juta serta terdapat peningkatan pulangan pelaburan daripada 104% kepada 474%.

Pasukan Enactus UMT memilih untuk bertanding di dalam Liga 1 yang terdiri daripada negara Nigeria, Egypt, Mexico, Netherland, Guatemala dan Malaysia. Untuk pusingan pembukaan liga 1, Egypt telah berjaya merangkul tempat pertama diikuti dengan Nigeria di tempat kedua dan Malaysia di tempat ketiga manakala Kanada sebagai Juara Enactus World Cup 2018.

Enactus Malaysia National Competition (EMNC) 2018

UMT muncul juara dalam pertandingan peringkat kebangsaan iaitu Enactus Malaysia National Competition (EMNC) 2018 yang diadakan pada 21 Julai 2018 sekaligus mewakili Malaysia dalam pertandingan peringkat dunia yang berlangsung di San Jose, California pada 9 hingga 11 Oktober 2018.

Enactus Malaysia National Competition (EMNC) merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh Enactus Malaysia setiap tahun. Program ini akan melibatkan kumpulan Enactus di Universiti Awam dan Universiti Swasta seluruh Malaysia membentangkan projek yang dijalankan bagi membantu komuniti dan peranan Enactus sebagai platfom untuk masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana untuk meningkatkan aset mata pencarian mereka.

Kumpulan UMT terdiri daripada 24 pelajar yang diketuai oleh Saudara Muhammad Syamil Bin Naseh dibantu oleh Saudari Siti Rosmaida Binti Mohd Samsuddin telah membentangkan tiga projek iaitu Projek POLLEN yang dibimbing oleh Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Binti Azmi, Encik Nor Ehsan Bin Abdul Rahman@Deraman dan Encik Amir Nor Yasser Bin Hassan menumpukan kepada konsep pendebungaan yang mana para petani menggunakan lebah kelulut sebagai agen pendebungaan untuk meningkatkan kualiti buah-buahan. Projek kedua ialah EASTVEGE yang dibimbing oleh Encik Azri Bin Mamat menumpukan perhatian kepada industri berasaskan timun di negeri Terengganu, telah berjaya memperkasakan usahawan tempatan untuk menghasilkan jus timun, sabun dan produk lain dari ladang timun mereka menerusi penubuhan East Vege Enterprise. Projek terakhir iaitu FERESYS pula dibimbing oleh Dr. Asmadi Bin Ali menumpukan pada pembangunan sistem penapisan air di kawasan luar bandar yang mana sumber air bersih tidak tersedia dan komuniti itu sendiri bergantung kepada air yang tercemar dan air bersih yang dibeli dari pasaran berhampiran selama 25 tahun. Menerusi projek ini telah memberi manfaat kepada beberapa penduduk kampung yang mana mereka sudah mempunyai sistem yang dipasang di rumah mereka seterusnya boleh berkongsi dengan komuniti yang lain.

Projek-projek ini dibangunkan setelah beberapa siri kajian dan penyelidikan terhadap komuniti yang disasarkan serta atas kesedaran kumpulan Enactus UMT secara sukarela sebagai platfom untuk membantu komuniti meningkatkan pendapatan dan gaya hidup yang sihat.

Kelab Enactus UMT Menjuarai Hartalega Ideas For Tomorrow Challenge (Hitch)

Kelab Enactus UMT dinobatkan sebagai Juara bagi pertandingan *Hartalega Ideas for Tomorrow Challenge* (HITCH) yang diadakan pada 25 Oktober 2018 di Hartalega NGC Sdn. Bhd., Sepang, Selangor menerusi produk Projek *Pollen* yang menerima hadiah berbentuk wang tunai berjumlah RM20,000.00 beserta RM50,000.00 sebagai geran projek.

Hartalega Ideas for Tomorrow Challenge (HITCH) merupakan pertandingan bagi mencabar pelajar universiti untuk berkongsi dan membuktikan idea-idea inovatif mahasiswa melalui pemikiran kritikal untuk mengenalpasti isu-isu sosial dan untuk mencari penyelesaian dunia sebenar dalam bidang

Kesihatan, Pendidikan dan Alam Sekitar. Mahasiswa perlu menghasilkan *video pitch* 1 minit yang memperincikan idea mereka untuk menangani cabaran dalam bidang tumpuan masing-masing. Berkat kesungguhan lima orang mahasiswa UMT untuk menyertai pertandingan ini buat julung kalinya membuahkan hasil kejayaan yang membanggakan apabila merangkul gelaran juara di antara sepuluh Universiti yang lain yang layak ke peringkat akhir seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Taylor's University, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).





KESIMPULAN

Agenda pembangunan pelajar perlu dirancang secara sistematik dan berterusan untuk meningkatkan kualiti dan daya saing mahasiswa sebagai langkah mencapai tahap kebolehpasaran yang tinggi. Agenda tersebut mampu direalisasikan melalui perancangan dan pelaksanaan aktiviti kemahasiswaan yang menerapkan kemahiran insaniah dan nilai-nilai keunggulan dalam diri pelajar. Matlamat Timbalan Naib Canselor (HEPA) akan terus menjadi pemangkin dalam memantapkan usaha melahirkan individu yang cemerlang sehingga membawa nama UMT ke peringkat global dan berstatus graduan minda kelas pertama.

67.5%
Kadar Kebolehpasaran Graduan

449
Aktiviti persatuan dan badan pelajar

36
program kesukarelawan

Jumlah Agihan Dana Siswa
RM 74,360.00
disalurkan kepada **274 PELAJAR**

Agihan Tabung Zakat kepada Pelajar
RM 298,696.00

Jumlah Zakat yang Diterima
RM 277,151.92

Jumlah Terimaan Wakaf
RM 54,885.63





Telur-telur Clarkii Nemo (Amphiprion clarkii) yang telah matang sedia untuk menetas.

Foto: Borhanudin Mohd Yusof @ Mohamed



JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT


MARIN
MARITIM
BIODIVERSITI
PERIKANAN & AKUAKULTUR
PERTANIAN & MAKANAN
ALAM SEKITAR
PELANCONGAN
KEUSAHAWANAN
KESEJAHTERAAN MAMPAN
ICT & TEKNOLOGI
PENDIDIKAN
KOMUNITI PESISIR (PANTAI, TASIK DAN PULAU)
Belia dan Pelajar
Komuniti Terpinggir
SME
Pemimpin Tempatan
INOVASI SOSIAL @UMT

"Program keterlibatan komuniti dan industri memberikan impak yang besar, program pemindahan ilmu dirangka untuk menggalakkan pemindahan ilmu kepada sasaran komuniti dan industri yang terpilih untuk mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan dan dapat meningkatkan kualiti hidup serta sosio-ekonomi masyarakat"

Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri (PIJI) adalah sebuah Pusat Tanggungjawab (PTj) yang diamanahkan untuk menyelaras dan memantau program pemindahan ilmu yang dilaksanakan oleh ahli akademik melibatkan komuniti dan industri di UMT. Bagi memastikan program keterlibatan komuniti dan industri memberikan impak yang besar, program pemindahan ilmu dirangka untuk menggalakkan pemindahan ilmu kepada sasaran komuniti dan industri yang terpilih untuk mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan dan dapat meningkatkan kualiti hidup serta sosio-ekonomi masyarakat.

Teras ini menyebar luas hasil penyelidikan terutamanya dalam bidang tujahan agar dapat dimanfaatkan bagi tujuan menambah baik taraf hidup komuniti melalui penerapan inovasi sosial. Melalui rangka kerja (*framework*) inovasi sosial UMT yang telah dibangunkan, program pemindahan ilmu difokuskan kepada komuniti pesisir, khususnya komuniti di pantai, tasik dan pulau. Selain itu, empat golongan sasaran komuniti yang diberi tumpuan ialah belia dan pelajar, komuniti terpinggir, pemimpin tempatan dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Sesuatu program pemindahan ilmu yang berjaya akan mengambil kira elemen kemampanan (*sustainability*) sesuatu program. Matlamat utama program pemindahan ilmu adalah untuk memperkasa komuniti untuk berdikari dan memanfaatkan ilmu yang dipelajari daripada kepakaran UMT untuk meningkatkan taraf hidup dan kelangsungan hidup mereka.

Sepanjang 2018, UMT telah berjaya menjalankan program pemindahan ilmu yang berimpak dengan biaya yang diberikan oleh *University-Community Transformation Centre* (UCTC) dan *Knowledge Transfer Programme* (KTP) daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan *Knowledge and Technology Assimilation Grants Scheme* (KTAGS) dari sumber dalaman UMT. Selain daripada program pemindahan ilmu, UMT turut giat menabur jasa dan bakti kepada golongan yang memerlukan melalui pelbagai program sukarelawan dan tanggungjawab sosial universiti (USR) yang dianjurkan oleh pelbagai PTj, badan beruniform, kelab, persatuan dan sebagainya. Semua program keterlibatan komuniti ini menunjukkan keprihatinan UMT dalam pembangunan komuniti dan menyerlahkan peranan UMT sebagai agen transformasi masyarakat.

BAHAGIAN I – PEMINDAHAN ILMU

PROJEK YANG DIJALANKAN MELALUI PIJI MENGIKUT KATEGORI DANA

Sumber Dana	Jumlah Dana	Bilangan Projek
KTAGS	RM 300,000	31
KTP	RM 68,675	1
UCTC	RM 21,000	2
Jumlah	**RM 389,675**	**34**

GERAN PEMINDAHAN ILMU DALAMAN UMT: *KNOWLEDGE AND TECHNOLOGY ASSIMILATION GRANTS SCHEME* (KTAGS)

PIJI telah diamanahkan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti pemindahan ilmu dan pengembangan ilmu melibatkan komuniti dan industri. Bagi mencapai matlamat tersebut, PIJI memainkan peranan untuk mendapatkan dana bagi menjayakan program komuniti dan industri melalui pemindahan ilmu dan pengembangan. Bermula pada tahun 2018, inisiatif dana dalaman pemindahan ilmu diselaraskan oleh PIJI selari dengan fungsi dan peranan PIJI untuk menyelaras kefungsian pemindahan ilmu di peringkat universiti.

Semua pegawai akademik di UMT telah dipelawa untuk memohon peruntukan khas dalaman oleh pihak pengurusan UMT bagi menjayakan aktiviti pemindahan ilmu dan pengembangan yang dinamakan sebagai "*Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme* 2018 (KTAGS 2018)". Pengagihan dana ini adalah di bawah penyelarasan dan pemantauan PIJI. Tujuan skim geran ini adalah untuk membentuk dan membudayakan pemindahan ilmu hasil daripada penyelidikan para pegawai akademik kepada industri atau komuniti sasaran.

Sebanyak 40 permohonan Geran KTAGS 2018 telah diterima oleh pihak PIJI. Kesemua permohonan telah melalui proses penilaian yang telah diadakan pada 15 dan 26 Februari 2018. Bagi memberi impak yang lebih besar, selain daripada penilai dalaman, penilaian KTAG 2018 juga melibatkan pihak industri dan agensi kerajaan iaitu GM Peladang Sdn. Bhd. dan MARDI Cawangan Terengganu. Kehadiran penilai luar ini telah memberikan input yang sangat baik serta dapat menonjolkan kepakaran UMT kepada pihak luar. Kadar kelulusan bagi penilaian KTAGS 2018 adalah sebanyak 77.5% dengan 31 daripada 40 program yang disokong oleh panel penilai untuk diperakukan oleh pihak pengurusan UMT.

Berikut merupakan senarai penerima Geran KTAGS 2018:

Nama Projek	Ketua Projek	PTj	Jumlah Dana (RM)	Komuniti/Industri
Kajian Peningkatan dan Kelestarian Sumber Perikanan dalam Peningkatan Sosio-Ekonomi Nelayan Setempat: Rekreasi Memancing untuk Pelancongan	Dr. Razak Bin Zakariya	PPSMS	40,000	Nelayan dan Pelancong di Setiu
Projek Profiling Komuniti Telaga Papan: Keusahawanan Digital	Dr. Zaleha Binti Mohamad	PIJI	30,000	Usahawan dalam Kalangan Belia di Telaga Papan, Setiu
Projek Komuniti untuk Pembangunan Melon Manis Terengganu	Prof. Madya Dr. Amiza Binti Mat Amin	PPSTM	20,000	Komuniti Banduan Penjara Marang dan Persatuan Ibu Tunggal Negeri Terengganu (KITA)
Pemindahan Ilmu Dalam Teknik Asas Genetik dan Pembiakbakaan Ikan Betta	Dr. Nur Asma Binti Ariffin	PPSPA	20,000	Penternak/Pengusaha Ikan Hiasan Negeri Terengganu
Social Return on Investment (SROI) Matching Grant with UTM, UMT, UPSI and UUM	Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Bin Lani	PIJI	20,000	UTM, UMT, UPSI, UUM
Projek Bersama Komuniti Orang Asli Hulu Besut, Terengganu	Dr. Nor Hayati Binti Sa'at	IBTPL	20,000	Komuniti Orang Asli Batek, Kampung Sungai Sayap, Besut
Development of a Driving Cycle to Evaluate the Energy Consumption and Emissions of Bas KITe in KT	Dr. Salisa Binti Abdul Rahman	PPKK	4,000	Industri - Cas Ligas Sdn. Bhd.
Enhancing the Awareness of Dive Site Risks, Eco Dive and Coral Reefs Restoration among Dive Centers and Divers in Perhentian Islands	Dr. Nurul Haqimin Mohd Salleh	PPPPM	10,000	Industri - Sea Voice Divers
Latihan Asas Keselamatan Laut, Navigasi dan Pengendalian Bot untuk Nelayan Kelas A Kawasan Kuala Terengganu Utara	Dr. Ahmad Faizal Ahmad Fuad	PPKK	10,000	Komuniti Kg. Tok Jembal
Y.E.S.Preneur (Young.Energetic.Smart. Entrepreneur)	En. Ahmad Rusdi Bin Abdullah	PPAL	5,000	IKBN Wakaf Tapai
Marine Knowledge Assimilations to Coastal Community via Sustainable Co-Management	Dr. Effi Helmy Bin Ariffin	PPSMS	4,000	Komuniti Nelayan Kg. Tok Jembal
Pendidikan Interaktif Maritim (*Dizzy Ship 2018 – Maritime Transport Fantacy*)	Prof Madya Dr. Noorul Shaiful Fitri Bin Abd Rahman	PPPPM	4,000	Industri - Man Marine System
Projek Dapur Kita Gas Kita: Penghasilan gas memasak dan baja cecair daripada sisa makanan	Dr. Shahrul Bin Ismail	PPKK	10,000	Komuniti Madrasah Quran Kubang Bujuk (MQKB)
Pembinaan Jeti Terapung untuk Kegunaan Komuniti Nelayan di Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus	Prof Madya Ir. Dr. Eng. Ahmad Fitriadhy	PPKK	16,000	Komuniti Kg. Tok Jembal

Nama Projek	Ketua Projek	PTj	Jumlah Dana (RM)	Komuniti/Industri
Pengurusan Masjid: Sistem Perakaunan dan Kawalan Dalaman Aset	Dr. Mohd Nazli Bin Mohd Nor	PPPPM	4,000	Komuniti – Masjid Sekitar Kuala Nerus
Transformasi Kemantapan Bacaan Al-Quran dan Ilmu Al-Quran dalam Kalangan Imam di Besut melalui Pembelajaran Berteknologi di Studio Al-Quran Ulul Albab: Kerjasama antara UMT, MKPB dan JHEAD Besut	Dr. Abdul Hanis Bin Embong	PPAL	5,000	Komuniti Imam kawasan Besut
Turtle Tourism: Pembangunan Modul Latihan Pelancongan Komuniti MEKAR	Dr. Kalsitinoor Binti Set	PPPPM	5,000	Komuniti Kemasik, Kerteh dan Paka
Interactive User Friendly Diet Planner to Combat Obesity and Undernutrition Among Young School Children	Dr. Asma' Binti Ali	PPSTM	4,000	Pelajar Sekolah SK Tok Jembal
Lestari Kewangan Pengusaha Pelancongan ke Arah Pematuhan Cukai	Dr. Akmalia Binti Mohamad Arif	PPPPM	4,000	Pengusaha Homestay Negeri Terengganu
Program Pemantauan Amalan Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan Berkualiti ke arah Pengiktirafan Pensijilan Bersih, Sihat dan Selamat (BeSS) untuk Premis Makanan Terpilih di UMT	Dr. Siti Nur'afifah Binti Jaafar	PPSTM	5,000	Pengusaha Kafe di UMT
Ace your English	Dr. Samsiah Binti Abdul Hamid	PPAL	5,000	Pelajar SK Padang Kemunting, SK Mengabang Telipot dan SK Pagar Besi
The Application of Piezoelectric Energy Harvester for Small Fishing Boat	Dr. Hidayatul Aini Binti Zakaria	PPKK	5,000	Komuniti Nelayan Tok Jembal
AzilaseTM: The Multipurpose Enzyme Solution for B40 Community in Kuala Nerus District, Terengganu	Dr. Azila Binti Adnan	PPSA	5,000	Komuniti B40 Kuala Nerus
Save Our Coral through Education, Research and Establishment of Underwater Coral Garden	Dr. Tan Chun Hong	PPSMS	13,000	Aquaria KLCC
Program Peningkatan Kecemerlangan Murid Melalui Penglibatan Ibu Bapa dan Guru di SK Tanjung Gelam, Kuala Nerus	Dr. Najihah Binti Abdul Mutalib	PPAL	4,000	Komuniti Ibubapa Pelajar SK Tanjung Gelam
Citizen Science for Groundwater Resource Management in Kuala Nerus, Terengganu	Dr. Nor Bakhiah Binti Baharim	PPSMS	4,000	Komuniti Pelajar SMK Kompleks Mengabang Telipot
Pembentukan Teknousahawan melalui Pemantapan Kelestarian Diri dan Pengurusan yang Kompetitif	Dr. Wan Norhayati Binti Mohamed	PPPPM	5,000	Pelajar IKM Besut
Pembangunan Modal Insan dalam Komuniti melalui Aktiviti Masjid	Dr. Hailan Salimun	PPAL	4,000	Komuniti Kuala Nerus
Eco Youth Marine Programme: A Pilot Module for Eco-School Teachers	Dr. Melissa Beata Martin	PPSMS	4,000	Pelajar Sek Menengah Agama Zainal Abidin

Nama Projek	Ketua Projek	PTj	Jumlah Dana (RM)	Komuniti/Industri
Marine Debris and Its Effect to Psychology of Marine Organisms: Experimental Approach to Awareness through Public Education	Dr. Roswati Binti Md Amin	PPSMS	4,000	Pelajar SMK Kompleks Gong Badak
A Research on Industry Academia Collaboration: New Dimensions in Malaysia	Prof. Dr. Fauziah Binti Hj. Abu Hassan	PNC	7,000	20 Universiti Awam dan 10 universiti Swasta

Dana *Knowledge Transfer Programme* (KTP) KPM

Program Pemindahan Ilmu (KTP) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan salah satu usaha KPM di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) untuk memindahkan ilmu pengetahuan dari Universiti Awam (UA) kepada pihak industri dan komuniti.

Berdasarkan senario semasa ekonomi serta perkembangan pengajian tinggi global masa kini, serta berlatarbelakangkan hasrat negara untuk menjadi negara yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, KPM telah memutuskan bahawa terdapat keperluan untuk mewujudkan Program Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Programme; KTP). Keperluan ini berasaskan persoalan bagaimana UA di Malaysia dapat membantu memindahkan ilmu yang telah dijana kepada golongan sasaran untuk memperluaskan dan memperkukuhkan ilmu masyarakat awam.

Penubuhan KTP adalah berdasarkan Pelan Pengukuhan Hubungan Kerjasama Universiti-Industri/Komuniti yang digubal untuk menggalakkan penglibatan dan kerjasama erat antara pihak akademia dan pihak industri/komuniti. Salah satu pelan pengukuhan yang telah digariskan adalah Program Pemindahan Pengetahuan Kepada Komuniti dan Industri (*Knowledge Transfer Program for Community and Industry*). Pelaksanaan KTP adalah amat penting bagi tujuan pengukuhan ilmu terhadap komuniti dan industri di Malaysia dan secara langsung akan meningkatkan taraf hidup dan pendapatan bagi sesebuah komuniti dan industri.

Komitmen UMT dalam menyalurkan kepakaran ahli akademik UMT dengan mengadakan program pemindahan ilmu dan teknologi kepada industri dan kumpulan sasaran. Pemindahan ilmu dan teknologi ini melibatkan proses memindahkan ilmu dan teknologi dari skala makmal kepada skala industri. Melalui kerjasama dengan pihak industri, inovasi yang dipindahkan akan dapat membantu industri dalam pelbagai aspek seperti peningkatan produktiviti, penjimatan kos operasi, memberi lebih banyak peluang pekerjaan, peningkatan aspek persekitaran yang lebih mampan dan sebagainya. Usaha ini dapat direalisasikan menerusi Dana KTP yang dibiayai oleh KPM.

Senarai projek-projek bagi Dana KTP yang aktif pada 2018 adalah seperti di bawah:

Nama Projek	Ketua Projek	Tempoh Masa	Rakan Industri	Jumlah Dana (RM)
Knowledge Transfer of Hybrid Grouper Production Using Cryopreserved Sperms	Dr. Ivan Koh Chong Chu	15 Jan 2017 - 14 Jan 2018	Oasis Long Diann	RM78,208.00
Mass Production of the Brine Shrimp Artemia with PKC-Nutri+: A New and Potential Initiative to Boost Aquaculture Sector in Malaysia	Assoc. Prof. Dr. Yeong Yik Sung	16 Jul 2017 - 15 Jul 2018	Jian Sheng Aquaculture Sdn. Bhd.	RM71,802.00
Knowledge Transfer of a Low Cost Live Feed Technology and Water Quality Management of Sustainable Production of Marine Shrimp Larvae at Kembang Subur Sdn. Bhd.	Dr. Wan Nurul Nadiah Binti Wan Rasdi	19 Ogos 2018 - 18 Ogos 2019	Kembang Subur Sdn. Bhd.	RM68,675.00

Dana *University Community Transformation Centre* (UCTC)

University Community Transformation Centre (UCTC) yang ditubuhkan di universiti, menggunakan sumber intelektual dan kemudahan di universiti untuk menggalakkan pembangunan keusahawanan dan kebajikan komuniti. Berbanding dengan persepsi konvensional bahawa universiti hanya berperanan sebagai pusat menimba ilmu, UCTC membolehkan sumber universiti digunakan oleh masyarakat setempat serta memupuk semangat hidup berkomuniti dan membangunkan negara dalam kalangan pelajar dan pihak universiti.

Prinsip dalam pemilihan program adalah seperti berikut:

1. ***Low cost***- Penggunaan kos yang sangat minimum daripada kaedah tradisional
2. ***Rapid Execution***- Merealisasikan impak dengan cepat dalam tempoh 3-6 bulan
3. ***High Impact***- Menyumbang impak yang tinggi kepada rakyat
4. ***Sustainability of Change*** - Pengulangan dan perubahan dalam budaya

Senarai projek-projek bagi Dana UCTC yang aktif pada 2018 adalah seperti di bawah:

Nama Projek	Ketua Projek	Tempoh Masa	Jumlah Dana
Perintis Ternakan Udang Galah, *Macrobrachium rosenbergii* Semua Jantan (*All Male*) dalam Kolam Tanah di Kawasan Projek Berkelompok Persatuan Nelayan Besut Bukit Keluang: Modul Pengurusan Kualiti Air	Dr. Nor Azman Bin Kasan	10 Mei 2017 - 9 Mei 2018	RM 40,000.00

Nama Projek	Ketua Projek	Tempoh Masa	Jumlah Dana
Lestari Komuniti TKPM Batu Hampar, Kuala Terengganu: Inovasi Pendebungaan Lebah Kelulut Menjana Peningkatan Pengeluaran Melon Manis Terengganu	Assoc. Prof. Dr. Wahizatul Afzan Binti Azmi	1 Okt 2017 - 30 Mac 2018	RM 32,000.00
Projek Usahawan Hevotech @ Kg. Pela: Baja Biowalit dan Fertigasi Cili	Dr. Wan Zaliha Binti Wan Sembok	1 Okt 2017 - 30 April 2018	RM 35,000.00
Projek Makmal Komuniti untuk Produk Berasaskan Makanan	Dr. Mohd Nizam Bin Lani	1 Jan 2018 – 31 Dis 2018	RM 15,000.00
1 Taman Makanan 1 Rumah	Dr. Ramisah Binti Mohd Shah	3 Okt 2018 – 2 Jan 2019	RM 6,000.00



PROGRAM PEMINDAHAN ILMU KEPADA KOMUNITI

Selain industri, UMT juga menjalankan program pemindahan ilmu kepada masyarakat dan komuniti terutamanya di kawasan setempat dalam usaha untuk melahirkan insan yang berdaya saing seiring perkembangan ekonomi dan kemajuan teknologi di Malaysia. Dalam proses pemindahan ilmu, potensi serta kemahiran masyarakat/komuniti ini akan digilap supaya mendapat manfaat menerusi perubahan kepada sosioekonomi, peningkatan taraf hidup serta kualiti hidup masyarakat ke arah yang lebih baik.

Antara program pemindahan ilmu yang berimpak yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Program Saintis Islam Terengganu Kohort IV 2018	Program yang mempunyai 10 modul lengkap bagi melahirkan tokoh saintis Islam. Peserta terpilih daripada pelajar lepasan SPM Imtiyaz dan MRSM Kota Putra yang cemerlang akademik. 2 orang peserta akan terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dengan pembiayaan daripada kerajaan Negeri Terengganu.	Ketua: Prof. Madya Dr. Mohd Fadzil Bin Mohd Akhir Komuniti: Pelajar Cemerlang Lepasan SPM Sekolah Menengah Imtiyaz dan MRSM Kota Putra Jumlah Dana: RM70,000 Sumber Dana: Pusat Sains & Kreativiti Terengganu (PSKT)
Diskusi Ilmu: Fitnah Akhir Zaman: Antara Cabaran dan Persediaan	Diskusi ini mengupas isu-isu berkaitan fitnah di akhir zaman yang disampaikan oleh penceramah terkenal iaitu Ustaz Zulkifli Muhammad Ali.	Ketua Projek: Prof. Dr. Asyraf Bin Hj Ab Rahman Komuniti: Komuniti Daerah Kuala Nerus
Empowering Graduates 6.0: Backyard Science	Program pemindahan ilmu untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman hidup sebenar di luar sekolah.	Ketua Projek: Dr. Azza Jauhar Binti Ahmad Tajuddin Komuniti: Murid SK Institut Perguruan Dato' Hj Ghazali
Program *Summer School*	Melatih peserta antarabangsa berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan lebih berkesan untuk alam pekerjaan, membantu peserta antarabangsa menyediakan resume dan video resume dalam bahasa Inggeris secara online dan memberi pendedahan bahasa Melayu kepada peserta antarabangsa.	Ketua Projek: Dr. Samsiah Binti Abdul Hamid Komuniti: Pelajar University of Narathiwas

Nama Program	Nama Program & Keterangan Program	Ketua Penyelidik & Maklumat Dana
Program Lanjutan Kidzlestari Bersama Guru-guru Tadika Yayasan Islam Terengganu	Program pemindahan ilmu ini berkonsepkan ilmu kelestarian dan pendidikan kanak-kanak pra sekolah. Tujuan program ini adalah pendedahan ilmu yang mana memfokuskan penjagaan alam sekitar kepada umur peringkat awal supaya dapat diterapkan di dalam jiwa dan sanubari mereka.	Ketua Projek: Dr. Tg. Farah Kamilia Binti Tg Kamil Komuniti: Guru Tadika Yayasan Islam Terengganu
Program Pemindahan Ilmu antara Jabatan Ilmu Dasar dan Pendidikan Liberal dengan Yayasan Islam Terengganu (Siri 2)	Program pemindahan ilmu ini berkonsepkan ilmu kelestarian dan pendidikan kanak-kanak pra sekolah. Tujuan program ini adalah pendedahan ilmu yang mana memfokuskan penjagaan alam sekitar kepada umur peringkat awal supaya dapat diterapkan di dalam jiwa dan sanubari mereka.	Ketua Projek: Dr. Tg. Farah Kamilia Binti Tg Kamil Komuniti: Guru Tadika Yayasan Islam Terengganu
Program Profesor ke Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Rakit	Program ini adalah bagi rentetan daripada Program Sains ke Sekolah yang telah diadakan di Sekolah Imtiaz Kuala Berang, Kuala Berang, Terengganu. Program ini bertujuan untuk melibatkan seorang profesor untuk bekerjasama meningkatkan pencapaian dan kemajuan pelajar di sekolah menengah.	Ketua Projek: En. Mohamed Shahrir Bin Mohamed Zahari Komuniti: Komuniti Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Rakit



SOROTAN 1

Projek Pemindahan Ilmu kepada Komuniti: Perintis Ternakan Udang Galah, *Macrobrachium rosenbergii* Semua Jantan (*All Male*) Dalam Kolam Tanah di Kawasan Projek Berkelompok Persatuan Nelayan Besut Bukit Keluang: Modul Pengurusan Kualiti Air

Satu projek perintis telah digerakkan oleh UMT melalui Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) dalam usaha mempelbagaikan aktiviti ekonomi komuniti sekitar Kg. Keluang Keluang, Besut. Projek ini diketuai oleh Dr. Nor Azman Kasan. Projek Perintis Ternakan Udang Galah Semua Jantan (*All Male*) adalah merupakan implementasi kajian terkini berkaitan ternakan udang galah organik yang mana hasil akhir adalah sebanyak dua kali ganda daripada ternakan udang galah biasa. Sehingga kini, penternakan secara organik bagi projek akuakultur ini masih belum diusahakan secara sistematik. Projek ini akan menjadi perintis dalam menerajui sektor penternakan udang galah, *Macrobrachium rosenbergii* yang boleh diusahakan oleh penternak-penternak di Malaysia. Projek ini adalah mendokong usaha UMT dalam memartabadkan SDG 14 (*Life below water*).

Kebanyakan penduduk di Besut menjalankan aktiviti ternakan ikan kerapu dan ikan siakap. Dengan memperkenalkan ternakan udang galah semua jantan, usaha ini merupakan salah satu inisiatif untuk menarik minat penternak kolam untuk mempelbagai hasil kolam mereka. Ini kerana udang galah mempunyai permintaan yang tinggi di dalam pasaran pada masa kini. Selain itu, program ini juga menjadi platform kepada penyelidik UMT untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan kepakaran yang mereka ada bersama penduduk kampung.

Melalui projek ini, peserta-peserta telah dilatih terlebih dahulu sebelum menjalankan ternakan udang galah yang merangkumi lima program utama.

- Program pertama - "Dialog Pengurusan Ternakan Akuakultur". Penternak di sekitar kawasan tersebut dijemput untuk berkongsi masalah yang mereka hadapi terutamanya berkaitan dengan ternakan di kolam. Pihak UMT telah menjemput wakil Jabatan Perikanan Daerah Besut, Pegawai Khas ADUN Kota Putra dan Penghulu Mukim Keluang untuk turut sama terlibat dalam program ini.
- Program kedua - "Latihan Pengurusan Ternakan dan Kualiti Air untuk Akuakultur". Para peserta perlu menghadiri kursus selama 1 hari berkaitan akuakultur di UMT yang mana tenaga pengajar terdiri daripada penyelidik-penyelidik AKUATROP.
- Program ketiga - "Program Kerohanian dan Motivasi Diri untuk Keusahawanan" telah diadakan bagi memantapkan mental dan persediaan sebagai seorang penternak. Penceramah yang dijemput khas adalah Dr. Siti Salina Binti Abdullah dan Dr. Mohd Shaari Bin Abd Rahman yang merupakan kaunselor dan pensyarah keusahawanan dari UMT.
- Program keempat - "Program 1 Graduan 1 Penternak" telah dilaksanakan bagi melancarkan program ternakan yang dirancangkan melibatkan siswazah dan bekas siswazah dari UMT.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk menjalin hubungan jangka panjang dan pembelajaran sepanjang hayat kepada graduan tersebut serta untuk berkongsi ilmu pengetahuan yang mereka ada dengan penternak secara tidak langsung mereka juga dapat mempelajari ilmu daripada penternak.

- Program kelima - "Program Komuniti dan Ternakan Akuakultur Udang Galah Semua Jantan", lima peserta telah dipilih untuk memulakan projek perintis ini. Sebagai permulaan, UMT melalui AKUATROP telah membekalkan sebanyak 68,500 anak benih udang galah untuk diagihkan di lima kolam terpilih. Sepanjang tempoh ternakan, udang galah telah diternak di dalam kolam bermula dari hujung Februari 2018 dan telah dituai pada Jun 2018 dengan hasil lebih kurang 200 kg.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI (USR)

Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) menjadi salah satu agenda di UMT yang mana banyak memberi manfaat kepada komuniti setempat. Melalui USR, pensyarah, kakitangan dan juga mahasiswa berpeluang berkongsi amalan terbaik projek-projek kesukarelawan dengan masyarakat setempat. Pelbagai program USR telah dijalankan seperti khidmat masyarakat, bantuan bencana alam, gotong royong dan penyampaian ilmu seperti ceramah, taklimat dan motivasi kepada golongan yang memerlukan.

Berikut merupakan program-program sukarelawan yang telah dilaksanakan:

NAMA PROGRAM	KOMUNITI	PTJ
Program UMT Cakna UMT Sayang Komuniti Nelayan Pantai Mengabang Telipot	Komuniti Kampung Tengah	Keselamatan
Program Bakti Siswa Bersama Komuniti Pesisir	Komuniti Pantai Senok	PPHKP
Majlis Pelancaran Boardwalk Setiu	Komuniti Pengkalan Gelap, Setiu	IBTPL
Program UMT Cakna Komuniti JKKK Kampung Tok Jiring	Komuniti Kg. Tok Jiring	HEPA
Bengkel Kemenjadian murid melalui kemahiran berkomunikasi	Pelajar Sekolah dan Guru	PSNZ
Gotong Royong Perdana UMT	Warga UMT	PKU
Khidmat bantu Pusat Sumber Sekolah (SMK Padang Negara), Bengkel Pengkatalogan dan Penjilidan	Pelajar Sekolah	PSNZ
Pembangunan Digital Submarine SK Gong Badak	Pelajar Sekolah dan Guru	PSNZ
Program Hulurkan Tangan Ringankan Beban 2018 Bersama Warga Taman Sinar Harapan KT	Penghuni Taman Sinar Harapan	HEPA
Lonjak Potensi Diri Melalui Neuro-Linguistic Programming (NLP)	Komuniti sekitar UMT	Bendahari
USR Program "Ace Your English"	Pelajar SMA Durian Guling, SMA Sultan Zainal Abidin, Ladang dan SMA Mahmudiah	PPPKA

NAMA PROGRAM	KOMUNITI	PTJ
Kem Pembangunan Jati Diri Marin Kepada Pelajar SMK Padang Kemunting dan SMK Lembah Bidong	Pelajar Sekolah	PPKK
Program Bicara Tokoh Media dan Kewartawanan bersama Astro Awani JR	Pelajar Sekolah	PSNZ
Bengkel Pengacaraan TV PSS peringkat negeri Terengganu	Pelajar Sekolah	PSNZ
PSNZ Open Days 2018	Komuniti sekitar UMT, agensi dan institusi pendidikan	PSNZ
USR – *Happy Box*	Pelajar dan Pekerja am pembersihan yang memerlukan	Bendahari

SOROTAN 2:

Program USR: Program UMT Cakna UMT Sayang Komuniti Nelayan Pantai Mengabang Telipot

Kejadian ombak kuat dan fenomena air pasang besar di pantai Mengabang Telipot sejak bulan Disember 2017 telah menyebabkan hakisan pantai yang teruk dan ia menjejaskan kegiatan komuniti nelayan di kawasan terbabit. Malah kejadian itu menyebabkan nelayan terpaksa memindahkan bot yang diletakkan di pesisir pantai ke tempat lebih selamat, kerana bimbang runtuhan lebih teruk akan berlaku.

Menyedari akan kesukaran yang ditanggung oleh komuniti nelayan di situ, UMT telah mengadakan 'Program UMT Cakna UMT Sayang Bersama Komuniti Nelayan Mengabang Telipot' pada 25 Januari 2018 bertempat di Kampung Tengah, Mengabang Telipot, Kuala Nerus, Terengganu. Program ini dilaksanakan atas dasar keprihatin dan kasih sayang terhadap masalah yang dihadapi oleh komuniti setempat yang hidup berjiran dengan UMT. Naib Canselor UMT, Prof. Dato' Dr. Nor Aieni Binti Haji Mokhtar telah hadir untuk berbual mesra dan turut menyampaikan sumbangan beras dan minyak





kepada para nelayan. Turut hadir Prof. Dr. Fauziah Abu Hasan, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri) dan Encik Jaafar @ Abd. Rahman Abu Bakar, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Terengganu Utara.

Pihak UMT amat memahami kesukaran hidup nelayan apabila tiba musim tengkujuh, tambahan pula kejadian hakisan pantai yang teruk menyebabkan kawasan pendaratan bot nelayan turut terjejas. Pihak UMT telah menubuhkan pasukan 'task-force' mengenai hakisan pantai dan berdasarkan kajian pasukan tersebut didapati bahawa lebih 200 orang nelayan dan lain-lain atau sekurang-kurangnya 50% penduduk terjejas dengan kesan hakisan pantai, dengan bilangan isi rumah majoriti kurang daripada 5 orang atau 56.75%. Manakala nilai kerugian yang terlibat secara keseluruhan kerosakan harta benda termasuk rumah, kenderaan dan pertanian serta ternakan berjumlah RM80,900.00. Dengan purata pendapatan isi rumah bernilai RM1,166.30, didapati purata kerugian isi rumah akibat hakisan ini berjumlah RM606.35.

UMT sentiasa prihatin dengan isu ini dan program yang diadakan menggambarkan kecaknaan UMT kepada komuniti nelayan. Sumbangan yang dihulurkan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh nelayan. UMT juga mencadangkan kawasan pendaratan bot bagi nelayan di Pantai Mengabang Telipot disediakan melalui konsep inovasi yang dinamakan sebagai *Floating Breakwater.*

SOROTAN 3:

PROGRAM USR-HAPPY BOX

Happy Box merupakan salah satu program *University Social Resposibility* (USR) Pejabat Bendahari UMT. Program cetusan idea Bendahari UMT, Pn. Zahara Binti Kedri bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukan terutamanya pelajar-pelajar UMT di samping menggalakkan warga Bendahari untuk berkongsi rezeki dengan golongan yang kurang berkemampuan. Happy Box berkonsepkan pek makanan dan keperluan asas untuk pelajar-pelajar. Majlis pelancaran program telah diadakan pada Februari 2018 dan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Ts. Dr. Che Mohd Ruzaidi Bin Ghazali. Happy Box diadakan pada setiap bulan kecuali pada cuti semester.

Sumber kewangan bagi penajaan program ini adalah daripada sumbangan staf Pejabat Bendahari sendiri. Jumlah keseluruhan penajaaan tahun 2018 adalah sebanyak RM8,000 yang mana telah memberi manfaat kepada seramai 450 orang pelajar yang terpilih dan 40 kakitangan syarikat pembersihan swasta (pekerja am).

Program ini merupakan nilai tambah kepada perkhidmatan Pejabat Bendahari selain daripada memberikan perkhidmatan kewangan. Maklumbalas dan impak yang positif yang diterima terutamanya daripada pelajar menjadi asas kepada pihak Pengurusan Pejabat Bendahari untuk meneruskan kesinambungan program ini pada tahun seterusnya.

BAHAGIAN II – JARINGAN INDUSTRI

KERJASAMA UNIVERSITI DAN INDUSTRI

Kerjasama dan kolaborasi antara universiti dan industri sangat penting kerana kedua-dua pihak saling memerlukan antara satu sama lain bagi menjalankan aktiviti seperti latihan industri, lawatan pembelajaran ke industri, penyelidikan, perundingan, pengkomersialan dan perkongsian kepakaran dan fasiliti serta kerjasama lain. Berdasarkan Lonjakan 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), untuk terus berkembang pesat, ekosistem ini memerlukan perkongsian kerjasama yang menggabungkan lingkaran empat pihak (*quadraple helix*), terdiri daripada akademia, industri, kerajaan dan komuniti. Kerjasama ini mempercepatkan pengkomersilan idea.

Kerjasama strategik ini penting kerana akan menentukan kitaran ekonomi yang positif bagi sesebuah negara. UMT melalui PIJI terus memperkasa hubungan kerjasama industri-akademia dengan mengambil langkah proaktif menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah PKS, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (GLC), Syarikat Multinasional (MNC), Badan Kerajaan dan Badan Berkanun bagi manfaat bersama.

PROGRAM KERJASAMA UNIVERSITI DAN INDUSTRI

Program	Nama Rakan Industri	Keterangan Program
Teaching Accounting Firm (TAF)	Salihin Chartered Accountants	Menyediakan platform kepada universiti sebagai hab gabungan pembelajaran dan latihan bersepadu antara UMT-TAF. TAF akan menjadi medan terbaik kepada pelajar mahupun para pensyarah untuk terlibat secara langsung di dalam industri berkaitan.
Maritime Logistic and Transportation Centre (MaLTRAC)	CILT	Pusat rujukan dan pengumpulan data bagi pengangkutan maritim di Malaysia. Merupakan satu-satunya universiti awam yang dipilih oleh The Chartered Institute of Logistics and Transportation (CILT) untuk menubuhkan Pusat Logistik dan Pengangkutan Maritim di Malaysia
Technology Transfer in Maritime Industry (MoA UMT-TDA)	Technology Depository Agency (TDA) Berhad	TDA telah memberikan dana sebanyak RM500,000 untuk melaksanakan 4 projek: • Structured Internship Training Development • eNav Web-based Marine Traffic Monitoring Software • Presagis Mutigen Creator Software • Training on Hydrography
Program 3u1i	PTP Sdn. Bhd.	Kerjasama UMT-PTP untuk pembangunan sumber manusia. Program yang sedang berjalan ialah Structured Internship Program (SIP) untuk program Sarjana Muda Sains Komputer dengan Infomatik Maritim dan disusuli oleh 3u1i untuk Program Sarjana Muda Pengurusan (Maritim).

Program	Nama Rakan Industri	Keterangan Program
Program 3u1i	Kuantan Port Consortium (KPC)	Kerjasama UMT-KPC untuk program 3u1i Sarjana Muda Pengurusan (Maritim).
Save Our Coral	Aquaria KLCC	Penternakan coral di UMT untuk memelihara terumbu karang yang terancam.
Research and Commercialization (Matching Grant)	Chemical Company Malaysia (CCM) Berhad	Pengkomersilan teknologi untuk sarung tangan dalam industri penjagaan kesihatan.
Majlis Hi Tea Bersama PTP Sdn. Bhd.	PTP Sdn. Bhd.	Majlis meraikan pelajar UMT yang akan mengikuti program latihan industri berstruktur di PTP Sdn. Bhd. oleh Ketua Pegawai Eksekuti PTP Sdn. Bhd., En. Marco Neelsen
Program *Industrial Talk* Siri 1 – PTP Sdn. Bhd. dan Bahagian Hubungan Industri (BHI), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)	PTP Sdn. Bhd. & BHI, JPT	Program perkongsian ilmu dari kaca mata industri kepada pelajar dan ahli akademik UMT oleh Ketua Pegawai Eksekutif PTP Sdn. Bhd., En. Marco Neelsen dan Pengarah BHI, Prof. Dr. Arham Bin Abdullah
Program *Industrial Talk* Siri 2 – MTDC & Boustead Holding Berhad	MTDC & Boustead Holding Berhad	Program perkongsian ilmu berkaitan pengkomersialan dan trend semasa dalam bidang maritim oleh Puan Mariatini Othman, Naib Presiden Kanan, Malaysian Technology Development Corporation dan Profesor Adjung UMT, En. Nazery Khalid dari Boustead Heavy Industries Corporation Berhad.
Program *Industrial Talk* Siri 3 - CCM Berhad	CCM Berhad	Program perkongsian pengalaman bagaimana sesebuah organisasi boleh berjaya dan peranan pelajar apabila bekerja dalam sesebuah organisasi oleh Puan Nik Fazila Binti Nik Mohamed Shihabuddin, Pengarah Urusan Kumpulan Chemical Company of Malaysia (CCM) Berhad.
Program *Industrial Talk* IR4.0 – PPSA	Klinik Kesihatan Kuala Dungun	Perkongsian informasi kesihatan bersama Dr. Zahmi Binti Muda, Pakar Kesihatan Keluarga, Klinik Kesihatan Kuala Dungun. Pendedahan secara terperinci berkenaan sistem imuniti tubuh manusia dan vaksin terkini yang terdapat di Malaysia bagi mencegah penyakit yang dapat dikawal melalui imuniti tersebut.
Program *Industrial Talk* IR4.0 – PPSTM	Exotic Star Plantation Sdn. Bhd	Chief Advisor dari agensi Exotic Star Plantation Sdn. Bhd iaitu En. Shaharizan Abd. Majid telah menyampaikan syarahan bertajuk: *Post harvest treatments of fresh produce and GAP compliance for local and international production*
Knowledge Transfer of Hybrid Grouper Production Using Cryopreserved Sperm	Summit Marine Network Sdn. Bhd.	Projek memindahkan aplikasi teknik cryopreservation sperma untuk pengeluaran benih kerapu yang berkualiti.

Program	Nama Rakan Industri	Keterangan Program
Beehive fence using honeybees (Apis cerana and Apis mellifera as natural deterrent of Asian elephant (Elephas mazimus) in TDMP oil palm plantations in Malaysia (Industry Research Grant)	TDM Plantation Sdn. Bhd.	Menggunakan lebah sebagai agen penghalang semulajadi gajah dalam ladang kelapa sawit.
Pollination ecology of oil palm (Elais guineensis) in TDMP, Terengganu (Industry Research Grant)	TDM Plantation Sdn. Bhd.	Kajian untuk menyediakan ekologi pendebungaan semulajadi bagi kelapa sawit menggunakan kelulut
Structured Internship Programme	Eastern Steel Sdn. Bhd.	Pelajar-pelajar UMT daripada pelbagai bidang menjalani siri latihan industri berstruktur.
Kunjungan Rakan Industri – Centre of Maritime Excellence Sdn. Bhd.	Centre of Maritime Excellence Sdn. Bhd.	Langkah mewujudkan jalinan hubungan kerjasama strategik antara UMT dan syarikat Centre of Maritime Excellence Sdn. Bhd. (CME) yang akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar dalam menjalani latihan di agensi berkenaan.
Program Jaringan Bersama Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI)	Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI)	Program jaringan kerjasama UMT bersama LIPI bagi membuka peluang untuk berkongsi kepakaran dan penyelidikan antara satu sama lain.
Career Insight @ PTP	PTP Sdn. Bhd.	Program dua hari bagi pelajar yang mengambil bahagian dilatih dan didedahkan kepada dinamik kerja dan keperluan pekerjaan yang kompleks dari pelbagai bahagian dan jabatan dalam PTP seperti Perkhidmatan Marin, Operasi, Kesihatan, Keamanan, Keselamatan & Alam Sekitar (HSSE). Pada akhir program, pelajar juga perlu membuat pembentangan berdasarkan pengalaman, pemerhatian dan cadangan mereka.



Program	Nama Rakan Industri	Keterangan Program
Accelerating Malaysian Digital SMEs: Escaping the Computerisation Trap Whitepaper	Huawei (Malaysia) Sdn. Bhd	SME Corp. Malaysia dan Huawei Technologies bersama-sama dengan *Consortium University* dan IDC telah mejalankan satu kajian kepada PKS yang mewakili semua sektor dan wilayah untuk meneroka penggunaan ICT dan mengkaji pemacu dan halangan transformasi digital melalui lensa PKS di Malaysia. Dari KPM, kajian ini dilakukan oleh Konsortium Universiti yang dibentuk khusus terdiri daripada pakar dan penyelidik dari 4 Universiti di Malaysia termasuklah UMT yang diwakili Prof. Madya Dr. Lam Su Shiung.

SOROTAN 4:

Pertandingan Unimaker IR 4.0: Transcending the Future, East Region

UMT telah mendapat Naib Johan daripada 53 penyertaan dari 7 universiti. Pertandingan yang dianjurkan oleh KPM melalui Jabatan Pendidikan Tinggi telah diadakan secara dua peringkat, iaitu Peringkat Zon dan Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada November 2018 di Kuala Lumpur. Hos zon bagi pertandingan itu adalah Universiti Sains Malaysia (USM) untuk Zon Utara, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (Zon Selatan), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) (Zon Timur) dan Universiti Malaya (UM) (Tengah).

Pertandingan ini berpotensi melatih dan menggalakkan peserta untuk berfikir, berinovasi serta membangunkan penyelesaian inovatif bagi mendepani Revolusi Industri 4.0. Peserta diberikan pendedahan melalui *Bootcamp* bagi menerangkan dengan lebih lanjut mengenai pertandingan yang bakal dibimbing pakar daripada Lingkaran Empat atau Quadruple Helix, iaitu pihak universiti, kerajaan, industri dan masyarakat. UNIMAKER yang pertama kali dianjurkan menjadi langkah pertama dalam memupuk minat pelajar terhadap ideologi Makers untuk mereka bentuk, menyelesaikan permasalahan, menggodam, membina, mencabar, menggunakan kemahiran inovatis dan pemikiran kreatif bagi mempamerkan idea serta projek bakal dilaksanakan.

SOROTAN 5:

Career Insight @ PTP

Pada 30 November 2018, Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn Bhd dengan kerjasama PIJI telah menganjurkan Program Career Insight @ PTP. Program ini disertai oleh 35 pelajar UMT dari Program Pengurusan Maritim, Sains Nautika dan Teknologi Maritim.

Pelajar yang mengambil bahagian dilatih dan didedahkan kepada dinamik kerja dan keperluan pekerjaan yang kompleks di PTP. Pelajar ini telah dibahagikan kepada 3 kumpulan dan ditempatkan di 3 jabatan di dalam PTP iaitu Jabatan Perkhidmatan Marin, Jabatan Operasi dan Jabatan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE). Pada akhir program, pelajar juga perlu membuat pembentangan berdasarkan pengalaman, pemerhatian dan cadangan penempatan mereka. Program ini sangat memberi impak kepada pelajar kerana mereka didedahkan kepada situasi sebenar alam pekerjaan di PTP.

MALIM INDUSTRI UMT

Bagi memperkasa hubungan universiti-industri, UMT telah melantik sembilan orang tokoh di Malaysia dalam pelbagai bidang sebagai Malim Industri bagi membantu melonjakkan citra UMT di peringkat nasional dan global. Pelantikan Malim Industri adalah penting bagi membantu UMT untuk:

a) menjadi penasihat terhadap **hala tuju dan perancangan strategik** di antara UMT dengan industri;
b) memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada pensyarah/penyelidik dalam **meningkatkan kualiti dan kebolehpasaran produk inovasi dan penyelidikan** UMT; dan
c) membantu untuk memantapkan **jaringan industri UMT bersama agensi dan industri** yang dapat memberi impak kepada negara.

Senarai Malim Industri UMT adalah seperti berikut:

Prof. Dr. Arham Abdullah
Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pendidikan Tinggi

Dato' Zailani Safari
Ketua Pegawai Eksekutif Technology Depository Agency (TDA)

Mr. Marco Neelsen
Ketua Pegawai Eksekutif, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) Sdn. Bhd.

Datuk Seri Jebbasingam Isaace John
Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC)

Puan Mariatini Othman
Senior Vice President, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)

Dr. Harcharan Singh
Senior Vice President, Innovation Enablement, Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd (Bioeconomy Corporation)

Dato' Kamarul Redzuan Muhamed
Ketua Pegawai Eksekutif, Uzma Engineering Sdn. Bhd.

Dato' Rozabil Abdul Rahman
Group Managing Director, Destini Berhad

Malim industri yang telah dilantik untuk tahun 2018 ialah:



Puan Nik Fazila Binti Nik Mohamed Shihabuddin
Pengarah Urusan Kumpulan
Chemical Company of Malaysia Berhad

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan bersama Malim Industri adalah seperti butiran berikut:

Tarikh	Nama Program	Keterlibatan	Impak
10 April 2018	Majlis Hi Tea Bersama PTP Sdn. Bhd.	Mr. Marco Neelsen	3 orang pelajar SIP dan 6 orang pelajar 3u1i
11 April 2018	Program Industrial Talk Siri 1 – PTP & BHI	Mr. Marco Neelsen & Prof. Dr. Arham Bin Abdullah	Perkongsian ilmu daripada 2 orang pakar
27 Oktober 2018	Program Industrial Talk Siri 2 – MTDC & Boustead Holding Berhad	Puan Mariatini Binti Othman	1 projek telah dicadangkan untuk simbiosis oleh MTDC
1 November 2018	Program Industrial Talk Siri 3 - CCM Berhad	Puan Nik Fazila Binti Nik Mohamed Shihabuddin	Matching Grant UMT-CCM
30 November – 1 Disember 2018	Career Insight @ PTP	Mr. Marco Neelsen	34 orang pelajar terokai peluang pekerjaan di PTP











KESIMPULAN

PIJI telah melaksanakan pelbagai langkah yang proaktif dalam menggerakkan fungsi universiti untuk menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi awam dan swasta, industri serta masyarakat demi kepentingan bersama dan pembangunan negara. PIJI bertekad untuk terus mempergiat kerjasama strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan bagi memastikan banyak manfaat dapat dinikmati oleh semua pihak. Justeru, kerjasama dan sokongan yang erat amat diperlukan daripada semua PTj untuk melonjakkan aktiviti libatsama industri dan komuniti untuk menjana perubahan dan kemajuan bersama.

RM 389,675
Jumlah Dana yang diperolehi untuk Program Pemindahan Ilmu

MALIM INDUSTRI
seramai 9 orang telah dilantik untuk membantu memantapkan jaringan industri UMT

NAIB JOHAN
Unimaker IR 4.0: Transcending the Future, East Region

45
Bilangan Komuniti mendapat manfaat dari Program Pemindahan Ilmu

8
Bilangan Industri mendapat manfaat dari Program Pemindahan Ilmu

13
bilangan pelajar SIP dan 3u1i



Galeri Dasar Laut Pulau Bidong, Terengganu

Foto: Syed Ahmad Rizal Tuan Nek



KECEMERLANGAN BAKAT

Pembangunan bakat cemerlang melalui pemantapan tadbir urus pengurusan dan pembangunan bakat secara holistik dan bersepadu merupakan agenda khusus yang telah direncanakan ke arah meningkatkan pembinaan keupayaan (capacity building), mewujudkan nilai-nilai dan budaya kerja positif serta menyediakan sistem tadbir urus yang berkesan.

Kecemerlangan bakat yang difokuskan dalam lonjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) akan menjadi penanda aras untuk melonjak kecemerlangan bakat kumpulan akademik dan bukan akademik di UMT. Pembangunan bakat cemerlang melalui pemantapan tadbir urus pengurusan dan pembangunan bakat secara holistik dan bersepadu merupakan agenda khusus yang telah direncanakan ke arah meningkatkan pembinaan keupayaan (*capacity building*), mewujudkan nilai-nilai dan budaya kerja positif serta menyediakan sistem tadbir urus yang berkesan.

PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember 2018, UMT mempunyai 1,528 waran jawatan yang merangkumi empat jawatan pengurusan tertinggi, 542 jawatan akademik, 234 jawatan pengurusan dan profesional bukan akademik serta 748 jawatan pelaksana dengan peratus pengisian sebanyak 94.44%. Perincian pengisian jawatan berdasarkan waran adalah seperti di dalam jadual di bawah:

Pengisian Jawatan Berdasarkan Waran

Kumpulan	Bilangan Waran	Pengisian	Kekosongan
Pengurusan Tertinggi	4	4	0
Ahli Akademik	542	492	50
Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)	234	222	12
Pelaksana (Bukan Akademik)	748	725	23
Jumlah Keseluruhan	**1,528**	**1,443**	**85**
		Peratus Pengisian Keseluruhan	**94.44%**

Pengisian Jawatan Berdasarkan Taraf Lantikan

Perincian pengisian jawatan berdasarkan taraf lantikan pula adalah seperti di dalam jadual di sebelah. Secara keseluruhannya, 85% daripada jawatan di UMT adalah bertaraf tetap, 10% bertaraf kontrak dan selebihnya adalah jawatan bertaraf pinjaman dan sementara. Dengan kapasiti pelajar seramai 10,063 orang, nisbah pensyarah:pelajar ialah 1:18. Nisbah yang ideal bagi program pengajian yang berasaskan sains dan teknologi adalah 1:15. Berdasarkan kepada nisbah tersebut, UMT masih memerlukan sekurang-kurangnya 121 orang pensyarah untuk menampung keperluan tersebut.

Manakala, nisbah staf akademik:bukan akademik pula adalah 1:1.9. Nisbah ini merupakan nisbah yang munasabah bagi universiti yang berasaskan sains dan teknologi dan mempunyai dua buah kampus serta empat stesen penyelidikan di Chagar Hutang, Pulau Bidong, Tanah Bencah Setiu dan Tasik Kenyir.

Pengisian Jawatan Staf Berdasarkan Taraf Lantikan

Bil.	Jawatan	Gred/ Kesetaraan Gred	Tetap	Kontrak	Pinjaman	Sementara	Sambilan	Jumlah
PENGURUSAN TERTINGGI								
1.	Pengurusan Tertinggi		-	-	2	2	-	**4**
AHLI AKADEMIK								
PENSYARAH UNIVERSITI								
1.	Profesor	VK5	1	2	-	-	-	**3**
		VK6	3	2	-	-	-	**5**
		VK7	18	3	-	-	-	**21**
2.	Profesor Madya	DS54	65	-	-	-	-	**65**
		DS53	10	5	-	-	-	**15**
3.	Pensyarah Kanan	DS52	132	-	-	-	-	**132**
		DS51	180	23	1	-	-	**204**
4.	Pensyarah	DS45	82	12	-	2	-	**96**
SKIM LANTIKAN KHAS								
5.	Pengajar Khas Gred (JUSA C)	KA19	-	2	-	-	-	**2**
6.	Pengajar Khas (Gred 53)	KA21	-	2	-	-	-	**2**
7.	Pengajar Khas (Gred 51)	KA20	-	2	-	-	-	**2**
8.	Felo Penyelidik Utama (Gred JUSA C)	KA10	-	1	-	-	-	**1**
9.	Felo Penyelidik Kanan (Gred 51)	KA12	-	1	-	-	-	**1**
10.	Felo Penyelidik Utama Pelawat	KA22	-	1	-	-	-	**1**
11.	Tutor	DA41	-	-	-	3	-	**3**
12.	Skim Latihan Akademik Muda (SLAM)	KA09	-	-	-	65	-	**65**
13.	Pasca Kedoktoran	KA06	-	3	-	-	-	**3**
14.	Profesor Adjung (JUSA C)	KA01	-	11	-	-	-	**11**
15.	Profesor Pelawat (JUSA C)	KA02	-	19	-	-	-	**19**
STAF BUKAN AKADEMIK								
1.	Kumpulan Pengurusan dan Profesional		222	38	-	-	-	**260**
2.	Kumpulan Pelaksana		725	104	-	-	**4**	**833**
	Jumlah		**1438**	**231**	**3**	**72**	**4**	**1748**

Pensyarah Berkelulusan Doktor Falsafah (PhD)

Pengambilan pensyarah baharu adalah berdasarkan kepada tiga prinsip strategik iaitu (i) pengisian lompang bidang berdasarkan keperluan ideal nisbah pelajar: pensyarah mengikut program pengajian, (ii) pengambilan calon felo akademik untuk tajaan SLAM adalah berdasarkan pelan penggantian dan (iii) keperluan strategik universiti. Pada tahun 2018, seramai 32 bilangan pensyarah baharu yang telah dilantik, iaitu 28 adalah berkelayakan PhD. Secara keseluruhannya, sebanyak 84.51% iaitu 464 orang pensyarah adalah mempunyai kelayakan PhD dan ini telah melebihi sasaran negara iaitu sebanyak 80%. Perincian pensyarah mengikut pusat pengajian dan pendidikan adalah seperti di bawah:

Pusat Pengajian/Institut	Bilangan Ahli Akademik	
	PhD	Sarjana
Pusat Pengajian Sains Asas	53	1
Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan	50	8
Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan	48	6
Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran	69	5
Pusat Pengajian Sains Teknologi Makanan	42	2
Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	34	-
Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim	69	13
Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi	48	7
Pusat Pendidikan Asas dan Liberal	25	42
Institut Oseanografi dan Sekitaran	10	-
Institut Bioteknologi Marin	10	-
Institut Akuakultur dan Tropika	5	1
Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari	1	-
Jumlah	**464**	**85**

Ahli Akademik Antarabangsa

Sehingga 31 Disember 2018, UMT mempunyai seramai 27 orang ahli akademik antarabangsa ke arah usaha melestarikan pendidikan tinggi serta memantapkan ekosistem pendidikan. Pemilihan ahli akademik antarabangsa adalah berdasarkan kepada keperluan strategik untuk menyokong bidang tujahan, kepakaran tertentu dalam bidang kritikal, keupayaan menyumbang penerbitan berimpak tinggi di samping meningkatkan bilangan geran dan pelajar antarabangsa ke UMT. Jadual di sebelah memberikan perincian lantikan ahli akademik antarabangsa mengikut jawatan dan negara asal.

Bilangan Ahli Akademik Antarabangsa Mengikut Jawatan dan Negara Asal sehingga 31 Disember 2018

Jawatan/Gred	Jumlah
Profesor Madya (DS53)	**3 orang** India (1), Indonesia (2)
Pensyarah Kanan (DS51)	**16 orang** Indonesia (6), Bangladesh (2), Vietnam (1), Libya (2), Jepun (1) Kanada (1), India (2), Myanmar (1)
Pensyarah (DS45)	**6 orang** Iraq (2), India (2), Indonesia (2)
Pengajar Khas (Gred 53) KA21	**1 orang** Filipina (1)
Post-Doctoral (KA06)	**1 orang** Pakistan (1)
Jumlah	**27 orang**

Kemajuan Kerjaya

Dari segi kemajuan kerjaya ahli akademik, seramai 33 orang ahli akademik telah mendapat peningkatan kerjaya melalui kenaikan pangkat sepanjang tahun 2018. Proses kenaikan pangkat ahli akademik adalah berdasarkan kepada lima kefungsian utama iaitu pengajaran dan penyeliaan, penyelidikan dan penerbitan, pemindahan ilmu, pembangunan kendiri dan kepimpinan akademik/ pengurusan. Di samping itu, nilai kebersamaan, profesionalisme, etika/sahsiah dan integriti juga diberi penekanan yang kritikal dalam proses kenaikan pangkat ahli akademik.

Manakala, bagi staf bukan akademik pula, 42 orang telah dinaikkan pangkat pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, seramai 11 orang staf bukan akademik dinaikkan pangkat secara hakiki, 4 orang secara fleksi dan 27 orang secara *Time Based* Kecemerlangan (TBK) 13 Tahun. Penilaian kenaikan pangkat staf bukan akademik adalah berdasarkan kepada kecemerlangan dalam tugas hakiki, sumbangan inovasi dalam pekerjaan, perkongsian/pengiktirafan kebolehan dan sumbangan luar tugas rasmi yang signifikan. Aspek sahsiah, keperibadian, integriti dan disiplin turut menjadi elemen penting dalam kriteria kenaikan pangkat. Perincian kenaikan pangkat seperti dalam jadual di sebelah:

Bilangan Kenaikan Pangkat Staf

Kumpulan		Jumlah
Ahli Akademik	Profesor (VK6)	1
	Profesor (VK7)	5
	Profesor Madya (DS54)	13
	Pensyarah Kanan (DS52)	14
Pengurusan dan Profesional • Hakiki (2) • Fleksi (4)		6
Pelaksana • Hakiki (9) • TBK (27)		36
Jumlah		**75**

Staf Cuti Belajar dan Penajaan *Fellowship*

Sehingga 31 Disember 2018, UMT telah menghantar seramai 52 orang staf untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Seramai 6 orang pensyarah dan 41 orang felo akademik telah menerima tajaan bagi melanjutkan pengajian pada peringkat PhD di pelbagai negara. Terdapat lima orang daripada kumpulan Pengurusan dan Profesional bukan akademik, turut menyahut seruan konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat, iaitu seorang bagi pengajian PhD dan empat orang untuk pengajian Sarjana. Perincian maklumat berkaitan pegawai cuti belajar mengikut peringkat pengajian adalah seperti dalam jadual di bawah:

Bilangan Pegawai Cuti Belajar Mengikut Peringkat Pengajian

Pengajian	Tempat Pengajian	Jawatan			Jumlah
		Pensyarah	Felo Akademik	Bukan Akademik	
Doktor Falsafah	Dalam Negara	5	22	1	28
	Luar Negara	1	19	0	20
Sarjana	Dalam Negara	0	0	4	4
	Luar Negara	0	0	0	0
Jumlah		**6**	**41**	**5**	**52**



Program Mobiliti

Pelaksanaan usaha kesejagatan kerjaya ini dijayakan melalui pelbagai inisiatif iaitu Pasca Kedoktoran, Cuti Penyelidikan, Cuti Sabatikal, Program Sangkutan Akademik dan Bukan Akademik serta Sangkutan Industri. Sangkutan Industri merupakan inisiatif baharu tahun 2018 dengan penglibatan seramai 15 orang ahli akademik yang menjalani tindikan industri secara kumulatif selama 6 bulan dalam pelbagai industri yang relevan. Inisiatif ini meningkatkan hubungan dan kerjasama antara universiti dan industri dan amalan profesional kepakaran pensyarah yang terlibat. Jadual di bawah menunjukkan statistik bilangan pegawai yang menjalani program mobiliti sepanjang tahun 2018. Seramai 28 orang daripada 51 orang ahli akademik yang menjalani program mobiliti berjaya ditindikkan dalam pelbagai industri yang relevan dengan bidang kepakaran masing-masing.

Bilangan Pegawai Akademik yang Menjalani Program Mobiliti Bagi Tahun 2018

Program Mobiliti	Dalam Negara	Luar Negara	Jumlah
Pasca Kedoktoran	6	7	13
Cuti Penyelidikan	1	1	2
Cuti Sabatikal	7	1	8
Sangkutan Akademik	1	12	13
Sangkutan Bukan Akademik	5	6	11
Sangkutan Industri	14	1	15
Jumlah	**34**	**28**	**62**

Negara	Pasca Kedoktoran	Cuti Penyelidikan	Cuti Sabatikal	Sangkutan Akademik	Sangkutan Bukan Akademik	Sangkutan Industri
United Kingdom	**2**	-	-	-	-	**1**
Amerika Syarikat	**1**	-	-	-	-	-
Jepun	**1**	-	-	**2**	-	-
Australia	**2**	-	-	**2**	-	-
Korea	**1**	-	-	**1**	-	-
India	-	**1**	-	-	-	-
Indonesia	-	-	**1**	-	-	-
Belgium	-	-	-	**1**	-	-
Taiwan	-	-	-	**4**	-	-
Afrika	-	-	-	**1**	-	-
Perancis	-	-	-	**1**	-	-
China	-	-	-	-	**2**	-
Thailand	-	-	-	-	**4**	-
Jumlah	**7**	**1**	**1**	**12**	**6**	**1**

Keahlian Badan Profesional

Penglibatan ahli akademik dan Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) bukan akademik dalam persatuan ikhtisas dan persatuan berkaitan kepakaran/bidang tugas masing-masing adalah amat dititikberatkan oleh pengurusan UMT. UMT akan terus menggiatkan usaha tindikan ahli akademik kepada industri dalam usaha meningkatkan bilangan ahli akademik memperolehi sijil amalan profesional. Sehingga 31 Disember 2018, seramai 347 orang ahli akademik dan 65 orang P&P bukan akademik yang mempunyai keahlian badan profesional di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Jadual di sebelah menunjukkan statistik kelayakan profesional yang dimiliki oleh staf UMT.

Statistik Kelayakan Profesional sehingga 31 Disember 2018

Keahlian	Jumlah
KEBANGSAAN	
Badan Profesional	125
Persatuan Akademik/Persatuan Berdaftar	139
ANTARABANGSA	
Badan Profesional/Persatuan Antarabangsa/NGO	148
Jumlah	**412**



ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN PENGHARGAAN

Kecemerlangan dan kewibawaan warga UMT merupakan nadi kepada pembangunan universiti ke arah memperkasakan visi dan misi universiti. Pengiktirafan kejayaan bakat UMT telah dibuktikan melalui beberapa kejayaan ahli akademik UMT yang mendapat pengiktirafan atau anugerah di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa adalah seperti berikut:



Senarai Penerima Anugerah dan Penghargaan Tahun 2018

Nama Anugerah/ Pengiktirafan	Anjuran	Penerima
Felo Akademi Sains Malaysia	Akademi Sains Malaysia (ASM)	Prof. Dr. Mazlan Bin Abd. Ghaffar
Johan Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Reka bentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif Tahun 2018 (AKRI 2018) bagi Kategori Anugerah Pengajaran Transformatif Tanpa Syarahan	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	Prof. Madya Dr. Faridah Binti Mohamad
Adi Guru Gamelan Tradisional Melayu	Kerajaan Negeri Terengganu	Muhammad Shahrul Azmi Bin Hassan



UMT juga telah mewujudkan pelbagai anugerah peringkat universiti bagi memberi pengiktirafan kepada warga atas komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam perkhidmatan. Pengiktirafan bakat warga UMT telah dizahirkan melalui penganjuran Majlis Anugerah Tahunan 2018. Senarai anugerah dan penerima adalah seperti berikut:

Senarai Penerima Anugerah dan Penghargaan Tahun 2018 sempena Majlis Anugerah Tahunan 2018

Nama Anugerah	Penerima
Anugerah Kepimpinan Akademik (Keseluruhan)	Prof. Dr. Mhd. Ikhwanuddin @Polity Bin Abdullah
Anugerah Kepimpinan Akademik (Muda)	Prof. Madya Dr. Khairul Anuar Bin Mat Amin
Anugerah Staf Harapan • Kumpulan Pelaksana	Mohd Shareezad Bin Abdul Satad
Anugerah Kecemerlangan Sukan (Olahragawan)	Mohd Shukur Bin Saad
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah) • Sains Tulen	Prof. Madya Dr. Faridah Binti Mohamad
Anugerah Pengajaran dan Pembelajaran (Pensyarah Muda) • Kelompok Sains Gunaan	Dr. Rohani Binti Shahrudin
Anugerah Buku Ilmiah Terbaik UMT • Sains Sosial	Dr. Hamdan Bin Aziz
Anugerah Penerbitan Penyelidikan • Sains Tulen	Prof. Madya Dr. Mohammad Bin Ismail
Anugerah Makalah Terbaik Dalam JSSM	Dr. Sandra Catherine Zainathan Prof. Madya Dr. Nadirah Binti Musa Prof. Dr. Najiah Binti Musa Prof. Emeritus Dr. Faizah Binti Mohd Sharoum
Anugerah Khas Naib Canselor	Helmi Bin Khalil
Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang	Prof. Dr. Mohd. Lazim Bin Abdullah Prof. Dr. Tengku Sifzizul Bin Tengku Muhammad Prof. Dr. Ts. Che Mohd Ruzaidi Bin Ghazali Prof. Madya Dr. Mohd Nizam Bin Lani Dr. Mohd. Shaari Bin Abd Rahman Dr. Mohd. Nazli Bin Mohd Nor
Anugerah Pengurusan Pusat Tanggungjawab Terbaik	Pusat Pengajian Kejuruteraan dan Kelautan (PPKK) dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
Anugerah Inovasi Pengurusan	Kumpulan AKAR
Anugerah Pemindahan Ilmu	Dr. Nor Azman Bin Kasan



Skim Ilmuan Budi

UMT telah memperkenalkan skim baharu pelantikan iaitu Skim Ilmuan Budi bermula tahun 2018. Skim ini terbuka kepada ahli akademik yang telah bersara daripada UMT atau pernah berkhidmat secara kontrak sepenuh masa di UMT. Lantikan Ilmuan Budi adalah sebagai pengiktirafan UMT terhadap sumbangan kecemerlangan calon sama ada dalam bidang akademik, penyelidikan, tadbir urus dan pembangunan universiti.



Melalui skim ini, calon diberi ruang untuk menyumbang ilmu dan kepakaran kepada UMT melalui penglibatan secara langsung dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Secara tidak langsung juga, ia merupakan satu mekanisma bagi memastikan kesinambungan kepakaran bagi memacu kecemerlangan UMT terutamanya dalam membimbing ahli akademik muda. Pada tahun 2018, UMT telah mengiktiraf dan melantik seramai lima orang pesara sebagai Ilmuwan Budi UMT iaitu Prof. Dr. Norhayati Binti Mohd Tahir, Prof. Dr. Rosnan Bin Ya'acob, Prof. Emeritus Dr. Faizah Binti Mohd Sharoum, Prof. Emeritus Dr. Mohd Lokman Bin Husain dan Prof. Madya Dato' Sulong Bin Ibrahim.

PEMBANGUNAN BAKAT

Pembangunan Bakat secara berstrategi dan sinergi adalah penting dalam proses pengukuhan individu bakat universiti dan institusi ke arah mencapai misi dan visi UMT iaitu sebagai universiti berfokuskan marin dan sumber akuatik yang unggul. Penerapan Akademik Berbudaya Cemerlang semasa melaksanakan urusan teras (pengajaran, penyelidikan dan pemindahan ilmu) merupakan matlamat akhir usaha memperkukuhkan kualiti pendidikan tinggi. Peranan Bakat sokongan akademik iaitu para pentadbir, pengurus dan pelaksana (PPP) perlu digandingkan secara sinergi dan berintegrasi dengan para ahli akademik. Tahun 2018 merupakan tahun pengukuhan bagi pembangunan latihan UMT yang mana Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI) menumpukan perhatian kepada fokus baharu dalam penjajaran latihan kefungsian mengikut skim jawatan, pembangunan pelan pelapis, pembangunan modul latihan akademik dan sokongan akademik dan pembangunan inovasi pengurusan.

Pemerkasaan universiti dalam aspek akademik, tadbir urus, pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan inovasi serta pengkomersialan adalah menjadi projek agenda kritikal (CAP) Pelan Strategik Kepemimpinan Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Justeru, Seksyen Pelan Pelapis dan Inovasi (SPP) di PPBI terus diperkukuhkan, sebagai satu wadah pembangunan pelan penggantian dan kelompok bakat kepemimpinan universiti.



Program Pembelajaran dan Pembangunan

Pada tahun 2018, PPBI telah melaksanakan Takwim Latihan yang terancang kepada pensyarah dalam memantapkan ilmu dan kemahiran untuk menjalankan tugas hakiki iaitu Pembelajaran dan Pengajaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Pemindahan Ilmu. Sebanyak 55 modul latihan dengan kehadiran 465 (86%) orang pensyarah. PPBI juga telah menjemput beberapa orang pensyarah luar yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu terutama yang berkaitan IR 4.0 bagi berkongsi pengalaman bersama ahli akademik UMT.

Bagi Komponen Bukan Akademik, sebanyak 111 latihan telah diuruskan pada tahun 2018 yang melibatkan latihan berbentuk generik dan kefungsian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 latihan berbentuk kefungsian/seminar mengikut bidang dan 50 latihan berbentuk generik dan ICT telah diuruskan sama ada anjuran UMT atau anjuran luar UMT. Pelan pembangunan modul kefungsian mengikut skim perjawatan turut dilaksanakan pada tahun ini melalui beberapa pendekatan. Antaranya ialah pelantikan kumpulan penggerak mengikut skim perjawatan, mempelajari amalan terbaik rakan universiti awam yang lain melalui platform JALUMA dan memperkasakan pengurusan penawaran kursus. Selain itu, konsep perkongsian ilmu dan pengalaman diterapkan dalam kalangan pegawai senior melalui lantikan penceramah kepada modul latihan berteraskan praktikal. UMT juga telah mengadakan Kursus *Training the Trainer* (TTT) bagi melatih bakat UMT menjadi *in house trainer*. Ini adalah selaras dengan hasrat UMT yang dalam proses pembangunan modul latihan kefungsian mengikut skim perkhidmatan.

Perincian kursus/latihan yang ditawarkan pada tahun 2018 adalah seperti di bawah:

Jenis Latihan yang ditawarkan kepada Staf

Bil.	Jenis Latihan	Bilangan Latihan
MODUL AKADEMIK		
1.	Kursus Pengajaran & Pembelajaran	25
2.	Kursus e-Pembelajaran	11
3.	Kursus Penyelidikan & Inovasi	17
4.	Kursus Induksi Pengajaran & Pembelajaran	1
5.	Kursus Induksi Penyelidikan & Inovasi	1
MODUL BUKAN AKADEMIK		
6.	Kursus Generik	43
7.	Kursus Fungsian	20
8.	Kursus ICT	7
9.	Kursus Luar UMT (Fungsian)	41
	Jumlah	166

Program Pembangunan Kerangka Kompetensi Pentadbir UMT

Sesebuah organisasi perlu membangunkan kerangka kompetensi yang mantap yang bersesuaian dengan matlamat dan halatuju organisasinya bagi memastikan pengurusan bakat dan pelan pelapis organisasi lebih efisien dan efektif. Sehubungan dengan itu, Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi (PPBI) telah mengadakan Bengkel *Action Lab Competency Development Framework* pada 1 hingga 2 Julai 2018 dengan penglibatan Dr. Musa Ali (Pendaftar, USM)dan pasukannya sebagai fasilitator.

Objektif utama bengkel ini adalah bagi mengenalpasti jenis-jenis kompetensi yang menjadi DNA UMT, membangunkan kerangka kompetensi yang berupaya menghubung jalin semua aspek penting dengan pengurusan sumber manusia dan membangunkan model dan deskripsi kompetensi yang sesuai bagi pentadbir UMT.

Bengkel yang melibatkan pegawai utama, pegawai kanan dan staf sokongan ini telah mengenalpasti 11 kompetensi utama yang menjadi DNA pentadbir UMT dan kerangka kompetensi yang terhasil ini akan dikenalpasti definisi, atribut dan instrumen penilaian masing-masing bagi memastikan kompetensi dapat diukur dengan tepat dan seterusnya dapat melahirkan bakat yang kompeten.





Program Pembangunan Kelompok Bakat Kepimpinan Bukan Akademik

Program iLEAD@UMT merupakan inisiatif di bawah program *Strategic Leadership Coaching* Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan UMT. iLEAD@UMT memfokuskan kepada pemantapan pembangunan bakat kepimpinan bukan akademik di UMT melalui penerapan 14Qs (Quotients) dengan penglibatan YBhg. Datuk Dr. Tengku Naufal Bin Tengku Mansor sebagai *Lead Coach* bagi program ini. Program yang julung kalinya diadakan ini merangkumi 5 fasa bagi tempoh Mei hingga Disember 2018 yang disertai oleh 41 orang staf UMT yang terdiri daripada pegawai gred 48 ke atas dan kumpulan penggerak skim.

Program iLEAD@UMT telah menetapkan 3Qs (Quotients) yang utama iaitu *Emotional Quotients* (EQ), *Verbal Quotients* (VQ) dan *Creativity Quotients* (CQ) sebagai DNA para pentadbir UMT untuk menjadi seorang pemimpin yang cemerlang dan tinggi sahsiah peribadi. Program seperti ini perlu dilaksanakan secara berkala/berterusan bagi memastikan UMT sentiasa melahirkan seorang pemimpin yang syumul, sejahtera dan relevan.

Competency Based Talent Management (CBTM)

AKEPT dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan program *Talent Management for Excellence Series (TaME Series* 2018) yang bertujuan untuk memperkasakan kemampuan dan meningkatkan kompetensi pentadbir universiti yang diberi peranan sebagai pengurus sumber manusia terutama pengurusan bakat kepimpinan dan perancangan penggantian. UMT telah diwakili oleh Prof. Dr. Nora'Aini Binti Ali (Pendaftar) dan Encik Abdullah Syukri Bin M. Saleh (Pengarah, Jabatan Sumber Manusia).

Program yang julung kalinya diadakan ini merangkumi 4 siri yang mana program ini memberi penumpuan kepada konsep *Competency Based Talent Management* (CBTM). Konsep CBTM ialah menguruskan sumber manusia berdasarkan kompetensi yang ditetapkan oleh pihak pengurusan universiti. Elemen kompetensi akan diterapkan dalam semua komponen pengurusan sumber manusia meliputi urusan pelantikan, pengurusan prestasi, latihan dan pembangunan kerjaya, pelan penggantian dan kemudahan untuk staf. Program intervensi seperti latihan dan pengukuhan kompetensi akan dilaksanakan bagi merapatkan jurang perbezaan antara tahap kompetensi sedia ada dengan tahap kompetensi jawatan yang ditetapkan oleh pihak universiti. Penerapan konsep CBTM akan membolehkan pihak universiti mendapatkan '*right people for the right job at the right place on the right time*'. Ia juga membolehkan universiti mencapai matlamat dan visi kerana mempunyai staf yang kompeten, berilmu, bersikap positif serta berbudaya kerja berprestasi tinggi. Selain itu, pihak universiti dapat mengurangkan kos operasi malah dapat meningkatkan produktiviti. UMT akan terus merangka pelbagai program bagi memastikan konsep CBTM ini dapat dilaksanakan dengan jayanya di UMT.

AI-xChange: CEO@Faculty Programme 2.0 *'Coached by the Pro'*

Program CEO@Faculty Programme 1.0 *'Learn from the Pro'* kini telah diperluaskan dengan pelaksanaan AI-xChange: CEO@Faculty Programme 2.0 *'Coached by the Pro'* bagi musim yang ke-2 di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM. Program ini memberikan tumpuan kepada penerapan unsur-unsur kepimpinan di peringkat Universiti dalam kalangan pensyarah muda. Seramai 49 pensyarah daripada 20 Universiti Awam di Malaysia telah dipilih daripada 550 calon. Dr. Vigneswari Sevakumaran, pensyarah dari pusat Pengajian Sains Asas telah dipilih sebagai Felo bagi program kali ini. Dr. Vigneswari Sevakumaran telah ditempatkan di bawah selian mentor utama, Dato' Hamidah Naziadin, Pengarah Urusan Kumpulan Bahagian Sumber Manusia dan Yayasan CIMB selama enam bulan bermula September 2018 hingga Februari 2019.

Sepanjang program ini, beliau telah berpeluang mendapat pendedahan budaya korporat dan telah diberi kesempatan untuk berurusan dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan pelbagai program di bawah inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di bawah tiga teras tumpuan iaitu Sukan, Komuniti dan Pendidikan. Beliau berpeluang terlibat secara langsung dalam program seperti CIMB *Young ASEAN Leaders* yang melibatkan pelajar universiti dari Negara ASEAN bagi membincangkan tentang isu *Smart City*, CIMB Mozek yang melibatkan pelajar sekolah bagi meningkatkan interaksi pelajar daripada kumpulan etnik berbeza dan pelbagai program lain di bawah Yayasan CIMB. Beliau juga berpeluang membentangkan kertas kerja kepada Lembaga Pemegang Amanah CIMB mengenai cadangan program kelestarian yang akan diadaptasikan oleh Yayasan CIMB pada masa akan datang. Beliau juga berpeluang terlibat dalam jawatankuasa pemilihan tenaga kerja dari dalam dan luar negara di bawah program The Complete Banker CIMB.

Persidangan Ilmiah dan Latihan Luar

Penyebaran dan perkongsian hasil penyelidikan di arena kebangsaan dan antarabangsa merupakan wadah penting untuk meningkatkan penerbitan artikel dan melonjakkan keterlihatan global. Pada tahun 2018, seramai 514 orang ahli akademik telah menghadiri konferensi dan latihan akademik, iaitu 283 orang (55%) hadir konferensi/latihan dalam negara, manakala 231 (45%) orang lagi menyertai konferensi/latihan di luar negara. Penyertaan dibiayai sama ada secara bantuan kewangan universiti, geran penyelidikan individu, pembiayaan penganjur atau peruntukan sendiri.

Jadual di bawah menunjukkan 63% ahli akademik yang menghadiri konferensi dan latihan dalam/luar negara adalah dibiayai melalui peruntukan mobiliti akademik. Melalui peruntukan sebanyak RM850,000.00, seramai 322 orang ahli akademik telah diluluskan untuk menghadiri konferensi dan latihan akademik, iaitu 188 orang (58%) telah menghadiri konferensi dalam negara manakala 134 orang (42%) lagi menyertai konferensi luar negara. Seramai 10 orang (3%) ahli akademik telah dilantik sebagai Pengucap Utama/Penceramah Plenari/Penceramah Jemputan untuk konferensi dalam negara dan luar negara. Ini menunjukkan bahawa komuniti akademik global mengiktiraf dan merujuk kepakaran ahli akademik UMT.

Jenis Pembiayaan bagi Ahli Akademik yang menghadiri Konferensi dan Latihan Akademik Dalam dan Luar Negara

Kategori	Peruntukan mobiliti akademik		Geran Penyelidikan		Penganjur		Vot PTJ		Peruntukan Sendiri	
	DN	LN	DN	LN	DN	LN	DN	LN	DN	LN
Konferensi	163	126	40	29	5	15	1	5	26	21
Kursus/Bengkel	-	-	10	-	3	12	-	3	9	6
Latihan Kepimpinan Anjuran Akept	23	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pengucap Utama / Plenari /Jemputan	2	8	-	-	1	2	-	1	-	3
Jumlah	**188**	**134**	**50**	**29**	**9**	**29**	**1**	**9**	**35**	**30**

Nota:
DN = Dalam Negara
LN = Luar Negara

Syarahan Inaugural Profesor

Sepanjang penubuhan, UMT telah mengadakan sebanyak 27 siri Syarahan Inaugural. Program syarahan Inaugural yang dianjurkan bertujuan untuk menyebarkan kesarjanaan ilmu seorang profesor. Syarahan ini adalah sebagai satu landasan yang baik buat ahli akademik untuk berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan dalam disiplin ilmu yang diceburi. Pada tahun 2018, tokoh ilmuwan yang telah menyampaikan syarahan ialah YBhg Prof Dr Mhd Ikhwanuddin Abdullah dan beliau telah menyampaikan tajuk *"Portunid Crab: Paving the Way for Sustainable Aquaculture"* yang telah diadakan pada 16 Ogos 2018 di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, UMT. Tajuk syarahan yang telah disampaikan ini merupakan bidang kepakaran beliau mengenai teknologi pembiakan Ketam Portunid dalam bidang Akuakultur. Penyelidikan pembiakan ketam lembut dilihat berupaya memberi potensi yang besar kerana ketam tersebut mempunyai nilai permintaan dan harga yang tinggi dalam pasaran. Pembangunan penyelidikan ketam nipah ini juga merupakan salah satu inovasi UMT dalam membangunkan sumber ekonomi para nelayan.



Pencapaian Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Bagi memupuk daya kreatif dan inovatif dalam kalangan staf, UMT turut menggalakkan warganya terlibat dengan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK). Pusat Pembangunan Bakat dan Inovasi, Pejabat Pendaftar selaku urusetia bagi Kumpulan KIK telah menganjurkan Konvensyen Inovatif dan Kreatif (KIK) UMT Kali Ke-4 pada 27 Jun 2018 bertempat di Auditorium Mahyuddin, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim. Penganjuran konvensyen ini adalah bagi melahirkan warga kerja UMT yang berfikiran kreatif dan inovatif dalam menghasilkan inovasi, memperkenalkan sistem dan cara kerja baharu serta menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai (*value creation*), memupuk kerjasama dalam kalangan warga organisasi dan mengeratkan perhubungan di antara pekerja dengan pihak pengurusan.

Selain daripada penyertaan Kumpulan KIK dalam Konvensyen anjuran UMT, mereka juga diberi peluang mempamerkan kreativiti mereka dalam penglibatan konvensyen peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pencapaian kumpulan KIK UMT sepanjang tahun 2018 adalah seperti di bawah :

Kumpulan KIK/PTJ	Projek	Konvensyen	Peringkat	Pencapaian
VELOCITY (Pusat Pembangunan dan Harta)	Tempoh Menyusun Atur Meja Peperiksaan Mengambil Masa Yang Lama	Konvensyen Inovatif dan Kreatif UMT	UMT	Johan
		Konvensyen Team Excellence Wilayah Timur	Wilayah Timur	Emas
		Konvensyen Expo on University Research Invention, Creation and Innovation (EUREKA)	Universiti Awam	Emas & Anugerah Poster Terbaik (Teknikal)
		Annual Productivity & Innovation Conference & Exposition (APIC) 2018	Kebangsaan	Emas 4 Bintang
I4LEARN (Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik)	Kelewatan Menyediakan Laporan Hasil Pembelajaran	Konvensyen Inovatif dan Kreatif UMT	UMT	Naib Johan
		Konvensyen Team Excellence Wilayah Timur	Wilayah Timur	Emas
		Konvensyen Expo on University Research Invention, Creation and Innovation (EUREKA)	Universiti Awam	Perak
		Annual Productivity & Innovation Conference & Exposition (APIC) 2018	Kebangsaan	Emas 5 Bintang & Anugerah 20 Terbaik Sektor Awam

Kumpulan KIK/PTJ	Projek	Konvensyen	Peringkat	Pencapaian
BLAZE (Pusat Sukan dan Rekreasi)	Penurunan Prestasi Pencapaian Atlet Boling Padang	Konvensyen Inovatif dan Kreatif UMT	UMT	Tempat Ketiga
		Konvensyen Team Excellence Wilayah Timur	Wilayah Timur	Emas
		Annual Productivity & Innovation Conference & Exposition (APIC) 2018	Kebangsaan	Emas 3 Bintang
MEDIX6 (Pusat Kesihatan Universiti)	Kekerapan Imej X-ray Ankle yang Kurang Berkualiti	International Quality & Productivity Conference (IQPC)	Antarabangsa	Platinum
SMICE (Pusat Islam Sultan Mahmud)	Kelewatan Proses Permohonan Bantuan Kewangan Pelajar	International Quality & Productivity Conference (IQPC)	Antarabangsa	Platinum



Pencapaian dalam Sukan

Sepanjang tahun 2018, sukan staf telah mencipta sejarahnya tersendiri melalui penyertaan staf di Kejohanan Sukan Staf antara Universiti Malaysia (SUKUM), Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) dan beberapa kejohanan jemputan luar. Di SUKUM 2018, bertempat di Universiti Malaysia Pahang, UMT mendapat tempat ketiga daripada keseluruhan 21 pasukan yang bertanding dengan memenangi 13 Emas, 8 Perak dan 13 Gangsa. UMT juga merupakan penyumbang besar atlet di Kejohanan Sukan MAKSAK di peringkat Negeri mahupun Kebangsaan. Perincian pencapaian adalah seperti berikut:

KEJOHANAN SUKAN STAF ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA (SUKUM)	
Memanah Individu Veteran Lelaki	Emas
Memanah Berpasukan Veteran Lelaki	Emas
Memanah Individu Veteran Wanita	Emas
Memanah Berpasukan Veteren Wanita	Emas
Memanah Senior Berpasukan Wanita	Emas
Badminton Beregu Lelaki	Emas
Badminton Beregu Wanita	Emas
Badminton Beregu Campuran	Emas
Tenis Perseorangan Lelaki	Emas
Tenis Beregu Lelaki	Emas
Tenis Perseorangan Lelaki Veteran	Emas
Boling Padang *Men Pairs*	Emas
Boling Padang *Men Triples*	Emas
Memanah Veteran Individu Wanita	Perak
Memanah Senior Individu Wanita	Perak
Badminton Perseorangan Wanita	Perak
Berbasikal MTB Senior	Perak
Bola Jaring	Perak
Bola Sepak Senior	Perak
Boling Padang *Women Pairs*	Perak
Boling Padang Individu Wanita	Gangsa
Boling Padang *Women Fours*	Gangsa





MAKSAK NEGERI	
Tenis	Johan
Badminton	Johan
Bola Jaring	Naib Johan
Dart (Individu)	Naib Johan
Bola Tampar	Naib Johan
GOLF IPTA	
VIP Individu	Perak
Berpasukan VIP	Emas

Bakat staf universiti juga semakin mendapat perhatian di peringkat KPM yang mana Amalul Asyraf Bin Rosli, Pegawai Belia dan Sukan telah dilantik sebagai Penolong Jurulatih Bola Tampar kontinjen Malaysia di Kejohanan Sukan Universiti ASEAN di Nay Pyi Taw Myammar yang telah berlangsung pada 9 hingga 20 Disember 2018.

Secara keseluruhannya, pencapaian sukan UMT amat baik seiring dengan pembangunan bakat atlet staf yang sentiasa ditambah baik melalui kemahiran dan pensijilan khas kejurulatihan dan kepegawaian sukan di peringkat negeri dan kebangsaan.

Kesimpulan

Kecemerlangan bakat universiti merupakan teras kepada pemantapan struktur organisasi gedung ilmu bagi memacu Pelan Strategik yang telah dirangka, baik di peringkat universiti mahupun di peringkat kebangsaan. Usaha universiti dengan memantapkan tadbir urus bakat serta mewujudkan pelbagai inisitiaf untuk pembangunan kapasiti bakat merupakan penzahiran kepada membina bakat yang lebih unggul. Pembangunan kapasiti bakat secara menyeluruh juga memberi ruang dan peluang kepada individu bakat untuk bergerak dalam era globalisasi yang semakin mencabar dan dinamik.

94.44%
pengisian waran jawatan

RM850,000.00
peruntukan mobiliti akademik

412
pelajar **bakat universiti mempunyai keahlian dalam badan profesional/persatuan/NGO**

514
ahli akademik menghadiri konferensi/latihan akademik di dalam dan luar negara



Magnificent Sea Anemone
(Heteractis magnifica)



PERKHIDMATAN DAN FASILITI

UMT sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan dan fasiliti yang terbaik meliputi pembangunan di Kampus Induk, Kampus Bukit Kor, pusat-pusat penyelidikan seperti Pulau Bidong, Chagar Hutang, Tasik Kenyir dan Stesen Penyelidikan Luar (Tanah Bencah Setiu)

UMT sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan dan fasiliti yang terbaik kepada seluruh warganya. Beberapa projek dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan dan mengurus bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan pengajaran serta kemudahan pelajar. Projek-projek tersebut meliputi pembangunan di Kampus Induk, Kampus Bukit Kor, pusat-pusat penyelidikan seperti Pulau Bidong, Chagar Hutang, Tasik Kenyir dan Stesen Penyelidikan Luar (Tanah Bencah Setiu).

Projek Pembangunan RMKe-10



a) Institut Bioteknologi Marin

Status Kemajuan Projek:	100%
Agensi Pelaksana:	Jabatan Kerja Raya Malaysia
Kos Projek:	RM10,000,000.00
Tarikh Siap:	8 November 2018
Fasiliti yang disediakan:	Ruang Galeri, Bilik Pegawai, Kafeteria, Makmal, Surau, Bilik Penyelidikan dan Pembelajaran dan Ruang Pentadbiran





b) Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir

Status Kemajuan Projek:	94%
Agensi Pelaksana :	Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek:	RM8,000,000.00
Tarikh Dijangka Siap:	Februari 2019
Fasiliti yang disediakan:	Blok Pentadbiran, Dewan Kuliah, Blok Makmal, Kafeteria, Surau, Wakaf Serbaguna, Blok Penginapan (Dorm), Penginapan Penyelidik, Tapak Perkhemahan dan Jeti.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan siling peruntukan pembangunan RMKe-11 bagi tahun 2016 hingga 2019 merangkumi empat (4) projek sedia ada dan satu (1) projek baharu. Jumlah keseluruhan siling peruntukan 2016-2019 adalah sebagaimana jadual di bawah:

Kelulusan Peruntukan Pembangunan RMKe-11

Tajuk Projek	Kos Keseluruhan (RM)	Peruntukan Diluluskan 2016-2019 (RP1-RP4) (RM)
Rolling Plan 1		
Kompleks Pusat Pendidikan dan Pembangunan Insaniah di Kampus Bukit Kor	25,000,000.00	20,100,000.00
Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur, Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur	9,000,000.00	9,000,000.00
Pembinaan Lingkaran Jalan dan Jambatan untuk Kemudahan Asrama PFI	8,112,000.00	8,112,000.00
Pembangunan Lestari Stesen Penyelidikan Luar	3,000,000.00	3,000,000.00
Rolling Plan 2		
Sistem Tebatan Banjir dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	40,000,000.00	20,000,000.00
JUMLAH	**85,112,000.00**	**60,212,000.00**

Projek Pembangunan RMKe-11





a) Kompleks Makmal Perikanan dan Akuakultur PPSPA

Status Kemajuan Projek:	77%
Agensi Pelaksana:	Universiti Malaysia Terengganu
Kos Projek:	RM9, 000,000.00
Tarikh Dijangka Siap:	3 Februari 2019
Fasiliti yang disediakan:	Blok Pentadbiran, Makmal Penetasan, Makmal Asuhan dan Pengeluaran, Makmal Makanan Formula & Bengkel Akuakultur dan Ruang Kompleks

Projek Bagi Pembelajaran dan Pengajaran

Beberapa projek bagi pembelajaran dan pengajaran telah dilaksanakan bagi memberi kemudahan dan keselesaan terutamanya kepada para pelajar. Berikut merupakan projek yang signifikan kepada UMT sepanjang tahun 2018:





a. Bangunan '*Teaching and Learning*' Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan

Fasiliti yang disediakan:	4 bilik perbincangan dan ruang terbuka serbaguna yang lengkap dengan pentas mudah alih (*mobile stage*).
Kapasiti:	60 orang
Kos pembinaan:	RM470,556.00

b. Kerja Menaiktaraf Bilik Kuliah di Kompleks Kuliah Pusat kepada Ruang Pembelajaran Interaktif

Fasiliti yang disediakan:	4 unit bilik pembelajaran interaktif dengan 4 tema kemasan warna ceria yang lengkap dengan 8 unit meja perbincangan dan kemudahan multimedia di setiap bilik.
Kapasiti:	48 orang pelajar bagi setiap bilik
Kos kerja menaiktaraf:	RM328,329.00.





c. Bekalan Perabot Serta Kelengkapan di Bangunan Makmal Sains Nautika

Fasiliti yang disediakan:	Pelbagai jenis perabot disediakan antaranya meja chartwork, meja komputer, meja *heavy duty*, meja seksyen kerja, kabinet, kerusi dan *pedestal*.
Kos bekalan perabot:	RM335,373.00

Cadangan Pembinaan Bangunan Restoran

Pihak Pengurusan Universiti telah meluluskan untuk membangunkan sebuah restoran baharu yang lebih selesa dan kondusif sebagai kafeteria alternatif baharu kepada pelajar dan warga UMT. Restoran ini akan dilengkapi dengan kemudahan kafeteria yang selesa dan berhawa dingin.

Pembinaan restoran ini juga akan meningkatkan citra UMT di samping menjadi kemudahan kepada pengunjung luar dan pelawat asing yang secara tidak langsung akan menjadi sebuah kawasan tumpuan yang baharu di dalam kawasan kampus.



Pembangunan Bukit Kor

Beberapa kemudahan bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan telah ditambahbaik dan telah dibina di Kampus Bukit Kor yang dibangunkan secara berperingkat. Infrastruktur di sekitar kawasan yang dibangunkan juga akan ditambah baik untuk keselesaan pelajar dan juga pelabur yang berminat.

a. **Pemasangan Kekotak Pembetung (*Box Culvert*) bagi Menggantikan Jambatan Kayu Sedia Ada**





Pemasangan kekotak pembetung bersaiz 10 meter panjang x 6 meter lebar dipasang bagi menggantikan jambatan kayu sedia ada yang telah rosak dengan kos keseluruhan RM110,400.00.

b. **Ladang Agroteknologi**

Ladang Agroteknologi dibina bagi kemudahan pembelajaran dan pengajaran secara amali di Bukit Kor yang merangkumi rumah cendawan, ruangan campuran media, rumah teduhan berbumbung, kawasan pengerasan tanaman, ruang fertigasi, plot amali dan pusat pengumpulan hasil pertanian. Kos keseluruhan pembinaan keperluan ladang ini berjumlah RM172,500.00.





c. **Laluan Trek Basikal**

Trek basikal yang disediakan di kawasan berbukit di Bukit Kor ini adalah sepanjang 3.2 km dengan kos keseluruhan RM12,700.00 disediakan bagi kemudahan aktiviti riadah pelajar dan staf.

Projek Penyelidikan Translasional Loji Nyahgaram Air Laut di Kampung Pantai Senok, Bachok, Kelantan



Pusat Pembangunan dan Harta (PPH) telah terlibat secara langsung dengan projek ini dengan menyediakan tapak bagi menempatkan peralatan serta keperluan mekanikal dan elektrikal bagi *Seawater Desalination System* di Kampung Pantai Senok, Bachok, Kelantan.

Projek di bawah Program Penyelidikan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Jaminan Air Kebangsaan ini telah disempurnakan majlis pelancarannya oleh YB Dato' Seri Haji Idris Bin Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia pada 3 Februari 2018.

Skop kerja yang terlibat adalah pembinaan tapak bagi *House for Seawater Desalination System*, Pejabat Tapak, Tandas dan Stor, tangki air bersih berkapasiti 100,000 gelen serta penyediaan tapak *Compacted Sub Unit* untuk Tenaga Nasional Berhad. Projek ini memberi kemudahan bekalan air bersih kepada 3,300 orang penduduk setempat yang mengalami masalah bekalan air bersih.

Citra Prasarana Fizikal Lestari

Pelbagai usaha telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 dalam memperkasakan UMT sebagai kampus lestari. Program Hari Bebas Kenderaan berperingkat mengikut pembahagian zon, penggunaan sistem pencahayaan berkonsep automasi, peningkatan bilangan tong sampah kitar semula, Kempen "*Ban White Coffin*", perwujudan tong kompos dan pelbagai inisiatif lain giat dijalankan dari semasa ke semasa hasil kerjasama antara penyelidik dan para pelajar. Ini adalah sebahagian daripada usaha dalam mewujudkan persekitaran bebas daripada pencemaran alam sekitar seterusnya memastikan kelangsungan kelestarian sebuah kampus.

1) Bagi menyokong dan merealisasikan pelaksanaan Kampus Lestari, beberapa projek telah dilaksanakan bagi mencapai kelestarian sebuah kampus hijau.

a. Parkir Basikal Berbumbung di Kompleks Kuliah dan Kolej Siswa







Parkir ini disediakan untuk 250 unit buah basikal berhampiran Kompleks Kuliah dan Kompleks Kuliah Pusat dan kos keseluruhan berjumlah RM118,000.00.

Parkir ini disediakan untuk 100 unit buat basikal di Kolej Siswa dan kos keseluruhan berjumlah RM51,834.00.

b. Sistem Automasi Pencahayaan Tandas di Bangunan-bangunan Utama UMT

Projek pemasangan *sensor* dan *push button* dalam 181 unit tandas di UMT bertujuan mengawal nyalaan lampu di tandas secara automatik dan mampu mengurangkan penggunaan tenaga elektrik di kampus. Kos keseluruhan pemasangan kelengkapan sistem automasi ini berjumlah RM106,200.00.

2) Beberapa buah program lestari turut dijalankan di kampus UMT bagi menggalakkan inisiatif UMT ke aras kampus lestari dalam kalangan warga pelajar dan staf.

a) Pemasangan Tong Kompos di Kafeteria Akuatrop

Sebanyak 4 buah tong kompos telah dipasang di Kafe Akuatrop bagi '*pilot plant*' projek kompos sisa makanan.

b) Aktiviti 3R di Kolej Siswa

Sebuah sangkar 3R sumbangan MBKT telah dipasang di Kolej Siswa bagi projek 3R anjuran bersama dengan Kelab POSESO, Pusat Pengajian Pengurusan Sosial dan Ekonomi.

PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Pusat Kesihatan Universiti (PKU) memberi perkhidmatan perubatan, kesihatan serta pergigian yang profesional dan berkualiti kepada pelajar, staf dan tanggungan, pesara serta orang awam agar membudayakan gaya hidup sihat ke arah kesejahteraan sejagat.

PKU berfungsi meningkatkan tahap kesihatan warga melalui:

i. Perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian peringkat *primer* untuk mengekalkan tahap kesihatan optima.
ii. Perkhidmatan sokongan klinikal iaitu makmal dan pengimejan perubatan, fisioterapi serta farmasi selaras dengan teknologi terkini.
iii. Program pendidikan kesihatan yang berterusan selaras dengan perkembangan morbiditi semasa.
iv. Perkhidmatan pergigian yang efektif bagi mencapai tahap kesihatan pergigian yang unggul.
v. Pengurusan pentadbiran dan kewangan yang mantap bagi mendokong kelancaran perkhidmatan kesihatan di PKU.
vi. Menggalakkan budaya inovatif dan kreatif yang berkualiti untuk kegunaan bidang perubatan, kesihatan dan pergigian.



PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN DI PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh di PKU adalah seperti berikut :

Perkhidmatan Perubatan:
Rawatan Pesakit Luar
Rawatan Kecemasan dan *Sick Bay*
Perkhidmatan *Medical Cover*
Perkhidmatan Fisioterapi

Perkhidmatan Sokongan Perubatan:
Farmasi
Pengimejan Perubatan
Makmal Perubatan
Kawalan Penyakit Berjangkit
Promosi Kesihatan



Perkhidmatan Klinik Pergigian

Perkhidmatan Klinik Kekal Sihat:
Klinik Diet
Klinik Terapi Berat Badan
Klinik Berhenti Merokok



PROGRAM YANG DILAKSANAKAN OLEH PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Sepanjang tahun 2018, PKU telah menganjurkan beberapa program kesihatan untuk semua warga kampus UMT.

Bil	Nama Program	Objektif	Pencapaian
1.	Program Jom Sihat UMT	• Menggalakkan warga UMT untuk mengamalkan gaya hidup sihat. • Program yang mengandungi aktiviti fizikal, demo masakan, pameran dan ceramah. Program ini dilaksanakan bagi memupuk kesedaran kepentingan amalan gaya hidup sihat yang dapat menstabilkan kesihatan secara menyeluruh. • Memastikan diet dan teknik penurunan berat badan yang betul.	i. Aktiviti fizikal: a) Senaman Tai Chi b) Senam Seni c) Wai Tan Kong d) Teknik Senaman di Pejabat e) Brisk Walk Sekitar Kampus ii. Ceramah Kesihatan: a) Nasi Ohh Nasi!! b) Ramadhan Tiba, Ubat Bagaimana? c) Demo Masakan Menu Sihat
2.	Program *Executive Health Screening*	• Saringan awal kepada Pegawai Utama dan Pegawai Kanan UMT bagi pengesanan awal penyakit dan mengekalkan tahap kesihatan.	- Bilangan yang terlibat: 20 orang
3.	Program *Medical Cover*	• Perkhidmatan *Standby* perubatan bagi memastikan keselamatan semasa aktiviti sukan, aktiviti dalam air, aktiviti lasak dan kerja lapangan	a) Dalam kampus: 39 program b) Luar Kampus: 91 program c) Jumlah *Standby*: 140 program d) Jumlah Hari *Standby*: 335 hari e) Jumlah pesakit dirawat sepanjang *medical cover*: 939 pesakit
4.	Program *Roadshow* PKU Cakna Warga	• Saringan dilakukan di PTj dan memberi peluang kepada staf untuk menjalani pemeriksaan. • Memastikan pengesanan peringkat awal dan pencegahan penyakit dalam kalangan warga. • Pemeriksaan memudahkan staf UMT melaksanakan saringan kesihatan (tekanan darah, berat, tinggi, BMI, gula dan kolesterol dalam darah) dalam membantu mengesan simptom dan risiko awal sebarang penyakit.	a) Jumlah Pusat Tanggungjawab : 28 Pusat b) Jumlah Staf yang Menjalani Saringan Kesihatan : 668 staf c) Jumlah Rujukan ke Klinik Diet dan Terapi Berat Badan : 60 orang d) Jumlah Rujukan ke Klinik Berhenti Merokok : 22 orang

Bil	Nama Program	Objektif	Pencapaian
5.	Program Gotong-Royong Perdana UMT	• Memastikan persekitaran UMT dalam keadaan bersih dan bebas risiko tempat pembiakan nyamuk	Gotong-royong Perdana peringkat UMT telah berlangsung pada 14 Mac dan 22 April 2018. Semua PTj memberi komitmen yang baik dalam aktiviti mencari dan memusnahkan takungan air dalam memastikan Kampus Bebas Denggi.
6.	Bengkel *Training of Trainers* (TOT) Ahli COMBI & Team Pencegahan Denggi UMT	• Memberi pendidikan kepada peserta tentang kepentingan dalam pencegahan risiko aedes.	Penglibatan seramai 50 orang staf dan pelajar dari semua PTj. Sesi ceramah oleh Ketua Penolong Pengarah (Unit Pendidikan Kesihatan) JKNT dan latihan lapangan tempat pembiakan nyamuk oleh Penolong Pengarah Vektor JKNT.
7.	Program Kafetaria Sihat UMT 2018	• Memberi pendidikan kepada peserta tentang kepentingan kebersihan dalam penyediaan makan serta premis di jabatan dan tempat kediaman masing-masing.	PKU bersama Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan dan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu melaksanakan Program Kafetaria Sihat dengan menambahbaik elemen penyediaan menu sihat di kafetaria disamping pemantauan tahap kebersihan di semua kafetaria dan kios di UMT.
8.	Pemeriksaan Kesihatan Pelajar Baharu	• Memastikan semua pelajar baharu yang mendaftar di UMT menjalani RME di PKU	Pelajar STEM dan Diploma: 174 orang Pelajar Ijazah: 2300 orang
9.	Program Cakna Kesihatan Sosial UMT	• Memberi kesedaran tentang kesihatan sosial berkaitan LGBT / HIV / AIDS dan TIBI	i. Jerayawara ke Kompleks Kuliah • Ceramah Bahaya HIV AIDS dan saringan kesihatan • Jumlah Pelajar: 200 orang ii. Ceramah Bahaya HIV / AIDS semasa perhimpunan bulanan UMT • Jumlah Peserta: 1500 staf
10.	Bengkel CPR dan Pertolongan Cemas	• Untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mengenai pengendalian kes kecemasan dan CPR	Semua staf PKU terlibat yang merangkumi ceramah dan praktikal CPR





STATISTIK PELANGGAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Kedatangan Pelanggan Perubatan 2017 & 2018



	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
2017	1371	1857	2523	1812	2525	1395	1033	959	4665	2396	2473	2098
2018	1674	1834	2255	2476	1950	758	570	787	4376	4647	1654	3574

Peratusan Kedatangan Pelanggan Perubatan 2017 & 2018



Kedatangan Pelanggan Pergigian 2017 & 2018



	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS
2017	300	454	469	354	416	218	274	195	444	423	388	368
2018	424	310	302	333	279	219	195	180	424	480	329	422

Peratusan Kedatangan Pelanggan Pergigian 2017 & 2018



SUMBER ILMU

Koleksi Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi memenuhi keperluan rujukan warga UMT. Secara keseluruhan **jumlah koleksi telah meningkat sebanyak 17,048 naskhah/unit dengan peratusan (9.8%)** dengan **jumlah keseluruhan 189,587 naskhah/unit.** Manakala, aktiviti pinjaman serta muat-turun telah mencatatkan sebanyak **849, 006** naskah/unit. Peningkatan jumlah koleksi ini membolehkan pengguna memanfaatkan sebaik mungkin koleksi rujukan utama bagi menyokong pembelajaran di UMT.

Ringkasan keseluruhan koleksi adalah seperti berikut:

Bil	Sumber	Jumlah Naskhah/Unit	Jumlah dipinjam/dimuat turun
1.	Sumber Bercetak	108,381	13,912
2.	Sumber Tidak Bercetak	17,261	297
3.	Sumber Atas Talian	63,945	834,797
	Jumlah Koleksi	**189,587**	**849,006**

Berikut adalah pecahan koleksi dan bilangan dipinjam secara terperinci:

1. Sumber Bercetak

Sumber	Bilangan Koleksi				Bilangan dipinjam	
	Judul		Naskhah		Naskhah	
	2018	2017	2018	2017	2018	2017
Buku	85,881	83,837	101,579	99,185	13,912	18,920
Jurnal	2,226	1,715	6,802	5,739	-	56
Jumlah Keseluruhan	**88,107**	**85,552**	**108,381**	**104,924**	**13,912**	**18,976**





2. Sumber Tidak Bercetak

Sumber	Bilangan Koleksi				Bilangan dipinjam (Naskhah/Unit)	
	Judul		Naskhah/Unit			
	2018	2017	2018	2017	2018	2017
Laporan Projek Elektronik	5127	2907	5127	2907	-	30
Tesis Elektronik	1023	969	1023	969	-	-
Carta	16	16	16	16	0	6
CD ROM	6014	5972	7300	7251	287	-
Digital Audio Tape	2	2	2	2	0	-
Digital Video Tape - DVD	1114	1114	1515	1515	10	-
Video Compact Disc	673	673	839	839	0	-
Disket	15	15	18	18	0	-
Fotograf	8	8	13	13	0	-
Kaset	80	80	160	160	0	-
Kit	4	4	27	27	0	-
Peta	12	12	43	43	0	-
Poster	24	24	104	104	0	**36**
Slaid	2	2	2	2	0	30
Video	921	921	1072	1072	0	-
Jumlah Keseluruhan	**15,035**	**12,719**	**17,261**	**14,938**	**297**	6

3. Sumber AtasTalian

Sumber	Bilangan Koleksi				Bilangan Dimuaturun	
	Judul		Naskhah/Unit		Naskhah/Unit	
	2018	2017	2018	2017	2018	2017
Jurnal Elektronik	24	44	24	44	-	-
Pangkalan Data	15	18	15	18	737,159	605,335
E-Book	63,906	55,196	63,906	55,196	97,638	279,135
Jumlah Keseluruhan	**63,945**	**55,258**	**63,945**	**55,258**	**834,797**	**884,470**

Koleksi Digital Perpustakaan

Koleksi digital merupakan sebahagian daripada bahan yang boleh digunakan oleh pengguna PSNZ sebagai pilihan selain bahan bercetak. Bahan digital ini sentiasa ditingkatkan bilangannya melalui kaedah langganan dan pengimbasan bahan dalaman UMT. Sehingga tahun 2018, sebanyak 18 platform pangkalan data dilanggan oleh PSNZ dan KPT serta 26 platform *e-books* dilanggan oleh UMT.



Judul terperinci pangkalan data langganan:

Langganan Pangkalan Data		Langganan *E-Books*
KPT	**UMT**	**UMT**
Academic Search Premier	*American Chemical Society*	*Astral*
Proquest Dissertations & Theses Global	*ACM Digital Library*	*Bentham Science E-Books*
Scopus	*Clarksons Shipping Intelligence*	*CAB E-Books*
	CABI Compendium	*Cambridge Books Online*
	Emerald Premier Collection	*CRC e-books*
	JSTOR	*EBSCO e-Books* *** Formerly known as NetLibrary E-Books under MOHE Project.*
	Lawnet	*Elgar Online E-Books*
	LC Classification Web	*Emerald E-books*
	OECD ILibrary	*Gale Virtual Reference Library (GVRL)*
	Science Direct	*IGI Info-Sci E-Books*
	SpringerLink	*IMO E-Books*
	Scifinder	*IOS Press eBooks*
	Taylor and Francis	*McGraw E-Books*
	Wiley Online Library	*MyiLibrary e-Books*

Langganan Pangkalan Data		Langganan *E-Books*
KPT	UMT	UMT
	Web of Science (WoS)	*Oxford Scholarship*
		Online Palgrave E-Books
		Proquest EBL
		Royal Society Chemistry E-Books
		Science Direct e-Books (package e-book + backfile)
		Springer e-Books
		Taylor & Francis e-books
		Wagenigen E-books
		Wiley Online Library
		Woodhead Publishing Online (2014 MERGED WITH SCIENCE DIRECT)
		World Scientific E-books
		Walter De Gruyter

Pemerkasaan Repositori Digital Institusi

PSNZ telah melaksanakan kerja-kerja pengimbasan bahan bagi menyokong pengukuhan Repositori Digital Institusi. Berikut adalah perincian bahan-bahan yang telah diimbas:

Bil	Jenis Bahan	Jumlah Bahan diimbas
1	Tesis	1023
2	Laporan Projek	5127
3	Koleksi Arkib	1120
4	Penerbitan UMT	2190
5	Kertas Soalan Peperiksaan	796
6	Koleksi PSNZ	166
7	Koleksi Gambar	197
8	E-Book	182
9	Bahan Perikanan	54
10	Minit Mesyuarat	159
	JUMLAH	**11,014**

***Data sehingga Disember 2018*

Capaian perkhidmatan melalui platform digital dan kunjungan fizikal

Pengguna PSNZ boleh menggunakan perpustakaan secara atas talian atau mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan yang terkini dengan mengunjungi perpustakaan. Sehingga kini, pengguna telah menggunakan perkhidmatan melalui pelbagai platform sama ada digital atau secara fizikal dan berikut adalah butiran perkhidmatan yang telah direkodkan:

(5) Tempahan Bahan Melalui Portal	(2612) Pembaharuan pinjaman
(977) Penggunaan Dalaman (Koleksi Tertutup)	(232,235) Pengunjung Fizikal
(28,432) Pengunjung Maya	(7015) Capaian Akses Media Sosial

AKTIVITI BERSAMA PERPUSTAKAAN

PSNZ telah melaksanakan pelbagai aktiviti dalam memperkasakan perkhidmatannya kepada pelanggan serta mengukuhkan hubungan strategik bersama pihak-pihak berkepentingan. Berikut merupakan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang 2018:

1. **PSNZ Open Days 2018**

   PSNZ Open Days (POD2018) merupakan penjenamaan semula bagi program Bulan Membaca yang telah diadakan secara tahunan sejajar dengan sambutan program Bulan Membaca peringkat kebangsaan. Pertukaran konsep program ini selari dengan fungsi semasa perpustakaan yang lebih memfokuskan kepada penyediaan maklumat-maklumat terkini dan mesra pelanggan. Program ini telah diadakan pada 22 – 24 Oktober 2018 dan telah menerima kunjungan hampir 10,000 orang peserta yang terdiri daripada komuniti awam, agensi dan institusi pendidikan. Aktiviti yang dijalankan sepanjang tempoh berkenaan adalah seperti jualan, kempen derma darah, jualan buku, kuiz dan bengkel penerbitan akademik.

2. ***Research Outreach PSNZ***

   The Power of Social Media Influence for Researchers: "Wider Visibility to Increase Citation"

   Program yang telah diadakan pada 16 April 2018 bertujuan memberi pendedahan kepada penyelidik dalam meneroka potensi penggunaan rangkaian sosial seperti LinkedIn dan ResearchGate bagi meningkatkan reputasi dan rangkaian dalam disiplin ilmu mereka. Ia merupakan salah satu usaha untuk membudayakan pengembangan rangkaian dengan memanfaatkan aplikasi yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi penyelidikan UMT.

The Ins and Outs of Book publishing with Springer Nature

Program yang telah diadakan pada 1 November 2018 ini adalah bagi memberi pendedahan kepada pensyarah dan penyelidik mengenai penerbitan buku melalui Springer Nature. Penceramah menerangkan secara lanjut berkenaan sejarah penerbitan springer e-book, masa depan e-book dan pembacaan terhadap bahan-bahan elektronik ini.

Bengkel dan Taklimat ID Penerbitan

Pada 2 hingga 6 Disember 2018, bertempat di Makmal Big Data, PPTM dan Makmal Multimedia PSNZ, PSNZ melalui Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat telah menganjurkan bengkel berkaitan ID penerbitan pensyarah. Bengkel ini bertujuan membantu pensyarah dalam mewujudkan ID dan profil penerbitan yang komprehensif.

3. **Sesi Perkongsian oleh Profesor Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman, TNCA**
   Pada 5 Jun 2018, bertempat di Bilik Latihan Multimedia PSNZ, TNCA UMT telah mengadakan sesi perkongsian mengenai Web of Science dan strategi dalam meningkatkan keterlihatan bahan penerbitan dan pensyarah UMT. Program ini telah memberi pendedahan kepada Pustakawan PSNZ mengenai potensi ResearchGate, Academia.edu dan platform-platform elektronik yang lain.

4. **Aktiviti Melukis Mural PSNZ**

   Aktiviti melukis mural di PSNZ telah diadakan pada 15 Februari 2018 dan proses tersebut telah mengambil masa selama 2 minggu untuk disiapkan sepenuhnya. Konsep mural yang diperlihatkan di tangga utama PSNZ dan Auditorium bertujuan untuk menonjolkan keunikan bidang penyelidikan UMT di samping meningkatkan keceriaan di sekitar perpustakaan. Aktiviti ini telah melibatkan seramai 20 orang pelajar dan 20 orang staf PSNZ.



5. **Perkembangan *Aquatic Sciences Fisheries Abstract* (ASFA) UMT**

PSNZ telah melaksanakan kursus metodologi pengindeksan bahan penerbitan UMT pada 28 dan 29 Mac 2018 untuk meningkatkan kemahiran pegawai dalam melaksanakan tugas pengkelasan dan penginputan bahan penerbitan UMT ke dalam sistem *Aquatic Sciences Fisheries Information System* (ASFIS). Keperluan kursus ini adalah selaras dengan KPI jabatan dalam meningkatkan jumlah penerbitan bahan UMT dalam pangkalan data ASFA Proquest. Kursus yang dianjurkan melibatkan Pustakawan UMT dan wakil SEAFDEC, En. Daryl L. Superio. Dalam perkembangan lain, wakil ASFA UMT/PSNZ, Mohd Shahrulnizam Zuraimi yang juga Ahli Lembaga ASFA telah menghadiri Mesyuarat Tahunan ASFA bertempat di Oostende, Belgium bermula 11 hingga 15 Jun 2018. Kehadiran ke mesyuarat tersebut adalah bagi melaporkan kepada ahli lembaga mengenai perkembangan kerja-kerja pengindeksan bahan UMT dan juga berkaitan isu teknikal berkaitan sistem ASFIS.



Latihan pengindeksan kepada Pustakawan



ASFA Board Meeting, Oostende, Belgium

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (TMK)

Bagi merealisasikan pelaksanaan pembangunan infrastruktur dan infostruktur yang mantap untuk menyokong keperluan IR4.0, UMT menerapkan elemen *The Fourth Industrial Revolution* (IR4.0) di dalam perancangan strategik universiti. Sehubungan dengan itu, beberapa pendekatan strategik telah dilaksanakan bagi memastikan UMT kekal relevan dan terus ke hadapan melalui IR4.0 sepertimana berikut:

1. **Pembangunan Infrastruktur ICT**

Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat (PPTM) berperanan menyelaras dan menyokong perkhidmatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di UMT dengan menyedia dan menyenggara rangkaian kampus (UMTnet) menggunakan teknologi rangkaian berwayar dan rangkaian tanpa wayar.

UMT dilengkapi hampir 11,000 nod rangkaian berwayar dan 100% kawasan kampus berpenghuni UMT telah dilengkapi dengan kemudahan sistem rangkaian tanpa wayar secara percuma termasuk kolej kediaman.

Manakala, struktur rangkaian UMT adalah berkonsepkan *redundancy* menggunakan teknologi *Gigabit Ethernet*. Purata kelajuan internet UMT adalah 2.2Gbps berasaskan teknologi Metro-E (*Metro Ethernet)* dan *Point to Point*. UMT menggunakan perkhidmatan penyedia internet daripada Syarikat Telekom Malaysia Berhad dengan kepantasan 1.2Gbps dan *Malaysian Research and Education Network* (MYREN) dengan kelajuan 1.0Gbps. Rajah di bawah menggambarkan topologi rangkaian UMT.



Diagram Rangkaian UMT (UMTnet)

Pada tahun 2018, UMT telah melaksanakan tiga (3) penaiktarafan yang penting untuk menyokong keperluan warga universiti seperti berikut:

Nama Projek / Aktiviti	Keberkesanan/Impak
Penaiktarafan dan Penyenggaraan Infrastruktur Rangkaian Tanpa Wayar (WIFI) UMT	Menaiktaraf infrastruktur fizikal WIFI UMT bagi menyokong keperluan warga universiti khususnya pelajar dan penyelidik dalam aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. Pada tahun 2018, UMT telah menambah bilangan WIFI AP (*Access Point*) sebanyak 110 unit dan menjadikan jumlah keseluruhan AP UMT melebihi 500 unit.
Penaiktarafan dan Infrastruktur Medium Transmisi Data	Menaiktaraf infrastruktur medium transmisi data mengikut zon kawasan khususnya sokongan kepada infrastruktur rangkaian berwayar dan rangkaian tanpa wayar.
Penaiktarafan Infrastruktur Keselamatan Pengguna	Menaiktaraf fasiliti dan platform khusus untuk keselamatan pengguna khusus bagi kegunaan staf dan pelajar.

2. Kemudahan emel Microsoft Office 365

Emel merupakan satu kaedah komunikasi yang penting dan efektif. Oleh itu, PPTM dengan kerjasama Microsoft di bawah program Microsoft Office 365 telah menyediakan perkhidmatan emel untuk semua pelajar baharu Sesi 2018/2019.

Microsoft Office 365 adalah usaha Microsoft menyediakan platform *Cloud* dalam menyatukan program secara online. Melalui perolehan pihak kementerian dan Microsoft Malaysia, setiap universiti awam diberi satu akaun Microsoft 365 secara percuma untuk pakej Office 365 Education Plus. Warga UMT memperolehi perisian Microsoft Office dan mendapat storan 1 TB secara percuma kepada pengguna Microsoft 365. Penggunaan emel Micrososft 365 juga akan diperluaskan kepada semua pelajar dan staf UMT.

3. UMT *Knowledge Lake* @ Dashboard UMT sebagai platform menghasilkan pengetahuan

UMT telah memulakan langkah dengan merangka dan membangunkan *UMT Knowledge Lake* @ Dashboard UMT menggunakan perisian Microsoft Power BI *(Business Intelligence)*. Ia dipersembahkan dalam pelbagai bentuk pelaporan grafik bagi membolehkan pihak pengurusan menganalisa data untuk mengetahui trend dan corak dalam membantu untuk membuat sesuatu keputusan.

Sembilan (9) Kategori Data Utama dan Ketua / Pemilik UMT

Kategori Data	Ketua /Pemilik Data
Sumber Manusia	Pejabat Pendaftar
Penyelidikan	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)
Strategik	Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko (TSR)
Kewangan	Bendahari
Akademik	Jabatan Pengurusan Akademik (JPA)
Sumber Ilmu	Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ)
Aset /Fasiliti	Pusat Pembangunan dan Harta (PPH)
Sumber Hal Ehwal Pelajar	Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)
Perubatan	Pusat Kesihatan Universiti (PKU)

Berdasarkan jadual di atas, sembilan (9) kategori data utama universiti telah diputuskan oleh Ahli Jawatankuasa Agenda Pengetahuan UMT sebagai fokus utama dalam pembangunan UMT *Knowledge Lake @ Dashboard* UMT. PPTM dan PTj saling berkerjasama mengenalpasti dan ekstrak data daripada pelbagai sumber seterusnya menghasilkan pelaporan grafik yang memberi pengetahuan dan manfaat kepada universiti. Sehingga Disember 2018, pelaporan grafik UMT *Knowledge Lake* @ Dashboard UMT ini telah berjaya diakses oleh pihak pengurusan tertinggi UMT iaitu Ahli Lembaga Universiti (LPU) dan Jawatankuasa Mesyuarat Universiti (MPU).



Paparan Muka Depan Knowledge Lake @ Dashboard UMT.



Paparan Pelaporan Grafik UMT Knowledge Lake @ Dashboard UMT.

4. Pembangunan dan Penyenggaraan Sistem Aplikasi Universiti

UMT mengutamakan konsep pembangunan sistem aplikasi secara dalaman (*in house*). Sehingga kini PPTM telah membangunkan sebanyak 130 sistem/modul dan telah dilaksanakan di UMT. Disebabkan jumlah permohonan yang tinggi daripada PTj dalam keperluan pembangunan sistem dan bebanan besar dalam menyenggara sistem sedia ada, Jawatankuasa Saringan Pembangunan Sistem UMT berperanan untuk menilai dan menentukan keutamaan pembangunan sistem aplikasi universiti. Pada tahun 2018, sebanyak 15 sistem aplikasi telah berjaya dibangunkan dan 12 sistem aplikasi telah ditambah baik (major) bagi tujuan meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran di UMT. Jadual **di bawah** menyenaraikan sistem aplikasi baharu yang dibangunkan.

Senarai sistem aplikasi yang telah siap dibangunkan daripada Januari sehingga Disember 2018 dan sedang digunapakai oleh PTj yang terlibat.

Sistem/ Modul	Maklumat Sistem	PTj/ Pemilik Sistem
Modul e-Cuti Kontrak	Permohonan dan pengurusan cuti staf kontrak	Pejabat Pendaftar
Isytihar Harta	Pengurusan maklumat pengisytiharan harta staf	Pejabat Pendaftar
ePersaraan	Pengurusan hal ehwal persaraan staf	Pejabat Pendaftar
Penambahbaikan Custcare	Sistem aduan pengguna berkenaan ICT	PPTM
ezAir	Sistem Dashboard Audit Dalam UMT	Bahagian Audit Dalam
Pengurusan Kontrak	Pengurusan maklumat kontrak dan perolehan UMT	Pejabat Bendahari
eTravel	Permohonan ke luar negara secara atas talian	Cancelori
Modul Fasiliti PPTM	Permohonan fasiliti PPTM	PPTM
Pengurusan Stor	Pengurusan stor UMT secara berpusat	Pejabat Bendahari
eTEP	Sistem penilaian dan pengajaran UMT	Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik (PPKA)
eResume	Pengurusan maklumat resume/CV pelajar UMT secara online	Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)
eKonferensi	Permohonan latihan dan konferensi bagi ahli akademik UMT	Pejabat Pendaftar
Sistem e-Profil Akademik	Pengurusan penyelidikan Universiti	Pejabat Pendaftar
e-RMS	Pengurusan maklumat kewangan penyelidikan UMT	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)
Sistem permohonan Jawatan Atas Talian (*Job Online)*	Permohonan jawatan bukan akademik secara atas talian	Pejabat Pendaftar

Manakala, jadual di bawah adalah senarai sistem sedia ada yang ditambah baik (major).

Senarai sistem yang ada penambahbaikan major bagi tempoh Januari sehingga Disember 2018.

Sistem/ Modul	Maklumat Sistem	PTj/ Pemilik Sistem
Mytime	Sistem perakam waktu elektronik	Pejabat Pendaftar
Integrated Cumulative Grade Point Average (iCGPA)	Sistem penggredan bersepadu untuk menilai dan melaporkan prestasi akademik pelajar serta kemahiran profesional yang diperoleh sepanjang pengajian mereka di universiti.	Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik (PPKA)
eSTAR	Sistem permohonan jawatan pegawai akademik	Pejabat Pendaftar
Pendaftaran Kursus	Modul pendaftaran kursus pelajar	Jabatan Pengurusan Akademik (JPA)
e-Undi	Sistem pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)
MyMedic	Sistem perubatan universiti	Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)
Sistem Pengurusan Aset	Sistem berkenaan pengurusan aset universiti	Pejabat Bendahari
Modul Kewangan Pelajar	Pengurusan kewangan pelajar	Pejabat Bendahari
Direktori Telefon	Sistem carian direktori telefon universiti	Pusat Komunikasi Korporat (PKK)
Ejournal	Jurnal Elektronik	Institut Penyelidikan Kenyir (IPK)
eKonvo	Sistem pengurusan konvokesyen	Jabatan Pengurusan Akademik (JPA)
ePrestasi	Sistem penilaian prestasi tahunan ahli akademik UMT	Pejabat Pendaftar

Berdasarkan pelan perancangan pembangunan sistem, UMT akan bergerak ke arah pembangunan aplikasi mudah alih atau dikenali sebagai '*Mobile App*' selari dengan perkembangan dan keperluan teknologi di masa kini.

Impak pelaksanaan projek ICT bagi menyokong keperluan IR4.0

Cabaran IR4.0 seharusnya dilihat sebagai satu dimensi peralihan ke arah peningkatan tahap kecekapan dan memberi impak kepada pengurusan operasi universiti secara keseluruhan. Antara impak utama yang dikenalpasti hasil daripada pelaksanaan pembangunan infrastruktur dan infostruktur ICT ialah:

i. Peningkatan capaian internet oleh warga universiti khususnya pelajar
ii. Peningkatan peratusan keselamatan di peringkat pengguna khususnya
iii. Peningkatan kualiti dan peratusan jumlah pemindahan data harian, mingguan dan bulanan antara kampus utama ke Cyberjaya.
iv. Perkhidmatan infrastruktur terbaik untuk pembelajaran dan pengajaran.
v. Meningkatkan kandungan yang dibina oleh pensyarah dan tersedia untuk digunakan oleh pelajar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, UMT telah melaksanakan projek pembangunan fizikal, perkhidmatan kesihatan pelajar, pengurusan sumber ilmu dan pengurusan teknologi maklumat dengan baik dan berkesan sebagaimana yang dirancang kepada warganya.

UMT berusaha melakukan penambahbaikan bagi menjamin keselesaan dan kesejahteraan semua pihak sepanjang berada di kampus.



Dorid Nudibranch (Goniobranchus)

Foto: Mohd Kamaruzaman Mohd Ariffin





Christmas Tree Worm
(Spirobranchus giganteus)



PEMANTAPAN CITRA

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terus komited dalam usaha mengekalkan imej korporat bertaraf global di samping memperkasakan citra tempatan seiring dengan kecemerlangan yang dicapai UMT sepanjang tahun 2018.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terus komited dalam usaha mengekalkan imej korporat bertaraf global di samping memperkasakan citra tempatan seiring dengan kecemerlangan yang dicapai UMT sepanjang tahun 2018. Sebagai sebuah universiti berfokus marin terunggul dalam negara dan disegani rantau Asia, perkembangan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) telah banyak dimanfaatkan oleh UMT ke arah usaha mengukuhkan lagi citra UMT di persada global.

Pengiktirafan dalam Penarafan Antarabangsa

UMT terus bersaing secara kompetitif di pentas terbuka dalam ranking universiti peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa sepanjang tahun 2018.

Dalam *QS Asian University Ranking*, UMT berada pada kedudukan di tangga 271-280 di Asia. UMT juga berada dalam kelompok 251-300 bagi *World University Ranking by Subject* menerusi bidang Pertanian dan Perhutanan.

Tahun 2018 merupakan penyertaan kali kedua bagi UMT dalam Universitas Indonesia (UI) *Greenmetric World University Ranking on Sustainability* dan telah berada di kedudukan ke-370 peringkat dunia dan di tangga ke-13 dalam Malaysia. Penarafan ini merupakan penanda aras dalam mengukur inisiatif ke arah kampus lestari sepertimana yang diterjemahkan dalam Blueprint Kampus Lestari UMT.

Dalam penarafan Web of Universities (Webometrics), UMT berada pada kedudukan di tangga ke-2,629 dalam 11,994 di dunia.

Bagi Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) 2017, UMT telah dianugerahkan penarafan Cemerlang 5 bintang. Penilaian ini melibatkan empat komponen iaitu institusi, pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

UMT turut memperoleh penarafan 3 bintang bagi Malaysia Research Assesment (MyRA). MyRA merupakan satu instrumen mengukur pencapaian universiti di Malaysia di dalam *Research, Development, Commercialization and Innovation* (R&D&C&I) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Media dan Publisiti

Tahun 2018 memperlihatkan usaha promosi dan publisiti UMT diperkasa seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan kemodenan sistem komunikasi. UMT telah menggunakan pelbagai platform dalam mempromosikan citra UMT kepada seluruh warga dan orang ramai dalam menghebahkan mesej serta aktiviti semasa. Sehingga Disember 2018, UMT mempunyai jumlah pengikut berdasarkan aplikasi media sosial seperti di bawah:

Statistik Platform Rasmi UMT sehingga 31 Disember 2018

Facebook Official UMT **205,436 LIKERS**	Facebook Media Kreatif UMT **17,598 LIKERS**
Facebook TV UMT **4,524 LIKERS**	Instagram Official UMT **11,930 FOLLOWERS**
Twitter Official UMT **3,100 FOLLOWERS**	Youtube Official UMT **1,539 SUBSCRIBER**
MOOC UMT **9,524 PELAJAR ATAS TALIAN**	Pembangunan Apps dalam UMT **7 APLIKASI**

Platform atas talian rasmi UMT terbukti merupakan saluran terpantas dalam memperoleh maklumat berkenaan aktiviti semasa mahupun penyaluran maklumat rasmi UMT.

UMT juga kekal berada di dalam kelompok lima teratas bagi pengikut tertinggi laman Facebook rasmi di antara 20 Universiti Awam di Malaysia dengan jumlah pengikut seramai 205,436 orang di tangga ke-empat.

Mengambil peluang daripada arus modenisasi dan teknologi semasa, UMT juga telah membangunkan sejumlah tujuh aplikasi atas talian yang boleh dicapai menerusi aplikasi Play Store bagi pelayar Android dan Apple Store bagi pelayar IOS. Aplikasi yang dibangunkan membolehkan pelayar mendapat informasi terkini, daftar kepakaran

serta bahan ilmiah rujukan pembelajaran mahupun pengetahuan semasa mengenai UMT.

Saluran hebahan maklumat konvensional tetap menjadi tumpuan dan tidak dipinggirkan. Menggunakan pelbagai sumber dan jaringan kerjasama, medium media cetak dan elektronik digunakan dalam menyebarluaskan lagi citra UMT di peringkat tempatan sehingga global. Pencapaian UMT khususnya sumbangan dalam bidang pendidikan tinggi negara dihebahkan kepada pengamal media, seterusnya kepada komuniti tempatan, kebangsaan dan antarabangsa.

Statistik Jumlah Liputan Media mengikut Akhbar 2018

MEDIA	2018
Sinar Harian	241
Utusan Malaysia	98
Berita Harian	89
Kosmo	66
Harian Metro	65
New Straits Times	48
The Star	33
Bernama	25
Borneo Post	10
China Press	9
New Sarawak Tribune	6
New Sabah Times	4
Sin Chew Daily	2
Tamil Nesan/Nanban	2
Nanyang Sian Pau	1
Daily Express	1
Lain-lain (media atas talian/kurang popular/tidak rasmi)	147
	872

Nilaian berita (*Public Relation Value*) bagi setiap berita UMT yang diterbitkan turut didokumentasikan dalam mengukur impak berita. Tahun 2018 merekodkan nilaian impak berita sebanyak RM35,100,173.32 dengan 872 liputan media cetak dan elektronik.

Statistik Bilangan Liputan Media Cetak dan Elektronik 2018

BIL. LIPUTAN
794

PR VALUE 2017 (RM)
16,796,156.14

BIL. LIPUTAN 2018
872

PR VALUE 2018 (RM)
35,100,173.32

Media UMT

Media UMT

Media UMT

Media

Berita H... Sinar H... Bernama Utusan Kosmo Metro New Str... The Star Berita H... Teganuku...

BERITA HARIAN

UMT makin gah di seluruh dunia

11 November 2018

Info

KONVOKESYEN UMT KE-16 (11-12 NOVEMBER 2018)

• 3 penerima Ijazah Kehormat

• 1,200 graduan

• 2 Anugerah Profesor Emeritus

• 2 Anugerah Pingat Canselor

• 1,270 graduan

• 26.5 Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK)

• 9% Cemerlang dengan PNGK 3.75 dan ke atas

• 2 graduan akademia

Pelbagai pengiktirafan diterima menerusi penyelidikan am, negara

Prof Dato' Dr Mohd Fadzil Mohd Akhir

Wujudkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Terengganu

Sebanyak 74 perjanjian ditandatangani dengan pelbagai pihak

Tumpukan kepada bidang kelautan, maritim

Tahun ini, UMT berjaya mencatat kedudukan ke-16 dalam bidang Marine Science dalam QS World University Rankings by Subject 2018

Kedudukan UMT dalam QS World University Rankings 2018 juga meningkat kepada 401-410 berbanding 411-420 pada tahun sebelumnya

Antaranya, UMT dikhabarkan sebagai Pusat Kesepakatan Kerjasama Serantau (RCA) bagi Pusat Pengajian Maritim Antarabangsa (IMTC) di Malaysia

14 Jun 2018

siswa UMT rak di China

angan kum-siswa Ijazah Sains Gunaan aritim) pada n itu amat

ini mening-ngat maha-ntuk melaku-h baik apatah alah wakil i universiti

rasi perniaga-n mahasiswa nerima pujian balas po-a juri yang oduk terbabit

mempunyai kecerdasan buatan dan keselamatan yang tinggi," katanya.

Sembilan kumpulan

Ahmad Faisal yang juga penyelia inovasi kumpulan mahasiswa itu, berkata selain Malaysia, pertandingan terbabit tu-rut disertai sembilan kum-pulan pelajar lagi mewakili beberapa universiti lain.

Sementara itu, pen-syarah pengiring maha-siswa UMT ke pertandi-ngan terbabit, Dr Tan Min Pau dinobatkan sebagai Pengajar Terbaik.

21 Ogos 2018

pelayaran s lautan

engarah
of. Madya
zil Mohd.
pelayaran
ut mendapat
ngan dua
biran kelautan
stitute
phy dan
a Sea Marine

Forecasting Center.

"Seramai 22 saintis dari negara ini dan China akan melakukan kajian bagi memahami kesan perubahan iklim dan pengaruh musim terhadap arus lautan bagi manfaat industri perikanan dan cari gali minyak," katanya.



ng menyertai pelayaran saintifik mengkaji kesan

28 Jun 2018

LCC ulihara terumbu



ngah) menerima sumbangan dana RM65,000 n (dua dari kanan) bagi menjayakan Kempen umbu Karang di Aquaria KLCC, Kuala Lumpur

lebih 100 benih tapak pembiakan dan
gi program semalan terumbu ka

9 Julai 20

T diiktiraf dunia

OC-UNESCO
Setiap)
itut Pertama
hina telah
dalam
okaan Laut
melibatkan
17 juta yang
Ramalan Laut
ting

ng
mu kelautan
, bagaimana
n mesej
berbatan
olisi kelautan
arian sumber

ambil
mbuhkan
ik Kumpulan
Special
UMT - Tata
Ocean
an kelautan.
na Wan
ketua
Urus
sukannya
eranan
an pusat
Kementerian

kawalan undang-undang kelautan dirangka bagi memberi perlindungan kepada ekosistem marin di kawasan berkaitan.

Selain itu, SIG ini juga terlibat dengan agensi lain seperti Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebagai penasihat berkenaan isu pengurusan laut dan sumber marin. Input-maklumat daripada penyelidikan ini membantu Malaysia dalam menyediakan kerangka polisi bagi 17 Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) tersutama SDG 14 iaitu Hidupan di Lautan dalam mencapai agenda utama *SDG Transformasi Dunia Kita: Agenda 2030* untuk pembangunan mapan.

UMT juga sinonim dengan penyelidikan yang berkaitan terumbu karang. Boleh Datuk jelaskan?

Terumbu karang ialah satu ekosistem marin yang unik, kompleks dan tinggi produk aktivitinya. Prof. Madya Dr. Zainuddin Bachok yang merupakan seorang pakar dalam bidang ini berserta pasukannya melaksanakan pelbagai usaha penyelidikan pemuliharaan dan kesedaran

Berita H... | Sinar H... | Bernama | Utusan | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Teganuki...

BERITA HARIAN
www.bharian.com.my

15 Mac 2018

54 PASCASISWAZAH
UMT tawar program perikanan tropika

UMT tawar program perikanan tropika

Oleh Faizatul Farhana Farash Khan
farhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merancangkan program Pascasiswazah Perikanan Tropika yang mampu melahirkan graduan berpengetahuan tinggi dalam bidang perikanan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara pada masa depan.

Pengerusi program, Ir. Wan Mohd Rauhan Wan Hussin, berkata program ditawarkan di bawah Fakulti Sains Gunaan dan Perikanan dan Akuakultur itu juga bermatlamat menggalakkan kerjasama industri perikanan dengan universiti supaya dapat memenuhkan ruang sektor.

Beliau berkata, program itu ditawarkan secara mod kerja kursus dan penyelidikan yang membolehkan pelajar berkelayakan ijazah sarjana muda dengan kepujian.

"Program ini memfokuskan kepada dua elemen utama pengajian, iaitu pengurusan perikanan melalui kursus tenaga kerja serta pegawai peringkat tinggi dalam bidang perikanan.

"Manakala pengajian, pelajar akan mengikuti silibus berkaitan, antaranya mikrobiologi, pengurusan sumber perikanan, pemantauan-un, sistem habitat, oseanografi dan limnologi.

"Selain itu, mereka akan turut mempelajari teknologi penelaian perikanan, keselamatan makanan laut, produk hasil ikan serta pertanian tercanba kerana," katanya ketika ditemui pada Majlis Varsiti, baru-baru ini.

Nilai tambah

Wan Mohd Rauhan berkata, program itu juga boleh memilih mengikuti pengajian sepenuhnya UMT atau sebahagian semester di Jepun, Taiwan atau Thailand.

Beliau berkata, nilai tambahan yuran dikenakan kerana universiti ada menjalankan memorandum persefahaman dengan institusi pengajian di negara terbabit.

Selain memiliki nilai tambah apabila mengikuti program itu di luar negara, pelajar juga berpeluang mendapat pendedahan dalam mengenal bidang perikanan di negara terbabit serta peneyelidikan.

"Program ini memfokuskan kepada dua elemen utama pengajian, iaitu pengurusan perikanan melalui kursus tenaga kerja serta pegawai peringkat tinggi dalam bidang perikanan.

"Manakala pengajian, pelajar akan mengikuti silibus berkaitan, antaranya mikrobiologi, pengurusan sumber perikanan, pemantauan-un, sistem habitat, oseanografi dan limnologi.

"Selain itu, mereka akan turut mempelajari teknologi penelaian perikanan, keselamatan makanan laut, produk hasil ikan serta pertanian tercanba kerana," katanya ketika ditemui pada Majlis Varsiti, baru-baru ini.

Nilai tambah

Wan Mohd Rauhan berkata, program itu juga boleh memilih mengikuti pengajian sepenuhnya UMT atau sebahagian semester di Jepun, Taiwan atau Thailand.

Beliau berkata, nilai tambahan yuran dikenakan kerana universiti ada menjalankan memorandum persefahaman dengan institusi pengajian di negara terbabit.

Selain memiliki nilai tambah apabila mengikuti program itu di luar negara, pelajar juga berpeluang mendapat pendedahan dalam mengenal bidang perikanan di negara terbabit serta peneyelidikan.



Pelajar Sarjana Sains Perikanan Tropika UMT berpeluang memimba pengalaman tambahan dengan mengikuti pengajian di Universiti Jagiellonia, Jepun melalui kerjasama dimeterai kedua-dua universiti.



Pelajar dari negara luar yang mengikuti sarjana di UMT menjalankan aktiviti berbasa kasar.



Selain aktiviti lapangan, pelajar menjalankan kerja makmal.



Pelajar menjalankan kerja lapangan di Kapetinos Fish Market.

Media UMT

Berita H... | Sinar H... | Bernama | Utusan | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Teganuki...

BERITA HARIAN
www.bharian.com.my

16 November 2017

57 BERITA
Pusat pengangkutan, logistik maritim pertama Malaysia di UMT

Pusat pengangkutan, logistik maritim pertama Malaysia di UMT



Oleh Faizatul Farhana Farash Khan
farhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melancarkan sebuah pusat pengangkutan, logistik dan rantaian bekalan negara ini dipilih The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT) antarabangsa bagi Pusat Pengajian Maritim Global (GMC) yang pertama di rantau Asia Tenggara.

Universiti terbabit menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan CILT di pusat tersebut, semalam.

Antara lain melahirkan pelajar dalam pengurusan data, pengangkutan barang, dan pengurusan strategi dengan Kementerian Pengangkutan, Lembaga Pelabuhan Johor, agensi lain.

Pusat Maritim Global

Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, berkata penubuhan MaiTAC akan di pusat rujukan untuk pembangunan dan pendidikan berkaitan industri maritim.

Beliau berkata, pusat itu juga akan menyediakan kepakaran dalam pengurusan logistik dan pengangkutan maritim utama di Malaysia.

"Selain itu, pusat ini juga akan menjadi pusat rujukan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang berkaitan, serta menyediakan khidmat nasihat dan perundingan kepada industri.

"Kita juga akan menjalankan kajian dan penyelidikan bersama-sama dengan pihak industri dalam bidang berkaitan, serta membangunkan modul latihan khusus untuk industri.

"Kita juga akan menjalankan kajian dan penyelidikan bersama-sama dengan pihak industri dalam bidang berkaitan, serta membangunkan modul latihan khusus untuk industri.

Graduan boleh menceburi banyak jenis peluang kerjaya dalam sektor perkapalan, pelayaran bidang logistik dan pengangkutan laut, komersil, pesisir pantai dan perundangan maritim.

Ia memenuhi syarat, iaitu pengendali Pusatu Nil-Grad Kumulatif (CGP) 3.00 dan lulus dengan prauwasuh dan ia juga selain mempunyai lat bidang pengalaman.

Prof Nor Aieni bertukar dokumen dengan Presiden CILT Malaysia, Datuk Abd Rashid Abd Manik (kanan), pada majlis

Media UMT

Bernama | Utusan | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Berita H... | Teganuki...

ESTABLISHED 1845
KAITS TIMES

17 April 2018

esigning UMT





By redesigning its goals, UMT

UMT'S MARINE 4.0

UMT Ranked Towards T2009 2023

Education 4.0
Research 4.0
Flexible Technologies
Arts and ICT 4.0
Digital Library
Smart Campus 4.0
Industry in the Classroom
Empowering Undergraduate Research
Volunteers Allocation
Excellent Graduate Diversification
Conducive e-Learning Space
Professional Affiliations
World-Class Programmes

Berita H... | Sinar H... | Bernama | Utusan | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Teganuki...

Utusan MALAYSIA

Projek UMT rahmat buat penduduk Pantai Senok

ZAAIN ZIN
zain@utusan.my
CHOW JO MAC

KUALA Pembangunan dan Pembudayaan Sutera Perhutanan Air Laut (SAL) UMT Kampung Pantai Senok (UMT) sejauh Pantai Senok, di sini, dijangka siap pada Disember tahun ini.

Projek yang dijangka menelan kos RM30 juta setakat ini telah siap sebanyak 60 peratus.

Ia merupakan projek yang dijalankan di bawah Program Pembangunan Insitu Masyarakat Pantai (PIMP) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Amran Mohamed Zin berkata, projek itu dijangka siap sepenuhnya pada Disember ini.

"Projek ini merupakan projek pembangunan yang dijalankan di bawah Program Pembangunan Insitu Masyarakat Pantai (PIMP) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Disember ini.

"Projek ini merupakan projek pembangunan yang dijalankan di bawah Program Pembangunan Insitu Masyarakat Pantai (PIMP) di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada Disember ini.



DR. NOR AIENI MOKHTAR dan Dr. S. Ahmad Jusoh (kiri) melihat operasi projek tuaiyakan di Usi yang ditangkarkan oleh Universiti Malaysia Terengganu di Kampung Pantai Senok, Besut, semalam. UTUSAN/ZAAIN ZIN

Berita H... | Sinar H... | Bernama | Utusan | Kosmo

BERITA HARIAN
www.bharian.com.my

26 April 2018

Peranan MOOC dalam menghadapi pendidikan tinggi 4.0

Pencapaian UMTMOOC

- **Anugerah** Massive Open Online Course (MOOC) Terbaik di Karnival e-Pembelajaran Universiti Peringkat Kebangsaan 2015 anjuran UPSI pada 13 Disember 2015
- **Anugerah** Massive Open Online Course (MOOC) Terbaik dan Anugerah Poster Massive Open Online Course (MOOC) Terbaik - tempat pertama di Nasional Academic Colloquium anjuran UiTM pada 2016
- **Anugerah** MOOC Terbaik di pertandingan pembangunan e-kandungan (e-CONDEV 2017) anjuran UiTM pada ogos 2012.

Kuala Lumpur: Dalam merealisasikan inisiatif pelaksanaan Massive Open Online Course (MOOC) yang menjadi saranan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kepada semua universiti awam di negara ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menawarkan 12 kursus berteraskan konsep pembelajaran itu dikenali UMTMOOC.

MOOC adalah kursus yang ditawarkan 100 peratus secara atas talian tanpa membabitkan pembelajaran dan pengajaran bersemuka atau fizikal tanpa mengira masa, tempat serta boleh diakses semua orang.

Ketua e-Pembelajaran dan Pengelah UMTMOOC Pusat Perancangan, Pembangunan dan Kualiti Akademik, UMT, Prof Madya Dr Noraida Ali, berkata kaedah diperkenalkan UMT sejak 2015 itu menyediakan pembangunan 12 kursus yang menarik dan unik.

Ilmu digital

Katanya, 12 kursus itu adalah Kejuruteraan Perikanan, Pembangunan Mamalian, Pembangunan Pantai, Seni Bina Laut dan Pembinaan Kapal, Prinsip Ekologi, Pengurusan Alam Sekitar dan Polisi serta Parasitologi Ikan.

Selain itu, Biologi Penyu Laut dan Pemuliharaan, Budaya Ikan Hasan, Pengurusan Hidupan Liar, Perakaunan Kewangan, Denggi dan Zika - Ancaman Kesihatan Global serta Kemahiran Komunikasi Abad Ke-21.

"Cabangan teknik pengumpulan ilmu dalam bentuk digital dikali serta disusun dengan inovasi menarik bagi memastikan pelajar dapat memasai susunan pembelajaran asli walaupun tanpa bersemuka.

"Kandungan kursus bagi setiap topik, digarap, dalam, malah dipersembahkan dalam bentuk lebih inovatif. UMT juga menerapkan teknologi Augmented Reality dalam memperkenalkan kursus berkenaan," katanya.

Dr Noraida berkata, usaha dilaksanakan UMT itu menyaksikan universiti terbabit mengorak langkah lebih mentransformasikan pembelajaran ke arah revolusi industri 4.0.

Perkembangan teknologi itu, katanya, turut memberi landskap pembelajaran dan pengajaran masa kini daripada bentuk fizikal kepada digital, bersifat lokal kepada global dan statik kepada fleksibel.



Prof Madya Dr Noraida Ali

Media UMT

Bernama | Utusan | Kosmo | Metro | New Str... | The Star | Teganuki...

ITA HARIAN
www.bharian.com.my

26 April 2018

uk inovasi UMT 30 pingat emas

ebanyak 30 dikan dan i Malaysia (T) meraih a Minggu a Inovasi yang dia-aru-baru

t Pengu-kan dan Dr Tengku kata pi-enangi ah 134 an UMT hagian

pabila pulan lebih

Mosquito Eggs dipilih sebagai pemenang Anugerah Khas MPI'18.

"MPI'18 bertemakan 'Memacu Revolusi Industri 4.0 Menerusi Penyelidikan dan Inovasi' dianjurkan UMT dengan kerjasama TATI University College (TATIUC) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)," katanya dalam satu kenyataan media yang dikeluarkan Pusat Komunikasi Media UMT, di sini, baru-baru ini.

Idea baharu

Sehubungan itu, Prof Tengku Sifzizul berharap pencapaian itu akan diteruskan lagi pada masa mencuba sesuatu yang baharu.

Sementara itu, Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar, berkata pencapaian hebat pada MPI'18 itu diharap dapat mendorong warga UMT untk menghasilkan lebih banyak inovasi berkualiti.

"Penyelidik UMT perlu terus berusaha untuk mencungkil idea baharu dan menaikkan nama universiti sebagai gedung ilmu yang menjadi rujukan masyarakat," katanya.

Secara keseluruhannya, UMT berjaya membawa pulang 30 pingat emas, perak (32) dan gangsa (44).

Sinar harian

28 Ogos 2018

Inovasi UMT jadikan kelulut agen pendebungaan MMT

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sekali lagi melakar sejarah dalam penyelidikan inovasi bagi penghasilan kaedah pendebungaan baharu tanaman tertigasi Melon Manis Terengganu (MMT).

Menurut ketua projeknya, Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Azmi berkata kaedah pendebungaan lebah kelulut ke atas tanaman tertigasi melon yang diperkenalkan ini dapat mengatasi masalah ketidakcekapan pendebungaan secara manual yang dilakukan sebelumnya seperti gelitonogami dan pendebungaan kacuk silang atau 'hand cross pollination'.

"Projek ini mampu tingkatkan pengeluaran hasil MMT dan mengurangkan kos buruh untuk pendebungaan bagi penghasilan set buah.

"Kaedah pendebungaan kelulut juga lebih cekap berbanding kaedah pendebungaan manual yang mengambil masa agak lama, tenaga dan kos yang sangat tinggi terutamanya untuk penanaman berskala besar.

"Kelulut mempunyai keunikan tersendiri. Ia merupakan spesies serangga asli di Malaysia dan aktif sepanjang tahun. Ia juga tidak memerlukan kos yang besar untuk dipelihara dan tidak membahayakan," katanya.

Pokok melon merupakan bunga jenis monoecious berstruktur bunga jantan dan bunga betina terletak pada struktur bunga yang berasingan.

"Penanaman melon ini tidak akan menghasilkan set buah tanpa kaedah pendebungaan berbantu. Bagi mengatasi masalah ini, pendebungaan lebah kelulut menggantikan tenaga kerja buruh yang menggunakan tangan (*hand pollination*) dapat mengurangkan kos operasi pendebungaan dan meringankan beban tugas pengusaha tanaman.

"Pengusaha tanaman juga dapat menjana pendapatan sampingan melalui produk hiliran madu kelulut hasil daripada penternakan kelulut di samping pengeluaran hasil pertanian," jelasnya.



31 Julai 2018

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

UMT wakili Malaysia ke pertandingan Enactus di AS

Komuniti Kita

Gambar dan berita yang disiarkan dalam Komuniti Kita kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my

CEMERLANG, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengukir Piala Enactus peringkat kebangsaan anjuran Yayasan Enactus Malaysia bagi mengasaskan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kerjaya UMT, Dr. Mohd. Shaari Abd. Rahman berkata, UMT yang pertama kali 25 pelajar memberi tangkisan tiga projek komuniti iaitu pendebungaan menggunakan kelulut, penanaman ikan bagi membantu menjana pendapatan kepada penapih dadah dan penanaman air bersih bagi kepentingan asas komuniti.

Pada pertandingan itu, UMT mengatasi empat institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Utara Malaysia, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Teknologi Mara dan Universiti Tenaga Nasional.

"Kemenangan itu membolehkan UMT mewakili negara pada pertandingan Enactus peringkat dunia di California, Amerika Syarikat (AS) pada Oktober depan," kata Mohd. Shaari.

Yayasan Enactus Malaysia yang berbuo pelajar di Petaling Jaya, Selangor merupakan organisasi tidak berasaskan keuntungan yang berperanan melatih golongan mahasiswa agar mempunyai kesedaran sosial dan moral.



SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

4 Januari 2018

Pelajar UMT ikuti program 2U2i dirai pada majlis penghargaan

TERBAIK. Seramai 48 pelajar Sarjana Muda Perakaunan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang berjaya menamatkan program Dua Universiti + Dua Industri (2U2i) dirai pada majlis penghargaan di UMT, Kuala Nerus, Terengganu baru-baru ini.

Komuniti Kita

Gambar dan berita yang disiarkan dalam Komuniti Kita kini boleh diakses di laman web www.kosmo.com.my

Naib Canselor UMT, Prof. Dr. Nor Aieni Mokhtar berkata, kesemua pelajar tersebut telah menjalani program 2U2i di Firma Pengauran Perakaunan hasil kerjasama UMT dan sebuah firma pengauditan, Salihin Chartered Accountant (SAC).

"Pada program itu, lima pelajar telah dinobatkan sebagai pelajar terbaik. Mereka terdiri daripada Muhammad Hakim Amir Hamzah, Siti Nur Sabreena Superdi, Lim Pik Yee, Tengku Farah Hanim Tengku Mat dan Shafiq Hazizi Shaipul Bahari.

"Selain sijil penghargaan, mereka turut menerima anjaran wang tunai sebanyak RM500 sumbangan AC," katanya.



NOR AIENI (berdiri, 10 dari kiri) bersama pengurusan SAC dan sebahagian pelajar yang diraikan selepas berjaya menamatkan program 2u2i di UMT, Kuala Nerus baru-baru ini.

BERITA HARIAN
www.bharian.com.my

5 April 2018

Kuda laut, khazanah hidupan marin

Kuala Lumpur: Bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat berhubung kepentingan kuda laut, dua penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Dr Effendy Abd Wahid dan Thirukanthan Chandra Segaran, menghasilkan buku mengenai hidupan air itu yang berjudul, *Seahorses-Heritage of Prestine Johor Straits*.

Projek penerbitan buku setebal 133 muka surat itu dibangunkan kumpulan penyelidik itu dengan kerjasama Institut Bioteknologi Marin (IMB) UMT bersama J-Biotech dan Pusat Penyelidikan Ternakan Air Payau (PTTAP).

Thirukanthan yang juga pegawai sains UMT berkata, kumpulan itu menjalankan penyelidikan di sekitar Sungai Pulai, Johor sejak tahun 2008.

Mengekalkan habitat

"Buku ini mula ditulis pada 2013 hingga 2015 mengandungi hasil penyelidikan selama 10 tahun mengenai kehidupan kuda laut, termasuk memaparkan tarikannya sebagai khazanah hidupan marin, memberi penjelasan kepada masyarakat bahawa ia memiliki keunikan dan menggalakkan usaha pemeliharaannya.

"Kami menerbitkan buku ini kerana sedar masyarakat kurang memahami mengenai sejarah dan kehidupan kuda laut yang dikategorikan sebagai haiwan eksotik, menyebabkan mereka tidak menghargainya serta tidak kisah mengenai usaha pemeliharaannya.

"Penerbitan ini juga mengetengahkan bagaimana usaha harus dilakukan semua pihak bagi mengekalkan habitat dan meningkatkan jumlah kuda laut," katanya ketika dihubungi.

Thirukanthan berkata, buku itu menampilkan beberapa bab, antaranya habitat kuda laut, kehidupan sosial kuda laut, kekayaan biodiversiti hidupan Sungai Pulai, komuniti pantai di Pedas, selain penyelidikan dan pembangunan kuda laut UMT yang dijalankan melalui kolaborasi serta usaha meluas.

Buku bergambar dengan ilustrasi menarik itu, katanya, mengupas secara terperinci mengenai tiga spesis kuda laut, iaitu Hippocampus Kuda, Hippocampus Trimaculatus dan Hippocampus Spinossimus.

Pelancaran buku itu, katanya, disempurnakan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar.



Statistik Pelawat Laman Web Rasmi UMT

BIL PELAWAT 2017

337,134

BIL PELAWAT 2018

558,571

Pencapaian liputan media ini merupakan impak daripada pelaksanaan aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, aktiviti pemindahan ilmu serta kegiatan pelajar.

Dalam menghargai jaringan kerjasama erat antara UMT dan pengamal media, UMT melalui Pusat Komunikasi Korporat (PKK) menganjurkan Majlis Apresiasi Media 2018 dan melalui Anugerah Gerbang Pena, sebanyak 35 anugerah telah dipertandingkan bagi menghargai kreativiti dan hasil karya para pengamal media dan sumbangan warga UMT.

Pelbagai aktiviti luar turut dijalankan dengan penglibatan bersama para pengamal media daripada pelbagai saluran dalam mengetengahkan keunikan, hasil penyelidikan, kejayaan serta sumbangan UMT kepada umum seperti program Bidong Merdeka Dive, program Survival Laut dan Penghayatan Warisan Media UMT, lawatan ke pelbagai Stesen Penyelidikan Alami kendalian UMT dan lain-lain lagi.

Pemerkasaan medium laman sesawang rasmi UMT terus dilaksanakan bagi memantapkan citra UMT di peringkat nasional dan global. Bermula tahun 2002 sehingga 2018, sejumlah 9,652,202 pelawat laman sesawang dicatatkan dan pelawat tertinggi adalah dari Malaysia, Indonesia dan Amerika Syarikat (3 tertinggi).

Promosi dan Pameran

UMT menerima kehadiran pelawat daripada pelbagai lapisan masyarakat, institusi pendidikan serta agensi-agensi luar samada dari dalam dan luar negara. Sepanjang tahun 2018, UMT telah menerima kehadiran seramai 1,021,015 pelawat secara keseluruhan.

Galeri Penyelidikan Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) dan Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) juga mencatatkan sejumlah 4,216 pelawat sejajar dengan penganjuran pameran berfokus seperti Pameran Ikan Lutsinar dan IUCN *Red List Exhibition* yang dibuka kepada orang ramai sepanjang tahun 2018.

Statistik Bilangan Lawatan dan Pelawat dari Agensi dan Sekolah ke UMT

Program	Bil. Pengunjung (2017)	Bil. Pengunjung (2018)
Penyertaan Pameran Dalam Negara	11,161	1,014,050
Program Lawatan Agensi Luar ke UMT	277	649
Program UMT Jelajah ke Sekolah	2,300	2,100
Pelawat Galeri Penyelidikan UMT	-	4,216
JUMLAH	**13,738**	**1,021,015**

Pemeteraian Memorandum Persefahaman dan Memorandum Perjanjian

Pengukuhan jalinan kolaborasi UMT dengan pelbagai agensi serta institusi dari dalam dan luar negara terus giat diperkasa sepanjang tahun 2018 untuk membina rangkaian strategik dalam pelbagai bidang. Kesungguhan agensi serta institusi luar dan kecenderungan UMT membina perhubungan dan kesepakatan ini telah diterjemahkan melalui ikatan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA). Pelbagai usaha sama telah dan akan dilakukan yang meliputi kerjasama aktiviti akademik, penyelidikan, pengajaran, kepakaran ilmiah, kemudahan, jalinan dan jaringan penyelidikan serta inovasi.

Pada 2018, UMT telah menandatangani 14 MoU/MoA dari luar negara dan 21 MoU/MoA dari dalam negara dengan pelbagai agensi dalam pelbagai bidang.







Senarai Mou/MoA Luar Negara Tahun 2018

	Industri / Institusi	Pusat Tanggungjawab
MoA	Tonji University, China	Institut Oseanografi dan Sekitaran
	Shantou University, China	Institut Akuakultur Tropika
MoU	Incheon National University, Graduate School of Logistics, Republic of Korea	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
	University of San Agustin, Philippines	Pusat Pengajian Sains Asas
	Bung Hatta, Indonesia	Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur
	Universitas Hassanudin, Indonesia	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
	National Marine Data and Information Service (NMDIS), China	Institut Oseanografi dan Sekitaran
	Shantou University, China	Institut Akuakultur Tropika
	National Kaohsiung University of Science and Technology, Taiwan	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
	Kiel University, Germany	Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
	Universitas Teuku Umar, Indonesia	Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
	Universitas Malikussaleh, Indonesia	Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
	National Sun Yat-Sen University, Taiwan	Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan
	University of East Anglia, United Kingdom	Pusat Pengajian Sains Asas



Senarai Mou/MoA Dalam Negara Tahun 2018

	Industri / Institusi	Pusat Tanggungjawab
MoA	RHB Islamic Bank	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
	TDM Plantation Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam)	Pusat Islam, Canselori
	The Government of Malaysia (The Ministry of Health Malaysia)	Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan
	Ranaco Education and Training Institute (RETI)	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
	Teraju Tri Tech Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
	Malaysian Palm Oil Board (MPOB)	Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
	Era Flow Sdn. Bhd.	Institut Akuakultur Tropika
	Rentas Saga Sdn. Bhd.	Institut Akuakultur Tropika
	Technology Depository Agency (TDA) Berhad	Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri
MoU	MIMOS Berhad	Pusat Pengajian Sains Asas
	The World Wide Fund For Nature Malaysia	Institut Biodiversiti Tropika dan Pembangunan Lestari
	Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)	Canselori
	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	Pejabat Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)
	CCM Polymers Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
	Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd.	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
	Ranaco Education and Training Institute (RETI)	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
	Terengganu Cyc-Cling Sport (TSG)	Pusat Sukan dan Rekreasi, HEPA
	Kerajaan Malaysia (diwakili JABATAN MINERAL DAN GEOSAINS MALAYSIA)	Institut Oseanografi dan Sekitaran
	Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)	Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
	International Islamic University Malaysia	Canselori



Aktiviti Pemantapan Citra

Sambutan World Oceans Week UMT 2018

UMT mengambil inisiatif dengan menganjurkan program 'World Oceans Week' (WOW) UMT 2018 bermula April hingga Julai 2018, bersempena dengan 'World Oceans Day' yang disambut setiap tahun pada 8 Jun di seluruh dunia.

Pelbagai program kesedaran kelautan dianjurkan sempena WOW UMT 2018, hasil inisiatif oleh pelbagai institut dan pusat pengajian UMT. Mempertandingkan Piala Naib Canselor UMT, Pertandingan 'Choral Speaking' bagi pelajar Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan telah untuk kali kedua yang bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar berkenaan pemuliharaan kelautan serta biodiversitinya.

"Clean Our Ocean" merupakan tema WOW UMT 2018, dan Sekolah Sultan Alam Shah Putrajaya telah dinobatkan sebagai juara pertandingan berkenaan dengan menewaskan pelbagai sekolah berasrama penuh dari empat zon.





Program Survival Laut dan Penghayatan Warisan (SLPW)

Program Survival Laut dan Penghayatan Warisan (SLPW) merupakan salah satu program *flagship* UMT yang menjadikan Stesen Penyelidikan Marin UMT, Pulau Bidong sebagai lokasi aktiviti berkenaan terbuka kepada para penyelidik, para pelajar dan masyarakat pelbagai golongan serta pengamal media di Malaysia.

Antara aktiviti yang dijalankan seperti *Water Confident*, Jejak Warisan (*hiking*), kayak dan snorkeling. Program seumpama ini dapat mengukuhkan lagi keyakinan diri, pengurusan masa, kepimpinan, memupuk semangat setiakawan dan menyemai perpaduan dalam kalangan penuntut dan peserta.

Pameran Galeri Penyelidikan UMT

"Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik" sebagai bidang tujahan menjadikan UMT sebagai hos terbaik dalam mempamerkan pelbagai spesis akuatik, ilmu kelautan mahupun mana-mana spesis haiwan dan tumbuhan.

Tahun 2018 menyaksikan UMT terpilih sebagai hos bagi mempamerkan spesis terancam iaitu *International Union for Conservation of Nature* (IUCN) *Red List Exhibition*. Pameran ini merupakan yang pertama dianjurkan di Malaysia dengan mempamerkan sejumlah spesis haiwan dan tumbuhan terancam di peringkat global di bawah pemantauan IUCN.



Program Selam Scuba

Memiliki Stesen Penyelidikan Marin UMT di Pulau Bidong menjadikan UMT sebagai salah satu lokasi tumpu bagi aktiviti selam skuba yang lengkap dengan pelbagai fasiliti. Stesen ini mampu menampung sejumlah 80 orang pengunjung dalam masa yang sama dan sepanjang tahun 2018, pelbagai program selam skuba telah dijalankan.

Program Dive Heart OKU – Dare To Dive @ Bidong, Merdeka Dive, Mycoral 2.0 serta pelbagai siri penyelaman penyelidikan anjuran pelbagai Pusat Pengajian dan agensi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 yang diselaraskan oleh Makmal Berpusat UMT.

Pengiktirafan Tempatan

Dalam menyemarakkan semangat dan sambutan Bulan Kemerdekaan tahun 2018, UMT telah menyertai Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan 2018 bagi kategori Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta Peringkat Negeri Terengganu anjuran Jabatan Penerangan Negeri Terengganu. UMT telah muncul sebagai johan bagi kategori berkenaan.

Selain itu, UMT juga telah mengekalkan prestasi sekaligus dalam meraih Anugerah Kutipan Tertinggi Program Derma Darah kategori IPTA/IPTS sebagai penganjur program derma darah teraktif selama 4 tahun berturut-turut. Anugerah telah disampaikan oleh YB Dr. Dzulkefly Bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia sempena Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat Kebangsaan 2018.



Cakna Kebajikan Pelajar

Dalam menerapkan nilai murni dan pada masa yang sama membantu kebajikan pelajar yang kurang berkemampuan, satu gerakan yang dinamakan *Act of Kindness* (AOK) yang diperkenalkan oleh sekumpulan pensyarah universiti telah membina sejumlah 5 Gerobok Rezeki yang ditempatkan di beberapa lokasi strategik sekitar kampus. Pihak AOK saban hari dan minggu terus menerima sumbangan daripada warga UMT serta orang ramai untuk menyumbang pelbagai jenis barangan seperti bahan makanan kering, makanan sedia untuk dimakan mahupun peralatan keperluan diri yang ditempatkan di setiap Gerobok Rezeki.

Turut diinspirasi oleh program seumpama adalah program *Happy Box* yang digerakkan oleh Pejabat Bendahari UMT. Program ini menerima sumbangan daripada pelbagai agensi berkaitan dan setiap minggu, penerima adalah terdiri daripada para pelajar yang menerima *Happy Box* berkenaan.

Citra Prasarana Fizikal

Keterlihatan UMT di peringkat antarabangsa menyumbang kepada citra universiti. UMT telah menterjemahkan citra universiti menerusi pelbagai platform dan aktiviti pengiklanan dan promosi. PKK sebagai entiti bertanggungjawab telah mempromosikan UMT menerusi iklan digital korporat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), KLIA2 dan sekitar negeri Terengganu. Bagi iklan fizikal pula, ruangan iklan di beberapa jalan raya utama di Kuala Terengganu dan Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu telah dilanggan.

Projek Estetika Mural

Projek estetika mural turut dilaksanakan di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ). Lukisan mural ini berkonsepkan kelautan yang sejajar dengan bidang tujahan UMT. Projek ini telah dijayakan dengan kerjasama daripada para pelajar UMT bagi menceriakan ruang legar masuk ke PSNZ.





Citra Intelektual

Persidangan Akademia

Persidangan dan seminar akademia merupakan program berprestij yang dijalankan bagi memantapkan citra UMT yang seterusnya dapat memperkenalkan UMT ke peringkat antarabangsa. Sepanjang tahun 2018, sejumlah 12 persidangan dan seminar akademia telah dilaksanakan dengan jayanya.

PROGRAM	TARIKH
20th Colloquium of the Malaysia and Singapore Society of Australia (MASSA 2018)	8 & 9 Februari 2018
Round Table Discussion on Ocean Governance II: Malaysia's Interest and Role in the Sustainable Use and Conservation of Biodiversity Beyond National Jurisdiction (BBNJ)	13 Mac 2018
International Fundamental Science Symposium 2018 (iFunS 2018)	20 & 21 Jun 2018
International Food Science & Agrotechnology Conference (IFOSAC 2018)	7 & 8 Ogos 2018
4th International Biotechnology Post-Graduate Conference on Biotechnology (IPCB 2018)	27 - 29 Ogos 2018
5th International Conference on Accounting, Business & Economics 2018 (ICABEC 2018)	18 - 20 September 2018
International Union for Conservation of Nature (IUCN) Symposium and Red List Assessment 2018	24 September 2018
The 2nd International Conference on Animal and Plant Ecology and Management (APEM 2018)	6 & 7 Oktober 2018
The 2018 Conference on Mathematics, Informatics and Statistics (CMIS 2018)	29 - 31 Oktober 2018
Tropical Ocean and Marine Sciences International Symposium (TOMSY 2018)	30 & 31 Oktober 2018
2nd International Conference on Social and Economic Development (ICSED)	4 & 5 November 2018
The 8th International Conference on Postgraduate Education	3 & 4 Disember 2018



Kesimpulan

Dalam dunia global yang semakin pesat membangun dan tinggi persaingan, UMT terus berinteraksi dengan pihak luar agar sentiasa relevan dan progresif. Sepanjang tahun 2018, UMT komited mengorak langkah dalam menempa nama dalam kalangan institusi pendidikan baik tempatan, Asia mahupun global. Aktiviti pemantapan citra diterjemahkan melalui pelbagai penganjuran program, liputan media serta gerak kerja promosi yang telah dirangka dalam usaha memacu UMT untuk terus unggul dan disegani.

Usaha berterusan ini bergerak seiring dalam kalangan warga bagi memastikan UMT terus unggul sebagai sebuah pusat kecemerlangan dalam penerokaan, penjanaan dan penyebaran Ilmu Kelautan dan Sumber Akuatik, bertepatan dengan slogan "Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat".

2
MoA Luar Negara

10
MoA Dalam Negara

12
MoU Luar Negara

11
Mou Dalam Negara

370
Tangga ke-diperingkat dunia UI Greenmetric World University Ranking on Sustainability

RM35.1JUTA
nilai berita (PR Value)

PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

10 Januari 2018

Majlis Menandatangani MoU antara UMT dan WWF-Malaysia serta Pelancaran Prosiding Seminar Ekspedisi Saintifik Tanah Bencah Setiu 2016



30 Januari 2018

1Graduan 1Penternak & Program Pelepasan Anak Benih Udang Galah



08 Februari 2018

Majlis Penutup Program Saintis Islam Terengganu Kohort IV 2018



25 Januari 2018

Program UMT Cakna UMT Sayang Komuniti Nelayan Pantai Mengabang Telipot



03 Februari 2018

Majlis Pelancaran Projek Penyelidikan Translasional Loji Nyahgaram Air Laut



08-09 Februari 2018

20th Colloquium of The Malaysia and Singapore Society of Australia (MASSA 2018)



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

12 Februari 2018

Sounds of Terengganu



12 Februari 2018

Majlis Pelancaran Boardwalk Setiu



14 Februari 2018

Majlis Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2018



27 Februari 2018

Pelancaran Buku Beautiful Terengganu & Tourism Friends



09-11 Mac 2018

Program Kerja Lapangan Pelajar Tropimundo di Tasik Kenyir



14 Mac 2018

Majlis Pelancaran Program Gotong Royong Perdana UMT 2018



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

15 Mac 2018

International Seminar on Aquaculture Technology (ISAT) 2018



17 Mac 2018

Majlis Apresiasi Media 2018 (MAM 2018)



24 Mac 2018

Majlis Perasmian Pejabat Malaysia Maritime Logistics & Transport Centre (MALTRAC) @ UMT



24-25 Mac 2018

Karnival Pendidikan Tinggi Negara Tahun 2018 Zon Terengganu



28 Mac 2018

Majlis Menandatangani MoA antara Majlis Agama Islam & Adat Melayu Terengganu dengan UMT



28 Mac 2018

Syarahan Umum Industri Kesukarelawanan Bersama Raja Shamri Raja Husin



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

8-9 April 2018

Minggu Penyelidikan dan Inovasi 2018



11-13 April 2018

Hari Bumi 2018 : MYCORAL 2.0



12 April 2018

Industry Talk Programme – PTP Sdn. Bhd.



12-15 April 2018

Career, Entrepreneurship and Skills Festival UMT (CESF UMT 2018)



25 April 2018

Program Perhimpunan Warga UMT Hadiah Setia Bakti dan Penghargaan Pesara 2018



29 April 2018

Majlis Anugerah MAPIM KPT 2017



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

03-05 Mei 2018

Karnival Ekspresi Unggul UMT



06 Mei 2018

Industry – University Collaboration Appreciation Day



11 Mei 2018

Sambutan Pesta Pantai World Oceans Week di Dapo Pata Uptown Kontena



13 Mei 2018

Grand Final Choral Speaking & Ted Style Talk Competition WOW 2018



15-16 Mei 2018

UMT Undergraduate Research Day



25 Mei 2018

Majlis Menandatangani MoU antara UMT dengan CCM



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

29 Mei 2018

Program Kasih Ramadhan UMT dan Majlis Berbuka Puasa Perdana bersama YAB Menteri Besar Terengganu



07 Jun 2018

Program UMT Quran Hour dan Majlis Khatam Al-Quran



25-26 Jun 2018

International Fundamentum Science Symposium 2018



03 Jun 2018

Pendaftaran Pelajar Baharu: Diploma Perikanan dan Asasi STEM 2018/2019



24 Jun 2018

Majlis Menandatangani LoI antara UMT dan Hokkaido University



28 Jun 2018

Majlis Sambutan Aidilfitri UMT 2018



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

13-15 Julai 2018

Kursus Kepimpinan Alam Sekitar dan Sains Marin SBP Peringkat Kebangsaan 2018



24 Julai 2018

Projek Translasional Kuda Laut-Komuniti Kg. Air Tawar



29 Julai 2018

Majlis Anugerah Tahunan (MAT) UMT 2018



07 Ogos 2018

Kerja Penyampelan Saintifik bersama Penyelidik Universiti Tongji, China di perairan laut dan sungai



10-18 Ogos 2018

Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti Malaysia 2018



13 Ogos 2018

Program Lawatan Kerja YB Exco Pertanian Ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong, Kuala Terengganu



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

16 Ogos 2018

Majlis Syarahan Inaugural Siri 27 Bil. 1 Tahun 2018 -Portunid Crab: Paving the Way for Sustainable Aquaculture oleh Prof. Dr. Mhd Ikhwanuddin Abdullah



03 September 2018

Pendaftaran Pelajar Baharu Sesi 2018/2019



05 September 2018

Majlis Ikrar Pelajar Sarjana Muda Baharu UMT 2018



29-31 Ogos 2018

Merdeka Dive 2018



03 September 2018

Program Bicara Tokoh Bersama YAB Menteri Besar Negeri Terengganu sempena Pendaftaran Pelajar Baharu



23 September 2018

Fiesta STEM / Penganugerahan Watikah Prof@School



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

24-25 September 2018

International Union for Conservation of Nature (IUCN) Symposium and Red List Assessmen



28 September 2018

UMT Colour Run 4.0 2018



30 September 2018

MoU Signing Ceremony Between UMT & University East Anglia



28-29 September 2018

UMT Safe & Eco Dive 2018



29 September 2018

Forum Bakat Masa Hadapan : Cabaran dan Harapan & Majlis Menandatangani Note of Understanding (NoU) Strategik Kebolehpasaran Graduan



01 Oktober 2018

Syarahan Umum sempena Lawatan Delegasi Kagoshima University, Jepun



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

03 Oktober 2018

Majlis Menandatangani MoA antara UMT dan RANACO Education and Training Institute (RETI)



09 Oktober 2018

Majlis Menandatngani MoU antara UMT dan ACCA Malaysia Sdn Bhd



18-20 Oktober 2018

Program Karnival Luar Kampus 2018



09 Oktober 2018

Majlis Menandatangani MoA antara UMT & Era Flow (M) Sdn Bhd & Rentas Saga Sdn Bhd serta Penyerahan Dana Penyelidikan Swasta oleh Betsol Sdn. Bhd.



18-20 Oktober 2018

Special Ability Diver@Bidong Island 2018



21 Oktober 2018

Majlis Ramah Mesra Bersama YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Halim Mohammad, Pengerusi Lembaga Pengarah UMT



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

30-31 Oktober 2018

Tropical Ocean and Marine Sciences International Symposium (TOMSY2018)



01 November 2018

Industrial Talk Programme



04 November 2018

International Conference on Social and Economic Development (ICSED2018)



05 November 2018

Majlis Menandatangani MoU antara UMT dengan Terengganu Pro- Asia Cycling Team TSG



10 November 2018

Majlis Santapan Malam Sempena Majlis Konvokesyen UMT Ke-16 & Majlis Pelancaran Buku Beautiful Terengganu Lima Bahasa



11-13 November 2018

Majlis Konvokesyen UMT Ke-16 Tahun 2018



PELAKSANAAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2018

24 November 2018

Festival Tari Drama Filem Terbuka Kebangsaan 2018



03-04 Disember 2018

8th International Conference on Posgraduate Education 2018



12 Disember 2018

Majlis Menandatangani MoU antara UMT - Universitas Malikussaleh & UMT - Universitas Teuku Umar



27 November 2018

Program Industrial Talk CCM@UMT



08 Disember 2018

Majlis Penyerahan Watikah MPP UMT Sesi 2018/2019 dan Sesi Dialog Mahasiswa/i Bersama Pengurusan UMT





Big Eye Trevally (Caranx sexfasciatus)

Foto: Borhanudin Mohd Yusof @ Mohamed



LAPORAN KEWANGAN


31142.45
+ 3542.55
+ 1352.14
+ 2100.36
+ 854.94
38992.44
672.08
4312.25
954.36
874.48
689.45
30589.68

Prestasi Kewangan

Pendapatan UMT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM241.74 juta iaitu menurun sebanyak 6.20% atau RM15.97 juta berbanding tahun 2017. Manakala jumlah perbelanjaan tahun 2018 pula adalah sebanyak RM249.48 juta iaitu menurun sebanyak 0.52% atau RM1.29 juta berbanding tahun 2017 seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2018 dan 2017

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UMT bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2014 sehingga 2018 adalah sepertimana Rajah 2.



Rajah 2: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Tahun 2014 Sehingga 2018

Pendapatan

Daripada keseluruhan pendapatan universiti pada tahun 2018, Pemberian Kerajaan merupakan sumber pendapatan utama berjumlah RM164.74 juta (68.15%). Komponen pendapatan kedua terbesar ialah Geran Tertunda Direalisasi RM28.51 juta (11.79.%). Manakala Pendapatan Yuran pula berjumlah RM24.58 juta (10.17%) dan Pendapatan Lain berjumlah RM23.91 juta (9.89%) .Perincian ditunjukkan dalam **Rajah 3** di bawah.



Rajah 3: Komponen Pendapatan Universiti Tahun 2018 dan 2017

Perbelanjaan

Pada tahun 2018, perbelanjaan Emolumen merupakan perbelanjaan utama universiti berjumlah RM125.98 juta (50.50%) diikuti dengan perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM88.12 juta (35.32%). Belanja Susut Nilai pula berjumlah RM20.47 juta (8.21%) ,Perbelanjaan Lain direkod sebanyak RM10.25 juta (4.11%) dan RM4.65 juta (1.87%) adalah perbelanjaan untuk Pemberian dan Kenaan Tetap. Perkara ini ditunjukkan dalam **Rajah 4.**



Rajah 4: Komponen Perbelanjaan Universiti Tahun 2018 dan 2017

Aset dan Liabiliti

Nilai keseluruhan Aset UMT pada tahun 2018 adalah RM672.67 juta .Jumlah ini menurun sebanyak RM0.36 juta berbanding rekod aset tahun 2017 yang berjumlah RM673.03 juta. Manakala Liabiliti UMT telah meningkat sebanyak 0.28% atau RM1.29 juta pada tahun 2018 berbanding 2017. Secara keseluruhannya, jumlah aset bersih UMT menurun sebanyak RM1.65 juta pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Kedudukan Aset dan Liabiliti adalah sepertimana **Rajah 5** manakala pecahan komponen aset dan liabiliti adalah sepertimana **Rajah 6** dan **7**.



Rajah 5: Kedudukan Aset dan Liabiliti Pada Tahun 2018 dan 2017



Rajah 6: Komponen Aset Pada Tahun 2018 dan 2017



Rajah 7: Komponen Liabiliti Pada Tahun 2018 dan 2017

Kumpulan Wang Mengurus

Pendapatan mengurus UMT bagi tahun 2018 berjumlah RM189.19 juta, berkurang sebanyak RM13.25 juta atau 6.55% berbanding RM202.44 juta tahun 2017. Daripada jumlah ini, RM163.12 juta adalah Pemberian Kerajaan dan selebihnya RM18.22 juta daripada Pendapatan Yuran dan RM7.85 juta adalah Pendapatan Lain.

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2018 berjumlah RM203.67 juta, meningkat sebanyak RM1.34 juta atau 0.66% berbanding tahun sebelum. Perbelanjaan Emolumen merupakan perbelanjaan utama yang berjumlah RM125.42 juta atau 61.58%. Perkara ini ditunjukkan pada **Jadual 1 dan 2.**

Jadual 1: Pendapatan Mengurus Tahun 2018 dan 2017

Komponen Pendapatan	2018		2017	
	RM	%	RM	%
Pemberian Kerajaan	163,121,400	86.22	174,960,745	86.42
Yuran	18,216,091	9.63	18,137,570	8.96
Pendapatan Lain	7,852,696	4.15	9,344,304	4.62
Jumlah	**189,190,187**	**100.00**	**202,442,619**	**100.00**

Jadual 2: Perbelanjaan Mengurus Tahun 2018 dan 2017

Komponen Perbelanjaan	2018		2017	
	RM	%	RM	%
Emolumen	125,418,940	61.58	119,055,763	58.85
Perkhidmatan dan Bekalan	65,336,979	32.08	70,355,438	34.77
Pemberian dan Kenaan Tetap	3,594,374	1.77	4,763,225	2.35
Susut nilai	2,345,310	1.15	2,250,395	1.11
Perbelanjaan Lain	6,974,162	3.42	5,906,042	2.92
Jumlah	**203,669,765**	**100.00**	**202,330,863**	**100.00**

Kumpulan Wang Pembangunan

Pemberian kerajaan untuk belanja pembangunan bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM16.21 juta, berkurang sebanyak RM0.39 juta berbanding RM16.60 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM11.25 juta, menurun sebanyak 4.63% atau RM547 ribu berbanding tahun sebelumnya. Perbelanjaan pembangunan mengikut projek tahun 2018 dan 2017 dipaparkan pada **Jadual 3**.

Jadual 3: Perbelanjaan Pembangunan Mengikut Projek Tahun 2018 dan 2017

Projek	2018		2017	
	RM	%	RM	%
RMKe-11				
Pembinaan Stesen Penyelidikan Luar	2,000	0.02	4,546	0.04
Pembinaan Kompleks Pusat Pendidikan Dan Pembangunan Insaniah	42,325	0.38	95,590	0.81
Pembinaan Kompleks Makmal Perikanan Dan Akuakultur, PPSPA	3,359,269	29.86	740,238	6.28
Sistem Tebatan Banjir Dan Sistem Pencegahan Hakisan Pantai	-	-	34,329.24	0.29
RMKe-10				
Pakej 2A (Bangunan Kompleks Makmal, Kompleks Kuliah Pusat, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin)	-	-	28,623	0.24
Pakej 2B (Bangunan Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan, Pusat Pengajian Siswazah)	358,529	3.19	18,292	0.16
Pakej 2C (Bangunan Institut Oseanografi, Institut Akuakultur Tropika)	173,542	1.54	593,279	5.03
Pakej 2D (BangunanPusat Islam)	121,691	1.08	1,421,851	12.05
Perolehan Peralatan Makmal, Pengajaran dan ICT	475	0.004	493,241	4.18
Pembinaan Pusat Penyelidikan Tasik Kenyir	2,982,660	26.52	1,805,166	15.30
Pembinaan Makmal Sains Nautika	-	-	2,209,056	18.73
Projek Pasca Banjir	-	-	34,101	0.29
Bangunan Institut Bioteknologi Marin	4,207,997	37.41	4,316,855	36.60
Jumlah	**11,248,488**	**100.00**	**11,795,167**	**100.00**

Dana Endowmen UMT

Pada tahun 2018, terimaan penajaan dana endowmen UMT terus meningkat hasil sumbangan daripada staf UMT, Institusi Kewangan dan Perbankan serta sumbangan individu luar. Jumlah penajaan yang diterima adalah sebanyak RM412,000 berbanding RM296,000 pada tahun 2017 kenaikan sebanyak 39.19%. Ini membolehkan tawaran Dermasiswa Endowmen UMT diteruskan untuk agihan kepada pelajar-pelajar UMT yang layak.

Dermasiswa Endowmen UMT adalah merupakan salah satu kategori penajaan dana endowmen UMT, berbentuk bantuan kewangan kepada pelajar sebanyak minima RM3,000.00 setahun untuk membantu meringankan keperluan pembelajaran dan sara hidup pelajar sepanjang tempoh pengajian.

Pada tahun 2018 sejumlah sejumlah RM220,500 dana dermasiswa endowmen telah ditawarkan kepada pelajar pra-siswazah bagi kemasukan sesi 2018/2019. Tawaran ini telah dimanfaatkan kepada 27 orang pelajar yang layak berbanding sesi 2017/2018 hanya 8 orang pelajar sahaja dengan jumlah agihan RM63,000.

Selain daripada Dermasiswa Endowmen, bantuan kewangan Dana Prihatin secara *one-off* juga diberikan kepada pelajar yang kurang berkemampuan. Pada tahun 2018 sebanyak RM74,500 telah diagihkan kepada 351 orang pelajar berbanding tahun 2017, RM16,000 telah dimanfaatkan kepada 26 orang pelajar.





Wakaf Ilmu UMT

Wakaf Ilmu adalah salah satu alternatif yang membuka peluang kepada individu atau organisasi untuk berwakaf melalui UMT bagi membiayai pembangunan keilmuan, pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan kebajikan pelajar UMT. Hasil wakaf yang diterima akan diagihkan kepada penerima manfaat. Berikut adalah antara aktiviti utama yang dilaksanakan pada tahun 2018.

a. Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) UMT – MAIDAM

Memorandum perjanjian (MOA) yang telah termeterai antara MAIDAM – UMT pada 28 Mac 2018 yang bakal menyuburkan program Wakaf Ilmu di UMT. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar, Naib Canselor UMT dan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap pesuruhjaya MAIDAM, YBhg. Tuan Haji Wan Ismail Sahaimi bin Haji Wan Omar di Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu.

Dengan termeterainya perjanjian ini, UMT dan MAIDAM telah mencapai kata sepakat untuk bersama-sama melaksanakan konsep dan sistem wakaf di UMT ke arah meningkatkan fungsi keilmuan.



b. Caravanserai@MasjidUMT

Pusat Islam Sultan Mahmud (PISM) telah membuka ruang buat warga UMT dan masyarakat setempat untuk berwakaf dan berinfaq bagi program *Caravanserai@Masjid UMT*. *Caravanserai* merupakan kemudahan penginapan sementara yang telah disediakan untuk pelajar dan keluarga yang hadir ke UMT bagi dua program utama UMT iaitu hari Pendaftaran Pelajar Baharu pada September 2018 dan Majlis Konvokesyen pada November 2018. Jumlah dana yang berjaya dikumpulkan melalui program ini adalah sebanyak RM22,349.

c. Kunjungan Hormat ke Agensi Korporat Lembah Klang

PISM bersama Pejabat Bendahari UMT telah mengadakan kunjungan hormat ke agensi korporat terpilih di sekitar Lembah Klang Pada pada Oktober 2018. Misi ini digerakkan bagi mengumpul dana untuk membantu pelajar kategori B40 selain bertujuan untuk berkongsi pandangan dalam memperkasakan agenda pembangunan asnaf pelajar. Antara agensi yang terlibat ialah Perumahan Kinrara Berhad, Celcom Axiata, Maybank *Islamic*, Yayasan Bank Rakyat, Telekom Malaysia dan Masjid As-Syakirin, KLCC.

Jumlah kutipan dana Wakaf Ilmu dalam tahun 2018 adalah RM47,610 yang disumbang oleh individu dan pelbagai organisasi. Jumlah terkumpul dana setakat Disember 2018 pula adalah sebanyak RM1,110,616.



Jabatan Audit Negara
Malaysia

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 50.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Terengganu dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(ZIRAWATI BINTI KADIR)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
17 JUN 2019



PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **TAN SRI (DR.) HALIM BIN MOHAMMAD** dan **PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Malaysia Terengganu pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



.....

NAMA : **HALIM BIN MOHAMMAD**

GELARAN : **TAN SRI (DR.)**

TARIKH : 11 FEB 2019

TEMPAT : KUALA NERUS

Bagi pihak Lembaga,



.....

NAMA : **NOR AIENI BINTI HAJI MOKHTAR**

GELARAN : **PROFESOR DATO' DR.**

TARIKH : 11 FEB 2019

TEMPAT : KUALA NERUS

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Saya, **ZAHARA BINTI KEDRI (No. KP : 631218-13-5110)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas iaitu }
ZAHARA BINTI KEDRI
di Jerteh, ~~Besut~~ } .....
KOTA BHARU, KELANTAN.
di Negeri ~~Terengganu~~
pada 10 FEB 2019 ..... } **BENDAHARI**

PESURUHJAYA SUMPAH
D 080
CHE MALIK BIN CHE HASSAN
01/10/2018-31/12/2020
MALAYSIA

Lot 344, Tingkat 1,
Jalan Sultan Yahya Petra
15150 Kota Bharu, Kelantan.

Di hadapan saya,

.....
PESURUHJAYA SUMPAH

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018

	NOTA	KUMPULAN 2018	KUMPULAN 2017 DINYATAKAN SEMULA	UNIVERSITI 2018	UNIVERSITI 2017 DINYATAKAN SEMULA
		RM	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, Loji Dan Peralatan	4	374,857,901	378,841,492	374,684,436	378,624,778
Aset Tak Ketara	5	223,876	252,085	222,222	250,000
Hartanah Pelaburan	6	3,280,000	3,100,000	-	-
Pembinaan Dalam Kemajuan	7	9,948,401	9,726,140	9,948,401	9,726,140
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	8	1	-	3,700,000	3,700,000
Pelbagai Penghutang	9 &10	5,553,627	3,300,270	5,553,627	3,300,270
Aset Cukai Tertunda	11	18,939	18,939	-	-
Pelaburan Jangka Panjang	12	1,000,000	-	1,000,000	-
		394,882,745	**395,238,926**	**395,108,686**	**395,601,188**
ASET SEMASA					
Inventori	13	10,162	456,440	-	-
Pelbagai Penghutang	9 &10	12,042,684	9,972,444	10,516,993	8,880,713
Wang Cagaran dan Prabayar	14	615,712	890,865	353,801	709,241
Pelaburan Jangka Pendek	15	-	3,462,904	-	3,462,904
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	16	243,420,000	216,200,000	243,420,000	216,200,000
REPO	15	18,640,000	45,980,000	18,640,000	45,980,000
Tunai di Tangan dan Wang di Bank	17	3,063,430	6,751,202	1,390,913	5,034,356
		277,791,988	**283,713,855**	**274,321,707**	**280,267,214**
LIABILITI SEMASA					
Pelbagai Pemiutang	18	8,320,610	8,942,470	5,751,417	6,848,106
Pemiutang Sewa Beli	19	-	19,600	-	-
Pinjaman Bank	20	131,440	131,440	-	-
Manfaat Pekerja	21	395,000	256,000	395,000	256,000
Liabiliti Cukai Tertunda	11	8,913	8,913	-	-
		8,855,963	**9,358,423**	**6,146,417**	**7,104,106**
ASET SEMASA BERSIH		**268,936,025**	**274,355,432**	**268,175,290**	**273,163,108**
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Manfaat Pekerja	21	27,563,000	26,924,700	27,563,000	26,924,700
Geran Tertunda	23	432,564,653	431,328,159	432,564,653	431,328,159
Pinjaman Bank	20	2,395,921	2,475,453	-	-
		462,523,574	**460,728,312**	**460,127,653**	**458,252,859**
		201,295,196	**208,866,046**	**203,156,323**	**210,511,437**
DIBIAYAI OLEH :					
KUMPULAN WANG MENGURUS	24	39,907,615	54,348,918	39,907,615	54,348,918
KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN	25	4,082,825	2,323,747	4,082,825	2,323,747
KUMPULAN WANG KHAS	26	113,565,558	109,373,396	113,565,558	109,373,396
KUMPULAN WANG TABUNG LAIN	27	15,251,527	15,841,471	15,251,527	15,841,471
KUMPULAN WANG KURSUS DAN SEMINAR	28	3,886,815	3,369,656	3,886,815	3,369,656
KUMPULAN WANG KOLEJ KEDIAMAN	29	8,596,591	8,093,328	8,596,591	8,093,328
KUMPULAN WANG ENDOWMEN	30	17,864,372	-	17,864,372	-
KUMPULAN WANG TABUNG KEWANGAN	30	1,020	17,160,921	1,020	17,160,921
SYARIKAT SUBSIDIARI		(1,861,127)	(1,645,391)	-	-
		201,295,196	**208,866,046**	**203,156,323**	**210,511,437**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	NOTA	KUMPULAN 2018	KUMPULAN 2017	UNIVERSITI 2018	UNIVERSITI 2017
PENDAPATAN		RM	RM	RM	RM
Pemberian Kerajaan	31	164,743,711	175,897,308	164,743,711	175,897,308
Geran Tertunda Direalisasi	23	28,511,749	33,786,957	28,511,749	33,786,957
Pelbagai Yuran		24,581,821	24,557,888	24,581,821	24,557,888
Pelbagai Sewa		1,328,083	1,364,856	1,287,176	1,373,914
Dividen,Faedah dan Pendapatan Al-Mudharabah		9,551,235	9,434,656	9,546,613	9,434,656
Denda		4,546,336	3,136,636	4,546,336	3,136,636
Sumbangan		2,473,320	2,495,448	2,473,320	2,495,448
Hasil Aktiviti Anak Syarikat		2,556,439	1,010,224	-	-
Pendapatan Lain	32	3,452,303	6,034,235	3,508,703	6,034,235
		241,744,997	257,718,208	239,199,429	256,717,042
PERBELANJAAN					
Emolumen	33	125,978,045	119,424,667	125,418,940	119,055,763
Perkhidmatan, Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	34	41,385,885	42,297,654	40,474,107	42,310,808
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		11,753,155	13,827,948	11,747,133	13,833,866
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	35	34,984,671	36,754,731	33,816,248	36,590,677
Biasiswa dan Dermasiswa		2,472,134	2,329,728	2,472,134	2,329,728
Pemberian Dalam Negeri		1,045,097	1,111,695	1,045,097	1,111,695
Ganjaran		-	14,848	-	3,726
Gantian Cuti rehat		1,136,515	2,062,020	1,136,515	2,062,020
Pelunasan/Susut Nilai	4 & 5	20,470,350	23,976,998	20,421,622	23,918,577
Hutang Ragu	10	144,249	224,668	144,249	224,668
Bayar Balik dan Hapus Kira		387,115	420,191	387,115	420,191
Perbelanjaan Lain		9,677,273	8,326,858	9,491,383	6,765,331
		249,434,489	250,772,006	246,554,543	248,627,050
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		(7,689,492)	6,946,202	(7,355,114)	8,089,992
Cukai	22	(42,857)	(2,566)	-	-
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		**(7,732,349)**	**6,943,636**	**(7,355,114)**	**8,089,992**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA PERUBAHAN EKUITI KUMPULAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

		Kumpulan Wang									
	Nota	Mengurus	Penyelidikan	Khas	Tabung Lain	Kursus dan Seminar	Kolej Kediaman	Endowmen	Tabung Kewangan	Syarikat Subsidiari	Jumlah
2018		RM	RM	RM	RM	RM	RM		RM	RM	RM
Pada 1 Januari		54,348,918	2,323,747	109,373,396	15,841,471	3,369,656	8,093,328	-	17,160,921	(1,645,391)	208,866,046
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(14,479,578)	(113,845)	8,079,563	(1,643,655)	(402,333)	503,263	591,372	110,099	(377,236)	(7,732,350)
Pindahan Antara Kumpulan Wang		38,275	1,872,923	(3,887,401)	1,053,712	919,492	-	17,273,000	(17,270,000)		-
Pendapatan Komprehensif Lain		-	-	-	-	-	-	-	-	180,000	180,000
Dividen	36	-	-	-	-	-	-	-	-	(18,500)	(18,500)
Pada 31 Disember		**39,907,615**	**4,082,825**	**113,565,558**	**15,251,527**	**3,886,815**	**8,596,591**	**17,864,372**	**1,020**	**(1,861,127)**	**201,295,196**
2017											
Pada 1 Januari		78,465,177	3,488,644	80,590,177	16,768,656	3,577,056	7,520,262	-	16,605,178	(150,265)	206,864,885
Pelarasan Tahun Lepas	36	(86,089)	(4,178,785)	-	(340,231)	10,000	1,400	-	-	(348,770)	(4,942,475)
Pelarasan Pindahan Kumpulan Wang		(2,698,418)	2,698,418	-	-	-	-	-	-	-	-
Seperti Yang Dinyatakan Semula		75,680,670	2,008,277	80,590,177	16,428,425	3,587,056	7,521,662	-	16,605,178	(499,035)	201,922,410
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		111,756	167,959	8,177,473	(1,177,205)	(317,400)	571,666	-	555,743	(1,146,356)	6,943,636
Pindahan Antara Kumpulan Wang		(21,443,508)	147,511	20,605,746	590,251	100,000	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember		**54,348,918**	**2,323,747**	**109,373,396**	**15,841,471**	**3,369,656**	**8,093,328**	**-**	**17,160,921**	**(1,645,391)**	**208,866,046**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA PERUBAHAN EKUITI UNIVERSITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

		Kumpulan Wang								
	Nota	Mengurus	Penyelidikan	Khas	Tabung Lain	Kursus dan Seminar	Kolej Kediaman	Endowmen	Tabung Kewangan	Jumlah
2018		RM	RM	RM	RM	RM	RM		RM	RM
Pada 1 Januari		54,348,918	2,323,747	109,373,396	15,841,471	3,369,656	8,093,328	-	17,160,921	210,511,437
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		(14,479,578)	(113,845)	8,079,563	(1,643,655)	(402,333)	503,263	591,372	110,099	(7,355,114)
Pindahan Antara Kumpulan Wang		38,275	1,872,923	(3,887,401)	1,053,712	919,492	-	17,273,000	(17,270,000)	-
Pada 31 Disember		**39,907,615**	**4,082,825**	**113,565,558**	**15,251,527**	**3,886,815**	**8,596,591**	**17,864,372**	**1,020**	**203,156,323**
2017										
Pada 1 Januari		78,465,177	3,488,644	80,590,177	16,768,656	3,577,056	7,520,262	-	16,605,178	207,015,150
Pelarasan Tahun Lepas	36	(86,089)	(4,178,785)	-	(340,231)	10,000	1,400	-	-	(4,593,705)
Pelarasan Pindahan Kumpulan Wang	36	(2,698,418)	2,698,418							-
Seperti Yang Dinyatakan Semula		75,680,670	2,008,277	80,590,177	16,428,425	3,587,056	7,521,662	-	16,605,178	202,421,445
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan		111,756	167,959	8,177,473	(1,177,205)	(317,400)	571,666	-	555,743	8,089,992
Pindahan Antara Kumpulan Wang		(21,443,508)	147,511	20,605,746	590,251	100,000	-	-	-	-
Pada 31 Disember		**54,348,918**	**2,323,747**	**109,373,396**	**15,841,471**	**3,369,656**	**8,093,328**	**-**	**17,160,921**	**210,511,437**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	KUMPULAN 2018	KUMPULAN 2017	UNIVERSITI 2018	UNIVERSITI 2017
		RM	RM	RM	RM
TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI					
Tunai Diterima Dari Kerajaan		194,491,953	204,776,977	194,491,953	204,776,977
Tunai Diterima Dari Pelanggan		42,032,348	41,155,075	42,004,738	42,240,444
Tunai Dibayar Kepada Pembekal dan Kakitangan		(225,951,328)	(220,562,485)	(225,983,021)	(221,173,285)
Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Operasi		**10,572,973**	**25,369,567**	**10,513,670**	**25,844,136**
TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	4	(4,614,110)	(2,317,293)	(4,609,610)	(2,119,336)
Tambahan Pembinaan Dalam Kemajuan	7	(12,130,407)	(12,918,270)	(12,130,407)	(12,918,270)
Pembelian hartanah pelaburan		-	(3,100,000)	-	-
Tambahan Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari		-	-	-	(1,600,000)
Penjualan/(Pembelian) Pelaburan Jangka Panjang /Pendek		2,462,904	-	2,462,904	
Tunai Bersih Diguna Dalam Aktiviti Pelaburan		**(14,281,613)**	**(18,335,563)**	**(14,277,113)**	**(16,637,606)**
TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pemiutang Sewa Beli	19	-	(33,600)	-	-
Pinjaman Bank	20	(99,132)	2,606,893	-	-
Tunai Bersih Diguna Dari Aktiviti Pembiayaan		(99,132)	2,573,293	-	-
Penambahan/Pengurangan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		(3,807,772)	9,607,297	(3,763,443)	9,206,530
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		268,931,202	259,323,905	267,214,356	258,007,826
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		**265,123,430**	**268,931,202**	**263,450,913**	**267,214,356**
Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh:					
REPO	15	18,640,000	45,980,000	18,640,000	45,980,000
Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	16	243,420,000	216,200,000	243,420,000	216,200,000
Tunai di Tangan dan Wang di Bank	17	3,063,430	6,751,202	1,390,913	5,034,356
		265,123,430	**268,931,202**	**263,450,913**	**267,214,356**

Nota-nota yang disediakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM DAN AKTIVITI UTAMA

a. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah ditubuhkan melalui Perintah Universiti Malaysia Terengganu (Pemerbadanan) [P.U (A) 27/ 2007 berdasarkan S.6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2009).

b. Aktiviti utamanya ialah mengendalikan program pengajian dalam bidang sains tulen, sains gunaan, sains sosial, teknologi dan pengurusan sumber alam untuk menghasilkan graduan dalam bidang tersebut ke arah menyumbangkan pasaran guna tenaga dan pembangunan negara.

c. Pada 31 Disember 2018, UMT mempunyai kakitangan seramai 1,717 orang dan jumlah enrolmen pelajar ialah seramai 10,329 yang terdiri daripada 1,483 pelajar ijazah lanjutan serta 8,846 pelajar ijazah pertama dan pelajar diploma.

d. Penyata Kewangan UMT yang berakhir 31 Disember 2018 telah dibentangkan dan diluluskan melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti pada 11 Februari 2019.

e. Penyata kewangan UMT disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

2. DASAR PEMATUHAN

a. Asas Penyediaan

Penyata Kewangan Kumpulan dan Universiti disediakan mengikut piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dengan pengubahsuaian peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1997.

3. DASAR PERAKAUNAN

a. Asas Perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

b. Asas Penyatuan

Penyata kewangan kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan.

Subsidiari adalah perusahaan yang dikuasai oleh Universiti. Penguasaan wujud apabila Universiti mempunyai kuasa langsung atau tidak langsung untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi untuk mendapat faedah daripada aktivitinya. Penyata Kewangan Subsidiari dimasukkan di dalam Penyata Kewangan Disatukan daripada tarikh kawalan berkuatkuasa sehingga ianya berakhir.

Mengikut kaedah perakaunan penyatuan, hasil kendalian subsidiari diperolehi atau dijual pada tahun semasa dimasukkan daripada tarikh penyatuan atau sehingga tarikh jualan. Pada tarikh penyatuan, nilai saksama bersih aset subsidiari ditentukan dan nilainya ditunjukkan di dalam penyata kewangan Kumpulan. Perbezaan di antara kos penyatuan dan nilai saksama bersih aset subsidiari ditunjukkan mengikut kesesuaian sebagai muhibbah atau rizab atas penyatuan.

Urusniaga dan baki dalam Kumpulan dan keuntungan tidak direalisasikan dikeluarkan semasa penyatuan. Kerugian tidak direalisasikan hasil daripada urusniaga dalam Kumpulan dikeluarkan juga kecuali kos yang tidak dapat diperolehi semula.

c. Pengiktirafan Pendapatan

i. Yuran

Pendapatan yuran pengajian adalah berasaskan akruan dan diiktiraf apabila pelajar mendaftar dalam tahun berkenaan.

ii. Sewa

Pendapatan sewa diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan Komprehensif berdasarkan asas akruan iaitu apabila inbois/bil dikeluarkan kepada yang berkenaan.

iii. Faedah

Faedah simpanan tetap, simpanan semasa, faedah pinjaman kenderaan dan komputer telah diakaunkan mengikut konsep akruan.

iv. Denda

Pendapatan denda diiktiraf atas dasar penerimaan. Bagi denda pecah kontrak diiktiraf sebagai pendapatan apabila surat tuntutan dikemukakan oleh undang-undang.

v. Pemberian Kerajaan

Pemberian Kerajaan selain geran pembangunan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima. Pemberian Kerajaan untuk projek pembangunan diiktiraf sebagai Geran Tertunda dan akan dilunaskan mengikut susut nilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan. Pemberian untuk projek-projek penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang diakaunkan sebagai Geran Tertunda dan dilunaskan mengikut belanja susut nilai aset dan belanja terus lain.

vi. Sumbangan Luar

Sumbangan luar yang diterima daripada organisasi luar untuk membiayai aktiviti UMT diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.

vii. Hasil Pelupusan Hartanah, Loji Dan Peralatan

Hasil jualan harta yang dilupus direkodkan dalam akaun pendapatan lain mengikut asas tunai manakala catatan untuk melaraskan nilai dibawa direkodkan sebagai perbelanjaan hapus kira pelupusan.

d. Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan Hutang Ragu yang dibuat adalah berdasarkan penyemakan akhir tahun ke atas hutang yang ditentukan berdasarkan sifat, status dan pengumuran hutang-hutang tersebut. Peruntukan ini dibuat bagi tempoh hutang yang melebihi 1 hingga 5 tahun dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Hutang lapuk dihapuskira setelah mendapat kelulusan pihak berkuasa Universiti. Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

e. Hartanah, Loji dan Peralatan

i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan nilai serta didefinisikan sebagai barang tak luak yang mempunyai tempoh penggunaan ekonomik yang lebih daripada 12 bulan yang bernilai RM3,000 atau lebih setiap satu.

ii. Aset dalam pembinaan adalah aset yang telah diperolehi, namun masih tidak dapat digunakan dan dinyatakan pada kos perolehan.

iii. Buku-buku perpustakaan tidak dipermodalkan.

f. Aset Tak Ketara

Pemerolehan aset tak ketara yang boleh dikenalpasti melalui hak penggunaan tanah dan harta intelektual, termasuk yang diperolehi melalui penggabungan perniagaan, adalah diiktiraf sebagai aset dan diukur pada kos, ditolak pelunasan terkumpul dan rosotnilai terkumpul, jika ada. Pelunasan adalah menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 10% atau berdasarkan kepada anggaran tempoh yang dinyatakan secara perundangan.

g. Hartanah Pelaburan

i. Hartanah pelaburan yang dipegang untuk memperolehi sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada mulanya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

ii. Selepas pengiktirafan sebagai hartanah pelaburan, jika nilai saksama item hartanah pelaburan boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, ia diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh laporan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama

tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia akan diambil sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut akan menjadi kosnya.

iii. Kepentingan hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi tidak dikelaskan dan tidak diambil kira sebagai hartanah pelaburan.

h. Pelunasan/Susut nilai

i. Tanah milik bebas tidak dilunaskan manakala tanah pajakan dilunaskan samarata mengikut tempoh pajakan.

ii. Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset berkenaan.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut :-

	(%)
Bangunan	2
Loji dan Jentera	20
Peralatan Pejabat & Perabot dan Kelengkapan	20
Kenderaan	20
Kemudahan	5
Aset Tetap Lain	20

i. Penjejasan Nilai Aset

Hartanah, loji dan peralatan serta aset bukan semasa akan disemak jika terdapat tanda-tanda berlakunya penjejasan nilai. Kerugian penjejasan nilai dikira apabila amaun yang dibawa melebihi amaun boleh pulih aset tersebut. Kerugian penjejasan nilai dicaj ke Penyata Pendapatan.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset-aset yang dinilai semula dianggap sebagai defisit penilaian terhad kepada kerugian berkenaan tidak melebihi rezab penilaian bagi aset berkaitan. Kebalikan penjejasan nilai berikutan pertambahan nilai yang diperolehinya dihadkan kepada jumlah dibawa jika tiada kerugian penjejasan diiktiraf pada tahun-tahun sebelumnya.

Sebarang kebalikan penjejasan nilai diiktirafkan sebagai hasil pada penyata pendapatan. Kebalikan kerugian penjejasan bagi aset yang dinilai semula dianggap sebagai tambahan penilaian terhad kepada amaun yang terdahulunya dinyatakan dalam rezab penilaian bagi aset berkaitan.

j. Pembinaan Dalam Kemajuan

i. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja Dalam Kemajuan adalah kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

ii. Perolehan Peralatan

Perolehan Peralatan adalah akaun untuk merekodkan peralatan dan bekalan yang dibayar secara berperingkat yang dinilai mengikut kos dan susut nilai tidak diperuntukkan. Apabila siap, kosnya dipindahkan ke aset tetap yang berkenaan.

k. Inventori

i. Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa inventori. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu.

ii. Pada setiap tarikh pelaporan, taksiran terhadap rosot nilai inventori dilakukan. Sekiranya nilai inventori terjejas, nilai dibawa inventori dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual; kerugian akibat rosot nilai dicaj ke keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Pada setiap tarikh pelaporan yang berikutnya, nilai dibawa inventori akan dikaji semula. Sekiranya terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas mengenai kenaikan harga jualan ditolak kos untuk disiapkan dan dijual disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosot nilai dipulihkan ke tahap jumlah dibawa baru pada nilai terendah antara kos dan anggaran harga jualan baru ditolak kos untuk disiapkan dan dijual.

iii. Hasil pertanian diukur pada nilai saksama tolak kos untuk dijual pada titik tuaian. Komoditi pertanian yang diproses diukur pada nilai saksama ditolak kos untuk dijual setelah selesai pengeluaran mengikut amalan industri yang diterima pakai. Nilai saksama ditentukan menggunakan harga pasaran aktif.

l. Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara.

m. Pelaburan Jangka Pendek

Pelaburan Jangka Pendek dinyatakan pada nilai pasaran.

n. Liabiliti Cukai Pendapatan

Universiti Malaysia Terengganu adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai di dalam penyata kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa mewakili cukai pendapatan dijangka akan dikenakan ke atas keuntungan boleh cukai bagi tahun dan dikira mengikut kadar cukai pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah cukai tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

o. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan Kesetaraan Tunai adalah merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit bank serta pelaburan mudah cair yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan dan sedia untuk ditukarkan kepada tunai tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

p. Instrumen Kewangan

i. Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urus niaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

ii. Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

iii. Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan

tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

iv. **Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai**

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

v. **Rosotnilai Aset Kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Universiti menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosot nilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal. Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosot nilai, amaun kerugian rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Kumpulan dan Universiti akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

vi. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Kumpulan dan Universiti memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

q. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan kepada pekerja. Bayaran gantian cuti rehat (GCR) tahun berikutnya diklasifikasikan sebagai liabiliti semasa.

ii. Manfaat Jangka Panjang

Manfaat jangka panjang adalah bayaran GCR yang diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang telah meningkatkan hak mereka ke atas bayaran GCR tersebut pada masa hadapan.

Pengiraan manfaat pekerja jangka panjang adalah berdasarkan kepada andaian berikut:

(1) Pekerja tetap yang bersara wajib pada umur 56 tahun, 58 tahun dan 60 tahun.

(2) Semua pekerja menerima kenaikan gaji tahunan pada kadar biasa.

(3) GCR diambil pada bilangan sebenar manakala pada tahun berikutnya GCR dikumpul sebanyak 5 hari setahun.

(4) Jumlah GCR terkumpul semua pekerja adalah pada jumlah maksimum 150 hari.

iii. Pelan Sumbangan Terancang

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan. Oleh itu, apabila pembayaran bagi pelan ini dilakukan, maka pihak UMT tidak lagi mempunyai sebarang tanggungan.

r. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Sebagai Universiti Awam yang menyediakan perkhidmatan pendidikan, skop pembekalan UMT adalah pembekalan dikecualikan dan boleh dirujuk dalam Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan dikecualikan) 2014 P.U. (A) 271. Implikasi di UMT adalah sepertimana berikut:

i. Cukai Output

Perkhidmatan pendidikan seperti yuran pengajian, yuran asrama dan perkhidmatan pentadbiran yang berkaitan dengan pembekalan pendidikan adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Perkhidmatan bukan pendidikan contohnya seperti penganjuran seminar atau sewaan ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

ii. Perintah Relif

Universiti Awam tidak membayar GST untuk perolehan bekalan berkaitan pendidikan kerana pembekal tidak mengenakan GST terhadap perolehan barang terpilih yang mendapat perintah relif di bawah pendidikan.

iii. Cukai Input

UMT menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan berkaitan dengan pendidikan. UMT boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

s. Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST)

Bermula pada 1 September 2018, Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) dilaksanakan bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sebagaimana keperluan perundangan berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807].

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	TANAH	BANGUNAN	LOJI DAN JENTERA	ALAT PEJABAT	PERABOT DAN KELENGKAPAN	KENDERAAN	KEMUDAHAN	ASET TETAP LAIN	JUMLAH
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
KOS									
Pada 01.01.2018									
Kumpulan Wang Mengurus	1,429,279	15,727,049	1,372,371	16,751,500	3,335,998	12,329,706	6,448,393	24,913,928	82,308,224
Kumpulan Wang Pembangunan	492,609	386,739,441	6,252,397	31,779,167	3,443,743	14,473,365	26,623,199	83,284,082	553,088,003
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	753,780	-	1,556,268	55,523	238,673	497,880	5,685,248	8,787,372
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	266,383	-	628,213	339,440	201,896	49,194	1,993,761	3,478,887
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	405,203	-	20,903	7,300	580,278	52,380	131,673	1,197,737
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	664,448	-	351,440	146,426	181,110	1,977,701	36,259	3,357,384
Syarikat Subsidiari	-	-	-	54,877	17,809	182,365	-	191,650	446,701
Jumlah	**1,921,888**	**404,556,304**	**7,624,768**	**51,142,368**	**7,346,239**	**28,187,393**	**35,648,747**	**116,236,601**	**652,664,308**
Tambahan Dalam Tahun									
Kumpulan Wang Mengurus	-	1,071,549	5,200	1,111,261	18,047	60,022	320,685	376,040	2,962,804
Kumpulan Wang Pembangunan	-	10,502,667	-	-	-	-	-	37,950	10,540,617
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	68,137	-	-	-	845,826	913,963
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	49,714	-	221,598	26,620	947,587	-	398,925	1,644,444
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	386,153	-	4,770	9,500.00	-	48,477	-	448,900
Syarikat Subsidiari	-	-	-	500	-		-	4,000	4,500
Jumlah	**-**	**12,010,083**	**5,200**	**1,406,266**	**54,167**	**1,007,609**	**369,162**	**1,662,741**	**16,515,228**
Pelupusan									
Kumpulan Wang Mengurus	-	(59,288)	-	(184,444)	(48,983)	(491,211)	(4,100)	(1,210,714)	(1,998,740)
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	-	(24,679)	(130,449)	-	-	(499,205)	(654,333)
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	(31,750)	(1)	-	-	(35,200)	(66,951)
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	-	-	(10,890)	-	-	-	(6,000)	(16,890)
Jumlah	**-**	**(59,288)**	**-**	**(251,763)**	**(179,433)**	**(491,211)**	**(4,100)**	**(1,751,119)**	**(2,736,914)**
Kos Aset									
Kumpulan Wang Mengurus	1,429,279	16,739,310	1,377,571	17,678,317	3,305,062	11,898,517	6,764,978	24,079,254	83,272,288
Kumpulan Wang Pembangunan	492,609	397,242,108	6,252,397	31,754,488	3,313,294	14,473,365	26,623,199	82,822,827	562,974,287
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	753,780	-	1,592,655	55,522	238,673	497,880	6,495,874	9,634,384
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	316,097	-	838,921	366,060	1,149,483	49,194	2,386,686	5,106,441
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	405,203	-	20,903	7,300	580,278	52,380	131,673	1,197,737
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	1,050,601	-	356,210	155,926	181,110	2,026,178	36,259	3,806,284
Syarikat Subsidiari	-	-	-	55,377	17,809	182,365	-	195,650	451,201
Pada 31.12.2018	**1,921,888**	**416,507,099**	**7,629,968**	**52,296,871**	**7,220,973**	**28,703,791**	**36,013,809**	**116,148,223**	**666,442,622**

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	**TANAH**	**BANGUNAN**	**LOJI DAN JENTERA**	**ALAT PEJABAT**	**PERABOT DAN KELENGKAPAN**	**KENDERAAN**	**KEMUDAHAN**	**ASET TETAP LAIN**	**JUMLAH**
	(RM)	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**
PELUNASAN/SUSUTNILAI TERKUMPUL									
Pada 01.01.2018									
Kumpulan Wang Mengurus	168,066	2,642,675	570,486	15,552,495	3,107,732	11,765,639	3,124,059	24,272,105	61,203,257
Kumpulan Wang Pembangunan	84,604	58,995,919	6,252,396	28,661,414	3,236,958	14,473,361	11,827,673	77,554,463	201,086,788
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	125,156	-	1,306,488	55,401	233,089	132,096	5,264,293	7,116,523
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	52,639	-	537,058	311,667	201,889	34,197	1,177,712	2,315,162
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	102,236	-	20,898	7,298	258,962	2,619	131,657	523,670
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	84,853	-	284,416	146,401	181,109	623,080	27,570	1,347,429
Syarikat Subsidiari	-	-	-	43,080	14,794	161,090	-	11,023	229,987
Jumlah	**252,670**	**62,003,478**	**6,822,882**	**46,405,849**	**6,880,251**	**27,275,139**	**15,743,724**	**108,438,823**	**273,822,816**
Pelunasan/Susutnilai Dalam Tahun									
Kumpulan Wang Mengurus	9,507	340,145	264,435	759,749	107,750	167,094	337,884	330,969	2,317,533
Kumpulan Wang Pembangunan	5,980	7,984,850	-	2,006,897	139,194	-	1,314,414	5,133,288	16,584,623
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	15,076	-	108,331	-	1,102	24,894	395,723	545,126
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	6,322	-	79,580	19,260	189,517	2,460	367,533	664,672
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	8,104	-	-	-	105,299	2,619	-	116,022
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	21,012	-	37,325	1,900	-	101,308	4,323	165,868
Syarikat Subsidiari	-	-	-	6,840	470	21,274	-	19,165	47,749
Jumlah	**15,487**	**8,375,509**	**264,435**	**2,998,722**	**268,574**	**484,286**	**1,783,579**	**6,251,001**	**20,441,593**
Pelupusan									
Kumpulan Wang Mengurus	-	(7,905)	-	(184,412)	(48,976)	(491,206)	(1,230)	(1,210,674)	(1,944,403)
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	-	(24,674)	(130,442)	-	-	(496,346)	(651,462)
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	(31,744)	-	-	-	(35,193)	(66,937)
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	-	-	(10,887)	-	-	-	(5,999)	(16,886)
Syarikat Subsidiari									
Jumlah	**-**	**(7,905)**	**-**	**(251,717)**	**(179,418)**	**(491,206)**	**(1,230)**	**(1,748,212)**	**(2,679,688)**
Pelunasan/Susutnilai Terkumpul									
Kumpulan Wang Mengurus	177,573	2,974,915	834,921	16,127,832	3,166,506	11,441,527	3,460,713	23,392,400	61,576,387
Kumpulan Wang Pembangunan	90,584	66,980,769	6,252,396	30,643,637	3,245,710	14,473,361	13,142,087	82,191,405	217,019,949
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	140,232	-	1,383,075	55,401	234,191	156,990	5,624,823	7,594,712
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	58,961	-	605,751	330,927	391,406	36,657	1,539,246	2,962,948
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	110,340	-	20,898	7,298	364,261	5,238	131,657	639,692
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	105,865	-	321,741	148,301	181,109	724,388	31,893	1,513,297
Syarikat Subsidiari	-	-	-	49,920	15,264	182,364	-	30,188	277,736
Pada 31.12.2018	**268,157**	**70,371,082**	**7,087,317**	**49,152,854**	**6,969,407**	**27,268,219**	**17,526,073**	**112,941,612**	**291,584,721**

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	TANAH	BANGUNAN	LOJI DAN JENTERA	ALAT PEJABAT	PERABOT DAN KELENGKAPAN	KENDERAAN	KEMUDAHAN	ASET TETAP LAIN	JUMLAH
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
NILAI DIBAWA									
Pada 31.12.2018									
Kumpulan Wang Mengurus	1,251,706	13,764,395	542,650	1,550,485	138,556	456,990	3,304,265	686,854	21,695,901
Kumpulan Wang Pembangunan	402,025	330,261,339	1	1,110,851	67,584	4	13,481,112	631,422	345,954,338
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	613,548	-	209,580	121	4,482	340,890	871,051	2,039,672
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	257,136	-	233,170	35,133	758,077	12,537	847,440	2,143,493
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	294,863	-	5	2	216,017	47,142	16	558,045
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	944,736	-	34,469	7,625	1	1,301,790	4,366	2,292,987
Syarikat Subsidiari	-	-	-	4,159	3,843	1	-	165,462	173,465
Jumlah	**1,653,731**	**346,136,017**	**542,651**	**3,142,719**	**252,864**	**1,435,572**	**18,487,736**	**3,206,611**	**374,857,901**
Pada 31.12.2017									
Kumpulan Wang Mengurus	1,261,213	13,084,374	801,885	1,199,005	228,266	564,067	3,324,334	641,823	21,104,967
Kumpulan Wang Pembangunan	408,005	327,743,522	1	3,117,753	206,785	4	14,795,526	5,729,619	352,001,215
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	628,624	-	249,780	122	5,584	365,784	420,955	1,670,849
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	213,744	-	91,155	27,773	7	14,997	816,049	1,163,725
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	302,967	-	5	2	321,316	49,761	16	674,067
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	579,595	-	67,024	25	1	1,354,621	8,689	2,009,955
Syarikat Subsidiari	-	-	-	12,052	2,760	21,275	-	180,627	216,714
Jumlah	**1,669,218**	**342,552,826**	**801,886**	**4,736,774**	**465,733**	**912,254**	**19,905,023**	**7,797,778**	**378,841,492**
Nota : Tanah pajakan UMT adalah termasuk tanah yang didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi no. hak milik Pajakan Negeri 7028.									

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - UNIVERSITI									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	**TANAH**	**BANGUNAN**	**LOJI DAN JENTERA**	**ALAT PEJABAT**	**PERABOT DAN KELENGKAPAN**	**KENDERAAN**	**KEMUDAHAN**	**ASET TETAP LAIN**	**JUMLAH**
	(RM)	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**
KOS									
Pada 01.01.2018									
Kumpulan Wang Mengurus	1,429,279	15,727,049	1,372,371	16,751,500	3,335,998	12,329,706	6,448,393	24,913,928	82,308,224
Kumpulan Wang Pembangunan	492,609	386,739,441	6,252,397	31,779,167	3,443,743	14,473,365	26,623,199	83,284,082	553,088,003
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	753,780	-	1,556,268	55,523	238,673	497,880	5,685,248	8,787,372
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	266,383	-	628,213	339,440	201,896	49,194	1,993,761	3,478,887
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	405,203	-	20,903	7,300	580,278	52,380	131,673	1,197,737
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	664,448	-	351,440	146,426	181,110	1,977,701	36,259	3,357,384
Jumlah	**1,921,888**	**404,556,304**	**7,624,768**	**51,087,491**	**7,328,430**	**28,005,028**	**35,648,747**	**116,044,951**	**652,217,607**
Tambahan Dalam Tahun									
Kumpulan Wang Mengurus	-	1,071,549	5,200	1,111,261	18,047	60,022	320,685	376,040	2,962,804
Kumpulan Wang Pembangunan	-	10,502,667	-	-	-	-	-	37,950	10,540,617
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	68,137	-	-	-	845,826	913,963
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	49,714	-	221,598	26,620	947,587	-	398,925	1,644,444
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	386,153	-	4,770	9,500	-	48,477	-	448,900
Jumlah	**-**	**12,010,083**	**5,200**	**1,405,766**	**54,167**	**1,007,609**	**369,162**	**1,658,741**	**16,510,728**
Pelupusan									
Kumpulan Wang Mengurus	-	(59,288)	-	(184,444)	(48,983)	(491,211)	(4,100)	(1,210,714)	(1,998,740)
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	-	(24,679)	(130,449)	-	-	(499,205)	(654,333)
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	(31,750)	(1)	-	-	(35,200)	(66,951)
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	-	-	(10,890)	-	-	-	(6,000)	(16,890)
Jumlah	**-**	**(59,288)**	**-**	**(251,763)**	**(179,433)**	**(491,211)**	**(4,100)**	**(1,751,119)**	**(2,736,914)**
Kos Aset									
Kumpulan Wang Mengurus	1,429,279	16,739,310	1,377,571	17,678,317	3,305,062	11,898,517	6,764,978	24,079,254	83,272,288
Kumpulan Wang Pembangunan	492,609	397,242,108	6,252,397	31,754,488	3,313,294	14,473,365	26,623,199	82,822,827	562,974,287
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	753,780	-	1,592,655	55,522	238,673	497,880	6,495,874	9,634,384
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	316,097	-	838,921	366,060	1,149,483	49,194	2,386,686	5,106,441
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	405,203	-	20,903	7,300	580,278	52,380	131,673	1,197,737
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	1,050,601	-	356,210	155,926	181,110	2,026,178	36,259	3,806,284
Pada 31.12.2018	**1,921,888**	**416,507,099**	**7,629,968**	**52,241,494**	**7,203,164**	**28,521,426**	**36,013,809**	**115,952,573**	**665,991,421**

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - UNIVERSITI									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	TANAH	BANGUNAN	LOJI DAN JENTERA	ALAT PEJABAT	PERABOT DAN KELENGKAPAN	KENDERAAN	KEMUDAHAN	ASET TETAP LAIN	JUMLAH
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
PELUNASAN/SUSUTNILAI TERKUMPUL									
Pada 01.01.2018									
Kumpulan Wang Mengurus	168,066	2,642,675	570,486	15,552,495	3,107,732	11,765,639	3,124,059	24,272,105	61,203,257
Kumpulan Wang Pembangunan	84,604	58,995,919	6,252,396	28,661,414	3,236,958	14,473,361	11,827,673	77,554,463	201,086,788
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	125,156	-	1,306,488	55,401	233,089	132,096	5,264,293	7,116,523
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	52,639	-	537,058	311,667	201,889	34,197	1,177,712	2,315,162
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	102,236	-	20,898	7,298	258,962	2,619	131,657	523,670
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	84,853	-	284,416	146,401	181,109	623,080	27,570	1,347,429
Jumlah	**252,670**	**62,003,478**	**6,822,882**	**46,362,769**	**6,865,457**	**27,114,049**	**15,743,724**	**108,427,800**	**273,592,829**
Pelunasan/Susutnilai Dalam Tahun									
Kumpulan Wang Mengurus	9,507	340,145	264,435	759,749	107,750	167,094	337,884	330,969	2,317,533
Kumpulan Wang Pembangunan	5,980	7,984,850	-	2,006,897	139,194	-	1,314,414	5,133,288	16,584,623
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	15,076	-	108,331	-	1,102	24,894	395,723	545,126
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	6,322	-	79,580	19,260	189,517	2,460	367,533	664,672
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	8,104	-	-	-	105,299	2,619	-	116,022
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	21,012	-	37,325	1,900	-	101,308	4,323	165,868
Jumlah	**15,487**	**8,375,509**	**264,435**	**2,991,882**	**268,104**	**463,012**	**1,783,579**	**6,231,836**	**20,393,844**
Pelupusan									
Kumpulan Wang Mengurus	-	(7,905)	-	(184,412)	(48,976)	(491,206)	(1,230)	(1,210,674)	(1,944,403)
Kumpulan Wang Pembangunan	-	-	-	(24,674)	(130,442)	-	-	(496,346)	(651,462)
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	-	-	(31,744)	-	-	-	(35,193)	(66,937)
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	-	-	(10,887)	-	-	-	(5,999)	(16,886)
Jumlah	**-**	**(7,905)**	**-**	**(251,717)**	**(179,418)**	**(491,206)**	**(1,230)**	**(1,748,212)**	**(2,679,688)**
Pelunasan/Susutnilai Terkumpul									
Kumpulan Wang Mengurus	177,573	2,974,915	834,921	16,127,832	3,166,506	11,441,527	3,460,713	23,392,400	61,576,387
Kumpulan Wang Pembangunan	90,584	66,980,769	6,252,396	30,643,637	3,245,710	14,473,361	13,142,087	82,191,405	217,019,949
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	140,232	-	1,383,075	55,401	234,191	156,990	5,624,823	7,594,712
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	58,961	-	605,751	330,927	391,406	36,657	1,539,246	2,962,948
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	110,340	-	20,898	7,298	364,261	5,238	131,657	639,692
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	105,865	-	321,741	148,301	181,109	724,388	31,893	1,513,297
Pada 31.12.2018	**268,157**	**70,371,082**	**7,087,317**	**49,102,934**	**6,954,143**	**27,085,855**	**17,526,073**	**112,911,424**	**291,306,985**

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - UNIVERSITI									
KUMPULAN WANG & KATEGORI ASET	**TANAH**	**BANGUNAN**	**LOJI DAN JENTERA**	**ALAT PEJABAT**	**PERABOT DAN KELENGKAPAN**	**KENDERAAN**	**KEMUDAHAN**	**ASET TETAP LAIN**	**JUMLAH**
	(RM)	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**	**(RM)**
NILAI DIBAWA									
Pada 31.12.2018									
Kumpulan Wang Mengurus	1,251,706	13,764,395	542,650	1,550,485	138,556	456,990	3,304,265	686,854	21,695,901
Kumpulan Wang Pembangunan	402,025	330,261,339	1	1,110,851	67,584	4	13,481,112	631,422	345,954,338
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	613,548	-	209,580	121	4,482	340,890	871,051	2,039,672
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	257,136	-	233,170	35,133	758,077	12,537	847,440	2,143,493
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	294,863	-	5	2	216,017	47,142	16	558,045
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	944,736	-	34,469	7,625	1	1,301,790	4,366	2,292,987
Jumlah	**1,653,731**	**346,136,017**	**542,651**	**3,138,560**	**249,021**	**1,435,571**	**18,487,736**	**3,041,149**	**374,684,436**
Pada 31.12.2017									
Kumpulan Wang Mengurus	1,261,213	13,084,374	801,885	1,199,005	228,266	564,067	3,324,334	641,824	21,104,968
Kumpulan Wang Pembangunan	408,005	327,743,523	1	3,117,753	206,785	4	14,795,525	5,729,619	352,001,215
Kumpulan Wang Penyelidikan	-	628,624	-	249,780	122	5,584	365,784	420,955	1,670,849
Kumpulan Wang Tabung Lain	-	213,744	-	91,155	27,773	7	14,997	816,049	1,163,725
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	-	302,967	-	5	2	321,316	49,761	16	674,067
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	-	579,595	-	67,024	25	-	1,354,621	8,689	2,009,954
Jumlah	**1,669,218**	**342,552,827**	**801,886**	**4,724,722**	**462,973**	**890,978**	**19,905,022**	**7,617,152**	**378,624,778**

Nota : Tanah pajakan UMT adalah termasuk tanah yang didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi no. hak milik Pajakan Negeri 7028.

5 ASET TAK KETARA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	252,085	-	250,000	-
Tambahan Dalam Tahun	-	252,157	-	250,000
Tolak: Pelunasan Dalam Tahun	28,209	72	27,778	-
Baki pada 31 Disember	223,876	252,085	222,222	250,000

6 HARTANAH PELABURAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	3,100,000	-	-	-
Tambahan Dalam Tahun	-	3,100,000	-	-
Keuntungan/(Kerugian) Atas Pelarasan Nilai Saksama	180,000	-	-	-
Baki pada 31 Disember	3,280,000	3,100,000	-	-

7 PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	9,726,140	12,323,559	9,726,140	12,323,559
Pertambahan :				
Kerja Dalam Kemajuan	12,277,819	12,315,776	12,277,819	12,315,776
Perolehan Peralatan*	423,678	602,494	423,678	602,494
	12,701,497	12,918,270	12,701,497	12,918,270
Jumlah	22,427,637	25,241,829	22,427,637	25,241,829
Pindahan Ke Hartanah, Loji dan Peralatan	(11,901,118)	(14,259,302)	(11,901,118)	(14,259,302)
Pindahan Ke Perbelanjaan	(578,118)	(1,256,387)	(578,118)	(1,256,387)
Baki pada 31 Disember	**9,948,401**	**9,726,140**	**9,948,401**	**9,726,140**

Nota:

*Perolehan Peralatan merujuk kepada perolehan/pembekalan peralatan yang masih belum disempurnakan sepenuhnya tetapi bayaran telah dibuat secara interim.

8 PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Kos Pelaburan	1	-	3,700,000	2,100,000
Tambahan Pelaburan	-	-	-	1,600,000
	1	-	**3,700,000**	**3,700,000**

Subsidiari Universiti adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Tahun Kewangan	Kepentingan Ekuiti
UMT Jaya Holdings Sdn. Bhd.	Mengkomersilkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, menawarkan perkhidmatan perundingan dan mengendalikan latihan serta pendidikan.	31 Disember	100%

Syarikat Subsidiari UMT Jaya Holdings Sdn. Bhd. adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Tahun Kewangan	Kepentingan Ekuiti
Akuatrop Sdn. Bhd.	Aktiviti akuakultur dan operasi hatcheri	31 Disember	100%

**Syarikat ini tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.*

Pegangan kepentingan tidak langsung dalam syarikat subsidiari yang dipegang melalui Akuatrop Sdn Bhd adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Kegiatan Utama	Tahun Kewangan	Kepentingan Ekuiti
AAR Agro Services Sdn Bhd	Aktiviti urusniaga am dan agrikultur	-	70%

i) Pada tahun semasa, Penyata Kewangan Kumpulan Akuatrop Sdn. Bhd. tidak disediakan kerana pemerolehan kurang dari dua tahun.

ii) Tertakluk kepada Seksyen 247(1), para pengarah bagi setiap syarikat induk yang bukan syarikat asing akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa dalam tempoh dua tahun selepas mana-mana perbadanan menjadi anak syarikat syarikat induk, tahun kewangan perbadanan itu bertepatan dengan tahun kewangan syarikat induk.

iii) Akuatrop Sdn. Bhd. telah dihentikan operasinya pada tahun berakhir 2018 dan dalam proses pemulihan tadbir urus dan operasi bagi meneruskan urusan perniagaannya.

9 PELBAGAI PENGHUTANG

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA
	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa				
Penghutang Pinjaman Kenderaan	1,010,643	412,050	1,010,643	412,050
Penghutang Pinjaman Komputer	96,611	89,435	96,611	89,435
Penghutang Staf	4,446,374	2,798,785	4,446,374	2,798,785
	5,553,627	**3,300,270**	**5,553,627**	**3,300,270**
Aset Semasa				
Penghutang Pelbagai	2,330,895	1,845,174	405,204	353,443
Penghutang Staf	3,746,648	2,073,642	3,746,648	2,073,642
Penghutang Agensi	364,105	223,312	364,105	223,312
Yuran Tertunggak	1,592,945	2,314,793	1,592,945	2,314,793
Faedah Simpanan Tetap Terakru	3,948,503	3,656,714	3,948,503	3,656,714
Faedah Pelaburan Terakru	94,027	-	94,027	-
Denda/Gantirugi Terakru	48,466	48,466	48,466	48,466
Pendahuluan Kad Korporat dan Pendahuluan Diri	138,738	160,943	138,738	160,943
Pendahuluan Subsidiari	-	-	400,000	400,000
	12,264,326	10,323,044	10,738,635	9,231,313
Penghutang Pinjaman Kenderaan	277,454	179,492	277,454	179,492
Penghutang Pinjaman Komputer	66,811	68,896	66,811	68,896
	12,608,592	10,571,432	11,082,901	9,479,701
Tolak :				
Peruntukan Hutang Ragu	565,908	598,988	565,908	598,988
Jumlah Penghutang Bersih Aset Semasa	**12,042,684**	**9,972,444**	**10,516,993**	**8,880,713**

10 PERUNTUKAN HUTANG RAGU

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Baki Pada 1 Januari	598,988	720,576	598,988	720,576
Tambahan Dalam Tahun	144,289	224,668	144,289	224,668
	743,277	945,244	743,277	945,244
Pemulihan Hutang Lapuk	(122,678)	(63,299)	(122,678)	(63,299)
Hapus Kira	(54,690)	(271,557)	(54,690)	(271,557)
Pelarasan Tahun Lepas	-	(11,400)	-	(11,400)
Baki pada 31 Disember	**565,908**	**598,988**	**565,908**	**598,988**

Tambahan atau kurangan peruntukan hutang ragu dikira pada akhir tahun kewangan yang berkenaan.

11 CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Aset Cukai Tertunda				
Baki pada 1 Januari	(18,939)	(12,592)	-	-
Diiktiraf Dalam Tahun Semasa	-	(6,347)	-	-
Baki pada 31 Disember	**(18,939)**	**(18,939)**	-	-
Liabiliti Cukai Tertunda				
Baki pada 1 Januari	8,913	8,913	-	-
Baki pada 31 Disember	8,913	8,913	-	-

12 PELABURAN JANGKA PANJANG

Pelaburan Jangka Panjang dilaburkan dalam Syarikat ACE Holding Berhad.

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Pelaburan Jangka Panjang				
Ace Holdings Berhad	1,000,000	-	1,000,000	-

i) Pelaburan jangka panjang ini dilaburkan dalam instrumen *Islamic Redeemable Preference Share* (IRPS - Saham Keutamaan)

ii)Tempoh pegangan minimum adalah diantara 3 hingga 5 tahun

iii) Jangkaan kadar pulangan minima bersih adalah 12% setahun

13 INVENTORI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Dinilai Berdasarkan Model Nilai Saksama				
Keluaran Pertanian Pada Titik Tuaian	-	408,086	-	-
Jumlah Nilai Berdasarkan Model Nilai	-	408,086	-	-
Nilai Terendah Antara Kos Dan Nilai Realisasi Bersih				
Barang Siap	-	1,198	-	-
Bahan Mentah	10,162	47,156	-	-
Jumlah Terendah Antara Kos dan Nilai Realisasi Bersih	10,162	48,354	-	-
	10,162	**456,440**	-	-

14 WANG CAGARAN DAN PRABAYAR

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Wang Cagaran				
Cagaran Air	1,600	1,600	1,600	1,600
Cagaran Elektrik	6,000	77,000	6,000	6,000
Cagaran Sewa	45,860	45,860	45,860	45,860
Cagaran Pelbagai	204,617	12,005	9,535	9,505
	258,077	136,465	62,995	62,965
Prabayar				
Sewaan Terdahulu	116,989	258,390	116,989	150,266
Lain-Lain Bayaran Terdahulu	240,646	496,010	173,817	496,010
	357,635	754,400	290,806	646,276
	615,712	**890,865**	**353,801**	**709,241**

15 REPO DAN PELABURAN JANGKA PENDEK

REPO dan Pelaburan Jangka Pendek di Institusi Kewangan Berlesen :

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
REPO:				
CIMB Bank Bhd	18,640,000	45,980,000	18,640,000	45,980,000

	KUMPULAN				UNIVERSITI			
	2018 RM		2017 RM		2018 RM		2017 RM	
Pelaburan Jangka Pendek :	**Nilai Pasaran**	**Kos**	**Nilai Pasaran**	**Kos**	**Nilai Pasaran**	**Kos**	**Nilai Pasaran**	**Kos**
Public Bank Bhd								
a) Public Islamic Advantage Growth Equity Fund (PIAVGEF)	-	-	3,462,904	2,874,893	-	-	3,462,904	2,874,893
	-	**-**	**3,462,904**	**2,874,893**	**-**	**-**	**3,462,904**	**2,874,893**

Pelaburan Public Islamic Advantage Growth Equity Fund (PIAVGEF) telah dijual pada 17 April 2018 dengan harga RM0.2964 seunit dan keuntungan ke atas jualan sebanyak RM460,569.04

16 SIMPANAN TETAP (AL-MUDHARABAH)

Semua Simpanan Tetap dilaburkan di dalam Pelaburan Al-Mudharabah dengan Institusi Kewangan Berlesen :

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
CIMB Bank Bhd	14,000,000	50,000,000	14,000,000	50,000,000
CIMB Islamic Bank Bhd	8,500,000	16,300,000	8,500,000	16,300,000
Maybank Berhad	-	1,500,000	-	1,500,000
Bank Islam (M) Bhd	23,000,000	18,000,000	23,000,000	18,000,000
Agro Bank	18,000,000	8,000,000	18,000,000	8,000,000
Bank Kerjasama Rakyat	52,650,000	36,550,000	52,650,000	36,550,000
Bank Simpanan Nasional	1,000,000	11,000,000	1,000,000	11,000,000
Koperasi CoopBank Persatuan (M) Bhd	19,500,000	34,500,000	19,500,000	34,500,000
RHB Islamic Bank Berhad	66,420,000	14,000,000	66,420,000	14,000,000
Public Bank Berhad	-	6,000,000	-	6,000,000
Malaysian Building Society Berhad	40,350,000	20,350,000	40,350,000	20,350,000
	243,420,000	**216,200,000**	**243,420,000**	**216,200,000**

17 TUNAI DI TANGAN DAN WANG DI BANK

UMT telah menggunakan kaedah langsung di dalam penyediaan Penyata Aliran Tunai.

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Tunai di Tangan				
Kumpulan Wang Mengurus	55,500	55,500	55,500	55,500
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	1,000	1,000	1,000	1,000
Kumpulan Wang Lain	2,000	2,000	2,000	2,000
Syarikat Subsidiari	-	370	-	-
	58,500	58,870	58,500	58,500
Wang di Bank				
CIMB Bank Bhd	2,997,556	6,682,389	1,325,040	4,965,913
Maybank Berhad	1,021	8,591	1,021	8,591
Bank Islam (M) Bhd	1,535	1,352	1,535	1,352
RHB Bhd	4,818	-	4,818	-
	3,004,930	6,692,332	1,332,413	4,975,856
	3,063,430	**6,751,202**	**1,390,913**	**5,034,356**

18 PELBAGAI PEMIUTANG

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Pemiutang Pembekal	4,145,219	2,720,528	1,576,026	626,164
Pelbagai Cagaran	70,700	57,474	70,700	57,474
Cagaran Ganti Rugi Cuti Belajar	337,400	327,900	337,400	327,900
Cagaran Keselamatan	1,586,675	1,745,138	1,586,675	1,745,138
Perbelanjaan Terakru	883,749	1,030,669	883,749	1,030,669
Pemiutang Agensi	19,238	29,254	19,238	29,254
Projek Khas KPM	241,221	1,500,000	241,221	1,500,000
	7,284,202	**7,410,963**	**4,715,009**	**5,316,599**
Pindahan Sementara Pelajar	126,937	132,018	126,937	132,018
Akaun Perantara Penaja	708,595	1,087,877	708,595	1,087,877
Akaun Perantara Pelajar	200,876	311,612	200,876	311,612
	8,320,610	**8,942,470**	**5,751,417**	**6,848,106**

19 LIABILITI PAJAKAN KEWANGAN (PEMIUTANG SEWA BELI)

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Amaun Matang Dalam 12 Bulan	-	19,600	-	-
	-	**19,600**	**-**	**-**

20 PINJAMAN BANK

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Bayaran Pinjaman Bank Minimum Pada Masa Depan				
Tidak Lebih dari 1 tahun	131,440	131,440	-	-
Lebih Dari 1 Tahun Dan Tidak Lebih Dari 5 Tahun	525,760	525,760	-	-
Lebih Dari 5 tahun	1,870,161	1,949,693	-	-
	2,527,361	**2,606,893**	**-**	**-**

21 MANFAAT PEKERJA

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Manfaat pekerja pada 1 Januari	27,180,700	25,891,000	27,180,700	25,891,000
Tambahan manfaat tahun semasa	1,136,745	2,062,020	1,136,745	2,062,020
Jumlah	28,317,445	27,953,020	28,317,445	27,953,020
Bayaran manfaat tahun semasa	(359,445)	(772,320)	(359,445)	(772,320)
Manfaat pekerja pada 31 Disember	**27,958,000**	**27,180,700**	**27,958,000**	**27,180,700**

Pecahan peruntukan bagi Manfaat Pekerja adalah sepertimana berikut:

Manfaat Pekerja Jangka Pendek	395,000	256,000	395,000	256,000
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	27,563,000	26,924,700	27,563,000	26,924,700
	27,958,000	**27,180,700**	**27,958,000**	**27,180,700**

22 PERUNTUKAN CUKAI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Cukai : Tahun Semasa	42,857	8,610	-	-

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan kepada keuntungan/(kerugian) sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun adalah seperti berikut :

Kerugian Sebelum Cukai	(334,379)	(1,143,790)	-	-
Cukai Pada Kadar Cukai Berkanun (24%)	(163,955)	(205,882)	-	-
Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan Bagi Cukai	13,361	12,856	-	-
Aset Cukai Tertunda Dalam Tahun	-	2,566	-	-
Penyerapan Keuntungan Terkumpul Dan Elaun Modal	302,650	97,344	-	-
Terkurang Peruntukan Cukai Tahun Lepas	(109,199)	95,682	-	-
	42,857	**2,566**	**-**	**-**

23 GERAN TERTUNDA

Mengurus

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Pemberian Kerajaan Pada Tahun Semasa	3,005,600	-	3,005,600	-
Jumlah	**3,005,600**	**-**	**3,005,600**	**-**

Pembangunan

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Baki Pada 1 Januari	408,850,207	413,085,717	408,850,207	413,085,717
Pemberian Kerajaan Pada Tahun Semasa	16,212,000	16,600,000	16,212,000	16,600,000
Pelarasan Geran	-	175,351	-	175,351
Jumlah	425,062,207	429,861,068	425,062,207	429,861,068
Pemberian Modal Direalisasi				
Pelunasan/Susutnilai	(16,584,623)	(20,443,832)	(16,584,623)	(20,443,832)
Belanja Operasi Tidak Dimodalkan	(77,062)	(567,029)	(77,062)	(567,029)
Jumlah	(16,661,685)	(21,010,861)	(16,661,685)	(21,010,861)
Baki Bersih Pada 31 Disember	**408,400,522**	**408,850,207**	**408,400,522**	**408,850,207**

Penyelidikan

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Baki Pada 1 Januari	20,270,444	15,683,822	20,270,444	15,683,822
Pemberian Kerajaan Pada Tahun Semasa	10,420,643	12,159,669	10,420,643	12,159,669
Pelarasan Geran	-	4,144,360	-	4,144,360
Jumlah	30,691,087	31,987,851	30,691,087	31,987,851
Pemberian Modal Direalisasi				
Pelunasan/Susutnilai	(1,278,737)	(414,518)	(474,041)	(414,518)
Belanja Operasi Tidak Dimodalkan	(9,298,082)	(11,302,889)	(10,102,778)	(11,302,889)
Jumlah	(10,576,819)	(11,717,407)	(10,576,819)	(11,717,407)
Baki Bersih Pada 31 Disember	**20,114,268**	**20,270,444**	**20,114,268**	**20,270,444**

Tabung Lain

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Baki Pada 1 Januari	2,207,508	2,805,966	2,207,508	2,805,966
Pemberian Kerajaan Pada Tahun Semasa	110,000	120,000	110,000	120,000
Pelarasan Geran	-	340,231	-	340,231
Jumlah	2,317,508	3,266,197	2,317,508	3,266,197
Pemberian Modal Direalisasi				
Pelunasan/Susutnilai	(174,691)	(59,708)	(174,691)	(59,708)
Belanja Operasi Tidak Dimodalkan	(1,098,554)	(998,981)	(1,098,554)	(998,981)
Jumlah	(1,273,245)	(1,058,689)	(1,273,245)	(1,058,689)
Baki Bersih Pada 31 Disember	**1,044,263**	**2,207,508**	**1,044,263**	**2,207,508**

24 KUMPULAN WANG MENGURUS

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA
	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN				
Pemberian Kerajaan	163,121,400	174,960,745	163,121,400	174,960,745
Pelbagai Yuran	18,216,091	18,137,570	18,216,091	18,137,570
Pelbagai Sewa	1,178,527	1,189,042	1,178,527	1,189,042
Dividen,Faedah dan Pendapatan Al-Mudharabah	688,049	634,877	688,049	634,877
Denda	4,279,104	3,048,752	4,279,104	3,048,752
Sumbangan	54,742	53,795	54,742	53,795
Pendapatan Lain	1,652,274	4,417,838	1,652,274	4,417,838
	189,190,187	202,442,619	189,190,187	202,442,619
PERBELANJAAN				
Gaji dan Upahan	82,795,280	78,839,350	82,795,280	78,839,350
Elaun Tetap Kakitangan	22,181,243	21,630,588	22,181,243	21,630,589
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	14,141,530	13,469,389	14,141,530	13,469,389
Elaun Lebih Masa	2,970,454	2,630,677	2,970,454	2,630,677
Faedah Kewangan	3,330,433	2,485,759	3,330,433	2,485,759
Perjalanan dan Sara Hidup	4,126,024	4,480,169	4,126,024	4,480,168
Pengangkutan Barang-Barang	18,043	17,284	18,043	17,284
Perhubungan dan Utiliti	9,074,904	9,204,880	9,074,904	9,204,880
Sewaan	6,382,170	6,307,599	6,382,170	6,307,599
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan	2,312,035	2,250,968	2,312,035	2,250,968
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	7,035,929	7,655,308	7,035,929	7,655,308
Inventori	2,973,584	3,397,166	2,973,584	3,397,166
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	10,745,509	13,047,781	10,745,509	13,047,781
Perkhidmatan, Ikhtisas dan Hospitaliti	22,668,780	23,994,283	22,668,780	23,994,283
Biasiswa dan Dermasiswa	1,412,763	1,585,784	1,412,763	1,585,784
Pemberian Dalam Negeri	1,045,097	1,111,695	1,045,097	1,111,695
Ganjaran	-	3,726	-	3,726
Gantian Cuti Rehat	1,136,515	2,062,020	1,136,515	2,062,020
Pelunasan/Susut Nilai	2,345,310	2,250,395	2,345,310	2,250,395
Hutang Ragu	114,305	182,932	114,305	182,932
Bayar Balik dan Hapus Kira	241,956	56,161	241,956	56,161
Perbelanjaan Lain	6,617,901	5,666,949	6,617,901	5,666,949
	203,669,765	202,330,863	203,669,765	202,330,863
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(14,479,578)	111,756	(14,479,578)	111,756
Baki Kumpulan Wang Dibawa Ke Hadapan	54,348,918	78,465,177	54,348,918	78,465,177
Pindahan Antara Kumpulan Wang	38,275	(21,443,508)	38,275	(21,443,508)
Pelarasan Tahun Lepas	-	(86,089)	-	(86,089)
Pelarasan Pindahan Kumpulan Wang	-	(2,698,418)	-	(2,698,418)
Baki Kumpulan Wang Dihantar Ke Hadapan	**39,907,615**	**54,348,918**	**39,907,615**	**54,348,918**

25 KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA
	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN				
Pemberian Kerajaan	26,675	78,079	26,675	78,079
Pemberian Modal Direalisasi	10,576,819	11,717,407	10,576,819	11,717,407
Sumbangan	852,693	880,611	852,693	880,611
Pendapatan Lain	312,920	162,032	312,920	162,032
	11,769,107	12,838,129	11,769,107	12,838,129
PERBELANJAAN				
Perjalanan dan Sara Hidup	797,025	918,649	797,025	918,649
Perhubungan dan Utiliti	3,066	11,994	3,066	11,994
Sewaan	613,877	547,414	613,877	547,414
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan	1,363,131	1,602,669	1,363,131	1,602,669
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	1,340,197	996,885	1,340,197	996,885
Inventori	76,381	81,172	76,381	81,172
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	142,061	101,830	142,061	101,830
Perkhidmatan, Ikhtisas dan Hospitaliti	5,953,146	7,215,917	5,953,146	7,215,917
Biasiswa dan Dermasiswa	-	9,963	-	9,963
Pelunasan/Susut Nilai	545,126	513,530	545,126	513,530
Bayar Balik dan Hapus Kira	108,369	285,032	108,369	285,032
Perbelanjaan Lain	940,573	385,115	940,573	385,115
	11,882,952	12,670,170	11,882,952	12,670,170
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(113,845)	167,959	(113,845)	167,959
Baki Kumpulan Wang Dibawa Ke Hadapan	2,323,747	3,488,644	2,323,747	3,488,644
Pindahan Antara Kumpulan Wang	1,872,923	147,511	1,872,923	147,511
Pelarasan Tahun Lepas	-	(4,178,785)	-	(4,178,785)
Pelarasan Pindahan Kumpulan Wang	-	2,698,418	-	2,698,418
Baki Kumpulan Wang Dihantar Ke Hadapan	**4,082,825**	**2,323,747**	**4,082,825**	**2,323,747**

26 KUMPULAN WANG KHAS

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA
	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN				
Dividen,Faedah dan Pendapatan Al-Mudharabah	8,081,898	8,177,473	8,081,898	8,177,473
	8,081,898	8,177,473	8,081,898	8,177,473
PERBELANJAAN				
Perbelanjaan Lain	2,335	-	2,335	-
	2,335	-	2,335	-
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	8,079,563	8,177,473	8,079,563	8,177,473
Baki Kumpulan Wang Dibawa Ke Hadapan	109,373,396	80,590,177	109,373,396	80,590,177
Pindahan Antara Kumpulan Wang	(3,887,401)	20,605,746	(3,887,401)	20,605,746
Baki Kumpulan Wang Dihantar Ke Hadapan	**113,565,558**	**109,373,396**	**113,565,558**	**109,373,396**

27 KUMPULAN WANG TABUNG LAIN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA
	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN				
Pemberian Kerajaan	1,540,636	852,684	1,540,636	852,684
Pemberian Modal Direalisasi	1,273,245	1,058,689	1,273,245	1,058,689
Pelbagai Yuran	2,762,379	2,568,765	2,762,379	2,568,765
Pelbagai Sewa	33,680	106,011	33,680	106,011
Dividen,Faedah dan Pendapatan Al-Mudharabah	75,153	66,544	75,153	66,544
Sumbangan	1,539,876	1,554,112	1,539,876	1,554,112
Pendapatan Lain	1,463,314	1,297,991	1,463,314	1,297,991
	8,688,282	7,504,796	8,688,282	7,504,796
PERBELANJAAN				
Perjalanan dan Sara Hidup	561,222	544,506	561,222	544,506
Perhubungan dan Utiliti	1,153	2,211	1,153	2,211
Sewaan	738,059	413,994	738,059	413,994
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan	104,290	66,082	104,290	66,082
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	1,214,405	1,277,076	1,214,405	1,277,076
Inventori	144,283	88,770	144,283	88,770
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	75,122	108,011	75,122	108,011
Perkhidmatan, Ikhtisas dan Hospitaliti	4,067,971	4,353,217	4,067,971	4,353,217
Biasiswa dan Dermasiswa	1,059,371	733,981	1,059,371	733,981
Pelunasan/Susut Nilai	664,672	438,759	664,672	438,759
Hutang Ragu	15,452	27,340	15,452	27,340
Bayar Balik dan Hapus Kira	23,621	48,097	23,621	48,097
Perbelanjaan Lain	1,662,317	579,957	1,662,317	579,957
	10,331,938	8,682,001	10,331,938	8,682,001
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(1,643,656)	(1,177,205)	(1,643,656)	(1,177,205)
Baki Kumpulan Wang Dibawa Ke Hadapan	15,841,471	16,768,656	15,841,471	16,768,656
Pindahan Antara Kumpulan Wang	1,053,712	590,251	1,053,712	590,251
Pelarasan Tahun Lepas	-	(340,231)	-	(340,231)
Baki Kumpulan Wang Dihantar Ke Hadapan	**15,251,527**	**15,841,471**	**15,251,527**	**15,841,471**

28 KUMPULAN WANG KURSUS DAN SEMINAR

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA
	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN				
Pemberian Kerajaan	55,000	5,800	55,000	5,800
Denda	267,232	87,884	267,232	87,884
Sumbangan	26,010	6,930	26,010	6,930
Pendapatan Lain	24,830	124,484	24,830	124,484
	373,072	225,098	373,072	225,098
PERBELANJAAN				
Perjalanan dan Sara Hidup	90,764	33,551	90,764	33,551
Perhubungan dan Utiliti	-	68	-	68
Sewaan	8,450	53,000	8,450	53,000
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	52,757	47,964	52,757	47,964
Inventori	-	22,192	-	22,192
Perkhidmatan, Ikhtisas dan Hospitaliti	244,232	137,410	244,232	137,410
Pelunasan/Susut Nilai	116,023	116,022	116,023	116,022
Perbelanjaan Lain	263,178	132,291	263,178	132,291
	775,405	542,498	775,405	542,498
(Kurangan)/Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	(402,333)	(317,400)	(402,333)	(317,400)
Baki Kumpulan Wang Dibawa Ke Hadapan	3,369,656	3,577,056	3,369,656	3,577,056
Pindahan Antara Kumpulan Wang	919,492	100,000	919,492	100,000
Pelarasan Tahun Lepas	-	10,000	-	10,000
Baki Kumpulan Wang Dihantar Ke Hadapan	**3,886,815**	**3,369,656**	**3,886,815**	**3,369,656**

29 KUMPULAN WANG KOLEJ KEDIAMAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA	2018	2017 DINYATAKAN SEMULA
	RM	RM	RM	RM
PENDAPATAN				
Pelbagai Yuran	3,603,351	3,851,553	3,603,351	3,851,553
Pelbagai Sewa	74,969	78,861	74,969	78,861
Pendapatan lain	55,365	31,890	55,365	31,890
	3,733,685	3,962,304	3,733,685	3,962,304
PERBELANJAAN				
Perjalanan dan Sara Hidup	28,649	30,374	28,649	30,374
Perhubungan dan Utiliti	774,941	815,263	774,941	815,263
Sewaan	138,099	489,790	138,099	489,790
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan	9,614	7,603	9,614	7,603
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	404,758	354,790	404,758	354,790
Inventori	73,906	99,545	73,906	99,545
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	773,493	556,428	773,493	556,428
Perkhidmatan, Ikhtisas dan Hospitaliti	831,265	834,552	831,265	834,552
Pelunasan/Susut Nilai	165,869	156,039	165,869	156,039
Hutang Ragu	14,492	14,396	14,492	14,396
Bayar Balik dan Hapus Kira	10,298	30,858	10,298	30,858
Perbelanjaan Lain	5,038	1,000	5,038	1,000
	3,230,422	3,390,638	3,230,422	3,390,638
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	503,263	571,666	503,263	571,666
Baki Kumpulan Wang Dibawa Ke Hadapan	8,093,328	7,520,262	8,093,328	7,520,262
Pelarasan Tahun Lepas	-	1,400	-	1,400
Baki Kumpulan Wang Dihantar Ke Hadapan	**8,596,591**	**8,093,328**	**8,596,591**	**8,093,328**

30 KUMPULAN WANG ENDOWMEN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN				
Dividen, Faedah dan Pendapatan Al-Mudharabah	591,377	-	591,377	-
	591,377	-	591,377	-
PERBELANJAAN				
Perbelanjaan Lain	5	-	5	-
	5	-	5	-
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	591,372	-	591,372	-
Pindahan Antara Kumpulan Wang	17,273,000	-	17,273,000	-
Baki Kumpulan Wang Dihantar Ke Hadapan	**17,864,372**	**-**	**17,864,372**	**-**

KUMPULAN WANG TABUNG KEWANGAN UNIVERSITI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN				
Dividen, Faedah dan Pendapatan Al-Mudharabah	110,136	555,762	110,136	555,762
	110,136	555,762	110,136	555,762
PERBELANJAAN				
Perbelanjaan Lain	37	19	37	19
	37	19	37	19
Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan	110,099	555,743	110,099	555,743
Baki Kumpulan Wang Dibawa Ke Hadapan	17,160,921	16,605,178	17,160,921	16,605,178
Pindahan Antara Kumpulan Wang	(17,270,000)	-	(17,270,000)	-
Baki Kumpulan Wang Dihantar Ke Hadapan	**1,020**	**17,160,921**	**1,020**	**17,160,921**

31 PEMBERIAN KERAJAAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Pemberian adalah untuk belanja berikut :				
Kumpulan Wang Mengurus	163,121,400	174,960,745	163,121,400	174,960,745
Kumpulan Wang Penyelidikan	26,675	78,079	26,675	78,079
Kumpulan Wang Tabung Lain	1,540,636	852,684	1,540,636	852,684
Kumpulan Wang Kursus dan Seminar	55,000	5,800	55,000	5,800
	164,743,711	**175,897,308**	**164,743,711**	**175,897,308**

Sumber pemberian kerajaan yang utama adalah daripada :

1) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
2) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)

32 PENDAPATAN LAIN

Pendapatan lain adalah merangkumi pendapatan berikut:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Pampasan Tuntutan	-	3,042,856	-	3,042,856
Hasil Jualan Produk	424,400	328,769	448,400	328,769
Hasil Aktiviti Universiti	1,576,160	1,556,437	1,608,560	1,556,437
Pulangan Balik Perbelanjaan	305,595	243,793	305,595	243,793
Komisen Perkhidmatan	145,093	49,347	145,093	49,347
Hasil Jualan Pelupusan	34,936	40,158	34,936	40,158
Borang Kemasukan Universiti	58,055	24,515	58,055	24,515
Pemulihan Hutang Ragu/Lapuk	214,392	67,217	214,392	67,217
Pelbagai Insentif	693,672	681,143	693,672	681,143
	3,452,303	**6,034,235**	**3,508,702**	**6,034,235**

33 EMOLUMEN

Pecahan perbelanjaan emolumen adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Gaji dan Upahan	83,288,041	79,159,407	82,795,280	78,839,350
Elaun Tetap Kewangan	22,181,243	21,679,435	22,181,243	21,630,588
Sumbangan Badan Berkanun	14,207,874	13,469,389	14,141,530	13,469,389
Elaun Lebih Masa	2,970,454	2,630,677	2,970,454	2,630,677
Faedah Kewangan	3,330,433	2,485,759	3,330,433	2,485,759
	125,978,045	**119,424,667**	**125,418,940**	**119,055,763**

34 PERKHIDMATAN, BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

Perbelanjaan untuk perkhidmatan, bekalan dan bahan-bahan bekalan adalah merangkumi perbelanjaan berikut:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Perjalanan Sara Hidup	5,634,480	6,034,321	5,603,685	6,007,249
Pengangkutan Barang - Barang	18,043	17,284	18,043	17,284
Perhubungan dan Utiliti	10,003,347	10,036,925	9,854,063	10,034,416
Sewaan	7,889,256	7,776,588	7,880,656	7,811,797
Bekalan Bahan Mentah untuk Penyelenggaraan	3,789,070	3,927,322	3,789,070	3,927,322
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain (termasuk buku)	14,051,690	14,505,214	13,328,590	14,512,740
	41,385,885	**42,297,654**	**40,474,107**	**42,310,808**

35 PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti adalah merangkumi perbelanjaan berikut:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Perkhidmatan Perubatan	2,778,513	2,344,039	2,778,513	2,344,039
Perkhidmatan Perakaunan dan Audit	66,416	27,455	66,416	27,455
Perkhidmatan Perundangan	9,618	22,778	9,618	22,778
Perkhidmatan Perundingan dan Pengurusan	1,211,800	1,471,364	43,377	1,307,310
Perkhidmatan Latihan Kakitangan	982,822	1,087,069	982,822	1,087,069
Perkhidmatan Komputer	23,499	6,437	23,499	6,437
Perkhidmatan Saintifik dan Penyelidikan	335,459	484,941	335,459	484,941
Perkhidmatan Fotografi	42,346	39,789	42,346	39,789
Perkhidmatan Pengeluar & Penyebaran	15,608	1,300	15,608	1,300
Perkhidmatan Pengiklanan	254,362	199,077	254,362	199,077
Perkhidmatan Keselamatan	289,471	259,485	289,471	259,485
Perkhidmatan Seniman	-	8,750	-	8,750
Perkhidmatan Penterjemahan dan Penafsiran	64,308	77,452	64,308	77,452
Perkhidmatan Menjahit dan Fesyen	196,105	203,539	196,105	203,539
Perkhidmatan Dobi	86,352	79,851	86,352	79,851
Perkhidmatan Kualiti dan Akreditasi	155,405	117,470	155,405	117,470
Perkhidmatan Pakej Kemudahan Latihan	1,196,219	1,320,450	1,196,219	1,320,450
Perkhidmatan Pengajaran dan Latihan Pelajar	318,552	143,995	318,552	143,995
Perkhidmatan Yang Lain	1,083,550	1,311,128	1,083,550	1,311,128
Percetakan Penerbitan Kerajaan	608,874	787,771	608,874	787,771
Percetakan Borang dan Bahan Pejabat	40,978	43,412	40,978	43,412
Bayaran Percetakan Yang Lain	838,541	723,656	838,541	723,656
Upahan	4,528,154	4,899,708	4,528,154	4,899,708
Gaji Sementara, Sambilan dan Kontrak	10,667,095	11,640,470	10,667,095	11,640,470
Elaun Tutor	73,898	160,617	73,898	160,617
Elaun Fellow Akademik/SLAM	1,447,712	1,814,172	1,447,712	1,814,172
Elaun Fellow Penyelidik/Post-Doc/Penunjukajar	1,444,645	963,502	1,444,645	963,502
Elaun Penunjukajar/Penyelamat Kolam	417,922	558,312	417,922	558,312
Makanan dan Minuman Orang Jemputan	1,836,758	1,620,105	1,836,758	1,620,105
Penginapan Orang Jemputan	569,090	420,883	569,090	420,883
Pengangkutan Orang Jemputan	731,600	797,444	731,600	797,444
Honororium dan Saguhati Orang Jemputan	1,358,477	1,760,469	1,358,477	1,760,469
Keraian Pejabat	533,623	492,994	533,623	492,994
Honorarium dan Saguhati Kakitangan	776,902	864,847	776,902	864,847
	34,984,671	**36,754,731**	**33,816,248**	**36,590,677**

36 PELARASAN

Pelarasan Tahun Lepas

Pelarasan tahun lepas merujuk kepada perkara berikut:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Pelarasan Kepada Penghutang	-	(109,114)	-	(109,114)
Pelarasan Geran Tertunda	-	(4,484,591)	-	(4,484,591)
Kos Jualan Terkurang Catat	-	(348,770)	-	(348,770)
	-	**(4,942,475)**	**-**	**(4,942,475)**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Pelarasan Dalam Tahun				
Lebihan Rizab Penilaian Semula	180,000.00	-	-	-
Dividen	(18,500.00)	-	-	-
	161,500.00	-	-	-

37 PENGLIBATAN MODAL

Perbelanjaan modal diluluskan tetapi tidak diperuntukkan di dalam penyata kewangan :

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Diluluskan dan Dikontrakkan	10,726,109	18,579,600	10,726,109	18,579,600

38 MAKLUMAT PIHAK BERKAITAN

a) Hubungan Kawalan

Universiti mengawal anak syarikat UMT Jaya Holdings Sdn Bhd.

	2018 RM	2017 RM
Pendahuluan Subsidiari	400,000	400,000
Perkhidmatan Penyelenggaraan Pembersihan Pejabat	8,272	9,950
Cenderamata	-	550
Sewaan Peralatan	-	4,558
Sewaan Ruang Pejabat	185,060	33,052
Perkhidmatan Lain	32,400	3,021
Deposit Sewaan	-	45,580
Bekalan	32,541	19,800
Khidmat Sewa Kenderaan	41,234	-
Gaji Penyelidik	29,422	-
	728,929	**516,511**

- Pendahuluan kepada syarikat subsidiari adalah tidak bercagar dan dibayar atas permintaan.

b) Ganjaran Pengurusan Tertinggi

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM	2017 RM	2018 RM	2017 RM
Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi	3,638,512	3,082,931	3,638,512	3,082,931
	3,638,512	**3,082,931**	**3,638,512**	**3,082,931**

39 ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan tertentu telah diklasifikasikan amaunnya agar selari dengan persembahan penyata kewangan tahun semasa.

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	Sebagaimana dinyatakan semula 2017 RM	Sebagaimana dilaporkan terdahulu 2017 RM	Sebagaimana dinyatakan semula 2017 RM	Sebagaimana dilaporkan terdahulu 2017 RM
Penyata Kedudukan Kewangan				
Aset Bukan Semasa				
Pelbagai Penghutang	3,300,270	501,485	3,300,270	501,485
Aset Semasa				
Pelbagai Penghutang	9,972,444	12,880,343	8,880,713	11,788,612
Liabiliti Bukan Semasa				
Pelbagai Pemiutang	8,942,470	8,593,700	-	-
Geran Tertunda	431,328,158	426,843,568	431,328,158	426,843,568
Dibiayai oleh:				
Kumpulan Wang Mengurus	56,547,389	57,133,425	54,348,918	57,133,425
Kumpulan Wang Penyelidikan	(374,671)	3,804,114	2,323,747	3,804,114
Kumpulan Wang Tabung Lain	15,841,471	16,181,702	15,841,471	16,181,702
Kumpulan Wang Kursus Dan Seminar	3,369,656	3,359,656	3,369,656	3,359,656
Kumpulan Wang Kolej Kediaman	8,093,328	8,091,928	8,093,328	8,091,928
Syarikat Subsidiari	(1,645,391)	(1,296,621)	-	-